

---

## **SEMINAR TAMADUN, ETNIK DAN TURATH ISLAMI (I-STET)2016**

### Memartabatkan Turath Islam, Memacu Tamadun Multi Etnik

3-4 Disember 2016  
Dewan Tuanku Canselor (DTC), USIM

---

Anjuran:



**PUSAT PENGAJIAN TERAS**  
*Centre of Core Studies*  
Universiti Sains Islam Malaysia


ISBN 978-967-440-347-8

9 789674 403478



# KANDUNGAN

KANDUNGAN	i
KATA ALUAN	iv
SEPINTAS LALU i-STET 2016	v
SEKALUNG PENGHARGAAN	vii
ATURCARA	viii
ARTIKEL	1
Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Faktor Pengaruh Persekutaran ke atas Sikap dan Motivasi Pelajar Bukan Islam	2
Perhambaan Tradisional di Borneo Utara Zaman Kesultanan Sulu & Brunei	9
Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja	25
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Prososial Dan Impaknya Terhadap Sebuah Ketamadunan: Satu Kajian Tinjauan	41
Pandangan Khalijah Salleh Terhadap Sains Tauhidik ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu	54
Penerapan Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus Pengajian Ketamadunan	66
Konsep Had Kifayah Zakat Pendapatan Menurut Perspektif Syarak	84
Analisis Skim Agihan Zakat kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Negeri Sembilan	95
Exploring the Level of Understanding the Content of Quran among Diverse Groups of People	105
Analising Students' Perceptions in the Learning of English Vocabulary through Islamic Scripture Entitled 'Al-Ghazali on Islamic Guidance' or <i>Bidayatul Hidayah</i>	113
Sīrah Nabawiyah dan Byzantine Rom: Analisis Terhadap Surat Ibn al-Layth Kepada Empayar Rom	120
Elemen Merentasi Sempadan Masa Dalam "Ghiyath al-Umam" Karya Imam al-Haramayn al-Juwayniyy	135
Pemikiran Mohd Yusof Othman Dalam Sains Tauhidik Ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu	152
Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam	173
Peranan Wakaf Dan Cinta Kemanusiaan Dalam Kesejahteraan Ummah	181
Audit Sosial dan Transformasi Kepemimpinan: Satu Kajian Kes Dalam Parlimen Pagoh, Malaysia	196
Perkembangan Ilmu Matematik Dalam Sorotan Tamadun Islam	197



Pemakaian Selayah Keringkam : Lambang Ketamadunan, Adat Dan Budaya Masyarakat Melayu Sarawak	198
Aplikasi Konsep Fiqh Muamalat Bagi Golongan OKU Menurut Perspektif Syarak	199
Persepsi Pelajar Pelbagai Etnik Terhadap Matapelajaran Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS): Tinjauan Di Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur	200
Kajian Akulturasi Kebudayaan Melayu dan Islam dalam Kalangan Pelajar Melayu di IPTS di Negeri Perak	201
Penggunaan Kaedah Bahasa Arab Oleh Imam Shafi'I Dalam Penentuan Hukum	202
Toleransi Antara Agama: Amalan ,Batasan dan Impikasinya Menurut Maqasid Syariah	203
Analisis Penggunaan Bahasa Slanga dan Argot dalam Filem KL Gangster.	204
Wacana Gaya Penampilan Seni Bina Masjid di Johor	205
Corak Kajian Mukjizat Akustik Al-Quran Pada Awal Abad Ke-21	206
Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi	207
Al-Qur'an Alam Melayu: Gaya Dan Iluminasi	208
Faktor Kejayaan Qari Dan Qariah Di Negeri Terengganu Antara Tahun 1960-2013 Dalam Kesenian Lagu Al-Quran	209
Doktrin Kosmologi Islam Abad Pertengahan; Satu Pengenalan Ringkas Tentang Kejadian Alam	210
Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida	212
Madinah Al-Munawwarah Model Tamadun Islam	213
Amalan Nilai Murni Di Kalangan Pelajar Universiti: Satu Kajian Di Universiti Sunway	214
Kepentingan Agama dalam Kehidupan Bandar dan Pertumbuhan Tamadun: Kajian Perkembangan Aktiviti Keagamaan di Kuala Lumpur dan Selangor dari Perspektif Sejarah Lisan	215
Trust at Stake: The Impact of Social Media on Relationship	216
A Magazine for Muslims in America: The Development of "Islamic Horizons".	217
Preschool Education In Multiracial And Multicultural Country: What To Consider?	218
Ethnic Tolerance In Multiethnic Society: The Case Of Bukit Bendera Parliamentary, Pulau Pinang	219
Kepentingan Pengajian Kitab Turath Kepada Pemantapan Pengajian Syariah Serta Implementasinya di Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia	220
Sheikh Ahmed Deedat Hoosen: Biodata Dan Sumbangannya Dalam Dakwah Perbandingan Agama	221
Pencapaian Tamadun Sepanjang Pemerintahan Muhammad V Al-Ghani Bi Allah Di Granada (1354-1391m)	222



Sunnah Nabawiyah Menyantuni Kepelbagaian Etnik	223
Bimbingan Saudara Baru Melalui Model Pendidikan Berasrama: Satu Tinjauan Literasi	224
Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan Semasa Penjajahan British	225
Perpaduan Etnik Di Malaysia Menurut Ideologi Pendidikan Za'ba	226
Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik Di Malaysia Berdasarkan Al-Quran	227
Memperkasakan Prinsip Piagam Madinah Dalam Usaha Memupuk Integrasi Masyarakat Multi-Etnik Di Malaysia: Satu Cadangan	228
Sufisme, Personaliti dan Perwatakan Dari Perspektif Islam: Kajian Terhadap Majlis Ilmu Anjuran Ulama Arab Hadrami Di Malaysia	229
Aplikasi Pendekatan Problem Based Learning Oleh Imam Abu Hanifah Dalam Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran	230
Peranan Institusi Raja Dalam Hubungan Etnik di Malaysia	231
Perihal Ilmu Gastronomi Dan Penggunaan Sumber Alam (Dedaun) Dalam Memahami Pemikiran Falsafah, Nilai Estetika Dan Identiti Tamadun Melayu Serta Cabaran Dalam Perkembangan Moden	232
Konsep dan Pelaksanaan Kebebasan Beragama Di Malaysia: Perspektif Pemimpin Agama Islam dan Kristian	233
Syarat-Syarat Maslahah Al-Mursalah Teras Penseimbangan Ketamadunan Masyarakat Malaysia	234
JAWATANKUASA PELAKSANA	235

Imbas QR Code untuk Akses Terus ke Laman Web





# KATA ALUAN

Manusia pada dasarnya adalah jahil  
dan menjadi orang yang terpelajar melalui ilmu  
~ Ibn Khaldun ~

Assalamualaikum wrt. wbt.

Seminar ini adalah kesinambungan daripada dua buah seminar, iaitu Seminar Tamadun Islam & Tamadun Asia dan Hubungan Etnik (SeTH) yang telah dianjurkan sejak tahun 2010 dan Ihya' Turath Islam (i-Turath) yang mula diperkenalkan pada tahun 2015 oleh Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kedua-dua program tersebut merupakan usaha PPT untuk menyediakan platform kepada kakitangan akademik, pelajar dan masyarakat berdiskusi tentang isu-isu ketamadunan dan hubungan etnik. Selain daripada itu, seminar ini turut menyerlahkan kedudukan pengajian ilmu turath Islam sebagai satu identiti unik bagi USIM. Hal ini adalah selari dengan konsep integrasi ilmu naqli dan aqli yang didukung oleh USIM di mana pembudayaan pengajian turath Islam tidak terhad kepada sesi pembelajaran formal tetapi ia perlu disebarluaskan melalui pembelajaran tidak formal.

Justeru itu, Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2016 yang bertemakan Memartabatkan Turath Islam, Memacu Tamadun Multi Etnik diharapkan dapat menjadi satu daripada ruang perbincangan, penelitian dan penjelasan tentang kepentingan memartabatkan turath Islami bagi mendepani isu, cabaran dan situasi semasa di negara ini dalam konteks tamadun pelbagai etnik. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada warga Pusat Pengajian Teras atas komitmen yang padu dalam menjayakan i-STET2016. Semoga usaha ini tidak sia-sia dan menjadi satu ibadah yang ada nilainya di sisi Allah SWT. Terima kasih.



# **SEPINTAS LALU i-STET 2016**

Tamadun Islam yang melatari multi dimensi dalam kepelbagaian etnik, seperti rumpun bangsa Melayu, China dan India dalam masyarakat di Asia menjadi sebahagian daripada tarikan perbahasan peradaban global ilmuan dan cendekiawan dari pelusuk dunia. Melalui peningkatan peranan masyarakat Islam Asia di dalam pelbagai aspek membabitkan isu sejarah Islam & Tamadun, budaya, pendidikan, sosial, sains teknologi, ekonomi dan lain-lainnya, telah membawa kecenderungan agar isu-isu terkini dapat diperbahaskan dan dibincangkan dengan lebih mendalam bagi mendapatkan idea-idea yang baru dan segar sekaligus menyumbang ke arah dinamika ilmu di bawah konteks pembelajaran Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Hubungan Etnik di Malaysia khasnya.

Pengajian ilmu Turath Islam pula merupakan identiti USIM. Selaras dengan matlamat integrasi ilmu naqli dan aqli, pembudayaan pengajian Turath Islam bukan sahaja terhad dalam sesi perkuliahan yang formal, malah ia perlu dibudayakan dan diperkenalkan di luar perkuliahan termasuklah kepada masyarakat umum.

Seminar ini adalah gabungan daripada dua seminar terdahulu, iaitu Seminar Tamadun Islam & Tamadun Asia dan Hubungan Etnik (SeTH) yang telah dianjurkan buat kali ke-4 dan Program Ihya' Turath Islam (i-Turath) buat kali pertama pada tahun 2015 oleh Pusat Pengajian Teras, USIM. Maka seminar ini menjadi satu daripada platform interdisiplinari diskusi ilmu di antara ilmuwan, pelajar dan masyarakat bagi mewujudkan kerangka berfikir yang bersesuaian dengan pengalaman sejarah, tradisi dan tuntutan agama mengenai hal ehwal Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Hubungan Etnik serta pengajian Turath Islam.

Secara keseluruhannya, seminar ini diharapkan mampu menyemarakkan budaya perkongsian dan penerokaan ilmu melalui sesi pembentangan kertas kerja berkaitan oleh para pembentang dari dalam dan luar USIM, sekaligus berusaha ke arah mencapai objektif pendidikan bersepadu di dalam membina potensi masyarakat pelbagai budaya untuk menerajui pembangunan negara. Seminar ini juga turut memberi peluang penyertaan pembentang dari bidang Sosial Sains merangkumi perbahasan di dalam hal ehwal Pengajian Islam, Ekonomi, Politik, Bahasa & Komunikasi, Sains dan Teknologi, Warisan Kebudayaan Asia, Hubungan Etnik, Pengajian Turath Islam dan lain-lain yang berkait dengan Sejarah, Tamadun Islam, Tamadun Asia, Hubungan Etnik dan Turath Islam.



## **Objektif Seminar**

- i. Menggalakkan perkongsian ilmu yang lebih luas dalam kalangan ahli akademik dan masyarakat Malaysia dalam bidang ketamadunan, hubungan etnik dan turath Islam.
- ii. Menyuburkan kecerdasan intelek dalam mengharungi cabaran semasa dan mendatang dalam isu-isu ketamadunan Islam, hubungan etnik dan turath Islam di Malaysia.
- iii. Merencanakan satu program perkongsian ilmu Turath Islam yang bersifat integrasi (tradisi dan moden).
- iv. Mewujudkan jaringan akademik dan intelektual antara ahli akademik dalam bidang ketamadunan hubungan etnik dan turath Islam bagi memudahkan kerjasama akademik pada masa akan datang.

# SEKALUNG PENGHARGAAN





# ATURCARA

**3 Disember 2016 (Sabtu)**

8.00 pagi	-	Pendaftaran Peserta
9.00 pagi	-	Pengajian Turath Islam <i>Matan Khoridah Bahiyah</i> Tuan Guru Hj. Ghazali Ahmad
1030 pagi	-	Minum Pagi
11.00 pagi	-	Pengajian Turath Islam
12.30 tengahari	-	Jamuan Tengahari/ Rehat
2.00 petang	-	Pengajian Turath Islam
3.30 petang	-	Ucap tama

*"Menjana Minda Pembaharuan di dalam Tamadun Islam Kontemporari: HAMKA (Haji Abdul Malik Bin Abdul Karim Amrullah) dan Turath Islami"*

Oleh  
Profesor Madya Dr. Khairudin Aljunied  
Department of Malay Studies  
National University of Singapore

5.45 petang	-	Minum Petang
6.00 petang	-	Bersurai



#### **4 Disember 2016 (Ahad)**

0800 pagi	-	Pendaftaran Peserta
0900 pagi	-	Pembentangan Selari ( <i>Parallel Session</i> ) Sesi I Sesi Soal Jawab
1030 pagi	-	Minum Pagi
1100 pagi	-	Pembentangan Selari ( <i>Parallel Session</i> ) Sesi II Sesi Soal Jawab
1230 tengahari	-	Jamuan Tengahari/ Rehat
1330 petang	-	Bersurai



# ARTIKEL



## **Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Faktor Pengaruh Persekutaran ke atas Sikap dan Motivasi Pelajar Bukan Islam**

**Audrey Anak John<sup>1</sup>, Afi Roshezry bin Abu Bakar<sup>2</sup>, Liana binti Mat Nayan<sup>1</sup>,  
Nor Ez-Zatul Hanani binti Mohamed Rosli<sup>1</sup> & Norazimah binti Abd Rashid<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Department of Public Relations, Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Universiti,  
Bandar Baru Kampar, 31900 Kampar, Perak, Malaysia;*

<sup>2</sup> *Department of Journalism , Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Universiti, Bandar  
Baru Kampar, 31900 Kampar, Perak, Malaysia.*

**Abstrak:** Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) menjadi subjek wajib diduduki oleh semua pelajar diInstitut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bersama-sama dengan dua kursus yang lain iaitu Pengajian Malaysia dan juga Hubungan Etnik. Diuniversiti awam, subjek TITAS ini wajib diambil oleh semua pelajar Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Diajar sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu, namun begitu beberapa pihak berkepentingan menyuarakan kebimbangan mereka yang mengatakan bahawa subjek TITAS ini tidak wajar dijadikan sebagai mata-pelajaran wajib diduduki oleh pelajar bukan Islam dan boleh mendatangkan masalah khususnya kepada mereka yang tidak pernah mengikuti sistem pendidikan diMalaysia. Ini adalah kerana bahasa pengantara dikebanyakkan sekolah diMalaysia adalah bahasa Melayu. Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Melayu dikalangan pelajar. Antaranya adalah faktor persekitaran, faktor psikologi dan faktor kaedah pembelajaran dan pengajaran. Namun begitu, kajian ini akan dijalankan dengan mengambilkira latar-belakang pendidikan pelajar bukan Islam yang terdiri daripada sekolah kebangsaan ataupun sekolah vernakular. Ini adalah sesuatu yang menarik kerana lingkungan keluarga individu mampu mempengaruhi corak kehidupan seseorang pelajar. Kajian ini adalah penting khususnya kepada tenaga pengajar, khasnya pensyarah-pensyarah berkaitan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang menduduki subjek TITAS dengan menggunakan bahasa kedua iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara.

**Kata kunci:** Temadun Islam dan Temadun Asia (TITAS), pelajar bukan Islam, sifat, motivasi, faktor persekitaran.



## Pengenalan

Christina dan Mihaela (2015) berpendapat globalisasi sering dikaitkan dengan perubahan ataupun peralihan kearah kemodenan dan pada masa yang sama membawa idea-idea yang liberal berlandaskan kepentingan terhadap “kesamarataan, peluang, faedah dan juga kecekapan”. Transformasi menyeluruh ini bukan sahaja memberi kesan kepada sektor ekonomi, malahan komponen budaya dan juga sosial khususnya sektor pendidikan. Arus perubahan kesan daripada globalisasi ini dilihat memberi impak keatas pendekatan dan juga struktur pentadbiran sesebuah universiti. Ini adalah kerana seiring dengan peralihan global, peranan universiti khususnya dilihat bukan hanya untuk melahirkan golongan pelajar yang bersedia atau “ready-made”untuk memikul tanggungjawab sebagai pemikir dan pembuat keputusan sebaik sahaja mereka tamat pengajian. Tetapi, lebih penting lagi menyiapkan golongan pelajar ini untuk membuat keputusan yang rasional dan sudah semestinya keputusan-keputusan yang dibuat akan mampu memberi impak yang signifikan, bukan sahaja kepada organisasi-organisasi yang mereka wakili, malahan masyarakat secara keseluruhannya. Proses ini memerlukan pentadbiran universiti mengambil-kira kursus-kursus yang relevan yang dilihat mampu membentuk sahsiah dan jati diri para pelajar ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun, 2013 mengambil pendekatan mewajibkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) untuk menjadi subjek wajib diduduki oleh semua pelajar diInstitut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bersama-sama dengan dua kursus yang lain iaitu Pengajian Malaysia dan juga Hubungan Etnik. Pendekatan ini dilihat sebagai dibuat bukan sahaja bagi menyelaraskan pengambilan subjek yang diambil oleh pelajar diInstitut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), tetapi bagi memupuk dan membina jati diri yang utuh khususnya kepada para pelajar yang merupakan pewaris atau peneraju negara ini kelak. Diajar sepenuhnya menggunakan Bahasa Melayu, beberapa pihak berkepentingan menyuarakan keimbangan mereka yang mengatakan bahawa subjek TITAS ini tidak wajar dijadikan sebagai mata-pelajaran wajib diduduki oleh pelajar bukan Islam dan boleh mendatangkan masalah khususnya kepada mereka yang tidak pernah mengikuti sistem pendidikan diMalaysia. Ini adalah kerana bahasa pengantara dikebanyakkan sekolah diMalaysia adalah bahasa Melayu.

Di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), para pelajarnya adalah terdiri daripada mereka yang datang daripada pelbagai latar-belakang pendidikan awal yang berbeza; sama ada aliran vernakular ataupun sekolah kebangsaan. Kepelbagaiannya latar-belakang pendidikan para pelajar bukan Islam diUTAR ini yang menduduki subjek TITAS sangat menarik untuk dikupas



kerana faktor pengaruh persekitaran mampu mempengaruhi sikap dan seterusnya motivasi mereka untuk mempelajari subjek tersebut. Kajian-kajian yang lepas dilihat lebih cenderung untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan yang jelas antara faktor pengajaran-pembelajaran keatas sikap dan motivasi seseorang pelajar. Kepelbagaian tanggapan mungkin sedikit sebanyak terhasil kesan daripada kepelbagaian persekitaran para pelajar bukan Islam ini, namun adakah faktor ini mampu mencorak sikap dan motivasi yang berbeza? Tiada penerangan yang jelas terhadap pernyataan ini. Justeru itu, kajian rintis ini dijalankan untuk mengkaji sama ada datang dari aliran sekolah yang berbeza mampu mempengaruhi sikap dan minat para pelajar bukan Islam ini didalam pembelajaran subjek TITAS mereka.


Sikap semestinya mempunyai perkaitan yang rapat dengan pencapaian seseorang didalam pembelajarannya kerana ianya mampu mempengaruhi sejauh mana seseorang pelajar itu dapat mempelajari dan menguasai sesuatu subjek itu dengan cepat (Nasir and Hamzah, 2014). Kesediaan untuk belajar yang terbahagi kepada kognitif, afektif dan juga psikomotor adalah merupakan satu situasi yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar (Nasir and Hamzah, 2014). Jika sudah wujud kesediaan pelajar itu untuk belajar maka proses pembelajaran itu akan jadi lebih mudah dan seterusnya akan menjadi lebih berkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran itu tidak boleh dipaksa kerana jika ianya dilakukan juga akan memberikan kesan yang tidak sempurna.

Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kesediaan pelajar itu sendiri dan seterusnya memupuk minat yang tinggi untuk belajar dan berjaya didalam setiap matapelajaran yang diambil (Nurul dan Azizi, 2010). Motivasi ataupun penggerak (Azizi dan Jaafar, 2006) itu oleh didapati menerusi insentif dan juga motif. Insentif antara lain lebih kepada bentuk ekstrinsik seperti gred, wang dan juga pujian dalam tanda bintang. Sementara itu motif pula adalah kecenderungan seseorang individu untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat dan lebih berbentuk dorongan semula jadi. Budiawan (2008) dalam kajiannya berpendapat bahawa pengaruh persekitaran boleh mempengaruhi para pelajar untuk belajar. Didalam kajiannya terhadap sikap dan motivasi para pelajar terhadap bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia mendapati para pelajar ini mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Inggeris kerana mereka lebih terdedah kepada bahasa Inggeris (Nasir and Hamzah, 2014).

## **Metodologi**

### *Sampel*

Kajian rintis ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini melibatkan 50 orang pelajar yang dipilih secara rawak mudah. Borang soal selidik bagi tujuan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama mengandungi maklumat diri responden manakala bahagian kedua mengandungi maklumat latar-belakang responden. Bahagian seterusnya mengandungi



maklumat berkaitan sikap dan seterusnya motivasi responden terhadap pembelajaran subjek TITAS.

Analisis deskriptif dijalankan bagi mengenalpasti tahap sikap dan motivasi responden ini didalam pembelajaran TITAS. Analisis korelasi Pearson juga turut dilakukan bagi menilai pengaruh latar-belakang pendidikan yang berbeza terhadap tahap motivasi mereka juga didalam aspek pembelajaran subjek TITAS ini.

### **Keputusan & Perbincangan**

Kajian ini melibatkan 50 responden diUTAR dan instrumen soal selidik bercorak tinjauan telah dibina dan ditadbirkan oleh penyelidik sendiri. Responden-responden kajian ini terdiri daripada 26 orang pelajar tahun satu, 17 orang dari tahun dua dan 10 merupakan pelajar tahun akhir. 38 daripada 50 orang responden terdiri daripada mereka yang datang dari aliran sekolah kebangsaan dan selebihnya (12) daripada aliran vernakular.

#### *Sikap pelajar bukan Islam terhadap subjek TITAS*

Jadual 1: Sikap pelajar bukan Islam terhadap subjek TITAS

Item	Min	SD
Sumbangan	2.50	0.910
Warisan	2.34	0.690
Sejarah	2.18	0.630
Nilai-nilai	2.02	0.742
Pegangan agama	1.98	0.820
Bertoleransi	2.24	0.687
Pekerjaan	2.50	0.762
Pendapat keluarga	3.04	0.856
Pergaulan	2.50	0.790
Persefahaman	2.30	0.762

Peranan	2.26	0.694
	2.48	0.790

#### Berkongsi pengetahuan

Skor min yang sederhana rendah bagi sikap pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran subjek TITAS adalah bagi item pendapat keluarga dimana pembelajaran subjek TITAS adalah merujuk kepada pembelajaran agama Islam iaitu pada 3.04. Sementara itu, skor min terendah pula adalah bagi item mempelajari subjek TITAS tidak akan melemahkan pegangan agama mereka, iaitu pada 1.98.

#### *Motivasi pelajar bukan Islam terhadap subjek TITAS*

Jadual 2: Motivasi pelajar bukan Islam terhadap subjek TITAS

Item	Min	SP
Kaedah pengajaran	2.58	0.702
kelayakan	2.28	0.701
Kefahaman	2.52	0.677
Masa	2.66	0.717
Hubungkait	3.06	0.912
Industry relevan	3.04	0.698
Tahap pengajian	2.90	0.735
Tugasan	2.44	0.861
Peratusan kursus	2.22	0.678
Soalan	2.46	0.71

Skor min yang sederhana rendah bagi motivasi pelajar bukan Islam terhadap pembelajaran subjek TITAS adalah bagi item kandungan subjek TITAS ini mempunyai hubungkait dengan pengajian pelajar sekarang iaitu pada 3.06. Sementara itu, skor min terendah pula adalah bagi item peratusan kerja kursus adalah relevan dengan keperluan subjek TITAS iaitu pada 2.22.

## *Hubungan Sikap dan Motivasi dan Latar Belakang Pendidikan Pelajar Bukan Islam*

Ujian korelasi Pearson memperlihatkan wujud hubungan negatif pada tahap agak tinggi antara sikap pelajar bukan Islam dan juga latar belakang pendidikan sekolah rendah mereka. Analisis Pearson,  $r = .241$  dan nilai signifikan = .0902. Ujian korelasi Pearson juga pada tahap yang agak tinggi antara motivasi dan latar belakang pendidikan sekolah rendah responden, memandangkan indeks korelasinya adalah pada  $r = .215$  dan nilai signifikannya pada .135. Oleh itu, kajian ini merumuskan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara latar belakang pendidikan rendah responden dengan sikap dan juga motivasi mereka didalam pembelajaran subjek TITAS.

Hasil ujian korelasi Pearson ini turut dijalankan untuk melihat sama ada wujudnya hubungan antara sikap dan motivasi pelajar bukan Islam dengan latar belakang pendidikan menengah mereka. Indeks korelasi bagi sikap adalah pada  $r = .720$  dan nilai signifikannya pada .000. Sementara itu, motivasi adalah pada indeks korelasi  $r = .677$  dan nilai signifikan pada .000. Dengan ini kajian ini merumuskan wujudnya hubungan yang positif pada kadar yang agak tinggi diantara sikap dan motivasi dengan latar belakang pendidikan menengah responden didalam pembelajaran subjek TITAS.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, latar belakang pendidikan responden terutamanya pendidikan menengah mereka mempunyai hubungan dengan sikap dan

motivasi mereka didalam pembelajaran subjek TITAS ini semasa diperingkat universiti. Ini jelas diperlihatkan didalam dapatan kajian seperti diatas, tanpa mengira sama ada mereka berasal daripada sekolah vernakular maupun sekolah kebangsaan. Faktor matapelajaran yang berkaitan dengan yang turut diduduki oleh responden ini semasa mereka berada dipendidikan menengah, contohnya matapelajaran Sejarah dan juga Pengajian Malaysia mungkin sedikit sebanyak memberi pendedahan dan seterusnya mecorak hubungkait dengan sikap dan motivasi mereka semasa proses pembelajaran TITAS ini. Dan, oleh sebab itulah, tiada hubungan yang jelas antara pendidikan rendah dengan sikap dan motivasi kerana tiada hubungkait diantara matapelajaran yang mereka ikuti diperingkat ini. Selain daripada itu, besar kemungkinan jarak terluang diantara pendidikan menengah dengan peringkat universiti yang agak dekat sedikit sebanyak mempengaruhi sikap dan motivasi pelajar bukan Islam ini didalam mempelajari subjek TITAS.

Oleh itu, penyelidik berpendapat sikap dan motivasi pelajar bukan Islam terhadap subjek TITAS ini haruslah diberi penekanan semasa mereka mengikuti proses pembelajaran itu sendiri. Ini adalah kerana, faktor-faktor persekitaran seperti latar belakang pendidikan mereka tidak banyak memberi kesan keatas sikap dan motivasi mereka, dan seterusnya terhadap tahap pemahaman dan juga pencapaian mereka didalam subjek TITAS ini. Dengan ini adalah disarankan, tenaga pengajar yang bertanggungjawab dengan proses pengajaran subjek TITAS ini dapat



memberi penekanan kepada faktor-faktor semasa pelajar-pelajar bukan Islam ini mengikuti subjek TITAS ini, antaranya terhadap kaedah pengajaran, masa yang diperuntukan dan mungkin juga kandungan kursus itu sendiri yang diharapkan relevan bukan sahaja dengan keperluan industri malahan keperluan sahsiah individu itu sendiri.

## Rujukan

- Abbas, P. G., Lai-Mei, L. & Narjes, B. S. 2012. A Study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching. International Journal of Modern Education and Computer Science. Vol. 7, 9-16.
- Abdul Rashid Abdul Halim. 2015. Pengajaran dan pembelajaran kursus tamadun Silam: Satu tinjauan terhadap persepsi pelajar-pelajar jurusan kejuruteraan teknologi di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute. ICASIC2015, 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, ISBN 978-967-0792-02-6.
- Azizi dan Jaafar Sidek. 2006. Siri kaunseling: Membentuk identiti remaja. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Budiarwan. 2008. Pengaruh sikap bahasa dan motivasi belajar bahasa terhadap prestasi pada matapelajaran bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Tesis Sarjana, Universitas Indonesia Depok
- Christina Gafu & Mihaela Trifan, 2015. The Importance of a Multicultural Approach in Teaching Romanian Culture and Civilization to Foreign Students. Procedia - Social and Behavioral Sciences 203 ( 2015 ) 217 – 223. International Conference Education and Psychology Challenges – Teachers for the Knowledge Society – 3rd Edition, EPC-TKS
- Mohd. Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohd Roose, Edis Aden, Ida Juliana Hutasuhut dan Zulmahari Hj Marawi, 2012. Pemantapan pengajaran dan pembelajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian tinjauan persepsi pelajar. RECCNI2012, 19-21 June 2012, Kuala Lumpur
- Muhammad Sabri Sahrir & Nor Aziah Alias. 2011. A Study on Malaysian Language Learners Perception Towards Learning Arabic Via Online Games. Gema Online - Journal of Language Studies. Vol 11 (3), 129-145
- Nasir, Z. M. dan Hamzah, Z.A.Z. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. ICLALIS 2013. Social and Behavioral Sciences. 134, 408-415
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya. 2012. Peranan motivasi pembelajaran, gaya keibubapaan dan sikap dengan pencapaian akademik. Journal of Educational Psychology & Counseling. Vol. 5, 30-57
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. 2014. Attitudes and Motivation Towards Learning English Among FELDA School Students. Australian Journal of Basic and Applied Sciences. Vol 8 (5). 1-8
- Zamri Ariffin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of Distance Learning Students

at UKM's Faculty of Islamic Studies  
Towards Learning Arabic Language Skill

Courses. Turkish Online Journal of  
Distance Education. Vol 15 (1). 174-188





## Perhambaan Tradisional di Borneo Utara Zaman Kesultanan Sulu & Brunei

Aping Sajok<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia.*

**Abstrak:** Kajian ini adalah berkaitan dengan amalan perhambaan yang berlaku dalam masyarakat peribumi di Borneo Utara sejak dibawah pengaruh Kesultanan Sulu dan Brunei. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana aktiviti amalan perhambaan yang dianggap unik dan peranan golongan hamba tersebut dalam kehidupan harian termasuklah jenis hamba dan bentuk hubungan diantara hamba itu sendiri dan pemilik hamba. Kajian ini akan menggunakan maklumat mengenai perhambaan di Borneo Utara yang boleh didapati daripada pelbagai sumber seperti catatan diari pegawai British, rekod-rekod Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, laporan, akhbar, Mikrofilem, Buku-buku dan Artikel yang telah dihasilkan oleh sarjana awal. Perhambaan di Borneo Utara pada dasarnya banyak dipengaruhi oleh peranan pembesar daripada kesultanan Sulu dan Brunei yang mencetuskan permintaan terhadap hamba. Hal tersebut menyebabkan wujud perhambaan yang berlaku dalam suku peribumi seperti Suluk, Bajau, Iranun, Dusun dan Murut. Amalan ini berkembang pesat bersama dengan aktiviti perlanunuan yang saling berkait dengan perdagangan hamba di sekitar perairan Borneo. Namun demikian, menjelang pertapakan James Brooke di Sarawak serta SBBUB di Borneo Utara, penghapusan aktiviti perhambaan ini telah dijalankan.

**Kata kunci:** Perhambaan, Sulu, Brunei, Peribumi, Sejarah, James Brooke, SBBUB



## Pengenalan

Amalan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sebenarnya agak berbeza dengan amalan perhambaan yang terdapat di tempat lain. Secara khususnya kegiatan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sebelum dimansuhkan oleh SBBUB dapat dibahagikan kepada dua iaitu, perhambaan di pantai barat dan pantai timur yang mempunyai corak dan amalan berbeza. Kawasan pantai timur Borneo Utara yang meliputi kawasan Teluk Darvel adalah kawasan yang mana kadar amalan perhambaan sangat tinggi bilangannya. Manakala di kawasan pantai barat pula ia melibatkan tempat tertentu iaitu di sekitar kawasan Tempasuk dan juga Teluk Marudu.

Pada asasnya, amalan perhambaan yang diamalkan di Borneo Utara adalah bertujuan untuk kepentingan diri iaitu dalam bentuk kemegahan kerana memiliki ramai hamba yang dianggap sebagai harta kekayaan dan ketinggian darjah seseorang. Tambahan lagi, kegiatan ekonomi pada masa tersebut yang sangat sukar untuk dilaksanakan sememangnya memerlukan tenaga kerja yang ramai yakni golongan hamba. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan aktiviti perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sehingga kedatangan kuasa kolonial yang mengambil langkah untuk menghapuskan amalan tersebut.

## Masyarakat yang Terlibat Dalam Amalan Perhambaan.

## Iranun

Iranun atau dahulunya dikenali sebagai *llanun* merupakan suku kaum yang terdapat di Borneo pada ketika ini dan penglibatan mereka dalam amalan perhambaan banyak direkodkan khususnya dalam aktiviti penjualan hamba. Iranun merupakan antara komuniti awal yang terlibat dalam aktiviti penjualan hamba di kawasan Teluk Darvel dan juga Teluk Marudu (Aping Sajok, 2016). Penglibatan mereka dalam aktiviti ini sangat sinonim dengan kegiatan perlanunan yang banyak dijalankan oleh orang laut. Golongan yang dianggap sebagai lanun ini telah merompak dan menculik orang asing mahupun tempatan untuk mendapatkan barang serta menculik anak kapal yang kemudiannya dijadikan hamba untuk mereka ataupun dijual kepada pemilik hamba (James Francis Warren, 1971).

Pada asasnya, orang Iranun ini terlibat dalam kegiatan ekonomi seperti kaum peribumi yang lain. Namun demikian, pengambilan hamba telah menjadi rutin dalam masyarakat mereka termasuklah menjual hamba kepada pembesar Sulu dan tuan hamba yang memerlukan. Hubungan baik mereka dengan golongan *Datu* juga turut menjadi pemangkin kepada penglibatan mereka dalam aktiviti penjualan hamba. Hal ini disebabkan golongan *Datu* ini merupakan antara pembeli ataupun berfungsi sebagai orang tengah yang menguruskan proses jual beli hamba dari

Kepulauan Borneo (James Francis Warren, 1971).

Oleh itu, penglibatan orang Iranun dalam aktiviti perdagangan hamba di perairan Borneo dianggap sebagai aktiviti yang menjadi sumber pendapatan mereka (Ranjit Singh, 2011) sesuai dengan harga hamba yang mahal, hal ini akan memberikan keuntungan kepada si penjual. Oleh itu, bagi mendapatkan hamba untuk dijual di pasaran, golongan ini sanggup menjalankan kegiatan merompak dan menculik anak kapal pedagang yang melintasi perairan Borneo pada ketika itu (Ranjit Singh, 2011). Penglibatan orang Iranun dalam aktiviti perdagangan hamba ini telah menjadi cabaran baharu bagi kuasa asing selepas mereka mula campur tangan bagi mendapatkan hak untuk mentadbir Borneo Utara.

### **Bajau**

Suku yang turut terlibat secara besar-besaran dalam aktiviti perhambaan khususnya dalam perdagangan hamba adalah orang Bajau terutamanya di bahagian pantai timur dan utara Borneo Utara. Orang Bajau merupakan kaum yang dianggap sebagai penguasa laut terutamanya di perairan Borneo. Kegiatan perlanunian yang mereka jalankan amat ditakuti oleh pedagang asing kerana kaum ini dianggap ganas dan mempunyai kemahiran yang tinggi di laut (Ranjit Singh, 2011).


Orang Bajau turut menjalinkan hubungan baik dengan golongan *Datu* daripada Kesultanan Sulu sekaligus

berperanan sebagai pembekal hamba untuk pasaran disana. Orang Bajau terlibat dalam kegiatan perlanunian di perairan Borneo bagi mendapatkan barang keperluan serta dengan tujuan untuk menculik anak kapal yang dipaksa menjadi hamba untuk kegunaan mereka ataupun dijual (Yap Beng Liang, 1990). Walaupun pada asasnya orang Bajau hanya terlibat dalam aktiviti mencari hasil laut seperti mutiara, trepang, telur penyu dan menangkap ikan akan tetapi kaum ini juga menjadi agen kepada pembesar Sulu untuk mendapatkan bekalan hamba (Francis James Warren, 1971).

Penglibatan mereka dalam kegiatan perlanunian ini turut ditakuti oleh orang Dusun terutamanya di kawasan Tempasuk. Menurut Yap Beng Liang, orang Dusun pada zaman tradisional terpaksa berpindah dari kawasan pantai ke pedalaman untuk mengelakkan gangguan atau serangan daripada orang Bajau ini (Yap Beng Liang, 1990). Dalam menunjukkan kekuasaan mereka di Tempasuk, orang Dusun juga dikatakan terpaksa membayar cukai sebanyak 10 gantang beras kepada pemimpin Bajau.

### **Balangingi**

Orang Balangingi juga adalah komuniti yang terlibat dalam kegiatan perhambaan di Borneo Utara sebelum kedatangan pihak penjajah. Golongan ini merupakan pihak yang banyak terlibat dalam kegiatan perlanunian dan rompakan terhadap kapal pedagang yang merentasi perairan Borneo pada ketika itu (Aping Sajok, 2016). Selain daripada aktiviti perlanunian, orang



Balangingi turut berperanan sebagai pembekal hamba kepada golongan bangsawan Brunei serta *Datu* daripada Kesultanan Sulu (Tregonning, 1960).

Menurut Siti Aidah Haji Lokin, kaum Balangingi dikatakan berasal daripada Kepulauan Sulu termasuklah Pulau Balanini, Binadan, Tawi-tawi dan Basilan. Hampir setiap tahun, orang Balangingi akan menyerang aktiviti perdagangan orang Brunei serta menangkap orang Brunei dan Borneo Utara untuk dijadikan hamba. Manakala hamba yang mereka tangkap akan dijual semula sebagai hamba abdi kepada Sultan dan Pembesar Brunei itu sendiri (Siti Aidah Hj Lokin, 2007).

Penglibatan mereka dalam aktiviti perlanunian dan penjualan hamba ini dikatakan adalah didorong ataupun diupah oleh pembesar Sulu bagi menimbulkan kekacauan di perairan Borneo untuk mewujudkan suasana yang tidak tenteram. Hal ini mempunyai hubungkait dengan aktiviti perdagangan yang sebelum ini dikuasi oleh masyarakat tempatan tetapi telah bertukar kepada pedagang asing. Oleh itu, orang Balangingi juga dikatakan selalu diupah oleh golongan *Datu* supaya menculik dan merompak pedagang asing yang melalui perairan Borneo (Clifford Sather, 1997).

### **Murut**

Kaum Murut juga turut mengamalkan perhambaan, suku ini merupakan antara peribumi Borneo Utara yang dikatakan memiliki hamba iaitu hamba abdi dan

hamba ber hutang. Walaupun tidak terlibat secara langsung dalam amalan perdagangan hamba, namun mereka tetap mengambil hamba untuk kepentingan sendiri serta membayar hutang. Dalam erti kata yang lain, orang Murut juga sebenarnya terlibat dalam amalan menjual hamba akan tetapi dibezakan dalam aspek kekerapan jika dibandingkan dengan kaum lain yang turut mengamalkan perhambaan domestik (Sherwood G. Lingenfelter, 1990).

Walaupun gelaran untuk hamba (Aping Sajok, 2016) ini agak berbeza namun mereka tetap mempunyai fungsi yang lebih kurang sama. Ia hanya dibezakan dengan cara mereka untuk merdeka yang mana hamba abdi tidak akan merdeka kecuali ia dimerdekakan oleh tuannya, manakala hamba ber hutang pula akan menjadi rakyat bebas setelah berjaya melunaskan hutang mereka.

Selain itu, suku Murut, sememangnya telah mempunyai peraturan mereka sendiri yang digunakan dalam sistem perhambaan yang mereka amalkan. Peraturan ini telah menjadi asas kepada pemilik hamba bagi menentukan keputusan tentang sesuatu hal yang mempunyai kaitan dengan hamba yang mereka miliki. Walaupun ia hanya diturunkan dalam bentuk secara lisan, namun ia terbukti tetap berkesan apabila pemilik ataupun golongan hamba itu sendiri tetap menghormati peraturan yang sudah ditetapkan ini (Aping Sajok, 2016).

Selain itu, dalam kalangan kaum Murut Timogun, terdapat tiga jenis hamba yang diamalkan iaitu hamba tawanan perang yang dikenali sebagai ‘rakop’, hamba jenis ‘Ulipon’ dan juga hamba berhutang iaitu ‘Ulun – ulun’. Setiap jenis hamba yang mereka miliki ini mempunyai cara pemilikan yang berbeza dan mereka juga mempunyai peranan sendiri (Aping Sajok, 2016).

### **Brunei**

Orang Brunei telah berhijrah ke Borneo Utara disebabkan keadaan Borneo Utara pada ketika itu yang masih dalam kawasan jajahan Kesultanan Brunei. Pada asasnya orang Brunei terlibat dalam aktiviti pertanian dan mengumpul hasil hutan (Siti Aidah Hj Lokin, 2007). Namun demikian, seperti yang terdapat pada kaum lain, orang Brunei juga turut terlibat dalam amalan perhambaan. Keadaan ini sebenarnya turut berlaku dalam kalangan golongan bangsawan Brunei yang terlibat dalam amalan pemilikan hamba dan perlanunan (Siti Aidah Hj Lokin, 2007).

Secara umumnya, masyarakat Brunei sendiri turut mengamalkan kegiatan perhambaan terutamanya melibatkan golongan bangsawan. Ini disebabkan persepsi dalam kalangan golongan atasan Brunei yang menyatakan bahawa ukurankekayaan serta kekuatan seseorang pemberi itu adalah terletak pada jumlah pengikut, keris, meriam dan hamba yang dimiliki. Keadaan itu sendiri membuktikan bahawa masyarakat Brunei turut menjadikan hamba sebagai lambang

kepada ketinggian darjah dan kekayaan mereka. (Aping Sajok, 2016).

Kaum Brunei yang menetap di Papar contohnya turut mengamalkan perhambaan yang diperolehi melalui tawanan perang ataupun dengan kaedah menculik dari kawasan pedalaman. Perhambaan dalam kalangan masyarakat Brunei ini dikatakan dimiliki oleh golongan Ampuan (Dayang Junaidah Awang Jambol, 2009). Namun terdapat juga pemilikan hamba oleh golongan Bangsawan terutamanya pemerintah di kawasan jajahan mereka (Aping Sajok, 2016).

### **Lokasi Kegiatan Perhambaan**

#### **Teluk Darvel**

Teluk Darvel pada masa kini adalah meliputi kawasan sepanjang pantai timur negeri Sabah yang merangkumi Lahad Datu, Semporna, Tawau dan Kunak. Kawasan ini adalah laluan perdagangan yang sangat penting kepada pedagang asing mahupun pedagang tempatan sendiri. Sebelum kedatangan penjajah asing, Teluk Darvel adalah pusat pelabuhan utama yang terletak di Tungku. Pelabuhan ini berfungsi sebagai pelabuhan entrepot iaitu menjadi pembekal dan menjadi pusat jual beli barang yang didagangkan (Tregonning, 1960).

Ekoran daripada serangan kapal perang British terhadap beberapa pelabuhan utama yang menjadi pusat urusan penjualan hamba di utara Borneo, Teluk Darvel telah berkembang menjadi perairan utama yang menjadi

lokasi untuk mendapatkan hamba. Selepas 1848, pusat perlanungan di pantai barat Borneo Utara telah berpindah ke Tungku yang terletak di pantai timur Borneo Utara dan ia dipelopori oleh kaum Iranun, Balangingi dan Bajau yang datang daripada Kepulauan Sulu (Aping Sajok, 2016). Dalam hal ini, Teluk Darvel bukan sahaja menjadi pusat perdagangan bahkan turut dijadikan sebagai sarang lanun dan lokasi aktiviti rompakan kapal dagang (Jainuddin Malik, 1991).

Selain itu, kegiatan perhambaan ini juga turut tertumpu di bahagian Sandakan hingga ke Kinabatangan. Di Kinabatangan misalnya, suku peribumi yang tinggal di kawasan sepanjang sungai Kinabatangan kerap menjadi sasaran oleh lanun yang bertujuan untuk merompak atau menculik (Aping Sajok, 2016). Malahan hal ini turut menjadi cabaran besar kepada pihak British terutamanya William Pryer ketika menjadi residen di Sandakan.

### **Tempasuk, Kota Belud**

Tempasuk turut menjadi lokasi aktiviti perhambaan di Borneo Utara pada era tradisional. Bilangan hamba abdi yang terdapat di Tempasuk pada waktu tersebut sangat ramai. Menurut Yap Beng Liang, pada penghujung abad ke-19, nisbah antara orang yang bebas dan hamba abdi adalah 1:3 (Yap Beng Liang, 1990). Ini membuktikan bahawa amalan perhambaan yang terdapat di Tempasuk pada waktu itu adalah dalam keadaan yang kritikal kerana golongan hamba lebih ramai daripada rakyat biasa. Dalam

kalangan hamba abdi tersebut, dikatakan bahawa hamba perempuan lebih ramai jika dibandingkan dengan hamba lelaki.

Hamba abdi di Tempasuk terdiri daripada dua jenis iaitu *anak mas* dan hamba abdi biasa. Di Tempasuk, perhambaan yang diamalkan agak berbeza kerana golongan hamba ini dilayan dengan baik dan mereka tinggal bersama dengan Tuan mereka. Mereka juga berkongsi makanan serta turut dibekalkan dengan tembakau, sirih pinang dan barang lain. Selain itu, hamba di kawasan ini seperti tidak mempunyai beza dengan rakyat biasa kerana mereka turut diberikan pakaian yang sempurna serta dibenarkan membawa senjata (Yap Beng Liang, 1990). Ini membuktikan bahawa hamba di kawasan Tempasuk tidaklah ditindas dengan teruk. Walau bagaimanapun, terdapat kes yang melibatkan golongan hamba dijual oleh tuan mereka dengan sewenang-wenangnya.

Menurut Siti Aidah Haji Lokin, terdapat pelabuhan lanun di Tempasuk dan Pandasan pada tahun 1812 yang mana pelabuhan tersebut dikuasai oleh tiga orang pembesar Sulu yang bernama Datu Akop, Datu Aragut dan Datu Jumbarang. Ketiga-tiga mereka ini dibawah perintah pembesar Brunei yang bernama Pangeran Annam. Pelabuhan yang dikuasai oleh lanun ini telah menyebabkan kegiatan perdagangan hamba terus berleluasa dan sukar dikawal kerana pembabitan pembesar itu sendiri (Siti Aidah Hj Lokin, 2007).



## Teluk Marudu

Teluk Marudu juga merupakan pusat perdagangan hamba yang terdapat di Borneo Utara sebelum dihapuskan oleh penajah asing. Seperti di kawasan pantai timur Borneo Utara, perdagangan hamba yang berlaku di kawasan ini turut ditunjangi oleh golongan pembesar Sulu yang dikenali sebagai golongan *Sharif* atau *Datu* yang menjadi wakil Kesultanan Sulu di Borneo Utara (Siti Aidah Hj Lokin, 2007). Teluk Marudu juga mempunyai kawasan yang luas dan atas faktor tersebut kegiatan perdagangan hamba di kawasan ini sukar untuk dibendung.

Sebelum Borneo Utara dikuasai secara rasminya oleh SBBUB, Teluk Marudu sudah terkenal sebagai kawasan yang mempunyai aktiviti perdagangan hamba yang pesat di kawasan pantai barat utara. Ini sekaligus telah mendorong pihak British untuk menghantar armada laut mereka dalam membantu menghapuskan aktiviti perlanunian serta perdagangan hamba yang diketuai oleh pembesar Sulu (Bianca Maria Gerlich, 2003). Kawasan Teluk Marudu dikatakan mempunyai aktiviti perdagangan hamba yang dijalankan oleh orang Iranun, Balangingi dan orang Bajau. (Bianca Maria Gerlich, 2003).

## Jenis-jenis Hamba di Borneo Utara

### Hamba ‘Ulun ulih Pesaka’

Golongan hamba jenis ini ialah orang yang menjadi hamba melalui perkahwinan disebabkan ibu bapa kepada seseorang adalah hamba. Oleh kerana itu, gelaran hamba tersebut akan diturunkan kepada anak mereka apatah lagi jika keadaan ibu bapa kepada hamba sudah tua ataupun sakit. Secara tidak langsung anak mereka akan dijadikan hamba bagi mengantikan peranan ibu bapanya sebagai hamba kepada tuannya.

Selain itu, jika *anak amas* ini seorang perempuan yang kemudian berkahwin dengan lelaki bukan hamba, maka taraf perempuan tersebut akan bertukar kepada orang bebas dan tidak terikat kepada tuannya lagi (Tregonning, 2007). Walau bagaimanapun, hantaran kahwin akan ditambah dua kali ganda lebih daripada kadar biasa, ini bermaksud untuk tujuan melunaskan hutang hamba tersebut yang masih diwarisi daripada ibu bapanya. Namun demikian, jika ibu bapa kepada anak tersebut masih hidup, mereka tetap masih kekal sebagai hamba kecuali anak mereka yang telah berkahwin dengan rakyat bebas (Henry Ling Roth, 1896).

Terdapat beberapa kadar ‘berian’ yang dikenakan untuk hamba akan berkahwin yang melibatkan *anak amas* seperti setengah pikul senjata tembaga yang bernilai \$20 hingga \$25. Manakala nilai sepikul pula hendaklah dibayar oleh pengantin lelaki kepada tuan hamba tersebut. Seterusnya, jika *anak amas* tersebut berkahwin dengan seorang lelaki yang juga hamba, ia tetap akan



kekal menjadi *anak amas*. Tetapi kes seumpama ini dikatakan jarang berlaku dalam institusi kekeluargaan hamba kecuali lelaki yang cuba menikahi perempuan tersebut tidak membayar berian yang ditetapkan (Treacher, 1891).

Walau bagaimanapun, W.H Treacher yang turut membuat catatan mengenai hamba yang dikenali sebagai *anak amas* khususnya di kawasan Tempasuk dan kawasan pantai barat Borneo Utara yang agak berbeza dengan pendapat Tregonning. Menurut Treacher, hamba yang dikenali sebagai *anak amas* ini wujud apabila anak seorang hamba itu adalah perempuan yang mana ia tidak boleh dijual oleh tuan kepada hamba tersebut. Ini bermaksud jika anak hamba yang dilahirkan itu adalah perempuan maka ia tetap menjadi hamba kepada tuan ibu bapanya dan tidak boleh dijual oleh tuan hamba tersebut dan ini dipanggil sebagai *anak amas* (Treacher, 1891).

Namun demikian, jika anak hamba itu adalah seorang lelaki, ia bebas untuk memilih sama ada tinggal dengan tuan ibu bapanya ataupun keluar untuk menyara hidupnya sendiri (Treacher, 1891). Namun tuan hamba tersebut boleh memanggil semula anak kepada hambanya jika memerlukan sesuatu perkhidmatan ataupun kerja. Pada asasnya, orang Bajau dikatakan banyak mengamalkan perhambaan seperti ini yang begitu berleluasa khususnya di kawasan pesisiran Kepulauan Borneo. Menurut Yap Beng Liang (1990) ciri-ciri umum yang

membezakan hamba *anak amas* dengan jenis hamba yang lain ialah;

- i. Hamba ‘anak mas’ tidak boleh dijual tanpa persetujuan.
- ii. Tuannya memberikan layanan yang baik.
- iii. Diberikan kebebasan yang besar termasuklah diberikan amanah mengurus perusahaan tuannya.

### Hamba ‘*Ulun ulih Beli*’

Hamba jenis ini adalah golongan hamba yang diperoleh daripada dua cara iaitu dibeli atau ditangkap. Menurut catatan William Pretyman, hamba dalam kategori ini tidak boleh menebus diri sendiri dan hanya dibenarkan untuk bekerja dalam lingkungan yang terhad (Pretyman, 1879). Ini bermaksud hamba seperti ini tidak mempunyai apa-apa hak dalam kehidupannya (Tregonning, 2007). Kehidupan hamba tersebut adalah terletak kepada pemiliknya kerana mereka tidak mempunyai sebarang hak.

Menurut Yap Beng Liang, hamba ini selalunya diperolehi daripada orang lain sama ada ia dibeli atau pun hasil tawan perang. Mereka akan terikat sepenuhnya dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh tuan mereka dan golongan ini akan lebih cenderung menjalankan kerja berat yang nyata amat berbeza jika dibandingkan dengan hamba *anak amas* dan hamba warisan. Ciri-ciri hamba jenis ini adalah seperti berikut (Yap Beng Liang, 1990);

- i. Hamba tawan atau dibeli.
- ii. Tiada hak dalam kehidupannya.

- iii. Boleh dijual sesuka hati oleh tuan mereka.

### Hamba Berhutang

Menurut Zainal Abidin Abdul Wahid, golongan ini merupakan rakyat biasa yang dijadikan hamba kerana gagal melangsaihan hutang mereka dalam tempoh yang ditetapkan oleh si pemutang. Kebanyakan mereka dijadikan hamba kerana melakukan kesalahan seperti mencuri yang mana tidak dapat memulangkan barang yang dicuri ataupun tidak mampu membayar denda yang dikenakan. Oleh itu, si pencuri tersebut serta isteri dan anak mereka terpaksa tinggal bersama dengan pemutang dalam tempoh yang dipersetujui bersama sehingga hutang mereka selesai dibayar (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1996). Selepas hutang berjaya dilunaskan, golongan hamba seumpama ini boleh menjadi rakyat biasa dan bebas untuk bekerja dengan sesiapa sahaja (Pretyman, 1879).

Sepanjang tempoh menjadi hamba, mereka akan diarahkan untuk menjalankan kerja seperti bercucuk tanam, mencari hasil hutan dan juga kerja di rumah tuan kepada hamba tersebut. Walau bagaimanapun, golongan hamba yang berhutang ini dibolehkan untuk dijual oleh tuannya. Hasil daripada penjualan hamba ini dikira sebagai bayaran hutang oleh hamba tersebut dan tarafnya sebagai hamba akan tamat apabila hutang itu selesai dibayar. Walaupun hamba berhutang ini akan dibebaskan apabila hutang berjaya

dilunaskan, tetapi kadangkala mereka ini akan menjadi hamba pada masa yang lebih lama apabila ditukar milik ataupun dijual oleh tuan mereka kepada pemilik lain (Azmah Abdul Manaf, 2001).

Selain itu, terdapat peraturan yang ditetapkan oleh pemilik hamba yang turut digunakan walaupun jarang dikuatkuasakan oleh pemilik hamba ini. Dalam soal perkahwinan yang melibatkan golongan hamba ini. Hamba lelaki yang ingin berkahwin akan menyediakan hantaran kahwin itu sendiri dan tidak ditanggung oleh pemilik hamba namun demikian pemilik hamba turut menjadi waris kepada harta jika hamba miliknya meninggal dunia. Manakala dalam kes yang melibatkan hamba wanita pula, pemilik hamba akan menerima hantaran kahwin jika hamba miliknya telah berkahwin (Henry Ling Roth, 1896).

Seterusnya, terdapat kes yang melibatkan hamba berhutang ini yang sangat setia kepada tuannya sehingga menjadi hamba kesayangan dan dianggap sebagai abang, kakak, ibu atau bapa. Namun demikian, jika hamba tersebut cuba melarikan diri, tarafnya akan menjadi seperti hamba biasa. Dalam kes ini pula, hamba tidak akan hidup bebas seperti kehidupan sebelumnya kecuali jika telah bersumpah kepada tuannya untuk tidak lari (Treacher, 1891). Manakala hamba yang dimerdekaan tidak boleh dituntut lagi oleh bekas majikannya walau apa cara sekalipun (Treacher, 1891). Ini bermaksud hamba yang telah



dimerdekakan akan menjadi rakyat biasa dan menjalani kehidupan mereka dengan bebas seperti rakyat lain.

Selain itu, terdapat hamba berhutang di kawasan Borneo Utara yang dibenarkan oleh tuan mereka untuk mencari kerja tambahan sendiri selepas melaksanakan kerja kepada pemilik mereka. Dengan jumlah hutang yang sangat besar pada waktu tersebut, sememangnya agak sukar untuk mereka menjelaskan hutang mereka dalam masa yang singkat. Keadaan ini menjadi faktor utama yang menyebabkan mereka sanggup untuk memperhambakan diri kepada si pemutang (Aping Sajok, 2016). Dalam hal ini, penghutang yang mempunyai nilai hutang dianggarkan mencecah tiga pikul iaitu \$60 hingga \$75 akan dipaksa untuk menjadi hamba. Namun terdapat juga kes dalam hamba berhutang ini sebenarnya adalah penjudi tegar yang menjual diri bagi membayar hutang mereka (Treacher, 1891). Seperti yang berlaku di Tempasuk, orang berhutang yang rela dijadikan hamba selalunya amat sukar untuk bebas kerana mereka akan dikenakan faedah yang tinggi sehingga sukar untuk mereka membayarnya (Yap Beng Liang, 1990).

Hamba berhutang ini dikatakan kerap diamalkan dalam suku kaum Murut di Borneo Utara. Dalam suku kaum Murut, mereka sanggup untuk menjual anak mereka untuk membayar hutang. Secara tidak langsung anak mereka akan menjadi hamba untuk si pemutang, amalan ini menjadi tradisi masyarakat Murut. Walau bagaimanapun amalan

menjual anak untuk membayar hutang ini tidak diamalkan oleh kaum lain seperti Dusun, Bajau dan Iranun (Henry Ling Roth, 1896). Disebabkan hamba diperdagangkan, beberapa kaedah telah digunakan oleh penjual dan pemilik hamba untuk menetapkan harga hamba mengikut kesesuaian.

### **Hamba Warisan**

Hamba warisan wujud apabila terdapat hamba yang berkahwin tetapi belum dapat melangsahkan hutang mereka ataupun sudah mempunyai keluarga sebelum menjadi hamba. Oleh itu secara automatik anak isteri hamba yang berhutang akan turut menjadi hamba pada kemudian hari jika masih belum dapat melangsahkan hutang mereka. Dalam kes yang lain, golongan hamba ini berasal daripada keturunan hamba yang tidak dimerdekakan oleh tuan mereka. Oleh itu keturunan mereka ini akan terus menjadi hamba. Hamba jenis ini boleh diperolehi secara jual beli, pemberian dan pertukaran (Zainal Abidin, 1996).

Menurut Zainal Abidin juga, hamba lelaki boleh mendapatkan upah melalui pekerjaan lain. Golongan hamba jenis ini boleh bekerja dengan orang lain dengan syarat mereka harus mempunyai keizinan daripada tuan mereka terlebih dahulu. Hamba ini boleh mengambil upah untuk pelbagai jenis pekerjaan seperti menggali parit, membuat perigi, memanjat buah-buahan dan sebagainya. Walaupun dianggap sebagai hamba, namun kadangkala hamba ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan tuannya (Zainal Abidin, 1996).

Selain itu, hamba tawanan juga merupakan hamba yang diperolehi daripada perang sesama suku (Abdul Rahman, 2007). Kebanyakan daripada hamba ini wujud akibat perang antara suku yang sering berlaku kerana masing-masing mahu mempertahankan kawasan yang mereka duduki. Oleh itu, mereka akan berusaha mendapatkan hamba dengan cara melalui perang antara suku yang lain. Hamba tawanan ini selalunya tidak akan dimerdekakan oleh tuan mereka seterusnya menjadi hamba iaitu hamba seumur hidup mereka (Treacher, 1891).

Seterusnya, hamba tawanan ini juga turut diperolehi daripada penculik Sulu dan Iranun yang membekalkan hamba yang diculik daripada pedalaman Borneo Utara untuk didagangkan. Setelah menjadi tawanan kepada penjenayah tersebut mereka akan dibawa ke pelabuhan utama seperti di Teluk Marudu, Tungku dan juga beberapa tempat lain seperti di Tempasuk, Membakut dan Brunei untuk dijual (Aping Sajok, 2016). Walaupun mereka tidak rela untuk menjadi hamba akan tetapi terpaksa untuk menjaga keselamatan diri sendiri. Hal ini menyebabkan hamba kadangkala melarikan diri apabila mendapat peluang berbuat demikian. Sebagai contoh, Pryer pernah mencatatkan bahawa terdapat pemilik hamba yang bernama Tuan Nachib telah melaporkan kepada beliau tentang hamba miliknya yang melarikan diri ke Labuan (Pryer, 1879). Selain itu, terdapat lagi kes hamba melarikan diri daripada tuan mereka dan meminta

untuk dibebaskan seperti yang dicatatkan mengenai tiga orang hamba yang melarikan diri di Labuk (Pryer, 1879).

Selain itu, golongan hamba ini juga dijual kepada bangsawan seperti Datu Sulu yang sebenarnya menjadi pelopor utama kepada perdagangan hamba. Sebagai contoh, apabila Datu Sulu ini tidak mempunyai wang, ia hanya perlu mendakwa seorang yang mempunyai anak yang ramai dengan dakwaan yang tidak benar seperti tidak mengikuti perintah. Sebagai balasannya, Datu tersebut akan menangkap anak mereka untuk dijadikan tebusan (Jainuddin Malik, 1991). Hal ini selalunya dikaitkan dengan penindasan terhadap golongan rakyat bawah yang selalu dijadikan sasaran untuk diambil sebagai hamba.

Manakala peluang untuk hamba tawanan ini untuk dibebaskan adalah amat tipis memandangkan keadaan asal usul mereka yang tidak diketahui. Oleh itu, hamba tawanan ini akan cenderung untuk dijadikan hamba abdi iaitu hamba seumur hidup (Junaidi Payne, 1994). Walaupun kehidupan mereka digelar sebagai hamba, akan tetapi terdapat peraturan yang akan membolehkan mereka bebas iaitu melalui perkahwinan. Dalam hal ini, seorang hamba lelaki yang berkahwin dengan wanita bukan hamba tidak akan bebas, dan anak yang mereka lahirkan akan mewarisi gelaran hamba tersebut. Akan tetapi, seorang wanita hamba yang berkahwin dengan lelaki bebas akan menjadi bebas dan anak

yang mereka lahirkan tidak akan mewarisi gelaran hamba mereka (Owen Rutter, 2007).

### **Kepentingan Hamba di Borneo Utara**

#### **Pengaruh Politik**

Amalan perhambaan sebenarnya dilihat sebagai suatu usaha untuk mewujudkan pengaruh politik dalam kelompok masyarakat yang mengamalkan tradisi ini. Pembesar yang mempunyai ramai hamba akan disanjung tinggi oleh lapisan masyarakat dibawah mereka kerana ia dianggap sebagai lambang kekayaan pembesar tersebut. Manakala, masyarakat bawahan pula amat menghormati pembesar ataupun individu yang mempunyai ramai hamba kerana disifatkan sebagai orang yang berkedudukan (Aping Sajok, 2016).

Masyarakat ini juga menghormati mereka yang mempunyai hamba yang ramai dan pada asasnya akan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dalam hierarki masyarakat (Abdul Rahman Hj Ismail, 2007). Melihat kepada kecenderungan masyarakat untuk menghormati individu yang mempunyai ramai tenaga hamba, maka ia sekaligus mendorong pembesar ini untuk terus mengukuhkan kedudukan mereka dengan terlibat dalam perdagangan hamba yang sangat berleluasa di Borneo sewaktu era sebelum campur tangan kuasa asing (Aping Sajok, 2016).

#### **Perdagangan**

Sebelum kedatangan kuasa asing di kepulauan Borneo, kerajaan maritim

seperti kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu merupakan kuasa dominan yang berlatar belakangkan maritim sebagai tunjang kekuatan ekonomi dan pengaruh politik mereka. Kerajaan ini diperintah oleh kuasa tertinggi seperti sultan dan para pembesarnya manakala di kawasan jajahan seperti Borneo Utara dan Sarawak akan diperintah oleh wakil yang dilantik atau pun pembesar yang dihantar oleh pemerintah sendiri untuk mentadbir kawasan jajahan (Mohammad Raduan Mohd Arif & Amaluddin Bakeri, 2001).

Menurut Mohammad Raduan Mohd. Ariff dan Amaluddin Bakeri, aktiviti pengumpulan hasil laut seperti kulit penyu, sirip ikan jerung, tripang dan mutiara serta hasil hutan yang bernilai seperti rotan, sarang burung, kapur barus serta damar telah dijalankan oleh golongan hamba. Dalam hal ini, hamba akan ditugaskan oleh tuan mereka yang terdiri daripada golongan bangsawan dan aristokrat untuk mencari hasil hutan dan laut untuk kegunaan sebagai barang dagangan.

Oleh itu, hasil daripada usaha oleh golongan hamba seperti mencari hasil hutan dan hasil laut akan didagangkan oleh pembesar kepada pedagang yang melalui kepulauan Borneo (Mohammad Raduan Mohd Arif & Amaluddin Bakeri, 2001). Hamba menjalankan kerja fizikal dalam bentuk tenaga manusia bagi menyokong dan menjalankan berbagai-bagai kerja yang wujud dalam masyarakat peribumi. Penglibatan dalam aktiviti perdagangan



ini dikawal sepenuhnya oleh golongan bangsawan yang bertindak sebagai perantara pedagang dan pembekal (Jainuddin Malik, 1991).

Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa golongan hamba telah memainkan peranan yang sangat penting dalam kegiatan ekonomi sesebuah kerajaan. Penglibatan mereka sebagai orang suruhan untuk mencari hasil bumi untuk tujuan perdagangan adalah penting berdasarkan latar belakang golongan ini sendiri yang terdiri daripada golongan penduduk masyarakat kelas bawah.

Dalam hal ini, kepentingan tenaga kerja manusia amat diperlukan apatah lagi melibatkan kerja yang dijalankan dalam skala yang besar. Penglibatan golongan pemerintah dalam aktiviti ekonomi khususnya dalam kegiatan perdagangan juga turut menjadi faktor yang mengalakkan perhambaan berlaku. Permintaan yang tinggi daripada pedagang asing menyebabkan aktiviti ekonomi seperti mencari sarang burung, rotan, damar dan mutiara memerlukan tenaga kerja yang ramai dan kos yang tinggi. Oleh itu, dengan penglibatan golongan hamba, pembesar atau pedagang tempatan yang terlibat dengan aktiviti perdagangan di Borneo tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk mendapatkan barang yang mereka perlukan (Baszley Bee Basrah Bee, et al, 2009).

### Ketenteraan

Selain daripada digunakan untuk tujuan pengaruh politik dan aktiviti perdagangan, golongan hamba juga kerap digunakan untuk menguatkan jentera perang. Pada dasarnya, golongan hamba merupakan pengikut setia kepada tuan mereka tanpa mengira ia berkedudukan tinggi dalam masyarakat atau sebagai seorang pembesar dalam kawasan tersebut. Oleh itu, apabila berlaku peperangan antara suku ataupun dengan kerajaan lain, pembesar lebih cenderung untuk menggunakan hamba sebagai tentera dalam peperangan tersebut (James Francis Warren, 1981).

Dalam hal ini, golongan hamba patuh dan tidak melanggar arahan daripada tuan mereka walaupun berdepan risiko kehilangan nyawa. Tidak hairanlah golongan hamba ini kerap digunakan untuk tujuan peperangan bagi mengekalkan kuasa pembesar di kawasan yang mereka jaga. Selain itu, hamba turut digunakan oleh penjenayah sebagai anggota mereka yang berperanan sebagai pengayuh perahu yang digunakan untuk merompak dan aktiviti perlanunan lain di perairan Borneo (James Francis Warren, 1981).

Hamba yang memiliki peranan sebagai tentera diberikan pakaian yang lebih baik berbanding dengan hamba yang lain. Mereka juga turut dibekalkan senjata seperti keris bagi melindungi tuan mereka terutamanya dalam perjalanan yang jauh. Keadaan ini sebenarnya telah mewujudkan

hubungan yang rapat antara tuan dan hamba mereka.

Selain itu, jika kematian penduduk sesebuah kampung melebihi musuhnya, maka pihak musuh tersebut perlu memberikan seorang hamba yang akan diserahkan kepada musuh mereka untuk dibunuh sehingga bilangan mangsa kedua belah pihak menjadi sama. Dalam hal ini, hamba digunakan sebagai korban bagi menggantikan nyawa manusia yang terbunuh dalam peperangan di kampung atau kaum. Ini dikatakan kaedah yang digunakan untuk mencari perdamaian dan menghentikan peperangan antara kampung tersebut (Yap Beng Liang, 1990).

### Pertanian Tradisional

Fungsi hamba pada zaman tersebut juga sebenarnya digunakan dalam aktiviti pertanian khususnya sektor yang berskala besar serta memerlukan tenaga kerja yang ramai. Pembesar yang menguasai sesebuah kawasan cenderung untuk mengambil hamba yang ramai kerana digunakan untuk mengusahakan tanah milik pembesar ini (Aping Sajok, 2016). Hamba akan diambil untuk mengerjakan tanah untuk pertanian termasuklah sawah padi. Ini sebenarnya memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk tujuan memudahkan dan meringankan kerja tersebut. Oleh itu, hamba sangat diperlukan kerana faktor upah yang tidak diperlukan.

Suku kaum yang terlibat dalam aktiviti perhambaan seumpama ini lebih tertumpu kepada kaum peribumi yang

lebih cenderung untuk kegiatan ekonomi berasaskan pertanian dan mencari hasil hutan. Namun demikian, hamba yang mereka miliki adalah diperolehi daripada penjual hamba ataupun daripada hamba warisan.

### Kesimpulan

Keadaan amalan perhambaan di Borneo Utara telah diterima sebagai suatu budaya dalam sesetengah kaum peribumi. Budaya ini dijadikan tradisi oleh golongan yang memerintah sehingga golongan bawahan menganggap ia sebagai sesuatu yang tidak perlu untuk ditentang. Perhambaan daripada kaca mata masyarakat bawahan adalah suatu peranan yang istimewa apakah lagi jika mereka berkhidmat di bawah pemimpin tempatan yang mempunyai kedudukan atau kekayaan yang lebih tinggi berbanding yang lain. Rentetan itu, terdapat hamba yang sengaja menghambakan diri mereka semata-mata untuk mendapatkan kedudukan yang lebih baik.

### Rujukan

Abdul Rahman Haji Ismail. (2007). *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aping Sajok. (2016). *Sejarah Amalan Perhambaan di Borneo Utara (1800-1942)*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Azmah Abdul Manaf. (2001). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala



Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Beng Liang, Yap. (1990). *Perubahan Sosial dalam Masyarakat Bajau di Kota Belud Sabah*. Tesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

*British North Borneo Herald*. 02 November 1937. Arkib Negeri Sabah.

Dayang Junaidah Awang Jambol. (2009). *Sejarah Perkembangan Golongan Bangsawan Melayu Brunei di Daerah Papar (1881–1963)*. Tesis. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah

Diary of Mr. Pretyman W, First Resident of Tempasuk. 19 September 1879. Arkib Negeri Sabah.

Diary of Pryer W.B. A Trip up The Kinabatangan River. February 1881. Arkib Negeri Sabah.

Hall, Maxwell. (2007). *Labuan Story: Memoirs of a Small Island near the Coast of North Borneo*. Kuala Lumpur: Chung Nam Printing Publishing.

Jainuddin Malik. (1991). *Sejarah Orang-orang Bajau Sabah: Abad ke-19*. Tesis. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Jatswan S. Sidhu. (1995). *Sejarah Sosiekonomi Brunei 1906–1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leong, Cecelia. (1982). *Sabah The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nam Yang.

Lingenfelter, Sherwood G. (1990). *Social Organization of Sabah Societies*.

Kota Kinabalu: Department of Sabah Museum and State Archives.

Mohd Nor Ghani & Noraini Ismail. (1986). *Borneo Abad Kesembilan Belas*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Sarim Haji Mustajab (ed). (2004). *Warisan Budaya Sabah*. Kota kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Payne, Junaidi. (1994). *This is Borneo*. London: New Holland Ltd.

Pryer W.B., Sandakan Diary: 29 September 1879–16 December 1880. Arkib Negeri Sabah.

Ranjit Singh, D.S. (2011). *The Making of Sabah 1865–1941*, Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar Jabatan Ketua Menteri.


Rousseau, Jerome. (1990). *Central Borneo: Ethnic Identity and Social Life in Stratified Society*. New York: Oxford University Press.

Rutter, Owen. (2008). *British North Borneo; an account of its history, resources, and native tribes*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

Sarita Japin. (1998). *Penentangan Keatas Pentadbiran Syarikat Berpiagam di Sabah 1881–1942: Satu Tinjauan*. Tesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sather, Clifford. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah*. New York: Oxford University Press.

Siti Aidah Haji Lokin. (2007). *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran*



*Masyarakat Peribumi Sabah (1881- 1963)*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Treacher, W.H. (1891). *Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Singapore: The Government Printing Department.

Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Tregonning, K.G. (1960). The Elimination of Slavery in North Borneo. *North Borneo News & Sabah Times*. 05 October.

Warren, James Francis. (1971). *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau (1878-1909)*. Athens: Ohio University.

Warren, James Francis. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press.

Wright, L.R. (1970). *The Origin of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.

Zainal Abidin Abdul Wahid. (1996). *Malaysia: Warisan dan Pembangunan (Edisi Kedua)*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.



## Faktor Zina Dan Kesannya Dalam Kehidupan Remaja

Ma Razhanlaily bt Ab Razak<sup>1</sup>, Salasiah Hanin Hamjah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Malaysia.

**Abstrak:** Peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja pada hari ini merupakan masalah yang serius dalam masyarakat. Ramai remaja terjebak dengan masalah sosial yang teruk seperti zina sehingga boleh merosakkan akhlak dan jati diri remaja tersebut. Maka, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi remaja Islam terjebak dalam gejala zina dan kesan buruk zina dalam kehidupan masyarakat khususnya remaja. Reka bentuk kajian ini ialah kajian analisis kandungan. Bahan-bahan berkaitan dikumpul dan dianalisis bagi menjelaskan objektif kajian yang dilakukan. Hasil kajian mendapat terdapat pelbagai faktor keterlibatan remaja dalam gejala zina seperti pengaruh rakan sebaya, media massa, kejutan budaya, sikap ingin mencuba, pergaulan bebas dan sistem pendidikan. Antara kesan buruk zina pula seperti hilangnya sifat malu, tersebar penyakit dan lahirnya anak-anak haram hasil dari perbuatan zina. Maka, kajian ini penting untuk dilaksanakan bagi mengatasi gejala zina yang semakin meruncing dalam kalangan remaja.

**Kata kunci:** remaja, zina, faktor, kesan buruk

## Pengenalan

Remaja sering dikaitkan dengan masalah sosial. Ini mungkin disebabkan banyaknya berita masalah yang disebarluaskan melalui media dilakukan oleh remaja. Perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja ini akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal. Pelbagai fenomena ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan ini akan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Menurut Azizi & Rosnah (2007), fenomena ini mungkin berlaku disebabkan remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membala dendam dan sebagainya.

Masalah remaja merujuk kepada perbuatan dan aktiviti remaja yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat, undang-undang negara dan agama, seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada ibubapa dan seumpamanya (kes juvana). Masalah ini dianggap sebagai kenakalan remaja kerana orang terlibat masih belum matang (belum dewasa). Perlakuan jenayah yang dibuat oleh mereka tidak dikenakan hukuman berat. Hukuman yang dijatuhkan kepada mereka adalah menempatkan mereka di pusat-pusat pemulihan akhlak dan diberi pendidikan khas (Dollah 2006: 180).

Antara masalah remaja yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah

masalah zina. Zina merupakan perkara yang amat dilarang dalam Islam. Jumhur ulama' telah bersepakat hukum zina adalah haram. Menurut Imam Ahmad, dosa yang paling besar selepas dosa membunuh adalah dosa berzina (Wahbah al-Zuhaili 1997: 96). Perbuatan zina adalah dosa yang melibatkan seseorang dengan orang lain iaitu antara lelaki dan perempuan. Di dalam al-Quran Allah meletakkan perbuatan zina tersebut seiring dengan perbuatan membunuh. Ianya menggambarkan bahawa perbuatan zina tersebut sangat besar dan hina di sisi Allah SWT. Dalam banyak-banyak perintah larangan Allah SWT terhadap sesuatu perkara, di dalam perbuatan zina Allah SWT telah melarang manusia dari melakukannya dengan perintah pencegahan, bukan melarang secara terus. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Israa':32, yang jelas Allah SWT meletakkan perintah pencegahan kepada manusia sebelum berhadapan dengan perbuatan zina. Allah SWT secara terang-terangan mencegah manusia daripada menghampiri apa sahaja perbuatan yang membawa kepada gejala perbuatan zina, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, sama ada secara sedar mahupun tidak sedar dan sama ada sekecil-kecil perkara hingga kepada sebesar-besar perkara. Rasa untuk melakukan zina menebal dan mengatasi segala-galanya ketika nafsu masing-masing memuncak dan membara. Godaan syaitan bermaharajalela pada diri mereka. Rasa berdosa dari hasil zina langsung tidak timbul sama sekali. Akibat godaan syaitan, mereka ter dorong dengan perbuatan yang keji itu dan

mengetepikan agama. Yang haram seolah-olah dihalalkan oleh mereka sendiri. Lebih teruk lagi ada antara mereka mengambil kesempatan untuk tinggal bersama seperti pasangan suami isteri semata-mata kemaruk seks dan rela melakukan zina yang terlarang itu secara berterusan. Ekoran seronok dengan zina mereka tidak lagi memikirkan hidup yang penuh noda dan dosa (Zaman Azad Khan & Mohd Aizat bin Mohd Saleh 2011).

Zina yang dilarang agama Islam itu merangkumi pelbagai peringkat usia dan golongan. Mereka mengetepikan agama, tidak mematuhi larangan meskipun bakal dilaknat Allah SWT dan mendapat dosa besar daripada pelakuan zina. Ia tidak kira jawatan ataupun pangkat, miskin ataupun kaya. Pemimpin besar dan yang berjawatan profesional turut terlibat dalam gejala yang tidak bermoral ini. Walaupun tangkapan perlakuan khalwat sering kali dilakukan pihak berkuasa, namun gejala itu dilihat berterusan dan berleluasa. Mereka yang terbabit dilihat tidak serik daripada hukuman yang dikenakan sebagaimana dipaparkan di akhbar-akhbar (Zaman Azad & Mohd Aizat 2011).

### **Faktor-Faktor Yang Mendorong Remaja Terjebak Dalam Zina**

Menurut Abd Rahim (2006: 9), golongan remaja menyesuaikan dirinya dengan faktor-faktor persekitaran keluarga, persekitaran sosial dan budaya yang akan mencorakkan perkembangan tingkah laku mereka. Memandangkan remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara dan bakal memainkan

peranan dalam mencorakkan masa depan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara kita, maka penyelidik merasakan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial perlu dibuat dan dilaksanakan.

### **Pengaruh rakan sebaya**

Rakan merupakan teman yang paling akrab dalam hidup seseorang. Segala masalah dan nasihat sering dibincang bersama rakan malah rakan juga adalah titik tolak kepada pengaruh gejala yang sihat mahupun tidak sihat. Kurangnya pengetahuan dalam memilih rakan boleh membahayakan diri sendiri. Oleh itu, setiap individu mestilah berhati-hati dalam memilih rakan kerana rakan sebaya memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi remaja kearah masalah sosial. Muhd Mansur & Siti Nordinar (1988) seterusnya menjelaskan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang banyak terhadap tindakan dan perlakuan seseorang. Hal ini kerana, mereka mengalami banyak pertukaran fizikal, perkembangan sosial dan psikologi yang sama.

Seltzer& Waterman (1996: 461-482), menyatakan dalam zaman remaja wujud *peership* iaitu persahabatan yang unik kepada remaja. Rakan sebaya berumur lebih kurang sama dengan remaja tersebut. Rakan sebaya bagi remaja terdiri daripada rakan persekolahan, rakan yang tinggal di kawasan perumahan yang sama, rakan-rakan dalam aktiviti riadah dan sukan yang sama. Mereka lebih bergantung kepada rakan sebaya. Rakan sebaya merupakan

sumber utama dalam meniru gaya dan tingkah laku setiap individu.

Semasa zaman remaja, pergantungan kepada ibu bapa semakin berkurang kerana remaja mula belajar untuk lebih berdikari. Ruang sosial remaja juga semakin meluas dan mereka mula menjadi lebih rapat dengan rakan sebaya. Bagi remaja, dirinya amat penting diterima oleh rakan-rakan kerana hidup sendirian adalah menakutkan. Oleh itu, remaja cenderung untuk bertingkah laku sebagaimana rakan-rakannya walaupun tingkah laku itu bertentangan dengan sikap diri sendiri bagi memastikan mereka diterima oleh rakan-rakan (Azizah 2012: 124)).

Menurut Zainuddin et. al (2008:108) walaupun semasa meningkat remaja pengaruh rakan sebaya mula kelihatan, namun hubungan yang mantap dengan ibu bapa membolehkan keluarga terus memberi pengaruh besar dalam kehidupan dari aspek membuat keputusan penting, pilihan jenis rakan sebaya dan nilai-nilai agama dan budaya.

### **Pengaruh media massa**

Pengaruh media massa dan persekitaran turut menjadi penyumbang terbesar kepada keruntuhan akhlak remaja. Zaman serba moden ini terdapat pelbagai taktik atau cara yang lebih kompleks digunakan untuk merosakkan jiwa dan fikiran remaja, khususnya remaja Islam. Sebagai contoh, rancangan hiburan yang keterlaluan aksinya sehingga menjatuhkan maruah dan harga diri sebagai wanita Islam. Aksi berpelukan antara wanita dan lelaki Islam dianggap sebagai perkara biasa

dalam kalangan masyarakat menyebabkan lebih banyak remaja terlibat dalam gejala sosial yang tidak sihat (Abdullah 2000: 7).

Internet merupakan suatu kaedah terpantas penyebaran segala bentuk ilmu pengetahuan dan sebagainya. Pelbagai pihak telah menggunakan peluang ini bagi memenuhi tuntutan dan keperluan pengguna. Pelbagai bidang dan subjek menjadi minat pengguna terdapat di internet. Bidang-bidang seperti sukan, pelancongan, akademik, masakan, kereta, percintaan dan bermacam lagi aspek dalam kehidupan sehari-hari dapat diperolehi dari internet dengan mudah. Dengan hanya menekan tetikus dan menggunakan aplikasi yang bersesuaian, pengguna boleh mendapatkan citarasa yang diinginkan di internet. Salah satu bidang yang sering dikunjungi oleh sejumlah besar pengguna internet adalah seks (Ahmad Rizal 2005).

Media teknologi dan media massa yang kurang kawalan dan membawa kepada keruntuhan akhlak dan tatacara hidup yang tidak sepatutnya banyak menyumbang kepada keruntuhan akhlak remaja pada masa kini. Banyak bahan-bahan yang tidak sesuai boleh memasuki internet seperti gambar lucu dan video-video lucu boleh didapat dengan mudah. Jadi tidak mustahillah ramai remaja terjebak dalam perkara-perkara negatif kerana unsur-unsur negatif tersebut boleh didapati oleh setiap orang di mana-mana sahaja dengan mudah (Hariza & Ermanelly 1997).

Tambahan pula, kebanyakan filem yang dibawa masuk dari luar negara



membawa norma yang bertentangan dengan budaya kita. Filem *Baywatch* dan filem *Friends* contohnya amat bertentangan dengan nilai hidup masyarakat kita. Pakaian pelakon-pelakon dalam *Baywatch* amat menjolok mata. Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dalam filem *Friends* dikemukakan sebagai suatu perkara yang biasa sedangkan ia bercanggah dengan Islam. Filem-filem dari dunia *Bollywood* dengan cara pemakaian pelakon wanita yang ketat dan seksi serta elemen tasyul yang boleh merosakkan minda masyarakat dan mendorong mereka menjadi jahat (Zulkifli: 8-9). Walaubagaimanapun, filem-filem tempatan juga turut menyajikan aksi-aksi dalam filem yang tidak ubah seperti filem Barat.

Selain itu, program-program dan rancangan yang dipaparkan melalui media massa mempunyai pelbagai bentuk sehingga menarik perhatian remaja. Hasil daripada rancangan tersebut memberi ruang kepada remaja untuk berfikir atau memilih sama ada positif ataupun negatif untuk dicontohi. Hasilnya remaja akan mengikuti penampilan ataupun akhlak yang ditonjolkan melalui media massa tersebut sama ada ianya positif mahupun negatif (Wan Norina et al. 2013: 19).

Selain itu, bahan lucah juga mempunyai pengaruh yang kuat kepada pemikiran anak-anak. Bahan-bahan lucah ini boleh diperoleh dengan mudah di internet, VCD dan majalah. Oleh itu, ibu bapa perlu mengawasi anak-anak supaya tidak terlibat dalam pencarian bahan-bahan lucah. Bahan lucah ini jika sering dilihat akan menimbulkan

rangsangan nafsu dan ketagihan. Anak-anak yang terjebak dengan masalah ini akan berasa gelisah dan sanggup berusaha untuk mendapatkannya. Bahkan, sesetengahnya pula bertindak meredakan nafsu denga onani, seks bebas dan sebagainya (Rokiah 2007: 61).

Nasruddin et.al (2007: 489) dalam kajiannya pula berkata, kemudahan internet mempunyai implikasi negatif jika ianya disalahgunakan atau tidak dipantau dengan baik. Pelajar-pelajar boleh mendapatkan maklumat yang berguna daripada internet tetapi pada masa yang sama mereka terdedah dengan pelbagai maklumat negatif seperti bahan lucah atau porno, subversif an keganasan yang boleh menyelewengkan akidah mereka. *Chatting* yang tidak terkawal menyebabkan pelajar membuang masa atau terjebak ke alam fantasi sehingga pelajaran mereka terabai. Maka, bahan-bahan dan maklumat dari laman-laman web yang dilayari turut memberi kesan kepada perkembangan akhlak dan amalan harian para pelajar.

Tambahan pula, penyiaran drama atau filem yang memaparkan aksi ganas, porno dan sebagainya dapat mendorong remaja yang menontonnya meniru aksi-aksi tersebut yang dipertontonkan tanpa menyedari akibat daripada perbuatan tersebut dan menganggap itu sebagai perkara remeh dan biasa. Sebagai contoh, telah menjadi kebiasaan drama-drama dan filem memaparkan hubungan sepasang kekasih yang berpegangan tangan sebagai lambang kasih. Oleh itu, bagi remaja yang sering menonton drama-drama atau filem seperti itu akan

merasakan perkara tersebut adalah biasa dan seterusnya mereka juga melakukannya tanpa menyedari perkara tersebut telah melanggar syariat Islam yang sering memelihara kesucian umatnya (Siti Zaleha Binti Shafie 2014: 73-74).

Kanak-kanak dan remaja sepatutnya dide dahukan dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat selain menonton televisyen semata-mata. Hal ini kerana, televisyen yang penuh dengan iklan yang mengandungi unsur-unsur yang menggalakkan sikap negatif yang mendatangkan masalah dan maksiat kepada Allah SWT memang memberi kesan kepada anak-anak terutama para remaja mudi jika ia adalah paparan yang selalu ditonton oleh mereka. Mereka akan memandang kaum perempuan yang tidak menutup aurat, percampuran dan perhubungan bebas antara lelaki dan perempuan ajnabi, seks, rokok dan sebagainya adalah satu perkara biasa kerana mereka beranggapan ia telah diterima oleh masyarakat sebagaimana dipaparkan di dalam cerita, program dan iklan di televisyen dari semasa ke semasa (Asar Abdul Karim 2007:159).

### **Kejutan budaya**

Kejutan budaya yang dibawa oleh anasir-anasir Barat cukup memberi kesan terhadap masalah sosial remaja Islam. Gaya hidup yang bebas dan pemakaian penyanyi-penyanyi Barat telah mempengaruhi minda dan fikiran remaja-remaja Islam. Sebagai contoh isu yang hangat diperbualkan kini apabila beberapa remaja wanita Islam dengan rela hati berpelukan dan bercium dengan penyanyi pujaan korea mereka tanpa

menghiraukan maruah dan harga diri mereka sebagai wanita Islam (Siti Rugayah 1997: 66).

Gejala seks bebas, pengguguran janin, kelahiran anak luar nikah dan pembuangan bayi khususnya dalam kalangan remaja tidak lagi menjadi perkara asing dalam masyarakat. Budaya seks bebas yang dibawa dari Barat ini sebenarnya telah mengheret manusia jauh dari peradaban apatah lagi mematuhi prinsip dan dasar Islam (Farahwahida & Norazila 2011: 19). Umat Islam mula memisahkan diri dari agama kerana menganggap ianya hak individu dan bukan masyarakat atau negara selain beranggapan Islam sebagai agama untuk akhirat semata-mata dan hanya terkandung di dalam dua kalimah syahadat. Islam juga dianggap tidak sesuai dicampur adukkan dengan politik, hukuman Islam bersifat kejam dan tidak relevan malah lebih teruk dari hukuman Barat, sedangkan keimanan pula boleh bercampur dengan kemaksiatan dan sebagainya (Haron Din 1992: 12-23).

Masalah kejutan budaya ini sebenarnya turut disebabkan oleh berlakunya penghijrahan masyarakat dari kampung-kampung ke bandar. Kebanyakan sekarang ramai remaja dari kampung datang ke bandar-bandar besar untuk mencari kerja. Mereka ini berjauhan dengan keluarga masing-masing dan tidak ada waris terdekat yang boleh mengawasi mereka. Ditambah lagi kerana kurangnya iman menyebabkan mereka mudah terjebak ke sarang maksiat dan masalah sosial yang lain (Hariza & Ermanelly 1997: 8).

## Sikap ingin mencuba

Fariyah (2006) menyatakan dalam kajian beliau bahawa sikap ingin mencuba dalam kalangan remaja menyebabkan seseorang remaja mudah terpengaruh dengan gejala sosial. Masyarakat pada hari ini lebih menumpukan kepada kehidupan yang bebas daripada terikat dengan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini. Sikap ingin mencuba atau memiliki sesuatu yang baru ini menyebabkan pelbagai masalah sosial di kalangan remaja tanpa mereka menghiraukan kesan disebaliknya (Zulkifli 2000:129).

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Amran (1993:130), menunjukkan terlalu banyak kes-kes berkhawlwat ataupun kes persetubuhan haram berpunca daripada keberaniaan pasangan perempuan menerima ajakan tidur di rumah sewa pasangannya, di hotel, di tempat kerja pasangan lelaki dan sebagainya. A. Seme & D. Wirtu (2008:172) pula menjelaskan bahawa keinginan untuk membina hubungan dengan teman lelaki dan tekanan rakan sebaya menyebabkan ramai remaja melakukan seks bebas. Malahan akbat tiada kemahiran untuk menolak ajakan teman lelaki menyebabkan ramai dalam kalangan remaja terlibat dengan seks bebas. Kebayakan remaja tidak memikirkan kesan yang berlaku akibat perbuatannya serta tidak mempunyai jati diri serta prinsip diri yang mantap sehingga menyebabkan mereka takut teman lelaki mereka kecewa atau meninggalkannya kerana menolak ajakan tersebut.

## Sistem pendidikan dan persekolahan

Sistem pendidikan pada hari ini sedikit sebanyak turut memberi impak dalam pertambahan gejala sosial dikalangan remaja Islam. Pendidikan pada hari ini berhadapan dengan dua sistem kurikulum iaitu kurikulum biasa dan kurikulum sekolah agama. Bagi remaja yang berhadapan dengan sistem pendidikan yang datang dari sekolah agama, mereka yang terlibat dengan krisis akhlak cukup minimum berbanding remaja yang mengikuti pendidikan di sekolah biasa. Hal ini dapat dilihat apabila seseorang remaja masih tidak dapat menguasai ilmu fardhu ain walaupun sudah mencapai umur akil baligh (Hariza & Ermanelly 1997: 7). Seseorang individu itu bukanlah dilihat dari sudut zahir sahaja bahkan di dalam Islam aspek zahir dan batin turut ditekankan bagi melahirkan individu yang lebih mantap imannya.

Ezad Azraai et al. (2006) menjelaskan bahawa kegagalan mempraktikkan struktur pendidikan yang diperkenalkan oleh Islam iaitu *tadris*, *tarbiyah* dan *ta'dib* mempunyai kaitan dengan kegagalan penerapan nilai-nilai moral di kalangan remaja dan kesedaran moral di kalangan dewasa. Selain itu, disiplin sekolah yang longgar, ibubapa tidak mengambil tahu kemajuan dan pencapaian anak di sekolah dan guru tidak mengambil tahu masalah yang dihadai oleh murid-murid juga turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja (Dollah 2006: 183).

Faktor yang mendorong remaja terlibat dalam masalah sosial juga sedikit



sebanyak berpunca daripada guru yang kurang berminat dengan kerjayanya. Hal ini menyebabkan mereka tidak bersungguh-sungguh mengasuh pelajar dan menjaga tingkah laku pelajar. Selain itu, terdapat sesetengah guru yang kurang berinteraksi dengan ibu bapa untuk menangani salah laku pelajar. Tambahan pula, pengetua atau guru besar turut menyembunyikan kesalahan disiplin pelajar bagi menjaga nama baik dan imej sekolah (Ayub 2000: 22).

Sekolah juga bertanggungjawab dalam menyuburkan kegiatan salah laku di kalangan pelajar dan generasi muda. Tindakan sesetengah pengetua sekolah yang menyembunyikan gejala keruntuhan moral dan akhlak pelajar bagi menjaga imej dan nama baik sekolah adalah pencetus bercambahnya kerosakan akhlak dalam kalangan remaja. Segala bentuk kepincangan sengaja disorokkan dengan alasan menjaga kredibiliti pengetua sebagai pemimpin. Selain itu, pengetua bimbang jika kes salah laku dilaporkan kepada pihak atasan mahupun pihak media maka nama sekolah akan terjejas dan mungkin disenaraihitamkan dan peluang untuk kenaikan pangkat atau gaji akan terjejas (Aminuddin 2004: 46).

### Kurang perhatian ibu bapa

Kurangnya perhatian daripada ibu bapa adalah faktor dalaman terbesar dalam diri seseorang remaja. Anak-anak yang tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada kedua ibubapa merasakan bahawa mereka tidak mendapat kasih sayang yang sewajarnya. Ini menyebabkan mereka merasakan perlu mencari sesuatu untuk memenuhi ruang

kosong yang tidak diperolehi daripada keluarga mereka. Apabila hal ini terjadi, anak-anak merasakan bahawa kekosongan yang perlu diisi tersebut boleh didapati di luar rumah. Maka terjadilah perbuatan yang tidak bermoral antara lelaki dan perempuan tanpa batasan dan sekatan daripada ibu bapa (Amran 1993: 129).

Sesetengah ibubapa tidak mengambil berat pertumbuhan anak-anak. Malah ada yang menswastakan tanggungjawab pendidikan anak-anak kepada orang ketiga seperti orang gaji, nursery, jiran tetangga, kawan-kawan dan sebagainya. Kesannya menyebabkan rasa kasih sayang dan hormat kepada ibu bapa berkurangan dan akhirnya terhakis. Apabila membesar, nasihat dan teguran daripada ibubapa akan sentiasa diingkari oleh mereka (Amira Syamimi 2001: 19).

Selain itu, pada masa kini sikap ibubapa yang lebih suka meletakkan tanggungjawab mendidik anak mereka kepada pihak sekolah telah menjadi budaya yang semakin meruncing. Budaya suka melepaskan diri sepatutnya tidak berlaku sekiranya ibubapa mempunyai perasaan tanggugjawab yang tinggi serta faham fungsi masing-masing. Banyak kes gejala sosial generasi muda disandarkan kepada kegagalan institusi keluarga. Ibubapa lebih berorientasikan kebendaan sanggup meninggalkan anak mereka terabai di rumah tanpa kasih sayang secukupnya. Anak-anak yang berasa terabai lebih cenderung memenuhi kekosongan kehidupan mereka dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah (Aminuddin 2004: 48-49).

Selain itu, kesan *communication breakdown* juga menyebabkan hubungan antara ibu bapa dan anak menjadi renggang sehingga menimbulkan konflik dalam diri remaja. Justeru itu, remaja mula menjadikan orang lain seperti rakan sebaya untuk meluahkan perasaan dan menghilangkan tekanan. Ini menyebabkan mereka mula terdedah dengan pengaruh luar dan tingkahlaku yang bertentangan dengan agama dan norma masyarakat seperti seks bebas. Kurangnya komunikasi ibu bapa khususnya ibu dan anak serta hubungan yang tidak rapat ini boleh mempengaruhi tingkahlaku anak-anak (Azizah Binti Mahadi 2012:120).

### **Kurang didikan dan penghayatan agama**

Hasil kajian yang dilakukan oleh Amran (1993: 128) menjelaskan bahawa punca utama yang menyebabkan seseorang itu terlibat dengan kesalahan jenayah syariah ialah kerana tiada didikan agama. Apabila seseorang itu tidak mempunyai didikan agama, atau mempunyai didikan agama tetapi tidak kuat, maka hubungan kekeluargaan seseorang itu akan lebih longgar antara satu sama lain. Hal ini akan menyebabkan seseorang individu lebih bebas bergerak tanpa pengawasan daripada ibubapa. Anak-anak yang tidak mempunyai didikan agama kebanyakannya lahir daripada keluarga yang tidak mementingkan masal

Menerusi kajian sarjana Hasyim@Fauzi (2002:76), kekurangan fahaman agama, akhlak serta nafsu yang tidak dapat dikawal adalah punca utama berleluasanya amalan seks bebas.

Menurut beliau lagi, agama adalah benteng utama manusia mencegah daripada perbuatan mungkar. Berdasarkan dapatan kajian Amaludin (2005: 238) pula mendapati bahawa permasalahan sosial yang dialami oleh responden ada hubungan rapat dengan faktor keagamaan sebagai faktor penyumbang utama. Sebanyak 42.2 peratus responden mengakui bahawa pendidikan agama yang responden terima mencukupi berbanding dengan 19.5 peratus yang menyatakan sebaliknya. Manakala 8.0 peratus responden menyatakan pendidikan agama yang responden perolehi masih kurang menyebabkan responden terjebak dengan permasalahan sosial.

Kajian Azizah (2012:138) pula menghuraikan bahawa faktor kelemahan agama menunjukkan min yang tinggi berbanding faktor-faktor lain. Kebanyakan responden masih tidak melaksanakan amalan asas dalam Islam seperti solat serta amalan pelengkap iaitu doa dan zikir, solat jemaah dan *tazkirah*. Mereka juga melanggar hukum Allah SWT dengan membuka aurat yang merupakan antara pintu bermulanya perzinaan. Namun, dalam kajian Azizah ini terdapat seorang responden yang agak konsisten dengan pemilihan jawapan yang sangat baik. Akan tetapi, berkemungkinan responden tersebut melaksanakan pengamalan agama namun dalam satu ketika tertentu beliau telah terpedaya dengan nafsunya sendiri dan pujuan syaitan sehingga terlibat dengan seks bebas.

Menurut Zulkifli (T.th:7), fahaman keagamaan yang cetek turut membantu dalam pertumbuhan gejala sosial.

Malang bagi umat Islam jika hanya tahu tentang agamanya secara serpihan sahaja. Terdapat mereka yang faham agama dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah solat, puasa, tahlil, aqiqah dan beberapa juzuk kecil yang lain sahaja. Mereka tidak mendalamai agama mereka sebagai suatu yang bertitik tolak dari akidah dan segala penyimpangan dari aspek hidup beragama yang bernoktahkan dosa dan pahala. Mereka tidak memahami hukum-hukum agama yang akan mempengaruhi sikap mereka dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan.

### **Pergaulan Bebas**

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan adalah punca kepada perbuatan yang tidak sopan. Islam melarang keras perbuatan tersebut kerana sifatnya yang merapatkan hubungan antara lelaki dan perempuan *ajnabi* boleh mendorong pasangan tersebut berkelakuan tidak sopan, berkhawatir dan berkemungkinan besar terjerumus dengan penzinaan (Ainul Bashirah et al. 2012 ; Dollah 2006: 183). Siti Hajar (2002) pula menjelaskan seseorang yang terjebak dengan seks bebas kebanyakannya adalah ekoran daripada berkhawatir atau duduk bersunyi-sunyian antara lelaki dan perempuan. Secara psikologi, lelaki dan perempuan yang bukan mahram yang sedang berdua-duaan akan mudah mengalami total refleks, iaitu keadaan di mana seorang wanita tidak mampu berbuat apa-apa pada saat lelaki ter dorong melakukan hubungan seksual dengannya.

Isu pergaulan bebas yang semakin kritis seringkali menjadi bahan utama setiap kali menatap dada akhbar dan majalah. Pembangunan industri yang kian pesat disusuli dengan pertumbuhan pusat-pusat membeli belah telah menyediakan ruang yang luas untuk aktiviti melepak di antara lelaki dan perempuan tanpa batasan. Faktor utama yang menyebabkan pergaulan bebas ini berlaku antaranya adalah ketidakprihatinan keluarga dan kekurangan komunikasi antara anak dengan ibubapa. Ibubapa yang berkerjaya umpannya telah menyebabkan anak-anak merasa terasing dan kesunyian sekaligus mereka mencari alternatif dengan mencari kawan atau teman untuk menghilangkan kebosanan. Tanpa pengawasan dan pengawalan yang ketat, gejala pergaulan bebas ini dianggap sebagai budaya yang biasa bagi manusia yang hidup dalam dunia kosmopolitan tanpa mengambil sensitiviti agama (Nik Rosliza 2005:29).

Kejadian zina juga timbul akibat daripada keadaan yang dicetuskan oleh mangsa itu sendiri. Wanita itu mungkin membenarkan lelaki bercumbu-cumbuan walaupun tidak membenarkan melakukan persetubuhan. Pergaulan bebas tanpa batas dalam majlis tari menari, diskò dan kelab malam adalah antara suasana yang menghairahkan dan menaikkan syahwat yang menjadi faktor penyebab bagi kejadian zina. Pakaian yang mendedahkan bahagian badan seperti dada, betis, dan paha juga salah satu faktor yang menimbulkan kejadian zina (Mohd Redzuan 1990:115).



## Kesan Buruk Gejala Zina Terhadap Kehidupan Remaja

Perzinaan merupakan salah satu perkara yang menyebabkan kacau bilaunya keturunan dan mengancam serta menghancurkan institusi keluarga. Tidak hairanlah jika semua agama samawi mengharamkannya, termasuk agama Islam sebagai agama yang terakhir. Perzinaan juga menghancurkan hubungan persaudaraan, menyebarkan penyakit, nafsu liar dan kemerosotan moral.

Sudah menjadi ketetapan Islam bahawa jika ia mengharamkan suatu perkara, maka ia pun akan menutup semua celah dan jalan yang menuju kearah perkara tersebut. Islam juga mengharamkan semua perkara yang menjadi penghubung berlakunya perzinaan. Semua aspek yang boleh merangsang nafsu seks, menimbulkan fitnah, menggoda, dan pelbagai aspek yang mendekatkan berlakunya perzinaan adalah diharamkan oleh Islam. Sikap ini diambil sebagai langkah pencegahan atas berlakunya kerosakan yang mungkin sahaja akan menimpakan Muslim (Abu Jabir Muhammad 2007: 120); (Yusuf al-Qardhawi 1985: 166-167).

Islam telah megharamkan zina dan tegahan mahupun larangan dalam Islam bukanlah bersifat emosional semata-mata tetapi terdapat rasional yang boleh dinilaikan bersama. Semua agama di dunia khususnya agama samawi bersetuju menerima bahawa zina merupakan suatu perlakuan keji serta boleh menyumbang kepada

pelbagai musibah pada individu dan masyarakat yang mejadikannya sebagai suatu budaya (Nazirah 2015: 31).

### Hilangnya sifat malu

Antara risiko dan seksaan yang dirasakan orang yang melakukan dosa ialah lenyapnya sifat malu. Malu adalah sumber kehidupan hati dan pokok pangkal segala kebaikan. Kehilangan rasa malu menyebabkan hilangnya segala kebaikan hamba secara total (Burhan Sodiq 2012:61). Maksiat dapat melenyapkan perasaan malu. Malu ialah sumber kebijakan, namun jika rasa malu telah hilang maka hilanglah seluruh kebaikannya (Ismail & Saulah 2012: 113).

Dosa-dosa yang dilakukan akan menyebabkan sifat malu seorang hamba itu menjadi lemah. Sehingga boleh jadi sifat malu ini terlepas dan hilang sama sekali. Akhirnya seorang hamba itu tidak menaruh sebarang kesan jika kejahatannya terbongkar atau terdedah kepada orang ramai. Bahkan terdapat juga di antara golongan-golongan ini yang menceritakan keadaan dan kejahatannya sendiri tanpa rasa malu. Faktor yang menyebabkan golongan-golongan tersebut bertindak sedemikian adalah kerana dirinya telah terluncur atau terlepas daripada kawalan sifat malu tersebut (Nik Abdul Aziz 2009:118; Jaafar 2010:27).

### Tersebarnya Penyakit

Perbuatan zina atau hubungan seks di luar pernikahan akan mengakibatkan penyakit kelamin seperti *syphilis* dan *gonorrhoea* (kencing nanah). Kedua jenis penyakit kelamin ini banyak tersebar ke

seluruh dunia pada masa kini. *Syphilis* dan *gonorrhoea* berasal dari kuman-kuman yang menyerang alat kelamin dan boleh menular atau berjangkit kepada orang lain setelah mengadakan hubungan seks (Muhammad Ali Imran 1996:103).

Menurut H Zeith Al Hamid (1995:73-74), kedua-dua penyakit ini timbul dari virus-virus hidup yang menimpa alat kelamin dan berpindah dengan cara penularan dari seseorang kepada seseorang yang lain melalui hubungan kelamin. Penyakit *gonorrhoea* ini disebabkan oleh bakteria yang dipanggil *gonococ* dan ciri dari bakteria ini adalah menyerang selaput lendir yang menutupi anggota-anggota peranakan dan saluran kencing dan menyebabkan infeksi dan pengeluaran nanah padanya.

Selain itu, penyakit yang boleh datang hasil dari penzinaan adalah AIDS. AIDS ialah kehilangan sistem imunan tubuh seseorang. Inilah penyakit terhebat yang menyerang manusia. Oleh yang demikian, ia telah dianggap sebagai virus "taun moden". Virus AIDS pertama kali dikesan ialah pada tahun 1981. Para saintis menganggap penyakit ini adalah yang paling berbahaya sejak kemunculannya, bahkan lebih bahaya daripada kanser kerana sehingga sekarang masih belum ditemui penawarnya. Ini kerana virus AIDS adalah penyakit yang berjangkit dan ianya memiliki tanda-tanda yang ketara secara serentak permulaan dan pengakhiran dengan kehilangan kekebalan semulajadi tubuh yang mampu mencegah serangan penyakit. Tanda utamanya adalah bengkak-

bengkak, berat badan berkurang, badan semakin lemah diikuti dengan kesukaran untuk bernafas dan diakhiri dengan kematian (Mohd Syamil & Adriana Balqis 2010:52-53).

### Lahirnya Anak-Anak Haram

Apabila perbuatan zina sudah menjadi budaya, maka keturunan manusia tidak dapat lagi melahirkan zuriat yang dapat mewarisi dari keturunan yang soleh. Maka sudah tentu anak yang dilahirkan oleh seorang peremuan yang berzina tidak diketahui asal usul keturunannya. Bahkan, lelaki yang tidak bertanggungjawab sudah tentu tidak bersedia menerima bayi yang bukan dari keturunannya apalagi mahu bertanggungjawab untuk memelihara atau mendidiknya. Perkara akan menjadi semakin rumit apabila anak tersebut perlu dinasabkan, malah semakin keliru apabila anak zina menjadi dewasa dan ingin berkahwin (Ishak Mat Tahir 2013:169 ; Iqra' al-Firdaus 2013:64).

Seseorang yang lahir dari perkahwinan haram, ketika menghadapi masyarakat akan merasa rendah diri kerana aib telah terconteng di mukanya sejak lahir. Ia akan merasakan kesulitan di dalam menempuh bahtera kehidupan dan jalan yang akan ditempuhnya penuh dengan rintangan-rintangan (Abu Vida Anshari 2012:114-115; Burhan Sodiq 2012:63). Anak-anak yang lahir di luar pernikahan akan dibesarkan dalam keadaan kurang kasih sayang ibubapa. Hal ini sangat membahayakan perkembangan jiwa anak-anak tersebut. Kebanyakan di antara mereka yang cenderung berbuat jahat adalah anak-anak yang merasa kekurangan kasih

sayang ibubapa (Muhammad Ali Imran 1996:108; H Zeith Al Hamid 1995:75).

Tambahan pula, manusia tidak mengetahui bahawa anak yang telah dilahirkan wanita penzina tersebut dari benihnya atau dari benih orang lain. Akibatnya dia tidak akan berusaha menjaganya dan tidak menganggap sebagai anaknya serta tidak bertanggungjawab atas pendidikannya. Ini menyebabkan hilangnya hak anak tersebut (Mohd Syamil & Adriana Balqis 2010: 51).

## **Penutup**

Satu hakikat yang diketahui umum bahawa umat Islam sekarang ini sedang mengalami cabaran hidup moden yang begitu hebat sekali yang boleh menggugat aqidah dan iman mereka. Ini kerana kebanjiran falsafah dan ideologi-ideologi moden sekarang seperti gejala sosio-budaya yang berteraskan hendorisme amat mudah mempengaruhi kehidupan umat Islam dan mengelirukan mereka malah ada dikalangan umat Islam yang berkelakuan dan bertindak sehingga sampai ke peringkat melampaui batas-batas kufur, syirik dan nifaq (Zaluddin 1995). Oleh kerana itulah umat Islam yang hidup dalam zaman yang sentiasa mengalami perubahan ini perlu kembali menghayati Islam sebagai *ad-deen* atau satu cara hidup dan hendaklah sentiasa berada di jalanNya yang *Mustaqim* dan beriltizam dengan perintahNya supaya kehidupan mereka di dunia ini diredhai Allah dan di akhirat nanti termasuk dalam golongan yang selamat dan bahagia.

Islam tidak menolak kegiatan seks kerana dengan adanya keinginan berhubungan kelamin antara lelaki dan perempuan atau suami isteri, maka akan membiaklah keturunan manusia, lanjutlah usia dunia, tegaklah syariat Allah dan makmurlah kehidupan di permukaan bumi ini. Akan tetapi, Islam mengawal hubungan seks itu daripada berlaku ganas, sumbang dan menyeleweng. Ahli-ahli fikah dan pakar-pakar perubatan sepakat berpendapat wujudnya keinginan seks pada seseorang remaja menunjukkan ia membesar dalam keadaan yang normal. Penjagaan nafsu dan seks menurut kaedah yang betul adalah suatu kewajipan yang mampu mententeramkan kehidupan manusia dan menyelamatkan hubungan Antara tiga dimensi utama iaitu insan, alam dan Allah (Abdul Hayei 2003: 480).

## **Rujukan**

- Abdul Hayei Abdul Sukor. (2003). *Islam Dan Manusia 1001 Kemosykilan*. Kuala Lumpur: Zebra Editios Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid. (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Universiti Malaya:Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abdullah Muhammad Zin. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial Menuju Alaf Baru*. Dlm. FarizaMd. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (pnys). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.



- Abu Husain Muslim bin al-Hajjaj. (1421). *Sahih Muslim*. Beirut: Dal al-Kutub al-Ilmiyah.
- Abu Jabir Muhammad. (2007). *Halal Dan Haram Menurut Perspektif Islam*. Terj. Yusuf al-Qardhawi. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abu Vida Anshari. (2012). *Dosa Dalam Pandangan Islam*. Terj. Afif Abdullah Fattah Thabbarah. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ahmad Rizal. (2005). *Internet Dan Seks*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ainul Bashirah bt Ismail, Zuliza bt Mohd Kusrin & Mat Noor Mat Zain. (2012). Kesalahan Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan Dan Hukumannya Menurut Islam. *Jurnal Hadhari* 4 (2), 66.
- Amaludin Ab Rahman. (2005). Keperluan Perlaksanaan Kaunseling Islam Dalam MenanganiMasalah Sosial Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Pusat Pemulihan Akhlak Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. (2004). *Pascamoden Perbincangan Sosial*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Amira Syamimi Azman. (2001). *Pembentukan Diri Anak Muda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Amran Kasimin. (1993). Ketiadaan Didikan Agama Punca Utama Kejahatan. *Dlm.Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Asar Abdul Karim. (2007). *Kecemerlangan Tamadun Islam Masa Kini*. Pahang: UniversitiMalaysia Pahang.
- A.Seme & D. Wirtu. (2008). Premarital Sexual Practice Among School Adolescents in NekemteTown, East Wollege Ethiopa. *Journal Health Development*22(2): 167-173.
- Ayub bin Haji Yaakob. (2000). *Salahlaku Jenayah Dan Gejala Sosial Melibatkan Para Remaja Dari Perspektif Polis*. Negeri Sembilan: Pusat Dakwah Islamiah.
- Azizah binti Mahadi. (2012). Faktor Pendorong Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan RemajaMuslim Di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah Sungai Buloh Selangor. Tesis Sarjana.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahya & Rosnah Buang. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gangsterisme di Kalangan Remaja di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Burhan Sodiq. (2012). *Ya Allah.. Jauhkan Aku Dari Zina*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Dollah Mohammed. (2006). *Kaedah Kaunseling Masalah Remaja bab dalam buku Dakwah Dan Kaunseling di Malaysia*. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Haji tibek & Othman Haji Talib (pnyt). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Ezad Azraai Jamsari, Roziah Sidik, Nasrudin Yunos & Zulkarnain Mohamed. (2006). *Pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Farahwahida Mohd Yusof& Norazila bt Sugiman. (2011). Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. *Journal of Education Psychology & Counseling* (1), 19.
- Fariyah bt Hussain. (2006). Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Suatu Kajian Di Alor Star.Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hariza Mohd Yusof & Ermanelly Idrus. (1997). *Masalah Sosial Remaja Semakin Meruncing*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Hasyim@Fauzi Mat Rani. (2002). Perlakuan Rogol Dan Zina Dari Segi Sosiologi Dan Psikologi:Bagaimana Islam Menanganinya: Satu Kajian Di Penjara Kajang. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haron Din . (1992). *Tasawwur Islam*. Shah Alam : Pustaka Hizbi.
- H Zeith al-Hamid. (1995). *Jalan-Jalan Kemurkaan Tuhan*. Terj. Afif Abdul Fathah. Kuala Lumpur: Darul Taqwa.
- Ishak Mat Tahir. (2013). *Di Bawah Lindungan Ilahi*. Pahang: Kemilau Publications.
- Ismail bin Hj Hassan & Saulah bt Dato' Hj Tajudin. (2012). *Mengecap Bahagia Dengan Istighfar Dan Taubat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Iqra' al-Firdaus. (2013). *Azab-Azab Dosa Besar Yang Diperlihatkan Di Dunia*.
- Selangor: al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Jaafar Salleh. (2010). *Dosa Dan Maksiat Kesan Terhadap Ibadah Dan Kehidupan*.Rawang:Pustaka Ilmuwan.
- Mohd Redzuan Aslie. (1990). *Jenayah Di Malaysia: Aliran Punca Penyelesaian*. Kuala Lumpur:AMK Enterprise Sdn Bhd.
- Mohd Syamil & Adriana Balqis. (2010). *Bila Zina Menjadi Budaya*. Kuala Lumpur: Must ReadSdn Bhd.
- Muhammad Ali Imran. (1996). *Pengertian Hukum Dan Pembalasan Dosa Menurut al-Quran Dan al-Hadis*. Hohor Bahru: Perniagaan Jahbersa.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1988). *Psikologi Remaja*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari al-Ja'fi. (1993). *Sahih Bukhari*. Dar Ibnu Kathir.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. (2012). Hubungan Seksual Remaja:Antara Cinta Dan Nafsu:Sexual Relationship Among Adolescent:Between Love And Lust. *Journal of Social Sciences And Humanities*, 7.
- Nasruddin Yunos, Abdul Halim Tamuri, Zarin Ismail & Aminuddin Basir@Ahmad. (2007). Pemerkasaan Akhlak Generasi Hadhari: Antara Pendidikan Islam Di Sekolah Dan



- Cabaran Media Massa. Kertas Kerja Persidangan Serantau Islam Hadhari Dan Profesionalisme. Anjuran Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia Dengan Kerjasama Bank Muamalat Berhad. Bangi-Putrajaya, 22-23 Februari.
- Nazirah Kamal Basah. (2015). Pendekatan Spritual Islam Dalam Menangani Gejala Hamil Luar Nikah Di Sekolah Harapan Negeri Melaka. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rosliza Nik Zin. (2005). Budaya Hendonisme Di Kalangan Remaja, Bentuk Dan Jalan Penyelesaian Dari Perspektif Dakwah. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2009). *Kesan Dosa Dalam Hidup*. Petaling Jaya: Anbakri Publika SdnBhd.
- Rokiah Ahmad. (2007). *Pendidikan Seks Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Siti Hajar Haji Ibrahim. (2002). *Bimbingan Pendidikan Seksual Untuk Remaja Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.
- Siti Rugayah Haji Tibek. (1997). Perubahan Sosial Menurut al-Quran Dlm Che Yusoff CheMamat & Syamsul Bahri Andi Galigo (pnyt). *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Zaleha bt Shafi'e. (2014). Gaya Hidup Remaja Dan Hubungannya Dengan Pengamalan Islam Di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru. Tesis Sarjana.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- V. Seltzer & R. Waterman. (1996). A Cross National Study of Adolexcent Oeer Concordance on Issues of The Future. *Journal of Adolescent Research* 88 (4), 461-482.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Jilid 7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1):19.
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud & Salleh Amat. (2008). Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Dua Kes Kajian. *Jurnal Pendidikan*. 33, 107-123.
- Zaluddin Haji Sulaiman. (1995). Islam Dan Cabaran Hidup Semasa. Dlm. Z. H. Sulaiman. *Islam Dalam Kehidupan Harian*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man .
- Zaman Azad Khan & Mohd Aizat bin Mohd Saleh. (2011). *Zina Antara Nikmat Dan Azab*. Selangor: Best Seller Publication .
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (T.th). *Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya



## Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Prososial Dan Impaknya Terhadap Sebuah Ketamadunan: Satu Kajian Tinjauan

Fatin Nabilah Abu Hassan<sup>1</sup>, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin<sup>2</sup>, Suzana Mohd Hoesni<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pusat Citra Universiti, UKM, Bangi, Malaysia;

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia, UKM, Bangi, Malaysia.

**Abstrak:** Kehidupan dalam era terkini terdedah dengan persekitaran yang mementingkan aspek yang bersifat materialistik dan individualistik. Setiap individu berpotensi untuk mengabaikan segala apa yang berlaku disekitarnya— hatta ketika terdapat individu lain yang sangat memerlukan bantuan. Hal ini demikian kerana wujudnya sifat mementingkan diri sendiri. Kesibukan menguruskan dan memenuhi keperluan peribadi menjadi keutamaan, maka, menghulurkan bantuan di saat orang lain terdesak memerlukan pertolongan menjadi pilihan kedua. Mereka beranggapan bahawa menghulurkan bantuan kepada orang lain tidak memberi manfaat atau ganjaran. Terdapat pelbagai insiatif yang telah dilakukan oleh para aktivis sosial bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan keterlibatan dalam melaksanakan tingkah laku prososial seperti membantu orang lain tanpa mengharap balasan. Oleh yang demikian, kertas ini bertujuan untuk membincangkan faktor yang mempengaruhi tingkah laku prososial berdasarkan kajian-kajian sedia ada dan mensintesiskannya daripada sudut pandangan Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku prososial iaitu faktor rasa berterima kasih, religiositi dan intensiti menonton rancangan realiti (*reality show*). Implikasi kajian ini adalah untuk mewujudkan satu usaha bagi menerapkan cinta kemanusiaan dalam kalangan ummah.

**Kata kunci:** Ketamadunan; Tingkah laku prososial; Cinta kemanusiaan; Malaysia.

## Pengenalan

Dewasa ini, pelbagai berita dan isu-isu yang berkaitan dengan keganasan, ketidakperikemanusiaan dan kezaliman terpapar di media cetak dan elektronik. Isu-isu tersebut dihadapi oleh seluruh masyarakat sama ada diperingkat lokal maupun global. Hal ini sewajarnya menumbuhkan rasa kebimbangan yang amat sangat dalam hati setiap individu kerana ia menggambarkan seolah-olah sifat cinta kemanusiaan semakin terhakis dalam diri manusia pada hari ini. Antara peristiwa-perisitiwa yang tidak berperikemanusiaan adalah berita tentang seorang remaja yang mengerat tubuh badan neneknya kepada sembilan belas bahagian (Astro Awani, 9 Ogos 2016), seorang pembeli durian menikam penjual buah tersebut hingga mati kerana tidak berpuas hati dengan kualiti durian yang dibelinya (The Straits Times, 20 Ogos 2016) dan berita seorang kanak kanak berumur lima tahun dibunuhi dan dibuang kedalam gaung oleh abang iparnya dalam pejalanan beliau menuju ke masjid untuk solat berjemaah (My Metro, 18 Ogos 2016). Keterhakisan rasa cinta kemanusiaan dalam kalangan masyarakat ini boleh dikatakan berpunca daripada rasa individualistik dan materialistik. Dalam mendepani kehidupan di era kemelesetan ekonomi ini, kebanyakan individu menumpukan seluruh masa, tenaga dan komitmennya untuk diri mereka sendiri sahaja. Mereka cenderung untuk melakukan perkara yang jelasnya akan dapat menguntungkan diri mereka tanpa mengambil peduli tentang individu lain

disekelilingnya. Mereka sudah kurang mengamalkan tingkah laku prososial dalam kehidupan harian mereka. Tingkah laku prososial merujuk kepada sebarang perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu untuk membantu individu lain yang dalam kesusahan, tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada individu yang dibantu tadi. Konsep ini hampir sama dengan suatu konsep dalam Islam, iaitu ikhlas. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk melaksanakan tingkah laku prososial ini; rasa berterima kasih, religiousiti dan intensiti menonton *reality show*.

## Realiti Masyarakat Hari Ini

Dewasa ini, terdapat pelbagai isu-isu dan kes-kes jenayah, pembunuhan, penculikan dan rompakan yang tidak berperikemanusiaan dilaporkan di dada-dada akhbar. Antara isu yang tidak berperikemanusiaan itu termasuklah berita tentang seorang remaja yang mengerat tubuh badan neneknya kepada sembilan belas bahagian (Astro Awani, 9 Ogos 2016). Kejadian yang berlaku di Kota Tinggi, Johor ini melibatkan seorang remaja lelaki yang telah memenggal kepala, serta mengerat tangan dan kaki neneknya yang berusia 76 tahun. Selain daripada itu, masyarakat juga dikejutkan dengan kejadian yang berlaku di Bukit Mertajam, melibatkan seorang pembeli durian yang menikam penjual buah tersebut hingga mati hanya kerana tidak berpuas hati dengan kualiti durian yang dibelinya (The Straits Times, 20 Ogos 2016).



Kedua-dua berita ini seolah-olah menggambarkan betapa tenatnya masyarakat kita pada harini. Betapa manusia pada hari ini bersifat individualistik dan hanya meletakkan kepentingan dan kepuasan diri sebagai perkara yang paling utama berbanding kemaslahatan orang ramai. Mereka dengan mudahnya membunuh antara satu sama lain hanya kerana perkara yang remeh dan sebab yang tidak jelas. Hal ini jelas menunjukkan betapa rasa cinta kemanusiaan dan belas kasihan dalam kalangan manusia semakin menipis dari hari ke hari.

### Cinta Kemanusiaan

Setiap individu mendambakan kehidupan yang selesa, aman dan harmoni. Kehidupan yang tenang di mana masyarakatnya saling mengasihi, mencintai, membantu dan mengambil berat antara satu sama lain. Manusia merupakan suatu makhluk yang dilahirkan dengan fitrah suci dan suka kan kebaikan dan kedamaian. Sepertimana yang disebutkan dalam sebuah hadith;

*“Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah lalu kedua orang tuanya yg menjadikannya sebagai seorang yahudi, nasrani & majusi (penyembah api). Apabila kedua orang tuanya muslim, maka anaknya pun akan menjadi muslim. Setiap bayi yg dilahirkan dipukul oleh syetan pada kedua pinggangnya, kecuali Maryam & anaknya (Isa).”*

(HR. Muslim No.4807)

Dalam Bahasa Arab, perkataan manusia ditafsirkan sebagai kalimah *naas*. Nouman Ali Khan (2016) mendefinisikan perkataan *naas* yang terbit daripada asal kalimah *uns*, sebagai perasaan pengasihani (*compassionate*) dan baik hati (*kind*). Dalam erti kata lain, manusia, dengan pendefinisan literalnya membawa maksud suatu makhluk yang mempunyai rasa belas kasih, nilai kemanusiaan serta baik hati terhadap manusia lain. Hal ini berlawanan haiwan yang disifatkan dengan kalimah *wahasyh* yang merujuk kepada sifat liar, kejam, ganas. Ini bermakna, haiwan tidak mempunyai kapasiti dan kebolehan untuk merasa belas kasihan seperti manusia.

Sesungguhnya Allah telah menciptakan manusia yang secara fitrahnya suka kan kebaikan, kedamaian dan mengasihi antara satu sama lain. Allah juga menciptakan manusia yang kaya dengan kepelbagaiannya daripada segi warna kulit, asal usul, budaya, cara hidup dan adat bukanlah kerana ingin mewujudkan stratifikasi dan perbezaan antara satu golongan dengan golongan yang lain. Bahkan Allah menwujudkan perbezaan itu untuk tujuan yang murni sepertimana yang telakara dalam firmanNya;

*“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah*

*ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”*

(Al Hujurat:13)

Oleh yang demikian, seharusnya setiap individu harus memupuk rasa cinta kemanusiaan dalam diri masing-masing kerana ia merupakan suatu perkara yang dituntut oleh Allah S.W.T. Ia juga berupaya untuk menyatupadukan dan membolehkan kita untuk hidup secara aman dan harmoni dimuka bumi ini.

### Tingkah Laku Prososial


Rentetan daripada isu-isu yang menunjukkan bahawa cinta kemanusiaan semakin menipis daripada dalam diri masyarakat pada hari ini, adalah wajar bagi setiap individu untuk mencari inisiatif bagi menangani hal ini daripada terus berlarutan. Antara inisiatif yang boleh diambil adalah dengan menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri individu, memberi kesedaran kepada komuniti di dalam sesebuah kemasyarakatan agar mereka cakna tentang isu kemanusiaan sekaligus menjadi agen perubah dikawasan masing-masing. Bagi merealisasikan insiatif ini, setiap individu haruslah mempunyai nilai prososial (suka membantu) yang tinggi serta melaksanakan tingkah laku prososial.

Tingkah laku prososial merupakan suatu perlakuan yang dilakukan dalam keadaan sedar (*voluntary*) serta memerlukan kepada niat (*intentional*) sekaligus menatihkan

suatu perbuatan yang bermanfaat untuk individu lain (Eisenberg & Miller, 1987). Sesebuah tingkah laku prososial akan dikira sebagai altruistik (tidak melakukan sesuatu perbuatan kerana mengharapkan balasan) bilamana keinginan sebenarnya untuk menolong itu hanyalah untuk memberi manfaat kepada individu lain, tanpa mengharapkan sebarang ganjaran untuk diri sendiri (Feigin, Owens & Goodyear-Smith, 2014; Eisenberg & Miller, 1987). Dalam erti kata yang lainnya, individu yang mempunyai tingkah laku prososial akan sentiasa untuk membantu individu yang berada didalam kesusahan tanpa mengharapkan balasan yang bersifat materialistik untuk diri mereka sendiri.

Tingkah laku prososial dapat dilaksanakan melalui pelbagai bentuk hatta sekecil-kecil bantuan seperti memberikan giliran anda kepada mereka yang sedang mengejar masa, hingga kepada perbuatan yang konsisten seperti menceburkan diri sebagai sukarelawan untuk sebarang aktiviti kebajikan. Lay dan Hoppman (2015) menganalogikan tingkah laku prososial sebagai ‘gam sosial’ (*social glue*) yang membolehkan pelbagai lapisan manusia yang datang daripada pelbagai bangsa, agama, warna kulit serta latar belakang, untuk hidup aman dan produktif.

Secara umumnya, masyarakat di seluruh dunia, termasuklah Malaysia, berhadapan dengan masalah dan kesusahan. Antara isu tersebut termasuklah isu kemiskinan, kos sara hidup yang tinggi, pengangguran,



gelandangan, kelaparan, kekurangan bekalan air bersih serta kurangnya akses terhadap pendidikan. Seringkali masyarakat beranggapan bahawa sudah menjadi kewajipan pihak kerajaan dan pemerintah untuk menyelesaikan masalah rakyat ini kerana kuasa pemerintahan yang dimiliki. Namun begitu, setiap satu daripada individu di dalam sesebuah komuniti sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah tersebut.

### **Tingkah Laku Prososial Aktivis Sosial Yang Memperjuangkan Tingkah Laku Prososial Di Malaysia**

#### **Syed Azmi**

Syed Azmi Al Habshi yang juga merupakan seorang ahli farmasi mula dikenali sebagai pengelola sebuah program yang penuh dengan kontroversi iaitu, "*I Want to Touch a Dog*". Beliau juga merupakan pengasas kepada gerakan #TamakPahala yang kebanyakannya disertai oleh pengikut pengikut beliau di laman Facebook. #TamakPahala menganjurkan pelbagai program dan menawarkan pelbagai bantuan untuk golongan yang kurang berkemampuan. Antara program yang dilaksanakan termasuklah penganjuran *Freemarket* —sebuah pasar yang menyediakan bahan keperluan asas seperti makanan, minuman, bahan basah, peralatan rumah, kelengkapan diri dan sebagainya bagi golongan yang kurang berkemampuan serta miskin

bandar (The MalayMail Online, 16 November 2015).

Selain daripada itu, #TamakPahala juga mengadakan kelas pendidikan percuma untuk kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Para sukarelawan akan mengajar anak-anak itu tadi untuk menguasai kemahiran asas seperti membaca dan mengira. Selain menjadi pemikir dan peneraju #TamakPahala, Syed Azmi juga dilihat aktif dalam membela nasib gelandangan. Beliau pernah memberikan kritikan berasas tentang fungsi masjid dan menulis surat secara terbuka kepada Masjid Negara untuk menyediakan sedikit ruang penempatan bagi para gelandangan untuk berteduh di malam hari (Free Malaysia Today, 31 Disember 2015)

Tidak berhenti disitu, Syed Azmi dilihat begitu proaktif dan berani dalam membangkitkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap isu-isu taboos yang semakin menular di negara kita seperti penderaan seks terhadap kanak-kanak, sumbang mahram dalam kalangan ahli keluarga, liwat, serta hubungan seks sesama jantina. Beliau banyak menerima kritikan hebat daripada segelintir pihak, namun begitu, hal yang demikian tidak pernah sesekali mematahkan semangatnya untuk terus membela nasib golongan yang tidak bernasib baik ini (New Straits Times Online, 29 Ogos 2016)..

Beliau juga bergerak aktif dengan sebuah perkumpulan aktivis sosial yang dikenali sebagai R.AGE yang menolak



keras perbuatan ‘sexual grooming’ terhadap golongan remaja dan kanak-kanak. Perjuangan ini bermula setelah negara kita dikejutkan dengan lambakan iklan yang menawarkan perkhidmatan seks daripada golongan kanak-kanak dan remaja yang berusia seawal 8 tahun menerusi aplikasi *WeChat*. Gejala ini dipercayai didalangi oleh orang-orang dewasa yang mendekati serta memujuk golongan kanak-kanak dan remaja ini agar menawarkan khidmat seksual dengan menjanjikan pulangan yang mewah kepada mereka. Oleh kerana tiada sebarang enakmen mahupun undang undang berkaitan ‘sexual grooming’ ini, maka sebuah kempen iaitu R.AGE’s *Predator in my phone* ini telah dilancarkan bagi menimbulkan kesedaran terhadap masyarakat mengenai isu ini, sekaligus berhasrat untuk mencadangkan agar undang undang agar pengharaman ‘sexual grooming’ diluluskan (*The Star Online*, 14 Oktober 2016). Hal ini bertujuan untuk menjaga kebijakan dan masa depan anak muda kita yang diharapkan menjadi perwaris serta modal insan kepada negara.

### **Rayyan Haries**

Masyarakat dunia pernah digemparkan dengan sebuah kisah kematian yang menyayat hati seorang perlarian kanak kanak Syria yang berusia tiga tahun, Alan Kurdi dalam perjalannya bersama ribuan pelarian lain ke Lesbos, Greece dengan menaiki kapal. Kematian Alan kurdi menjadi viral setelah gambar mayat seorang kanak kanak lelaki yang

terbaring lesu di persisir pantai tersebar luas di media sosial. Peristiwa inilah yang menjadi titik tolak untuk Saudara Rayyan Haries menjadi sukarelawan untuk memasak makanan untuk perlarian dari Syria yang menetap di Lesbos.

Beliau bergabung dengan suatu organisasi yang dikenali sebagai, *The Volunteer Cook* yang menyediakan keperluan makanan dan minuman untuk hampir 2,000 orang perlarian dalam sehari. Sebelum ini, beliau telah merantau ke 15 buah negara untuk menjadi sukarelawan termasuklah ke negara Filipina, Jepun, India dan Nepal. Beliau yang pernah dibuang daripada universiti, ditamatkan tempoh tajaan untuk pembelajaran, dibuang kerja serta sering menjadi mangsa buli kerana bertubuh besar itu menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai apa apa niat tersembunyi atau kepentingan peribadi (*The Rakyat Post*, 2 September 2015). Beliau hanya ingin membantu mangsa mangsa kezaliman yang tidak berdosa ini.

Disebabkan beliau mahir dalam bidang memasak, maka beliau merasa terpanggil untuk menyalurkan potensi dirinya itu untuk tujuan kebaikan (*The Sun Daily*, 10 November 2015). Walaupun beliau menjadi sukarelawan sebagai tukang masak, beliau juga tetap konsisten melaksanakan tugas hakiki beliau sebagai seorang ahli strategik digital (*digital strategist*) walaupun berada di Greece. Beliau telah menggunakan seluruh wang simpanan peribadinya yang telah dikumpul selama

tiga tahun untuk menbiayai segala perbelanjaan dan kos-kos untuk melaksanakan misi ini disamping menerima bantuan derma daripada orang ramai (*crowdfunding*) melalui kempen #Give50Cent.

Selain itu, beliau juga menerima tajaan daripada Malaysia Airlines (MAS) untuk menampung kos perbelanjaan beliau untuk ke sana. Antara motto yang menjadi pemangkin semangat beliau untuk meneruskan misi kemanusiaan ini ialah, “*makanan adalah harapan dan saya hanya ingin memberikan harapan kepada manusia. Dan itulah yang paling penting dalam kehidupan saya.*” Beliau juga menyatakan bahawa kebahagiaan dirinya terletak kepada senyuman yang berjaya beliau ukirkan diwajah orang lain.

### Ganesh Muren

Ganesh Muren merupakan seorang pelajar lulusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari *International University & Colleges* (INTI). Beliau telah mempelopori usaha untuk menukarkan air daripada sisa kumbahan menjadi sumber air bersih untuk kegunaan harian seperti air minuman, masakan dan mandi. Ganesh telah berjaya mereka sebuah alat penapisan air yang dipacu dengan tenaga solar untuk merealisasikan perkara ini (The Borneo Post, 2 Julai 2016).

Beliau yang selama ini bercita cita menjadi jutawan, telah merubah matlamat hidupnya kepada sesuatu yang lebih bermakna iaitu berhasrat untuk menyelamatkan nawa golongan yang

kurang bernasib baik dalam mendapatkan bekalan air bersih (Harian Metro Online, 16 Ogos, 2016). Segalanya bermula apabila beliau sedang berusaha untuk menyiapkan tugas projek tahun akhir (*final year project*) beliau di sebuah perkampungan orang asli, Kampung Semol. Ketika berada disana, beliau melihat sendiri kesukaran hidup yang dihadapi oleh penduduk kampung tersebut lebih lagi berkenaan dengan bekalan air bersih. Orang kampung di kampung itu, terutamanya kanak-kanak, sering menghidapi penyakit kerana minum daripada bekalan air yang tidak bersih.

Oleh yang demikian, beliau berusaha mencipta alat penapis air kos rendah agar beliau dapat menyelesaikan masalah dikampung itu. Pemangkin semangat beliau untuk melakukan projek ini adalah seorang kanak-kanak perempuan dikampung itu yang bernama Mira. Mira merupakan kanak-kanak yang aktif dan riang. Ganesh sering bermain dengannya ketika melaksanakan projek di kampung tersebut. Namun begitu, suatu hari, Ganesh mendapat perkhabaran tentang selepas kematian Mira yang berpunya daripada bekalan air tidak bersih. Beliau hampir putus asa ketika mendapat perkhabaran kematian itu. Namun begitu, beliau menyedari, jika beliau tidak bertindak, pasti ramai lagi kanak-kanak yang akan menjadi mangsa seperti Mira. Hasil usaha dan kegigihannya, beliau berjaya menghasilkan alat penapis air yang berfungsi menggunakan tenaga solar. Hasil kejayaannya ini didedikasikan



untuk arwah Mira. Kecemerlangan reka ciptanya telah diiktiraf menerusi kemenangannya dalam anugerah *Here For Good*. Wang tunai yang dimenanginya itu didedikasikan untuk membantu lebih 10,000 keluarga menjelang tahun 2018 melalui syarikatnya, Saora Industries (The Borneo Post, 2 Julai 2016). Semenjak itu, beliau telah memasang alat penapisan air itu dikampung-kampung serta kawasan yang mengalami masalah untuk bekalan air bersih.

### **Dr Teddy Bear**

Dr S.Madhusudhan merupakan seorang doktor perubatan yang bersungguh-sungguh menawarkan perkhidmatan kesihatan kesihatan secara percuma kepada para gelandangan dan golongan miskin bandar melalui Klinik Bergerak *Teddy*. Beliau yang juga turut digelar sebagai Dr *Teddy Bear* ini dikenali dengan gelaran tersebut selepas beliau menghadiahkan patung beruang untuk kanak-kanak jalanan sepanjang beliau memberikha khidmat kesihatan disitu. Beliau merasa terpanggil untuk memberikan perkhidmatan kesihatan secara percuma ini selepas menjadi sukarelawan yang menyediakan makanan percuma untuk gelandangan melalui wadah Kechara *Soup Kitchen* (The Star, 22 Disember 2015).

Sepanjang tempoh menjadi sukarelawan, beliau menyedari bahawa golongan yang kurang bernasib baik ini bukan sahaja perlu diberikan sokongan dari segi makanan, bahkan juga perlu

mendapatkan khidmat rawatan kesihatan kerana majoriti mereka tidak berkemampuan untuk mendapatkan rawatan kesihatan yang baik. Klinik Bergerak *Teddy* ini beroperasi di Jalan Hang Lekiu berhadapan dengan Kolej Segi di Kuala Lumpur. Dr *Teddy Bear* dan ahli kumpulannya yang juga merupakan ahli keluarganya, akan berkumpul sekitar jam 9.30 malam dan kemudian mereka akan menyiapkan meja dan kerusi untuk proses konsultasi bersama pesakit pada setiap hari rabu (Malaysian Digest. 23 Jun 2016).

Hingga kini, beliau telah berjaya mengumpulkan lebih kurang 30-40 orang sukarelawan yang majoritinya mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidan sains kesihatan dan perubatan. Dr *Teddy Bear* telah dinobatkan sebagai salah seorang daripada 10 pemenang anugerah *Star Golden Heart* disebabkan oleh pengorbanan yang telah diberikan oleh beliau dalam membantu golongan yang memerlukan (The Star, 22 Mei 2016).

Keempat-empat tokoh aktivis sosial ini berkongsi satu persamaan, yakni mereka memilih untuk bersikap proaktif. Mereka merelakan diri untuk keluar daripada zon selesa dan kesenangan hidup mereka serta membelanjakan wang, masa, tenaga dan komitmen mereka untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan. Kesemua sumbangan dan pengorbanan yang mereka lakukan, bukanlah untuk mendapatkan ganjaran ataupun upah daripada sesiapa. Mereka terdorong



untuk melakukan tingkah laku prososial semata mata kerana cinta kemanusiaan. Mereka tidak betah untuk sekadar duduk diam dan membutakan mata melihat orang lain dalam kesusahan. Mereka memilih untuk turut sama membantu golongan ini supaya golongan yang dalam kesusahan ini dapat menikmati kehidupan yang baik sama seperti mereka.

### **Kesimpulan Faktor-Faktor Yang Akan Mempengaruhi Tingkah Laku Prososial Berdasarkan Kajian Lepas**

#### **Rasa Berterima Kasih (*Gratitude*)**

Menurut Grant dan Gino (2010), perasan bersyukur dan berterima kasih (*gratitude*) berupaya untuk meningkatkan kecenderungan tingkah laku prososial. Perasan berterima kasih seringkali dirasai oleh seseorang individu apabila mereka menerima suatu pemberian, kebaikan, pertolongan, kata-kata semangat ataupun apa-apa perbuatan baik daripada individu lain. Hal ini menyebabkan seseorang itu memperoleh kehidupan yang positif serta kuat semangat tatklaa diuji dengan kesusahan.

Menurut Barlett & DeSteno (2006) dan Tsang (2006), perasaan berterima kasih ini dapat memotivasi seseorang individu untuk cenderung terhadap tingkah laku prososial kerana si penerima bantuan akan merasa berterima kasih dan timbul perasaan ingin bertimbang balik sama ada kepada orang yang telah berbuat baik kepadanya mahupun kepada orang lain

sekaligus cenderung kepada tingkah laku prososial. Selain itu, rasa berterima kasih juga akan memotivasi lagi individu yang gemar membantu untuk menghulurkan bantuan kepada lebih ramai orang lagi. Hal ini selari dengan Ryan dan Deci (2000) yang menyatakan bahawa ungkapan terima kasih daripada orang yang mendapat bantuan akan meningkatkan nilai diri dari aspek sosial (*social worth*) sekaligus menyebabkan individu yang suka membantu itu tadi lebih cenderung untuk meneruskan tingkah laku prososialnya.

#### **Keagamaan (*Religiosity*)**

Menurut Haryati (2013), secara amnya, *religiosity* merupakan kedalam pengetahuan dan kefahaman, kekuahan keyakinan serta kekerapan perlaksanaan ibadah menurut agama yang dianuti oleh seseorang individu. Bagi individu yang beragama Islam, *religiosity* dapat dilihat pada pengetahuan, keyakinan, pelaksanaan dan penghayatan mereka terhadap agama Islam itu sendiri dan bagaimana mereka membumi serta merealitikan Islam didalam kehidupan seharian.

Seorang muslim mengetahui bahawa seluruh kehidupan di dunia ini merupakan persinggahan sementara buat mempersiapkan diri menuju ke negeri akhirat. Sekiranya mereka bercita-cita untuk menjadi hamba yang paling dekat dengan Tuhan dan memasuki syurganya, oleh itu mereka harus berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan keimanan dan keyakinan mereka dengan melakukan

amal soleh kepada Allah. Hal ini selari dengan ayat Quran yang berbunyi;

*“yang menjadikan kamu daripada mati kepada hidup untuk menguji kamu, siapakah diantara kamu semua yang paling ihsan (baik) amalnya; dan Dia Maha Agung dan Maha Perkasa.”*

(Al Mulk:2)

Melalui ayat ini, ternyata Islam memotivasiikan ummatnya untuk memperbanyak amal kebaikan dan bertingkah laku dengan tingkah laku prososial termasuklah seperti membantu orang lain didalam kesusahan. Hal ini dapat diperkuuhkan lagi dengan hadih ke-36 daripada susunan hadith 40 Imam An-Nawawi;

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra. daripada Rasulullah saw., Baginda bersabda: “Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan dunia, Allah akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Hari Kiamat. Sesiapa yang memudahkan kepada orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan kepadanya di dunia dan akhirat. Sesiapa yang menutup (aurat atau keaiban) seorang muslim, Allah akan menutup (aurat dan keaiban)nya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa menolong seseorang hamba selama mana hamba itu menolong saudaranya. Sesiapa yang melalui satu jalan untuk mencari ilmu, Allah akan memudahkan baginya satu jalan ke syurga. Sesuatu kaum*

*(kelompok manusia) tidaklah berkumpul di satu rumah (masjid) daripada rumah-rumah Allah, sambil membaca Al-Quran, saling memperbetulkan bacaan dan memahami kandungannya, kecuali as-Sakinah (satu makhluk Allah Ta’ala yang padanya terdapat rahmat dan ketenangan, serta ditemani oleh para malaikat) akan turun kepada mereka dan mereka diselubungi oleh rahmat. Mereka juga dilinkungi oleh para malaikat, serta disebut dan dipuji oleh Allah di kalangan (para malaikat) yang ada di sisi-Nya. Sesiapa yang diperlakukan oleh amalannya (kerana amalannya sedikit), dia tidak akan dipercepatkan oleh keturunannya (keturunannya tidak akan mengangkat darjatnya).”*

(HR Muslim)

Oleh itu, sekiranya seseorang individu muslim itu mempunyai tahap religiosity yang tinggi, mereka sepatutnya berlumba-lumba untuk melaksanakan intipati hadith ini dalam kehidupan mereka supaya mereka beroleh syurgaNya untuk kehidupan diakhirat kelak.

### **Intensiti Menonton Reality Show**

Frisnawati (2012) mengkaji hubungkait diantara intensiti menonton reality show dengan kecenderungan tingkah laku prososial kepada golongan remaja di sebuah universiti di Indonesia. Kajian ini mencadangkan kekerapan dan intensiti menonton reality show akan mempengaruhi sikap dan tindakan secara tidak langsung kepada

penontonnya. Penonton akan belajar melalui pengamatan atas tingkah laku yang dilihat dalam kaca televisyen. Responden diminta untuk menjawab borang soal selidik yang mengukur intensiti menonton *reality show* dan kecenderungan tingkah laku prososial.


Hasil kajian mendapati bahawa intensiti menonton *reality show* memberi pengaruh sebanyak 9.9% manakala bakinya 90.1% merupakan pengaruh faktor-faktor lain. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi intensiti menonton *reality show*, maka semakin rendah kecenderungan terhadap tingkah laku prososial. Selain itu, kajian ini juga mendapati perihal pentingnya pembelajaran melalui pengamatan (*observational learning*) dan modelling yang merupakan proses pembelajaran melalui pemerhatian mendalam terhadap erilaku seseorang atau beberapa model yang akan menjadi stimulus terhadap cara fikir, akhlak dan tingkah laku pemerhati (*observer*).

### **Impak Tingkah Laku Prososial Terhadap Ketamadunan**

Al Attas (1972) mendefinisikan kata tamadun sebagai pencapaian tahap tatasusila yang tinggi dan kebudayaan yang luhur. Hal ini bermakna, ketinggian sesebuah tamadun dinilai bukan sahaja pada sisi infrastruktur dan materialnya sahaja, sebaliknya turut mengambil berat aspek pembangunan sumber manusanya dan nilai-nilai murni yang dimiliki oleh individu didalamnya. Hal ini demikian kerana, sesebuah tamadun itu didukung oleh sumber manusia. Hal

itulah yang akan menentukan jatuhan bangun sesebuah tamadun. Selagi mana sumber manusanya dibangun, potensi dirinya dicungkil, tenaganya disalurkan dengan bijak, dan berakhhlak dengan akhlak mulia, maka selagi itulah tamadun itu dinilai sebagai sebuah tamadun yang hebat kerana berjaya menghasilkan modal insan yang cemerlang dan holistik. Dengan menerapkan nilai tingkah laku prososial, ia sekaligus dapat meningkatkan kualiti diri seseorang individu. Hal ini demikian kerana mereka merupakan orang yang peka dengan keadaan sekeliling, rela mengorbankan diri untuk membantu orang lain serta tidak mengharapkan balasan material.

Natijahnya, ia akan menghasilkan sebuah tamadun yang aman, harmoni serta gemilang kerana kes-kes jenayah seperti penculikan, kecurian dan lain-lain dapat dikurangkan. Hal ini berikutnya kerana setiap individu akan peka terhadap individu lain dan segera membantu sekiranya ada individu lain yang menjadi mangsa (Andrews & Bonta, 2010). Di samping itu, masyarakat akan saling menyayangi dan mengambil berat antara satu sama lain. Orang yang berkemampuan akan sering membantu orang yang kurang berkemampuan. Orang yang dibantu akan merasa senang dan berterima kasih terhadap orang yang ringan tangan membantunya. Kesannya, terjalinlah rasa kasih dalam masyarakat dan tiada lagi permasalahan dan pergaduhan yang berpunca daripada hasad dengki sesama sendiri, ingin menjatuhkan orang lain, gemar melihat orang lain dalam



kesusahan dan sebagainya (Solomon et al., 1992).

### Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat harus mengambil berat tentang pembangunan nilai-nilai murni dalam diri, memupuk perasaan cinta kemanusiaan dan mengamalkan tingkah laku prososial dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana kita ingin mencapai tahap tatasusaha yang tinggi sejajar dengan pembangunan fizikal dari segi infrastruktur dan material sekaligus membina ketamadunan yang seimbang dan unggul daripada segenap aspek.

### Rujukan

Al Quran.

Al-Attas, M. N. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amin Mokhtar, 2016. *I was targeting child sexual abuse, not religious schools, says Syed Azmi*. New Straits Times Online, 29 Ogos.

Andrews, D. A., & Bonta, J. (2010). Rehabilitating criminal justice policy and practice. *Psychology, Public Policy, and Law*, 16(1), 39.

Anon, 2016. *Nenek maut dipercayai dipenggal, dikerat cucu 19 tahun di Kota Tinggi*. Astro Awani, 9 Ogos.

Anon, 2016. *INTI student receives global award for life-saving work*. The Borneo Post, 2 July.

Anon, 2016. *Unhappy with quality of durians, Malaysian man stabs fruit seller to death*. The Straits Times, 20 Ogos.

Azizi Sunip, 2015. *26-year-old Malaysian travel blogger finds joy in helping others*. The Rakyat Post, 2 September.

Bartlett, M. Y., & DeSteno, D. (2006). Gratitude and prosocial behavior helping when it costs you. *Psychological Science*, 17(4), 319-325.

Eisenberg, N., & Miller, P. A. (1987). The relation of empathy to prosocial and related behaviors. *Psychological Bulletin*, 101(1), 91.

Elly Fazaniza, 2015. *M'sian volunteer does good by feeding Syrian refugees on Grecian shores*. The Sun Daily, 10 November.

Feigin, S., Owens, G., & Goodyear-Smith, F. (2014). Theories of human altruism: A systematic review. *Annals of Neuroscience and Psychology*, 1(1).

Frisnawati, A. (2013). Hubungan antara Intensitas Menonton Reality Show dengan Kecenderungan Perilaku Prososial pada Remaja. *EMPATHY Jurnal Fakultas Psikologi*, 1(1).

Grant, A. M., & Gino, F. (2010). A little thanks goes a long way: Explaining why gratitude expressions motivate prosocial behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, 98(6), 946.

Hafidzul Hilmi, .M.N., & Mohamad Azim F.A.A., 2016. *Dibunuh, dibuang dalam gaung*. MyMetro, 18 Ogos.



- Haryati, T. D. (2013). Kematangan Emosi, Religiusitas Dan Perilaku Prosozial Perawat Di Rumah Sakit. *PERSONA*, 2(2).
- Lay, J. C., & Hoppmann, C. A. (2015). Altruism and prosocial behavior. *Encyclopedia of Geropsychology*. 1-9.
- Maryam Zainol, 2016. *Seeking laws against child sex abuse*. The Star Online, 14 Oktober.
- Mushamir Mustafa, 2016. *Meet The Street Doctor Called 'Teddy Bear' Who Is Treating The Homeless For Free*. Malaysian Digest, 23 Jun.
- Nawar Firdaws, 2015. *Azmi begs Masjid Negara to help shelter the homeless*. Free Malaysia Today, 31 Disember.
- Nouman Ali Khan (Nouman Ali Khan). (2016). Allah's Love for Humanity [Ramadan Exclusive: Surah Al Baqarah]. Dallas, TX: Bayyinah TV. Dilihat pada <https://www.youtube.com/watch?v=KSDNqCklw3M&index=9&list=PL>
- utdSTmJ7bALJZ9CTIAoEwtdUBcHgua3C
- Priya Menon, 2015. 'Teddy Bear' is the street doctor. The Star, 22 Disember.
- Redzuan Muharam, 2016. *Jiwa besar Ganesh*. Harian Metro Online, 16 Ogos.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68.
- Santha Oorjitham, 2016. *Malaysia's got golden hearts*. The Star, 22 Mei.
- Solomon, D., Watson, M., Battistich, V., Schaps, E., & Delucchi, K. (1992). Creating a caring community: Educational practices that promote children's prosocial development. *Effective and responsible teaching: The new synthesis*, 383-396.
- Tsang, J. A. (2006). Brief Report Gratitude and prosocial behaviour: An experimental test of gratitude. *Cognition & Emotion*, 20(1), 138-148.



## Pandangan Khalijah Salleh Terhadap Sains Tauhidik ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu

Nur Asyikin Hamdan<sup>1</sup>, Abdul Latif Samian<sup>1</sup>, Nazri Muslim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

<sup>2</sup>*Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

**Abstrak:** Isu sains tauhidik masih baru dibahaskan dalam masyarakat kita. Oleh itu, kertas kerja ini adalah mengenai pemikiran seorang sarjana Islam melayu tentang sains tauhidik ke arah pembangunan tamadun melayu. Pengkaji melihat dari sudut pemikiran seorang pemikir melayu wanita sebagai kajian dan perbincangan yang mempunyai nilai tambah kepada perkembangan ilmu. Beliau ialah seorang saintis fizik iaitu Prof Dr Khalijah Mohd Salleh. Beliau dipilih sebagai tokoh kajian kerana merupakan seorang saintis yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan suatu gagasan yang amat bernilai yang berfungsi dalam mencipta penjelmaan, pembetulan dan pembentukan fakta-fakta ilmu yang tidak terkeluar dari landasan agama Islam yang mentauhidkan Allah, melalui apa yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan Hadis. Beliau merupakan salah seorang yang terlibat dalam pembentukan gagasan sains tauhidik. Dalam Tamadun Islam, ilmu tauhid menjadi asas utama dalam pemikiran sains. Tugas utama para penggerak ke arah pembangunan sains tauhidik adalah mencipta program penyelidikan dalam acuan Islam yang berpaksikan ilmu ketuhanan. Ilmu adalah bersifat sejagat dan tidak ada pemisah antara ilmu dengan Islam. Sumbangan tokoh ilmuwan Muslim terhadap pembentukan sains tauhidik merupakan suatu cerminan keprihatinan mereka yang amat bermakna dalam mencorakkan aspek pembangunan insan, pendidikan dan pemikiran umat Islam. Di samping menjadi benteng yang cukup kukuh untuk menghalang segala bentuk penyelewengan terhadap Islam ke arah membangunkan tamadun melayu.

**Kata Kunci:** Sains Tauhidik, Khalijah Salleh, pembangunan, Tamadun Melayu



## Pengenalan

Tamadun berasal dari perkataan Arab iaitu maddana, mudun, madain yang bererti pembukaan bandar atau masyarakat yang mempunyai kemajuan dari segi lahiriah dan rohaniah. Perkataan tamadun dapat diertikan kepada keadaan hidup bermasyarakat yang bertambah maju. Dalam bahasa Inggeris, istilah yang hampir sama dengan tamadun ialah *culture* dan *civilization* atau kebudayaan dalam bahasa melayu. Perkataan *civilization* dalam bahasa inggeris berasal dari bahasa Latin *civitas* yang bermaksud bandar. Para sarjana telah membahas persamaan dan perbezaan istilah-istilah tersebut. Istilah Tamadun banyak digunakan dalam penulisan Tamadun Islam.

Tamadun melayu merupakan asas kepada tamadun Malaysia. Malaysia merupakan sebuah Negara bangsa berbentuk persekutuan yang mengandungi komponen beberapa buah negeri Melayu yang pernah menjadi negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Paksi atau landasan utama yang menyumbang kepada pembinaan dan pemantapan tamadun Malaysia ialah Tamadun Melayu- Islam. Di dalam tamadun melayu, istilah sains umumnya bermakna ilmu yang tersusun secara sistematik bagi apa jua bidang ilmu. Sains secara operasi merujuk kepada pengumpulan maklumat atau data yang diperolehi

secara objektif dan disahkan menggunakan pengalaman deria. Pengertian sains moden yang diamalkan pada zaman ini boleh dikesan sejak zaman Bacon yang hidup pada abad ke-13 lagi dan beberapa ahli sains lain seperti Galileo serta ahli falsafah seperti Decartes yang hidup pada abad ke-17. Bacon menegaskan bahawa sains adalah sesuatu yang dijana melalui pengumpulan fakta, cerapan yang tersusun, dan berdasarkan cerapan teori yang dihasilkan (Khalijah 1996).

Sains moden lazimnya ditakrifkan sebagai suatu cabang ilmu pengetahuan yang mengkaji himpunan pernyataan yang terbukti atau fakta-fakta yang dicerap dan disusun secara bersistem kemudiannya dihimpunkan dalam bentuk hukum-hukum umum. Secara kasar, sains moden dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Sains Tulen, Sains Sosial dan Sains Gunaan. Dari segi falsafah alam, falsafah manusia dan falsafah ilmu, mungkin sains moden telah terikat dengan Sains Islam dan Sains Pra-Moden yang lain. Namun Sains Moden bertitik-tolak daripada pengetahuan saintifik yang sebahagian besarnya adalah sumbangan daripada tamadun-tamadun yang beragama, khususnya Tamadun Islam. Paradigma Sains Moden kini adalah bersendikan sistem falsafah logikal sekular, yang menolak doktrin metafizik dan agama. Oleh sebab itu, pengkaji ingin mengetengahkan isu sains tauhidik yang meletakkan agama sebagai

panduan dalam melakukan segala kegiatan sains.

Adalah sangat wajar untuk pengkaji mengemukakan konsep tauhid yang berasaskan kajian saintifik. Dalam Tamadun Islam, ilmu tauhid menjadi asas utama dalam pemikiran sains dan begitu juga sebaliknya. Melalui pengetahuan manusia tentang alam, mereka dapat mengetahui sifat-sifat Allah. Pelajaran ‘Sifat Dua Puluh’ secara tradisionalnya tentunya memberi kesedaran bahawa alam semesta dan segala isi kandungannya dikemukakan sebagai dalil atau bukti untuk membenarkan sifat-sifat Tuhan yang berkenaan. Islam perlu menyuburkan ilmu Tauhid dan menjadikannya sebagai titik permulaan dalam Pengajian Sains. Dengan demikian, Ilmu Sains tersebut berada diatas landasan pemikiran yang kukuh dan menjadikan wahyu sebagai sumber rujukan yang tertinggi. Dalam erti kata lain, wahyu mengatasi akal kerana wahyu datang daripada kuasa tanpa batas sedangkan akal terbatas.

Apa-apa keputusan yang bercanggah dengan dasar-dasar wahyu dianggap sebagai jawapan sains yang salah dan hanya diterima apabila selari dengannya. Sains dalam Islam tunduk kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Allah melalui Rasulnya dan mestilah juga tunduk dan patuh kepada Al-Quran. Sains yang berkonsepkan tauhid akan melahirkan metodologi atau pendekatan yang mengambil kira syariat Islam. Al-Quran

adalah mukjizat yang betul, sahih dan berkekalan sifatnya hingga akhirat. Sedangkan sains terbatas kepada tanggapan dan kemampuan manusia untuk mencerap fenomena alam (Yusof Othman 2009).

### Definisi Sains Tauhidik

Konsep asas dalam Islam adalah tauhid. Tauhid adalah satu kepercayaan yang menegaskan bahawa Allah Yang Esa sahaja yang mencipta dan mengaturkan alam semesta ini (Dusuki 1980). Tauhid adalah konsep ketuhanan yang telah disebutkan di dalam Al-Quran dalam surah al-Ikhlas yang mempunyai hanya empat ayat yang ringkas sahaja dan lazimnya dihafal oleh semua umat Islam. Huraian ayat tersebut bermaksud Tuhan telah memperkenalkan diriNya sebagai Allah. Sifat Allah adalah ‘ahad’ dan bukannya ‘wahid’. Semuanya tidak boleh dibandingkan dengan sifat Allah. ‘Ahad’ bukan bermaksud ‘satu’ kerana satu merupakan angka yang dapat digandakan menjadi dua, tiga dan seterusnya. Ahad bermaksud satu yang tunggal atau Esa. Oleh sebab satu dan tunggal, ia adalah unik. Dengan demikian, sifat Allah adalah unik dan tidak boleh dibandingkan dengan apa sahaja atau siapa sahaja, sama ada dari segi fizikal, emosi dan kerohanian (Yusof Othman 2012). Jadi, untuk mengintegrasikan sains dan agama ia mestilah bersandarkan kepada konsep tauhid, iaitu tidak ada sekutu bagiNya.

Tauhid menurut istilah ialah mengetahui dengan sebenarnya bahawa Allah itu Ada dan Maha Esa. Menurut


bahasa pula, tauhid merupakan satu ilmu yang membentangkan tentang wujudnya Allah dan membuktikan kerasulan para rasul dengan sifat-sifat yang wajib dan mustahil. Menurut ahli sains yang terkemuka, Einstein mengatakan bahawa sains dan agama tidak harus dipisahkan kerana sains mempunyai peranan penting untuk membantu cahaya agama menjadi lebih bersinar. Kedudukan agama akan menjadi lebih kuat dan kukuh apabila pengikut bagi sebuah agama itu menghasilkan pengetahuan dan budaya sains yang tinggi. Dalam sejarah manusia, sudah terbukti bahawa ilmu tauhid adalah punca utama kemajuan sains. Pemikiran tauhidlah yang memberi inspirasi dalam penghasilan teori-teori sains yang agung pada kurun ke-20 ini.

Keesaan Allah adalah dalam zat, sifat, perbuatan dan wujudnya (Khalijah 2014). Ini boleh dirujuk dari ayat-ayat dalam tiga surah yang terdapat dalam al-Quran bagi menerangkan kepada kita apakah yang dimaksudkan dengan konsep tauhid yakni surah al Ikhlas (112:1-4), ayat Kursi dalam al Baqarah (2:255) dan al Maidah (5:72-73). Ayat-ayat ini jelas memperlihatkan kepada kita sifat-sifat Tuhan yang satu yang tidak boleh dipersekutukan dengan yang lain dan tiada yang setanding dengannya. Daripada ayatul Kursi, dapat diakui bahawa Tuhan adalah pencipta alam. Dengan kata lain manusia dan segala yang terdapat dalam alam sama ada di langit, dibumi mahu pun di antara kedua-duanya adalah ciptaan Tuhan. Daripada

surah Maidah pula, didapati satu penegasan bahawa Nabi Isa di tolak sebagai Tuhan sebaliknya adalah hamba Allah.

Sains Tauhidik memperakukan kehadiran Tuhan yang Maha Esa sebagai pencipta manusia, alam dan apa jua yang terkandung di dalam alam. Perbezaan di antara sains tauhidik dan bukan tauhidik ialah, dalam kerangka bukan tauhidik konsep ketuhanan tidak wujud. Ketidaan entiti ketuhanan inilah yang membezakan kerangka tauhidik dan bukan tauhidik. Kesan tindakan manusia tidak terlepas daripada qada dan qadar sunnahullah. Oleh itu manusia memerlukan panduan yang dibekalkan oleh Penciptanya yakni al-Quran dan sunnah RasullAllah. Sains kontemporari dari segi konsep dan amalan adalah tidak bersifat tauhidik dan dikenali sebagai sains sekular. Dalam kerangka bukan tauhidik terdapat hanya dua entiti iaitu alam dan manusia. Entiti ketuhanan tidak diberi tempat seperti mana di dalam model tauhidik. Pandang alam manusia bagi model bukan tauhidik adalah terbatas kepada kedua-dua entiti ini yakni alam dan manusia. Kesannya kegiatan sains tidak akan memberi pertimbangan kepada aspek ketuhanan, makanya sains menjadi sekular.

Beginu juga sumber ilmu. Dalam kerangka bukan tauhidik, sumber rujukan adalah manusia dan alam. Jadi apabila manusia menjadi sumber rujukan maka kuasa inteleklah yang menjadi alat manusia beroleh ilmu. Oleh itu kegiatan berasional secara logik menjadi sesuatu



yang diamalkan. Yang kedua adalah alam itu sendiri. Bagaimanapun untuk mendapatkan ilmu daripada alam kejadian, alam perlu dicerap. Ini menuntut amalan proses sains. Oleh itu kegiatan eksperimen menjadi ciri utama kaedah empirik. Oleh kerana dimensi ketuhanan terkeluar daripada pertimbangan adalah sesuatu yang dijangkakan bahawa kitab suci al-Quran tidak dijadikan sebagai rujukan. Perbezaan asas ini lah yang menyulitkan kedua-dua kumpulan yang melakukan sains tauhidik dan sains bukan tauhidik secara bersama. Kerja-kerja sains mempunyai kaedahnya tersendiri. Kaedah sains kontemporari terbatas kepada kaedah intelek dan kaedah empirikal sementara sains tauhidik memperlihatkan penggunaan kaedah wahyu melalui alQuran dan sunnah untuk melaksanakan sains Tauhidik (Khalijah 2009).

Kegiatan sains bukan tauhidik atau sekular diperakui telah mengeneplekan dimensi ketuhanan, dimensi psiko-emosi, kemanusiaan dan sosio-agama. Ini menyebabkan pemikiran terarah menjadi materialistik menyebabkan aplikasi turut bersifat materialistik. Kesan sains sekular ke atas urusan kehidupan seperti di dalam penyelidikan pula, manusia akan melampaui batas dan dapat dilihat kesan menukar jantina diwaktu kelahiran demi untuk mempelajari secara nyata faktor-faktor yang mempengaruhi tabii kejantinaan.

Ciri-ciri sains tauhidik yang dipertimbangkan mempunyai tiga set

pasangan entiti. Pertama ialah entiti Allah dengan manusia, kedua entiti Allah dengan alam dan ketiga entiti alam dengan manusia (Abdul Latif 2013). Al-Quran dirujuk untuk memahami pertalian hubungan di antara pasangan entiti tersebut. Merujuk kepada entiti pasangan Allah dan manusia termaklum daripada al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w.bahawa manusia adalah hamba Allah dan khalifah Allah. Sebagai hamba Allah manusia tertakluk kepada perintah dan laranganNya. Dengan demikian kedudukan manusia sebagai saintis di sisi Tuhan tidak mempunyai keistimewaan berbanding manusia lain yakni semua yang saintis lakukan tertakluk kepada perintah dan larangan Allah. Pada masa yang sama kegiatan sains yang diusahakan oleh saintis tauhidik bertujuan untuk mengenali Allah, bersyukur kepadaNya dan dalam keadaan demikian ketaqwaan seseorang dapat ditingkatkan.

Satu lagi fungsi manusia adalah sebagai khalifah Allah. Istilah khalifah membawa maksud manusia bertugas sebagai pengurus dan pengelola pelbagai urusan kehidupan, baik pada peringkat individu, keluarga, organisasi, masyarakat atau negara. Oleh itu sebagai khalifah Allah, manusia bertanggung jawab untuk mengurus dan mentadbir kehidupannya agar sistem hidup berada dalam keadaan teratur dan mempunyai struktur yang menjamin kestabilan dan kefungsianya. Prinsip asas yang diajar oleh Islam untuk menjamin kestabilan, keselamatan dan seterusnya kefungsian sama ada bagi

manusia atau makhluk lain adalah perlakuan dan tindakan manusia hendaklah berasaskan prinsip keadilan, kebenaran dan terarah menuju kepada Pencipta Allah s.w.t.

### Latar Belakang Khalijah Salleh

Tokoh yang ingin dikaji dalam kertas seminar saya kali ini ialah Prof. Dr. Khalijah Binti Mohd Salleh. Khalijah Salleh dipilih sebagai tokoh kajian kerana beliau merupakan seorang saintis yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan suatu gagasan yang amat bernilai iaitu Sains Tauhidik. Tugas utama para penggerak kepada sains tauhidik adalah mencipta program penyelidikan dalam acuan Islam dan bukannya membenarkan sains sedia dan membaiki acuan Islam supaya sesuai dengan sains sekarang yang diterima dari dunia Barat. Ilmu adalah bersifat sangat dan tidak ada pemisah antara ilmu dengan Islam.

Beliau dilahirkan pada 1 Februari 1947 di Kuala Lumpur. Anak kelahiran Kampung Bharu, Kuala Lumpur ini merupakan cahayamata kedua dari enam orang adik-beradik. Anak kepada pasangan Mohd Salleh Abdul Majid dan Rahmah Zainal Abidin ini amat meminati bidang fizik sejak kecil lagi. Beliau sering membelek buku-buku berkenaan dengan haba kepunyaan ayahnya yang merupakan seorang jurutera pada waktu itu. Khalijah mempunyai lima orang anak iaitu dua orang perempuan dan tiga orang lelaki.

Beliau sangat suka membaca Al-

Quran dan daripada pembacaan terjemahan Al-Quran itulah beliau mendapat banyak elemen-elemen sains yang terdapat di dalam al-Quran, seterusnya beliau cuba untuk menghubungkan ilmu sains dengan ilmu ketuhanan. Bertitik tolak dari situlah Khalijah memikirkan untuk menjadikan Sains Tauhidik sebagai satu subjek di universiti yang harus dipelajari oleh pelajar-pelajar. Di peringkat universiti, beliau telah terlibat dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Beliau merupakan mantan Ketua Hal Ehwal Wanita ABIM dan Setiausaha Wanita ABIM.

Beliau sangat komited dalam menerapkan sains tauhidik kepada masyarakat termasuklah kanak-kanak yang berada di tadika lagi. Maka, beliau dan rakan-rakan ABIM yang lain telah mengajar guru-guru di tadika dalam usaha menerangkan sains tauhidik yang sebenarnya. Beliau menggunakan pendekatan Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam satu slot yang menerangkan tentang ilmu sains tauhidik ini. Dalam slot itu, beliau akan memberi contoh-contoh mudah supaya orang ramai mudah untuk memahami ilmu sains yang dikaitkan dengan ilmu ketuhanan. Beliau suka mengaitkan segala benda yang berlaku dengan agama kerana pada pandangan beliau, setiap yang berlaku ada hikmah dan sebabnya.

Beliau meninggal dunia pada jam 10 pagi Sabtu 17 September 2011 bersamaan 19 Syawal 1432. Beliau merupakan bekas pensyarah Jabatan

Fizik, UKM dan mantan Ketua Helwa ABIM. Beliau adalah Ketua Helwa yang pertama, yang juga di antara pengasas ABIM HELWA. Pemergian beliau menghadap ilahi memang diratapi oleh seluruh warga ABIM, baik wanita maupun lelaki. Beliau menghidap penyakit kanser darah. Rawatan kimoterapi yang terpaksa di hadapi oleh beliau memberikan banyak kesan sampingan kepada dirinya. Di akhir hayat beliau, beliau masih menggagahkan diri untuk meneruskan perjuangan sebagai pengajar di UKM dan terpaksa memakai topeng muka bagi mengelakkan jangkitan kuman. Namun semangatnya tidak pernah luntur untuk menyambung rantaian dakwah yang pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad suatu ketika dahulu.

Beliau juga merupakan ahli profesional Muslim yang ingin memajukan umat Islam menerusi dakwah dan juga bidang keilmuan. Beliau seorang pejuang profesional yang amat bersemangat dalam apa sahaja yang beliau lakukan. Contohnya beliau sangat komited dengan ABIM, ilmu dan pendidikan. Beliau tidak akan menolak sebarang undangan Helwa mahu pun Biro Pendidikan ABIM dalam aspek perkongsian ilmu khususnya cinta pertamanya iaitu sains Islam. Di akhir fasa perjuangannya, beliau amat prihatin tentang keperluan memasyarakatkan sains di kalangan orang Melayu dan pentingnya hubungan sains dan aqidah. Walaupun sudah didiagnos dengan kanser, selagi beliau boleh berdiri, bercakap dan kuat,

beliau masih meneruskan perjuangannya sehingga ke Indonesia untuk berbicara tentang sains Islam sebagai memenuhi undangan International Institute of Islamic Thought (IIIT) di Indonesia.

Beliau masih menghadiri majlis Helwa di awal tahun 2011 walaupun kesihatannya sudah mula merosot. Usaha beliau bukan sahaja untuk ABIM malahan semua organisasi Islam seperti Yadim dan IKIM. Kegigihannya dalam bidang sains terbukti apabila beliau dilantik sebagai felo oleh Akademi Sains Malaysia. Khalijah Salleh sememangnya seorang serikandi dan wanita mithali. Selain daripada kerjayanya, dakwah dan aktiviti sosialnya, beliau juga merupakan isteri dan ibu yang berjaya. Walaupun beliau sudah tiada namun kitalah yang harus meneruskan usahanya dalam bidang keilmuan dan pendidikan untuk memantapkan sains Islam dan aqidah umat. Inilah sekurang-kurangnya kita dapat lakukan sebagai mengenang jasanya yang tidak ternilai ini. Beliau adalah seorang pendidik yang tidak hanya mendidik ilmu fizik, tetapi juga mendidik tentang ilmu dunia dan akhirat.

### **Pandangan Khalijah Salleh Terhadap Salleh Sains Tauhidik Dalam Membangunkan Tamadun Melayu**

Menurut Khalijah Salleh, Al-Quran dan alam adalah dua kitab Allah. Kedua-dua kitab ini merupakan sumber maklumat



yang berguna untuk manusia mengurus hidup sebagai hamba dan khalifah Allah. Kedua-dua Al-Quran dan alam mengandungi maklumat yang mana Al-Quran dalam bentuk teks dan alam pula dalam bentuk nyata. Jika Al-Quran dilihat sebagai manual perisian mengenai alam maka alam adalah perkakasan yang diperlukan manusia untuk memenuhi keperluan hidup. Dengan menggunakan Al-Quran dan alam sebagai kitab, skop kegiatan sains dapat diperluaskan (Khalijah 2010).

Ilmu sains mempunyai asas-asas falsafah yang mencorakkan skop perkembangan dan pembangunan ilmu dan kaedah ilmu itu berkembang. Kegiatan Sains dan Teknologi adalah satu kegiatan manusia yang tidak terlepas daripada pengaruh asas falsafah yang didukungi. Asas falsafah mempertimbangkan konsep ketuhanan berbanding yang tidak memberi kesan kepada rupa bentuk, skop dan jenis kegiatan sains yang diusahakan. Pendekatan sains sekular yang bukan tauhidik ternyata terbatas dari segi skop dan amalan. Dimensi kemanusiaan dan kehidupan termasuk kerohanian. Ini terbukti melalui sejarah, amalan serta kewujudan pelbagai masalah alam persekitaran dan kehidupan melalui amalan dan aplikasi sains kontemporari.

Sains yang diamalkan masa kini atau apa yang disebut sebagai sains kontemporari adalah berasaskan premis yang mencorak dan

menentukan skop amalan, batasan, peraturan beserta garis panduan dan undang-undang. Perkara-perkara ini haruslah diketahui dan difahami terlebih dahulu agar ia memberi satu penerangan secara rasional mengapa amalan sains kontemporari yang berterusan boleh memberi dampak negatif terhadap kehidupan, kesihatan dan keselamatan alam sekitar di masa akan datang. Makanya, para saintis kita telah mewujudkan Sains Tauhidik iaitu sains yang berteraskan konsep tauhid yang berdasarkan konsep ketuhanan sebagai pencipta. Yang demikian apa jua kegiatan sains yang hendak dilakukan oleh manusia adalah tertakluk kepada syariah agar dapat membangunkan tamadun melayu ini yang rata-ratanya adalah menganut agama islam.

Dalam tamadun melayu, kerangka konseptual sains tauhidik memperlihatkan entiti ketuhanan, kemanusiaan dan alam yang dilengkapi dengan al-Quran dan sunnah sebagai sumber rujukan wahyu. Ia memperlihatkan hubungan di antara entiti-entiti seterusnya implikasi terhadap ruang lingkup kegiatan sains yang boleh diusahakan oleh komuniti sains. Kerja-kerja sains mempunyai kaedahnya tersendiri. Kaedah sains kontemporari terbatas kepada kaedah intelek dan kaedah empirikal sementara sains tauhidik memperlihatkan penggunaan kaedah wahyu melalui al-Quran dan sunnah untuk melaksanakan sains Tauhidik.



Perbezaan utama sains tauhidik berbanding sains kontemporari adalah persoalan etika yang terkandung dalam kerangka amalannya secara tersirat. Dalam sains kontemporari pertimbangan terhadap etika diperolehi secara empirikal setelah terdapat kesan-kesan negatif aplikasi sains dan teknologi. Pertimbangan etika dalam sains tauhidik pula bersifat pencegahan. Sains tauhidik mengutamakan prinsip kebenaran dan keadilan tanpa mengabaikan kepentingan samaada individu, kelompok maupun negara dalam apa jua kegiatan sains sama ada dalam bentuk akademik, penyelidikan, pembangunan dan penerbitan. Maka, terdapat dua bentuk amalan kerja beretika dalam sains yakni yang berteraskan nilai seperti integriti dan yang berteras perundangan dan peraturan kerja yang harus dipatuhi oleh semua yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja sains.

Berteraskan konsep tauhidik dan cara kerja beretika, amalan sains tauhidik akan mempunyai budaya kerja tersendiri. Ciri utama budaya kerja sains tauhidik adalah ia mengintegrasikan dimensi kebendaan, kemanusiaan dan kerohanian dalam kerja-kerja sains. Kegiatan dalam sains dilihat sebagai satu cara manusia mengenali Penciptanya, sebagai ibadat yang boleh mempertingkatkan keimanan seterusnya ketaqwaan seseorang kepada Tuhan. Kedudukan

manusia sebagai khalifah Allah akan menyebabkan manusia terus membongkar rahsia alam bertujuan untuk memanfaatkan kehadiran alam material bagi memenuhi keperluan hidup manusia tanpa bertindak luar batasan yang boleh menggugat keselamatan dan kesejahteraan kehidupan.

Begitu juga sumber ilmu. Dalam kerangka bukan tauhidik, sumber rujukan adalah manusia dan alam. Jadi apabila manusia menjadi sumber rujukan maka kuasa intelek yang menjadi alat manusia beroleh ilmu. Oleh itu kegiatan berasional secara logik menjadi sesuatu yang diamalkan. Kedua adalah alam itu sendiri. Bagaimanapun untuk mendapatkan ilmu daripada alam kejadian, alam perlu dicerap. Ini menuntut amalan proses sains. Oleh itu kegiatan eksperimen menjadi ciri utama kaedah empirik. Oleh kerana dimensi ketuhanan terkeluar daripada pertimbangan adalah sesuatu yang dijangkakan bahawa kitab suci al-Quran tidak dijadikan sebagai rujukan. Perbezaan asas ini lah yang menyulitkan kedua-dua kumpulan yang melakukan sains tauhidik dan sains bukan tauhidik secara bersama. Titik pertemuan adalah melalui pengalaman secara haqqul yaqin (Khalijah 2009).

Kegiatan Sains dan Teknologi adalah satu kegiatan manusia yang tidak terlepas daripada pengaruh asas falsafah yang didukungi. Asas falsafah

yang mempertimbangkan konsep ketuhanan berbanding yang tidak memberi kesan kepada rupa bentuk, skop dan jenis kegiatan sains yang diusahakan. Pendekatan sains sekular yang bukan tauhidik ternyata terbatas dari segi skop dan amalan. Dimensi kemanusiaan dan kehidupan termasuk kerohanian. Ini terbukti melalui sejarah, amalan serta kewujudan pelbagai masalah alam persekitaran dan kehidupan melalui amalan dan aplikasi sains kontemporari. Sains dan teknologi ialah satu bidang usaha manusia yang perlu dimajukan. Ilmu sains baru yang terjana hasil daripada kerja-kerja penyelidikan ini menjadikan ilmu sains sentiasa bertambah menyebabkan korpus ilmu sains dalam masyarakat terus diperkaya (Khalijah 2009).

Kerangka konseptual sains tauhidik memperlihatkan entiti ketuhanan, kemanusiaan dan alam yang dilengkapi dengan alQuran dan sunnah sebagai sumber rujukan wahyu. Ia memperlihatkan hubungan di antara entiti-entiti seterusnya implikasi terhadap ruang lingkup kegiatan sains yang boleh diusahakan oleh komuniti sains. Kaedah sains kontemporari terbatas kepada kaedah intelek dan kaedah empirikal sementara sains tauhidik memperlihatkan penggunaan kaedah wahyu melalui al-Quran dan sunnah untuk melaksanakan sains Tauhidik. Perbezaan utama sains tauhidik berbanding sains kontemporari adalah persoalan etika yang

terkandung dalam kerangka amalannya secara implisit. Dalam sains kontemporari pertimbangan terhadap etika diperolehi secara empirikal setelah terdapat kesan-kesan negatif aplikasi sains dan teknologi. Pertimbangan etika dalam sains tauhidik bersifat pencegahan. Sains tauhidik mengutamakan prinsip kebenaran, keadilan tanpa mengabaikan kepentingan samaada individu, kelompok maupun negara dalam apa jua kegiatan sains sama ada dalam bentuk akademik, penyelidikan & pembangunan, penerbitan. Maka itu terdapat dua bentuk amalan kerja beretika dalam sains yakni yang berteraskan nilai seperti integriti dan yang berteras perundangan dan peraturan kerja yang harus dipatuhi oleh semua yang terlibat dalam melaksanakan kerja-kerja sains (Khalijah & Mohd Yusof 2009).

Semua pencapaian sains hari ini menjadi pemangkin kepada usaha Malaysia untuk menuju negara maju sesuai dengan wawasan 2020. Ia menjadi bukti keupayaan masyarakat Melayu dalam bidang sains kerana budaya sains telah pun mengakar sejak zaman tradisional lagi. Tentunya konsepsi sains tradisional itu tidak menyamai konsepsi sains moden hari ini kerana beberapa batasan dan kelemahan. Bagaimanapun ia bukanlah menjadi satu bukti kelemahan sebaliknya ia menunjukkan walaupun masyarakat Melayu ketika itu agak ketinggalan tetapi pencapaian mereka

dalam bidang sains tidaklah terlalu ketinggalan. Penting sekali kejayaan masyarakat Melayu tradisi dalam bidang sains diwar-warkan kepada generasi hari ini untuk membina jatidiri dan keyakinan tentang keupayaan mereka menguasai ilmu penting ini. Masyarakat Melayu sebenarnya mengongsi kejayaan umat Islam lampau yang pernah menjadi pelopor sains dunia kerana tamadun Islam yang pernah gemilang itu merupakan tamadun yang dibina oleh semua pengikut agama ini. Lantaran itu kejayaan penggunaan ilmu sains bukanlah sesuatu yang mustahil sebagaimana dibuktikan hari ini melalui kejayaan beberapa sarjana Melayu-Islam dalam pencapaian sains yang berada di Institusi pengajian tinggi negara ini.

### Kesimpulan

Pengkaji merasakan bahawa pemikiran tentang sains moden dan tradisi intelektual itu terlalu luas untuk menyatakan hanya satu makna sahaja tentang sains tauhidik. Sains tauhidik sebagai satu bidang ilmu bukan sahaja boleh digunakan sebagai alat untuk pembangunan tamadun melayu tetapi juga memberi kesan intelektul kepada kita. Dengan adanya daya fikir yang tinggi, kita mampu meneroka jauh. Pengetahuan berkaitan sains tauhidik membolehkan seseorang mengenali Allah dari dekat dan mudah meyakini dirinya tentang kebenaran perintah Allah yang terdapat di dalam Al-Quran.

Sains Tauhidik adalah sains yang berteraskan konsep tauhid dan Allah

Yang Maha Esa sebagai Pencipta. Oleh itu, apa jua kegiatan sains yang hendak dilakukan oleh manusia adalah tertakluk kepada syariah. Kerangka konsep sains tauhidik memperlihatkan entiti iaitu ketuhanan, kemanusiaan dan alam yang dilengkapi dengan al-Quran dan sunnah yang diterima oleh Muslim sebagai sumber rujukan wahyu. Ia memperlihatkan hubungan di antara entiti-entiti seterusnya implikasi terhadap ruang lingkup kegiatan sains yang boleh diusahakan oleh komuniti sains.

Kandungan al-Quran diketahui mempunyai dimensi intelek dan rohani. Begitu juga ia mengandungi isi berkenaan dimensi kejiriman dalam alam tampak yang harus ditadabur melalui sains. Oleh itu, sains tauhidik semestinya sains yang berteraskan kepada Rukun Islam dan Rukun Iman. Sains Tauhidik mengutamakan prinsip berdasarkan nilai kebenaran, keadilan, keseimbangan dan kebaikan. Pertimbangan etika dalam Sains Tauhidik bersifat pencegahan. Berteraskan konsep tauhidik dan cara kerja beretika, amalan sains Tauhidik akan mempunyai Budaya kerja yang tersendiri. Ciri utama budaya kerja sains tauhidik adalah mengintegrasikan dimensi kebendaan, kemanusiaan dan kerohanian dalam kerja-kerja sains. Kegiatan dalam sains dilihat sebagai satu cara manusia mengenali Penciptanya iaitu sebagai ibadah yang boleh mempertingkatkan keimanan seterusnya ketaqwaan seseorang kepada Allah.

Kedudukan manusia sebagai khalifah Allah SWT akan menyebabkan manusia terus membongkar rahsia alam bertujuan untuk memanfaatkan kehadiran alam



material bagi memenuhi keperluan hidup manusia tanpa bertindak luar batasan yang boleh menggugat keselamatan dan kesejahteraan kehidupan. Dengan erti kata lain, Sains Tauhidik menjamin kelestarian pembangunan tamadun melayu dan pembinaan peradaban bagi maslahah ummah. Matlamat utamanya adalah kembali kepada Allah SWT dengan mensyukuri segala nikmatnya. Manakala hasil daripada kerja-kerja sains itu yang menerbitkan teknologi adalah sebagai saham ke akhirat melalui kebajikan yang dimanfaatkan.

## Rujukan

- Abdul Latif Samian. 2013. Hidup bersendikan Sains , Sains bersendikan Syarak, Syarak bersendikan Kitabullah. Dlm Jurnalis Uddin drk., 2013. 'Sains& Teknologi di Alam Melayu'. Bangi: ATMA, UKM
- Dusuki Haji Ahmad. 1980. Kamus Pengetahuan Islam. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Khalijah Salleh. 1996. Paradigma Sains Moden dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khalijah Salleh. 2010. Al-Quran Dan Alam Sebagai Kitab Allah. Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik. Islamic University of Indonesia
- Khalijah Salleh. 2014. Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Khalijah Salleh. 2008. Paradigma Ketauhidan Integrasi Sains dan agama. Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Fizik Gunaan. Bangi: Fakulti Sains dan Teknologi.
- Khalijah Salleh dan Mohd Yusof Osman. 2009. Sains Tauhidik Sebagai Satu Kursus STPD. Seminar Pendidikan Sains dan Teknologi Maklumat. Bangi.
- Khalijah Salleh. 2009. Sains Tauhidik:Model,Ciri-ciri, Kegiatan dan Amalan. Seminar Pendidikan Sains dan Teknologi Maklumat. Bangi.
- Khalijah Salleh. 2009. Penghayatan Budaya Kependidikan Yang Kondusif Untuk Kemajuan Sains & Teknologi. Dalam Mohd Yusof Hj. Othman (peny.). Wacana Sejarah dan Falsafah Sains : Sains Dan Masyarakat (halaman 548) : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Yusof Osman. 2009. Penerokaan Al-Quran melalui Sains. Dalam Mohd Yusof Hj. Othman (peny.). Wacana Sejarah dan Falsafah Sains : Sains Dan Masyarakat (halaman 636) : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2014. Pengenalan Sains Tauhidik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

# Penerapan Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus Pengajian Ketamadunan

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin<sup>1</sup>, Fatin Hazwani Siran<sup>1</sup>, Nasrudin Yunos<sup>1</sup>, Khairul Hamimah Mohamad Jodi<sup>2</sup>, Nazilah Ali<sup>3</sup> dan Fatin Nabilah Abu Hassan<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pusat Citra Universiti, UKM, Bangi, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial, Open University Malaysia, Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia

**Abstrak:** Dewasa ini, kita dapat melihat bahawa cinta kemanusiaan dalam diri manusia semakin terhakis. Peningkatan kadar peperangan, pertumpahan darah dan jenayah di seluruh dunia seperti peperangan di Palestin dan Syria yang mengorbankan ribuan nyawa manusia yang tidak berdosa menjelaskan penularan fenomena ini. Manusia seolah-olah telah tidak mempunyai rasa belas kasihan terhadap mangsa yang terbunu. Justeru, indikator cinta kemanusiaan dilihat sebagai salah satu alternatif solusi untuk membendung fenomena ini daripada terus berlarutan. Hasil kajian konseptual ini telah mengenal pasti beberapa indikator cinta kemanusiaan; iaitu keinginan untuk membantu (*prosocial/altruisme*), filantrofi, prihatin, cinta kebaikan, kesederhanaan (*wasatiyah*), mematuhi undang-undang, empati, nilai jati diri, tanggungjawab sosial, keagamaan, belas kasihan dan toleransi. Pihak yang berkenaan boleh menjadikan indikator cinta kemanusiaan ini sebagai nilai yang perlu dididik dan diterapkan dalam diri individu supaya bagi meningkatkan rasa cinta kemanusiaan dalam diri sekaligus mengelak daripada terlibat dengan sebarang siri kekejaman, seterusnya melahirkan generasi penyayang dan harmoni. Kajian ini mencadangkan agar indikator Cinta Kemanusiaan yang telah dikenalpasti ini dapat diterapkan melalui Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia memandangkan kepentingan kursus ini kepada pelajar-pelajar Insitusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

**Kata kunci:** Indikator, Cinta Kemanusiaan, Tamadun, TITAS



## Pengenalan

Kursus Tamadun Islam Tamadun Asia (TITAS)

Pengajian tinggi negara amat berperanan dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi yang rakyatnya berdaya saing serta berfikiran inovatif. Pembinaan modal insan merangkumi satu proses lengkap membentuk tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Modal insan menjadi fokus dan agenda utama kepimpinan negara untuk direalisasikan oleh semua pihak termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam maupun swasta.

Selaras dengan hasrat murni tersebut, kursus Tamadun Islam diperkenalkan di semua IPT/S bagi melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuankan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja dan seterusnya kebolehdapatan kerja.

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan mata pelajaran wajib bagi semua pelajar IPT awam sejak tahun 1998 (Osman Bakar, 2012). Namun di IPT swasta, kursus TITAS baru sahaja diperkenal dan diwajibkan bermula tahun 2013. Kursus ini membincangkan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi pengenalan ilmu ketamadunan, tamadun Islam, tamadun Melayu, tamadun India, tamadun Cina dan isu ketamadunan

dalam masyarakat kontemporari.

Malaysia

Beberapa kajian lepas (Mohamad Khairi, 2004; S. Salahudin et al., 2004; Norharidawati Roni, 2001), menjelaskan bahawa pengajaran kursus TITAS amat relevan dan penting bagi membuka minda pelajar dalam menghadapi realiti dan isu semasa. Kajian Nik Mustafa Nik Hassan et.al (2004) mendapati pengajaran kursus TITAS perlu diolah supaya relevan dengan disiplin ilmu para pelajar, bagi menarik minat mereka, di samping menyumbang kepada pengkayaan penguasaan ilmu dalam bidang yang mereka pelajari.

Dari segi kandungan, pada peringkat awal penawarannya, kursus TITAS dibahagikan kepada dua bahagian TITAS 1 (Tamadun Islam) dan TITAS 2 (Tamadun Asia). Setelah melalui semakan semula, kandungan tersebut telah diubah suai dengan menggabungkan TITAS 1 dan TITAS 2 yang menyentuh tentang Pengenalan Ilmu Ketamadunan, Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Isu Semasa. Buku teks TITAS yang diterbitkan oleh Universiti Malaya pada tahun 2009 dan 2015 telah diangkat menjadi rujukan utama bagi kursus TITAS. Pada tahun 2015, kursus TITAS telah mengalami evolusi sekali lagi dengan penawarannya dalam bentuk *Massive Open Online Course* (MOOC) di platform openlearning.com. Kursus TITAS dalam bentuk MOOC yang dikelolakan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) ini merupakan bahan bantu tambahan kepada penawaran kursus TITAS di IPT.

Walaupun telah diperkenalkan semenjak tahun 1998 di IPT awam, namun beberapa kelemahan dalam penawaran kursus TITAS telah dikenal pasti, antaranya dari segi kandungan yang dikatakan terlalu menekankan aspek pengajian Islam dan sejarah (Mohd Azhari et.al, 2012), dan kelemahan dari segi pengajaran dan pembelajaran yang dikatakan agak membosankan (Mustapha Kamal & Zahiah, 2014; Zahiah et.al, 2014). Namun, kajian Mohd Azhari et.al (2012) pula mendapati bahawa kursus TITAS memberikan manfaat kepada pelajar untuk mengimbas kembali dan memahami lagi berkenaan ilmu ketamadunan yang patut diketahui oleh semua. Terutamanya yang melibatkan ketamadunan Melayu dan interaksi antara tamadun penting di Asia..

### **Penyataan Masalah**

Secara umum, pelajar menganggap kursus TITAS merupakan kursus yang berlatarbelakangkan pengajian Islam dan sejarah, malah ia juga dianggap sebagai ulangan kepada subjek tertentu yang pernah diajar di sekolah. Anggapan demikian menyebabkan para pelajar hilang minat, kurang memberi tumpuan atau mengambil kursus TITAS sekadar melepaskan batuk di tangga (Abd. Rashid, 2015).

Hakikatnya, kursus Tamadun Islam tidak hanya menekankan aspek ilmu pengajian Islam atau sejarah semata, sebaliknya turut membincangkan isu dan cabaran semasa berkaitan ketamadunan manusia. Perkembangan sosial serta

pergolakan politik dan ekonomi semasa memberikan cabaran kepada kehidupan masyarakat dunia sekarang. Isu nilai kemanusiaan semakin meruncing. Penerapan nilai positif yang diwarisi daripada tamadun Islam dan tamadun Asia menjadi semakin mencabar dengan kewujudan pelbagai isu kemanusiaan semasa. Justeru, kajian konseptual ini bertujuan meneliti cinta kemanusiaan daripada pelbagai perspektif dengan mengenal pasti indikator yang dapat digunakan bagi menjelaskan cinta kemanusiaan.

Dewasa ini, terdapat pelbagai isu-isu dan kes-kes jenayah, pembunuhan, penculikan dan rompakan yang tidak berperikemanusiaan dilaporkan di dada-dada akhbar. Antara isu yang yang tidak berperikemanusiaan itu termasuklah berita tentang seorang remaja yang mengerat tubuh badan neneknya kepada sembilan belas bahagian (Astro Awani, 9 Ogos 2016). Kejadian yang berlaku di Kota Tinggi, Johor ini melibatkan seorang remaja lelaki yang telah memenggal kepala, serta mengerat tangan dan kaki neneknya yang berusia 76 tahun. Selain daripada itu, masyarakat juga dikejutkan dengan kejadian yang berlaku di Bukit Mertajam, melibatkan seorang pembeli durian yang menikam penjual buah tersebut hingga mati hanya kerana tidak berpuas hati dengan kualiti durian yang dibelinya (The Straits Times, 20 Ogos 2016).

Kedua-dua berita ini seolah-olah menggambarkan betapa tenatnya masyarakat kita pada harini. Betapa manusia pada hari ini bersifat



individualistik dan hanya meletakkan kepentingan dan kepuasan diri sebagai perkara yang paling utama berbanding kemaslahatan orang ramai. Mereka dengan mudahnya membunuh antara satu sama lain hanya kerana perkara yang remeh dan sebab yang tidak jelas. Hal ini jelas menunjukkan betapa rasa cinta kemanusiaan dan belas kasihan dalam kalangan manusia semakin menipis dari hari ke hari.

### Cinta Kemanusiaan

Cinta kemanusiaan merujuk kepada berperasaan sangat sayang kepada perihal manusia dan sifat-sifat manusia (Dewan Bahasa dan Pustaka,2005). Justeru, cinta kemanusiaan dirujuk sebagai perasaan kasih sayang, prihatin dan bertanggungjawab terhadap individu atau kumpulan tertentu. Cinta kemanusiaan adalah sangat relevan untuk pengajian Ketamadunan kerana objektif kursus TITAS adalah untuk membina generasi Malaysia yang berpengetahuan dan peka mengenai isu-isu ketamadunan dan peradaban di samping memperkuuhkan jati diri bangsa Malaysia sebuah negara berbagai kaum yang mengamalkan kehidupan yang bertoleransi terhadap budaya dan kepercayaan yang pelbagai dan berbeza. Usaha-usaha dalam mengenalpasti indikator-indikator Cinta Kemanusiaan adalah bagi membantu para pengkaji dan pensyarah Ketamadunan agar dapat menerapkan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dalam kursus yang diajar pada setiap semester di IPTA dan IPTS tempatan.


### Indikator-Indikator Cinta Kemanusiaan

Di antara indikator-indikator Cinta Kemanusiaan yang telah dikenalpasti, adalah seperti yang berikut:

### Tingkah Laku Prososial Dan Altruistik

Membantu orang lain bukan sahaja melibatkan pengorbanan, akan tetapi memperoleh kepuasan kerana dapat membantu orang. Pengorbanan dan kepuasan yang diperoleh tidak mengira samada apa yang dibantu itu sesuatu yang mudah dan selamat atau berbahaya. Tingkah laku prososial didefinisikan sebagai apa-apa tindakan yang memberi manfaat kepada orang lain. Orang yang membantu tidak semestinya menerima apa-apa faedah kerana membantu orang. Mereka juga mungkin menghadapi risiko kerana membantu orang. Bagi tingkah laku prososial yang dirancang dan dilakukan dari semasa ke semasa ataupun dalam dalam tempoh yang panjang, ia lebih dikenali sebagai kesukarelawanan. Terma prososial juga digunakan silih berganti dengan perkataan altruistik.

Altruisme merujuk kepada keinginan untuk membantu tanpa diminta. Ia merupakan hasil daripada tolakan motivasi untuk menjaga dan memelihara kebajikan individu lain (Batson & Powell, 2003). Konsep altruisme berlawanan dengan konsep egoisme yang lebih bertumpu kepada motivasi untuk memikirkan kepentingan dan keselesaan diri sendiri sahaja. Individu yang mempunyai altruism yang



tinggi cenderung untuk menghulurkan bantuan hatta terpaksa mengorbankan diri (*self-sacrificial helping*). Mereka akan tetap menghulurkan bantuan walaupun tidak diganjari dengan apa-apa balasan yang bersifat material seperti wang (Batson & Powell, 2003; Feigin et al, 2014; Eisenberg & Miller, 1987).


Berdasarkan kajian lepas, terdapat pelbagai cara untuk mengkaji sifat altruisme yang ada dalam diri seseorang individu. Misalnya, Camerer (2003) telah menggunakan simulasi permainan diktator untuk mengenalpasti sifat altruisme berdasarkan tahap kesanggupan responden untuk memberikan sejumlah wang yang mereka miliki kepada individu lain yang sedang dalam kesusahan. Sementara itu, Rushton, Chrisjohn dan Fekken (1981) menggunakan kaedah lapor diri untuk mengenalpasti tahap altruisme kendiri.

Menurut Huber dan MacDonald (2012) altruisme berkadar terus dengan tahap spiritualiti dan empati di mana individu yang mempunyai tahap spiritualiti dan empati yang tinggi akan lebih termotivasi untuk membantu orang lain tanpa diminta (*altruism*). Selain itu, altruisme juga berkadar terus dengan tingkahlaku prososial dimana individu yang bersifat altruism cenderung untuk memanfaatkan diri untuk membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan (Lay & Hoppmann, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa ciri altruisme yang dipengaruhi oleh faktor spiritual dan empati berpotensi untuk menghasilkan seorang individu yang suka membantu

orang di dalam kesusahan tanpa mengharapkan balasan sekaligus memamerkan cinta kemanusiaan yang tinggi.

Islam juga amat menggalakkan ummatnya untuk menghulurkan bantuan kepada individu yang sedang berada dalam kesusahan. Hal ini berpadanan dengan sebuah hadith nabi;

*"Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW, baginda telah bersabda: "Barangsiapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan kiamat. Barangsiapa yang mempermudahkan bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudahkan baginya di dunia dan di akhirat. Barangsiapa yang menutup keaiban seorang muslim, nescaya Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa bersedia menolong hambaNya selagi mana dia suka menolong saudaranya. Barangsiapa yang melalui suatu jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan menuju ke syurga. Sesuatu kaum tidak berkumpul di salah sebuah rumah-rumah Allah (iaitu masjid) sambil mereka membaca Kitab Allah dan*



*mengajinya sesama mereka melainkan suasana ketenangan akan turun ke atas mereka, rahmat akan melitupi mereka dan mereka akan di kelilingi oleh para malaikat dan Allah akan menyebut (perihal) mereka kepada orang-orang yang berada di sisiNya. Barangsiapa yang terlambat amalannya, nescaya nasab keturunannya tidak mampu mempercepatkannya."*

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh kerana manusia sering bermotivasi untuk meningkatkan ganjaran dan mengurangkan hukuman, timbul persoalan mengapa membantu orang lain menjadi satu pengalaman yang berharga. Berikut adalah beberapa teori yang dapat menjelaskan altruisme ini.

### Teori Tingkah laku prososial

- i. *Empathy-altruism hypothesis* menjelaskan bahawa tingkah laku prososial didorong oleh hasrat untuk membantu seseorang yang memerlukan dan mereka rasa baik apabila dapat membantu orang lain.
- ii. *Negative-state relief model* menjelaskan bahawa tingkah laku prososial terhasil kerana keperluan kita untuk mengurangkan kesan rasa tidak selesa kerana menyaksikan orang yang memerlukan bantuan.

- iii. *Empathic joy hypothesis* menjelaskan bahawa tingkah laku prososial didorong oleh keperluan pencapaian, dan membantu orang lain adalah satu bentuk pencapaian.
- iv. *Genetic determinism model* menjelaskan bahawa tingkah laku prososial dipandu oleh faktor genetik untuk memastikan kelangsungan genetik di masa depan.

### Filantropi

Filantropi merujuk kepada perbuatan memberi sumbangan kewangan kepada golongan yang memerlukan (Bekkers & Wiegking, 2010). Ia merupakan salah satu bentuk tingkah laku prososial yang bersifat formal. Islam amat menganjurkan ummatnya agar bersifat dengan sifat dermawan (filantropi). Hal ini dapat dilihat menerusi surah al-Balad ayat 10-16;

*"dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan. Tetapi dia tidak menempuh jalan yang mendaki dan sukar? Dan tahukah kamu apakah jalan mendaki dan sukar? Iaitu melepaskan hamba sahaya. Atau memberi makan pada hari terjadinya kelaparan. Kepada anak yatim yang ada hubungan kerabat. Atau orang miskin yang sangat fakir." (al-Balad:10-16).*

Ayat ini menganjurkan ummat Islam untuk melalui jalan yang sukar (*aqabah*). Jalan yang sukar itu merangkumi perbuatan melepaskan hamba sahaya, memberi makanan



kepada anak yatim, ahli keluarga, orang fakir juga miskin. Dalam erti kata lain, jalan ini mengajak umat Islam untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan. Menerusi surah Al Baqarah ayat 261, diceritakan pula balasan yang berlipat kali ganda buat individu yang gemar membelanjakan harta untuk golongan yang memerlukan bantuan;

*“Bandingan derma orang orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap tiap tangkai itu pula mengandungi serratus biji. Dan ingatlah, Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.”*

(Al Baqarah: 261)

Dalam pada itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi sifat filantropi seseorang termasuklah (a) kesedaran terhadap keperluan (*awareness of need*); (b) cara meminta derma (*solicitation*); (c) reputasi; (d) manfaat psikologi; (e) nilai-nilai murni dan; (f) kecekapan kendiri (*self-efficacy*) (Bekkers & Wiepking, 2010). Kesedaran kepada keperluan merupakan prasyarat kepada filantropi. Seseorang harus mengetahui dan menyedari tentang adanya golongan yang memerlukan bantuan. Hanya dengan itu, barulah individu yang bersifat filantropi boleh menghulurkan bantuan. Selain itu, cara penderma meminta derma (*solicitation*)

juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan filantropi. Kebiasaannya penderma akan meminta derma sama ada menghantar surat pencarian dana (*fundraising letter*), membuat permohonan personal secara terus kepada individu yang bersifat filantropi tersebut, interaksi dalam sesebuah kelompok individu dan sebagainya. Seterusnya, antara faktor yang mempengaruhi filantropi adalah reputasi dan pengiktirafan (*reputation and recognition*). Individu yang menderma sering mendapat penghormatan dan dipandang tinggi oleh rakan dan orang disekelilingnya. Hal ini sedikit sebanyak mempengaruhi seseorang individu untuk menderma (Bekkers & Wiepking, 2010).

### Prihatin

Prihatin ialah mengambil berat mengenai keadaan orang lain serta tidak membiarkan orang lain dalam kesusahan. Ia juga bermaksud jiwa berduka cita atau kecewa yang amat sangat kerana gagal dalam usaha, menghadapi kesusahan dan lain-lain. Manakala keprihatinan adalah kesungguhan menunjukkan minat atau perhatian berat pada seseorang atau sesuatu (Kamus Dewan, 2010: 1231). Sikap keprihatinan yang tinggi telah lama ditekankan oleh Ibnu Khaldun di dalam karya agungnya, *al-Muqadimmah*, di mana ia adalah sikap yang penting dalam diri seorang pemerintah, sebagaimana dirangkul dan dinukilkan berikut:

*“Apa yang menjadi syarat*



*seorang pemerintah yang disegani ialah baik hati budinya, dan membela nasib hamba rakyatnya. Pengertian sebenar tentang kedaulatan berkuasa adalah apabila raja itu bersikap melindungi hamba rakyatnya. Bersikap mempunyai hati budi dan berbuat kebajikan adalah daripada sifat lemah lembut seorang ketua negara terhadap rakyatnya dan memperlihatkan sikap mengambil berat kesejahteraan hidup hamba rakyat. Kesemuanya itu adalah penting kepada raja yang cuba memenangi kecintaan hamba rakyatnya”* (Ibnu Khaldun, 2009: 194).

Namun, keprihatinan bukan hanya dituntut dari pemerintah, malah ia adalah dituntut ke atas semua lapisan masyarakat. Dalam sistem pendidikan umpamanya, para pendidik perlulah prihatin kepada keperluan para pelajar di mana pelbagai aspek yang perlu diambilkira, di antaranya ialah kemahiran membaca, mengira, perlakuan dalam bilik darjah, pembelajaran kooperatif, kualiti pengajaran dan pembelajaran, pemakanan dan sebagainya (Krause, Bochner, Duchesne & McMaugh, 2013). Keprihatinan juga melibatkan keterlibatan atau *engagement* di dalam sesuatu perkara di mana setiap individu itu boleh terlibat dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, keterlibatan dilihat

melalui tanda-tanda seperti memberi perhatian, melaluikan sesuatu tugas, mengikuti arahan, mencapai matlamat, menunjukkan minat dan memberikan maklum balas (Fredericks, Blumenfield & Paris, 2004).

Justeru, keprihatinan adalah dituntut dari setiap lapisan individu kerana ia menunjukkan bahawa kita cakna dan ambil tahu mengenai apa yang berlaku di sekeliling kita, di samping dapat membawa kesan-kesan positif yang berkait rapat dalam soal kepimpinan, pendidikan, hubungan sosial dan kemasyarakatan.

### Cinta Kebaikan

Cinta kebaikan termasuklah rasa cinta untuk melakukan kebajikan kepada orang lain, cinta perjuangan, cinta kekuatan sahsiah dan peribadi, cinta bertaubat dan menyucikan diri dan cintakan segala sesuatu yang menjurus kepada kebaikan (Mohd Fadhilah & Syaidatun 2007). Selain itu, di antara perbuatan baik yang boleh dilakukan ialah dengan menafkahkan harta benda sewaktu senang dan susah, menahan kemarahannya dan juga memaafkan kesalahan orang lain (Sayyid Qutb 2000), sebagaimana termaktub dalam firman Allah SWT yang maksudnya:

*“(laitu) orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang*



*menahan marahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah SWT mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan”* (Surah Ali ‘Imran 3: 134).

Individu yang baik dan menjaga akhlak adalah termasuk dalam kategori manusia yang mencintai kebaikan. Orang yang berbuat kebaikan kepada orang lain akan sentiasa ringan tulang dan merasa senang untuk membantu tanpa diminta. Sikap suka tolong-menolong dan mengambil berat hal ehwal anggota keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan kenalan di mana-mana sahaja berada adalah satu bentuk kecintaan yang luhur kepada sesama manusia (Mohd Fadhilah & Syaidatun 2007). Allah SWT sangat menyukai dan mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan iaitu orang-orang yang beriman yang melakukan amal soleh. Disediakan bagi mereka ganjaran syurga yang di dalamnya dilimpahi dengan pelbagai kenikmatan (Syaidatun & Nur Hidayah 2016). Bagi yang bukan beragama Islam, cinta kebaikan tetap membawa kebaikan yang berlipat ganda bagi kehidupan mereka di dunia bersama dengan sanak saudara, sahabat handai dan juga orang lain mengenali mereka.

### **Kesederhanaan (*Wasatiyyah*)**

Wasatiyyah yang membawa maksud kesederhanaan (Ibrahim Mustafa, t.t.), tidak lebih, tidak kurang, biasa,

pertengahan, atau sedang dalam pelbagai perkara atau tindak-tanduk. Boleh juga dimaksudkan sebagai sesuatu perkara yang tidak banyak selok-beloknya, tidak rumit, tidak sulit, *moderate* dan *not extreme* (Noresah, 2002: 1205). Perkataan ini telah disebut sebanyak enam kali di dalam al-Quran (Abu Bakar Hamzah, 1985).

Ciri-ciri yang perlu ada dalam maksud wasatiyyah ialah mengutamakan keamanan (Sayyed Qutb, 1993), pemikiran sederhana, sabar, kuat, benar dan konsisten dalam tindakan (Mohd Shukri Hanapi, 2014). Ciri wasatiyyah yang lain ialah tidak membazir, boros, kikir (al – A’raf (7): 31) dan tidak sompong (al-Isra’ (17): 37).

YAB Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak (2011) Perdana Menteri Malaysia menyenarikan ciri-ciri wasatiyyah sewaktu perasmian Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara pada 2011 dengan menyatakan pandangannya seperti berikut; (pmo.gov.my, 2016)

*“Ummatan wasatan merupakan umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan”.*

Wasatiyyah berperanan sebagai agen keamanan global, bukan sahaja dalam aspek pemikiran malah dapat disaksikan dalam aspek ibadah, ekonomi, politik dan pemerintahan, perundangan, akhlak, sosial dan dalam

keseluruhan kehidupan. Sikap ini membentuk pemikiran sederhana untuk mengelakkan pertelingkahan dan perbalahan (Fakhrudin et.al, 2010) yang membawa kepada perpaduan, ketenangan dan ketenteraman (Noresah, 2002). Maksud firman Allah: “Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia

(Surah al-Baqarah :143).

### **Mematuhi Undang-Undang**

Ciri-ciri yang perlu ada pada mematuhi undang-undang ialah taat; iaitu sentiasa menurut perintah Tuhan (al-Nisa (4): 59), taat pada ketua, pemimpin atau pemerintah (Bukhari 7199 dan Muslim 1709), tidak mengingkari peraturan yang ditetapkan, patuh kepada seseorang atau sesuatu, tidak membantah dan menurut perintah, peraturan (Dewan Bahasa Pustaka, 2016). Hasil daripada mematuhi peraturan ini akan selamat daripada sebarang masalah dan balasan Tuhan (Yunus: 100) atau denda daripada pihak yang berkuasa.

Patuh undang-undang ini penting sebagai instrumen untuk mengawal dan memantau aktiviti dalam sesebuah masyarakat (Kamil Md. Idris, 2006) dan menjamin kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan (Badrol Awang & Mohd. Lotpi, 2012). Selain itu mematuhi undang-undang berupaya mewujudkan masyarakat aman dengan sentiasa memberi peringatan (Mohamad A'sim, 2016; al-Zariyat 51: 55).

### **Empati**

Empati bermaksud daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain, mempunyai kemahiran bahasa, pengetahuan tentang masyarakat yang dikaji (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016). Ciri-ciri individu yang mempunyai sikap empati ialah keupayaan individu dalam mengekspresikan emosinya terhadap satu permasalahan, jujur, sensitif, tidak berpura-pura (Gusti Yuli Asih & Margaretha Maria Shinta Pratiwi, 2010), mampu untuk membayangkan diri sendiri berada dalam situasi tersebut (Hurlock, 1978), simpati dan prihatin terhadap orang lain (Jonathan L. Freedman, 1981, ; Sears, 1985).

Empati memerlukan seseorang yang mampu merasai emosi orang lain, melahirkan perasaan simpati, berusaha menyelesaikan masalah dengan mengambil perspektif orang lain. Sikap ini juga memerlukan sifat lemah lembut dalam perbuatan dan percakapan, mengambil peduli dan mempunyai belas ihsan terhadap orang lain (Baron, 2004).

Menurut al-Quran dan hadis ciri-ciri empati adalah adil dan berbuat baik (al-Nahl 16: 91), takut kepada Allah melalui balasan yang akan ditimpa (al-Baqarah 2:178), mempunyai sikap lemah lembut (Thabrani dan Abu Dawud), memudahkan urusan (HR. Bukhari dan Muslim). Sikap empati mempunyai hubungan yang signifikan membentuk tingkah laku prososial (penghormatan kepada individu, tatasusila dan masyarakat) individu (Gusti & Margaretha, 2010).



## Nilai Sepunya

Indikator Cinta kemanusiaan juga tidak dapat mengesampingkan Nilai-nilai sepunya sebagai sebahagian indikator kemanusiaan yang wajar diberi perhatian. Melalui nilai-nilai sepunya, kedamaian sejagat akan dikongsi secara bersama. Nilai-nilai sepunya boleh dianggap sebagai jambatan budaya yang menghubungkan antara satu tamadun dengan yang lain. Ini kerana hubungan sosial yang baik kepada semua pihak memberi manfaat kesejahteraan dan ideal dalam pelbagai aspek. Jaringan hubungan sosial yang harmoni memudahkan perancangan aktiviti, jalinan komunikasi yang baik dan berkesan, serta bersifat telus (Costinot dan Vogel, 2010; Halimaton, Sarah Aziz dan Chan, 2010). Hubungan ini hanya boleh berlangsung dengan wujudnya nilai sepunya dalam kalangan pihak berkepentingan di peringkat global (Salsela Saidin et al 2015).

Nilai sepunya bermaksud satu amalan perkongsian nilai yang sama atau sepunya dalam kalangan sekumpulan masyarakat bagi membentuk satu jaringan hubungan sosial yang baik (Mulyana, 2004; Zurina & Hukil, 2006). Nilai sepunya mendokong prinsip kesatuan, menjadi asas kepada jaringan hubungan yang berkesan dan cenderung menggerakkan setiap ahli komuniti untuk saling bekerjasama serta berkomunikasi dengan baik dalam menjayakan aktiviti pembangunan. Nilai-nilai sepunya merupakan langkah pertama terhadap kedamaian antara

negara dan persefahaman antara bangsa. Jika kita boleh mengamalkan nilai-nilai sepunya dalam sesuatu perkara maka konflik dapat elakkan.

Dalam surah al-An'aam ayat ke-15 dan ke-16, Allah mengajar Rasulullah saw supaya mengajak golongan yang tidak beriman kepada prinsip-prinsip sejagat bermula dengan tidak mempersekuatkan Allah, berbuat baik kepada ibu-bapa, tidak membunuh anak-anak kerana takut kepapaan, tidak menghampir zina, tidak melakukan pembunuhan, tidak memakan harta anak yatim, tidak menipu dalam perniagaan dan berlaku adil. Sebahagian ayat-ayat al-Quran di atas memadai untuk menunjukkan betapa Islam sebagai agama sejagat mengajak manusia kepada menghayati nilai-nilai sejagat bermula dengan menerima akidah tauhid. Bagi mereka yang tidak menerima seruan akidah tauhid tersebut, mereka diajak pula supaya mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang turut diajar oleh agama mereka masing-masing.

Merujuk kepada nilai-nilai sepunya yang harus diamalkan oleh semua orang berdasarkan laporan UNESCO (2014) adalah menyentuh tentang nilai kedamaian, nilai kebebasan dan hak asasi manusia, nilai demokrasi dan nilai sikap terbuka. Melalui nilai kebebasan dan hak asasi manusia misalnya, Deklarasi PBB pada tanggal 1 Januari 1942 yang bertujuan menjaga hak asasi manusia yang berkaitan dengan kehidupan, kebebasan,

kebebasan beragama dan juga keadilan (Nickel, 1987) telah mengisyiharkan Hak Asasi Manusia Sejagat atau *Universal Declaration of Human Rights* dengan menyatakan bahawa;

Artikel 1 “*All human beings are born free and equal in dignity and rights. They are endowed with reason and conscience and should act towards one another in a spirit of brotherhood*”.

Serta dalam Artikel 3 “*Everyone has the right to life, liberty and security of person*.”

### **Keagamaan, belas kasihan dan toleransi**

Faktor keagamaan sebagai nadi kepada cinta kemanusiaan kerana agama berfungsi mengikat hati di antara sesama saudara malahan saudara seagama sekalipun. Ikatan yang menghubungkan seseorang muslim dengan saudaranya tanpa mengira kaum, bahasa, dan warna kulit ialah ikatan iman kepada Allah swt. Sebagaimana firmannya,

“ *Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara.*” (Surah al-Hujurat :10)

Persaudaraan atas jalinan iman adalah ikatan yang terkuat di antara hati dan fikiran. Dalam konteks kemanusiaan, kasih sayang dan belas kasihan adalah saranan keagamaan atau *religiousness* kerana seseorang yang benar-benar berpegang dengan ajaran agamanya sangat kasih dan

sayang serta belas ihsan terhadap orang lain. Ini kerana ia tahu bahawa sifat kasih sayang dan belas ihsan akan mendapat rahmat daripada Allah swt. Sebagaimana sabda Rasulullah saw: “*Kasihilah yang ada di bumi maka kamu akan dikasihi oleh yang berada di langit*” (Riwayat At-Tabrani)

Daripada petikan hadis di atas seseorang Muslim itu mempelajari bahawa:

“*Sesiapa yang mengasihi orang, maka Allah tidak mengasihinya*” (Riwayat at-Tabrani, sanadnya hasan)

Dan;

“*Sifat kasih tidak akan ditarik kecuali dari orang yang celaka*” (Riwayat al-Bukhari)

Seseorang itu tidak akan membataskan kasih sayangnya hanya kepada keluarganya sahaja, tetapi juga mengasihi semua orang sekiranya benar-benar beragama. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang menyatakan nilai kasih sayang kepada semua orang adalah tanda keimanan; “*Kamu tidak beriman sehingga kamu mengasihi satu sama lain.*” Mereka berkata, “*Ya Rasulullah, semua kita saling berkasih sayang.*” Baginda berkata, “*Bukanlah berbelas kasih di antara kamu dengan temannya, tetapi kasih sayang itu kepada semua orang dan sesama sendiri*”

Sebagaimana kisah yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW



kepada umatnya iaitu semasa baginda menjadi imam solat, tiba-tiba Baginda mendengar tangisan bayi, Baginda memendekkan solat tersebut kerana merasa kasihan kepada bayi dan ibunya yang mungkin tertekan dengan tangisan bayinya. Diriwayatkan oleh Bukhari, Anas R.A berkata: Rasulullah SAW bersabda “*Sesungguhnya aku ingin memanjangkan solat itu tetapi aku mendengar bayi menangis, maka aku pendekkannya kerana aku mengetahui perasaan si ibu yang tertekan mendengar tangisan bayinya itu.*”

Belas kasihan adalah kunci kepada kebolehan untuk berhubungan rapat dengan seseorang dalam konteks untuk membantu. (Cassell,2009). Manakala dari sumber lain pula menyatakan bahawa belas kasihan, empati dan altruism adalah saling berkait rapat (Batson, Ahmad & Lisher,2009). Biasanya, individu yang pernah mengalami penderitaan mempunyai nilai belas kasihan yang tinggi. Oleh kerana itu, Lim & De Steno (2009) menyaraankan individu yang pernah mengalami keadaan susah untuk bersimpati dan belas kasihan kepada orang lain

Toleransi atau tolak ansur adalah sifat manusia yang dianjurkan dalam Al-Quran sebagai hamba yang berbuat baik dan mendapat cinta dan keredaan Allah; “.....Dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan” (Surah Al-Imran: 134)

Interaksi di antara individu dengan masyarakat bukan berdasarkan pada saling menyalahkan, mencela dan membala dendam ke atas perkara kecil maupun besar. Sebaliknya ia didasarkan atas sikap toleransi, melupakan kesalahan orang, memberi maaf dan bersabar. Inilah adalah ajaran agama secara universal untuk mengajak ke arah kebaikan.

### **Penerapan Indikator-Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus TITAS**

Garapan nilai-nilai cinta kemanusiaan dalam kursus TITAS dapat diperhalusi dengan mendalami isi kandungan TITAS dan menganalisaanya dari sudut keamanan sejagat, pembangunan tamadun, pemodenan dan kekuatan sesuatu tamadun serta isu-isu semasa yang berlaku sejak dahulu hingga sekarang. Cinta kemanusiaan boleh diterapkan dan dibincangkan dalam konteks nilai sepunya antara pelbagai tamadun. Nilai-nilai positif yang membawa kepada perbincangan cinta kemanusiaan juga perlu diteliti dan difahami secara bersama. Selain daripada itu, bab Isu semasa dan Cabaran ketamadunan dan Bab keluarga dan masyarakat tidak harus dikesampingkan kerana banyak krisis kemanusiaan dalam negara hingga peringkat global boleh dibincangkan melaluiinya. Pandangan dan pengamatan pelajar, kajian semasa oleh ahli akademik, hujahan fakta, dan pelbagai sumber media dapat diaplikasikan secara kreatif dalam usaha menghurai dan menerapkan pelajar

dengan cinta kemanusiaan. Justeru, Hal ini menunjukkan bahawa penerapan indikator-indikator cinta kemanusiaan dapat dilaksanakan melalui kursus TITAS.

## Kesimpulan

Sebagaimana yang telah dihimpunkan dalam kajian ini, indikator-indikator Cinta Kemanusiaan adalah sangat relevan untuk membangkitkan semangat cintakan Negara, bangsa dan manusia sejagat yang membawa kepada kehormoniaan, kesatuan, dan kedamaian. Dalam konteks pengajian Ketamadunan, adalah diharapkan bahawa penerapan indikator-indikator Cinta Kemanusiaan ini mampu mendidik generasi hari ini akan kepekaan terhadap keadaan semasa dan memberi peluang pelajar untuk berdaya fikir yang tinggi dalam aspek kemanusiaan. Selain memberi nafas baharu serta persembahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna kepada generasi muda hari ini, cinta kemanusiaan dapat merangsang pelajar untuk mempelbagaikan corak komunikasi mereka dengan masyarakat antarabangsa.

## Rujukan

Al Quran.

Abu Bakar Hamzah. (1985). Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam, *Seminar Perpaduan dan Kesederhanaan Dalam Islam:*

*Perpaduan dan Kesederhanaan dalam Islam.* Kedah: Jabatan Hal Ehwal Agama Kedah.

Abd. Rashid bin Abdul Halim @ Jaafar (2015). Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-pelajar Jurusan Kejuruteraan Teknologi di Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institute. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC 2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6), 9-10 March 2015, Kuala Lumpur.

Badrol Awang & Mohd. Lotpi Mohd. Yusob. (2012). Penggubalan Dan Pelaksanaan Undang-Undang Islam Oleh Pemerintah: Satu Pandangan. *Jurnal Kanun*, Bil 1, Jun, 108-126.

Baron, R. &. (2004). *Psikologi Sosial* (10th ed.). Jakarta: Indonesia:: Penerbit Urlangga.

Baron, R.A. & Branscombe, N.R. (2012). *Social Psychology* (13<sup>th</sup> ed.) Boston: Pearson Education.

Batson, C. D., & Powell, A. A. (2003). Altruism and prosocial behavior. *Handbook of psychology*. Wiley Online Library.

Batson, C.D., Ahmad, N. & Lishner, D. (2009). Empathy and altruism. . In. C. R. Synder &

S. Lopez (Eds.). *Oxford Handbook of Positive Psychology* (2<sup>nd</sup>. Ed). New York:



- Oxford University Press.
- Bekkers, R., & Wiepking, P. (2010). A literature review of empirical studies of philanthropy: Eight mechanisms that drive charitable giving. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*.
- Bernstein, D.A., Clarke-Stewart, A., Penner, L.A. & Roy, E.J.(9<sup>th</sup> ed.) (2012). *Psychology*. US: Wadsworth
- Camerer, C. (2003). *Behavioral Game Theory: Experiments in Strategic Interaction*. Princeton University Press.
- Cassell, E. (2009). Compassion. In. C. R. Synder & S. Lopez (Eds.). *Oxford Handbook of Positive Psychology* (2<sup>nd</sup>. Ed). New York: Oxford University Press.
- Chan, K. L., Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz, Halimaton Saadiah Hashim and Rahimah Abdul Aziz. (2010). Sistem jaringan governans untuk Langkawi Geopark: Pengkisahan konseptual. *Akademika* 80: 69–84
- Che Mat, Che Bakar (2004) *Hak asasi manusia dalam sistem nilai pasca modenism*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Costinot, A. and J. Vogel. (2010). Inequality in the world economy. *Journal of Political Economy*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016, Oktober Ahad). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=empati>
- Dewan Bahasa Pustaka. (2016, Oktober Ahad). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=taat>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016, Oktober Rabu). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=filantropi>
- Duchesne, S., McMaugh, A., Bochner, S., & Krause, K. L. D. (2013). *Educational Psychology: For Learning and Teaching*. Cengage Learning.
- Eisenberg, N., & Miller, P. A. (1987). The relation of empathy to prosocial and related behaviors. *Psychological Bulletin*, 101(1), 91.
- Fakhrudin Abdul Mukti, et al. (2010). Wasatiyyah Dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu. *Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat* (p. http://eprints.um.edu.my/11266/1/B22.pdf). Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Feigin, S., Owens, G., & Goodyear-Smith, F. (2014). Theories of human altruism: A systematic



- review. *Annals of Neuroscience and Psychology*, 1(1).
- Fredricks, J. A., Blumenfeld, P. C., & Paris, A. H. (2004). School engagement: Potential of the concept, state of the evidence. *Review of educational research*, 74(1), 59-109.
- Gusti Yuli Asih & Margaretha Maria Shinta Pratiwi. (2010). Perilaku Prosozial Ditinjau Dari Empati Dan Kematangan Emosi. *Jurnal Psikologi* , 33-42.
- Huber, J. T., & MacDonald, D. A. (2012). An investigation of the relations between altruism, empathy, and spirituality. *Journal of Humanistic Psychology*, 52(2), 206-221.
- Hurlock, E. B. (1978). *Child Development*. New York : McGraw-Hill.
- Ibnu Khaldun. 2009. *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Terj. Muqaddimah Ibnu Khaldun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Mustafa. (t.t.). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Turkey: Dar al-Da'wah.
- Jonathan L. Freedman, D. O. (1981). *Social Psychology*. Englewood Cliffs N.J. : Prentice-Hall.
- Kamil Md. Idris. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *Journal of ethics, legal and governance*, Vol. 2, 32-42 .
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lay, J. C., & Hoppmann, C. A. (2015). Altruism and Prosocial Behavior. In *Encyclopedia of Geropsychology*, pp. 1-9. Singapore: Springer Science Business Media.
- Lim, D., & DeSteno, D. (2016). Suffering and compassion: The links among adverse life experiences, empathy, compassion, and prosocial behavior. *Emotion*, 16(2), 175.
- Menteri, P. P. (2016, Oktober Khamis). *Prime Minister Official page* . Retrieved from laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri: [http://www.pmo.gov.my/home.php?menu=speech&page=1908&news\\_id=481&speech\\_cat=2](http://www.pmo.gov.my/home.php?menu=speech&page=1908&news_id=481&speech_cat=2)
- Mohamad A'sim Ismail. (2016, Oktober Sabtu). *Institut Kefahaman Islam Malaysia* . Retrieved from Institut Kefahaman Islam Malaysia : <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/utusan-malaysia/8949-kepatuhan-kepada-undang-undang-perlu-kepada-kesedaran-manusia>
- Mohamad Khairi Haji Othman (2004). Keberkesanan Pengajaran Kursus Titas 1: Kajian di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam. Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya. 20 (20), 159-184
- Mohd Azhari Abu Bakar et.al (2012) Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus



- Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) : Kajian Tinjauan Persepsi Pelajar, Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI2012), 19-21 June 2012, Kuala Lumpur
- Mohd Fadhilah Kamsah & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2007). *Psikologi Cinta*. Selangor: PTS Publications & Distributors.
- Mohd Shukri Hanapi. (July 2014). The Wasatiyyah (Moderation) Concept in Islamic Epistemology: A Case Study of its Implementation in Malaysia. *cc Journal of Humanities and Social Science* Vol. 4, No. 9(1), 6-14.
- Morris, Charles G. & Maisto, Albert A., (2005) *Psychology An Introduction* (12<sup>th</sup> ed) New Jersey: Prentice Hall
- Muhammad Ali Al-Hasyimi. (2000). *Keperibadian Muslim*. Al Hidayah Publication.: Kuala Lumpur.
- Mustapha Kamal Ahmad Kassim & Zahiah Haris @ Harith (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas: Masalah dan Cadangan. Dilihat di [http://ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/artikel5\\_prosiding.pdf](http://ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/artikel5_prosiding.pdf) pada 10 Oktober 2016.
- Nik Mustafa Nik Hassan et.al (t.t), Prosiding Bengkel Kebangsaan Peningkatan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran TITAS IPT, Kuala Lumpur: Sekyen Kokurikulum, Elektif Luar Fakulti & TITAS (SKET)
- Noresah Bahrom. ( 2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahsa dan Pustaka.
- Norhardidawati Roni (2001). Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS 1): Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Pelajar-pelajar Bukan Islam Tahun 3 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tesis yang tidak diterbitkan. UTM, Johor.
- Osman Bakar. (2012). Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, cetakan ke-7.
- Rozmi Ismail (2011). *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Rushton, J. P., Chrisjohn, R. D., & Fekken, G. C. (1981). The altruistic personality and the self-report altruism scale. *Personality and individual differences*, 2(4), 293-302.
- Salsela Saidin, Norzaini Azman, Ibrahim Komoo, Sharina Abdul Halim, Natasha Stacey & Arhturo Izurieta. 2015. PENGUKUHAN NILAI SEPUNYA MELALUI STRATEGI PENDIDIKAN AWAM: KAJIAN KES KILIM GEOFOREST PARK. Kajian Malaysia, Vol. 33, No. 2, 2015, 83-115.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Jilid 2. Terj. Yusof Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.



- S. Salahudin Suyurno, Mashita Abu Hasan & Azizon Salleh (2004). Persepsi Mahasiswa Terhadap Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Peringkat Ijazah Pertama: Kajian Kes di UiTM Shah Alam. Laporan Akhir Penyelidikan yang tidak diterbitkan. UiTM.
- Sayed Qutb, R. H. (1993). *Islam dan Keamanan Sejagat*. Kuala Lumpur: A.S Nordeen.
- Sears, D. O. (1985). *Social Psychology*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Suhakam. Kertas Konsep Pendidikan Hak Asasi Manusia Di Sekolah. <http://www.Suhakam.Org.My/.../Kertas-Konsep-Pendidikan-Hak-Asasi-Manusia.Pdf>. Akses 31 Oktober 2016
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2013). *Kefahaman remaja Melayu terhadap konsep cinta dalam Islam dan hubungannya dengan pemikiran rasional dan akhlak percintaan*. Tesis Doktor Falsafah Psikologi, Universiti Kebangsaan. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Nur Hidayah Abd. Malik. (2016). Cinta Kebaikan. *Dlm. Cinta Serata Alam*. Ed. Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fazilah Idris & Mohamad Sabri Haron. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- UNESCO. 2014. World conference on education for sustainable development. <http://www.unesco.org/new/en/unesco-world-conference-on-esd-2014>
- Zahiah Haris @ Harith, Mustapha Kamal Ahmad Kassim & Muazzaz Muhammad (2014). Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Dilihat di [http://ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/Artikel16\\_2014.pdf](http://ipgkik.com/v2/wp-content/uploads/2015/05/Artikel16_2014.pdf) pada 10 Oktober 2016.
- Zurina Mahadi dan Hukil Sino. 2006. Hubungan nilai masyarakat dan pembangunan. *Jurnal Pengajaran Umum* 8: 77–94.



## Konsep Had Kifayah Zakat Pendapatan Menurut Perspektif Syarak

Azman A.R<sup>1</sup>, Tengku Mansur bin Tengku Zainal Abidin<sup>1</sup>, Zulhilmi Mohamed Nor<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;*

<sup>2</sup>*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

**Abstrak:** Had kifayah zakat merupakan mekanisme menentukan tahap ekonomi seseorang individu untuk menjalani kehidupan secara normal. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Institusi Zakat Negeri bertangungjawab dalam menentukan had kifayah zakat yang diaplikasikan di negeri masing-masing. Kaedah sedia ada yang digunakan oleh kebanyakan MAIN dan institusi zakat adalah mengikut taksiran cukai pendapatan dan purata garis kemiskinan. Justeru artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan pendekatan maqasid syariah sebagai alternatif baharu dalam penetapan had kifayah zakat. Artikel ini akan mengenalpasti definisi had kifayah zakat dan maqasid syariah menurut Islam. Artikel ini juga akan menilai item-item yang terdapat dalam had kifayah zakat berdasarkan pandangan Islam seterusnya disesuaikan dengan maqasid syariah. Artikel ini mendapati bahawa pendekatan maqasid syariah berdasarkan kepada tahap keperluan manusia iaitu daruriyyat, hajiyat dan tahnisiyyat dilihat mampu menjadi kaedah alternatif yang berkesan dan memenuhi kehendak Syarak. Implikasi artikel ini dapat dijadikan rujukan kepada institusi-institusi zakat di Malaysia dalam kajian semula kaedah penetapan had kifayah zakat. Kajian lanjutan boleh dijalankan oleh institusi-institusi zakat negeri bagi mengenalpasti had kifayah zakat di setiap negeri berdasarkan kepada maqasid syariah.

**Kata kunci:** Had Kifayah, Maqasid Syariah, Zakat



## Pengenalan

Had kifayah zakat merupakan garis pemisah antara mereka yang perlu membayar zakat dan mereka yang berhak menerima zakat. Pemahaman konsep had kifayah zakat amat penting umumnya di kalangan masyarakat dan khususnya kepada pihak-pihak yang berkuasa dalam bidang pentadbiran zakat. Institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri berperanan penting dalam menentukan had kifayah zakat negeri masing-masing berdasarkan pendekatan dan metodologi yang ditentukan dengan mengambil kira keperluan masyarakat pada masa kini. Kaedah penetapan had kifayah zakat yang diamalkan oleh institusi zakat sehingga kini kebanyakannya menggunakan kaedah yang digunakan dalam pentaksiran cukai pendapatan dan purata garis kemiskinan. Pendekatan maqasid syariah merupakan alternatif baharu dalam penetapan had kifayah zakat yang lebih hampir kepada Islam dan menepati kehendak Syarak. Item-item had kifayah zakat perlu dilihat secara terperinci berdasarkan pandangan Islam kemudiannya disimpulkan dan disesuaikan dengan maqasid syariah dengan mengambil kira faktor ekonomi dan sosial masyarakat.

## Definisi Had Kifayah

*Al-kifayah* adalah daripada perkataan *kifayah yakfi kafaa* dalam *Lisan al-Arab* yang bermaksud cukup atau mencukupi apa yang paling penting kepadanya, atau apa yang mencukupi untuk hidup


(Ibn Manzur, t.th). Manakala dari segi istilah, ‘had kifayah’ bermaksud perbelanjaan yang perlu memastikan keperluan sara hidup dengan mengambil kira tahap purata kehidupan dalam masyarakat sama ada dari sudut kemakmuran dan kekayaan sesebuah masyarakat. (al-Fanjari, 2010).

Had Kifayah secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkaui persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Uwais, 2004). Allah SWT menjelaskan mengenai kadar keperluan manusia kepada Nabi Adam as dengan firman-Nya bermaksud:

*"Sesungguhnya telah dikurniakan berbagai nikmat bagimu, bahawa engkau tidak akan lapar dalam syurga itu dan tidak akan bertelanjang. Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam Syurga itu, dan tidak akan merasa panas matahari"* (al-Qur'an Thaha 20: 118-119).

Sabda Rasulullah SAW maksudnya:

*"Bukanlah miskin itu seorang yang mendatang-datangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin itu ialah*



seorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengkayakannya dan dalam masa yang sama tidak melakukan sesuatu yang membuatkan orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga dia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka” (Hadis Bukhari dan Muslim).

Kesimpulannya, had kifayah bukan hanya melihat kepada jumlah pendapatan seseorang semata-mata tetapi juga melihat kepada keperluan yang sepatutnya dimiliki seseorang atau sesebuah keluarga mengikut keperluan semasa. Islam memberi pelepasan zakat ke atas harta yang digunakan untuk keperluan sara diri dan orang-orang yang di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik.

### Definisi Maqasid Syariah

Al-Raisuni telah mentakrifkan maqasid syariah sebagai tujuan (sebenar) yang ingin dihasilkan bagi ketetapan hukum syarak (dengan tujuan) untuk kemaslahatan manusia. (al-Raisuni, 1992). Secara umumnya, maqasid syariah bermaksud segala tujuan di sebalik penciptaan syariat pada keseluruhannya dan di sebalik setiap hukum di dalamnya secara satu persatu (Mahmood Zuhdi et al., 2012). Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran bahawa perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam, sebagaimana firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكُ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”. (surah al-Anbiya’: 107)

Maqasid syariah yang ingin dicapai perlu menjadi tonggak dan hala tuju dalam pensyariatan hukum-hakam dan ajaran Islam. Pemahaman dan penggunaan kaedah maqasid syariah merupakan unsur penting bagi setiap mujahid dalam proses berijihad dan pengaplikasian hukum syarak ke alam realiti dan kehidupan semasa, seiring dengan kehendak dan tujuan pensyariatan ajaran Islam yang diturunkan (Ahmad Wifaq, 2016b).

Tinjauan terhadap kedudukan maqasid syariah menurut perspektif syarak menunjukkan bahawa setiap dalil syariat Islam dan hukumnya mempunyai maqasid dan matlamat yang tertentu (al-Misawi, 1998). Justeru, tujuan pensyariatan hukum adalah untuk kemaslahatan manusia di dunia hingga ke akhirat (al-Zuhaili, 1986). Maqasid syariah merupakan parameter dalam menilai sesuatu hukum yang difatwakan. Usaha memahami sesuatu hukum mestilah seiring dengan kehendak syarak serta mencapai piawaian maqasid yang selari dengan objektif syarak melalui sumber perundangan al-Quran dan sunah (Ahmad Wifaq, 2016a).

Ulama telah bersepakat bahawa hukum syarak mengandungi hikmah dan maqasid yang tersendiri. Hukumnya berkisar tentang tatacara menjaga kemaslahatan manusia di dunia

hingga ke akhirat (al-Qaradawi, 1993). Pengamatan terhadap hukum-hakam ini telah menghasilkan satu jalinan yang berkait rapat antara hukum syarak dengan maqasid yang disyariatkannya (al-Misawi, 1998).

Matlamat utama syariat Islam diciptakan adalah untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan daripada mereka (جلب المصالح ودرء المفاسد). Fuqaha mentafsirkan kebaikan (*maslahah*) dan keburukan (*mafsadah*) merangkumi aspek dunia ni dan ukhrawi (al-Syatibi, 1996).

### Konsep Maqasid Syariah

Al-Raisuni (1992) membahagikan maqasid kepada tiga kategori iaitu *al-maqasid al-'ammah* (maqasid umum), *al-maqasid al-khassah* (maqasid khusus) dan *al-maqasid al-juz'iyyah* (maqasid cabang).

*Al-Maqasid al-'ammah* merujuk kepada maqasid syariah yang lebih umum, iaitu keseluruhan syariah ini diturunkan adalah semata-mata bertujuan untuk menjaga dan memelihara keamanan dan keharmonian kehidupan manusia. Manakala *al-maqasid al-khassah* pula ialah hikmah-hikmah yang lebih khusus yang diambil kira oleh syarak dalam menentukan sesuatu atau beberapa kelompok hukum tertentu, contohnya hukum kekeluargaan. *Al-Maqasid al-juz'iyyah* pula merupakan objektif pecahan yang lebih kecil seperti hukum sunat melangsungkan perkahwinan dan sebagainya (Mohd Fikri, 2012).



Ibn 'Asyur menjelaskan bahawa *al-maqasid al-'ammah* ialah pengertian dan hikmah yang dapat diperhatikan pada semua atau sebahagian besar daripada hal ehwal pensyariatan dan bukan khusus pada satu-satu jenis hukum sahaja (Ibn 'Asyur, 1999). Terdapat dua formula yang dihimpunkan dalam *al-maqasid al-'ammah*. Pertama, ia dikenali sebagai *al-dharuriyat al-khams* (الضروريات الخمس), iaitu menjaga lima kepentingan hidup, iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal dan harta.

Kedua, formula ataupun kaedah *raf'ul haraj* (رفع الحرج) yang bermaksud mengelakkan kesempitan dengan menegakkan keadilan sesama manusia. Keadilan ini mampu mengeluarkan manusia daripada runtunan hawa nafsu dan mengembalikannya kepada fitrah semula jadi manusia yang sentiasa menginginkan kebaikan.

Manakala Imam al-Syatibi (1996) pula menyatakan bahawa tahap kepentingan manusia berbeza berdasarkan keperluan diri, sosioekonomi, latar belakang pendidikan dan sebagainya. Syariat Islam bersifat dinamis dan fleksibel menyusun objektif syariah selari dengan keperluan dan kepentingan manusia sejagat. Berdasarkan perspektif syarak, maslahah tahap kepentingan yang perlu dijaga dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat* (al-Syatibi, 1996), sebagaimana yang disepakati ulama seperti Imam al-Haramayn, al-Ghazali, al'Izz al-Din 'Abd al-Salam, al-Qarafi, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim.



## Analisa & Perbincangan

Penetapan had kifayah zakat perlu dilihat dalam pelbagai aspek antaranya item-item yang terlibat dalam pentaksiran had kifayah zakat dan kadar yang dibenarkan. Item-item tersebut seharusnya dilihat berdasarkan kepada Islam kemudiannya disesuaikan dengan keadaan sosial dan ekonomi dengan dipimpin oleh maqasid syariah.

### Item-item Had Kifayah Zakat Menurut Syarak

Seseorang yang termasuk di dalam individu yang memiliki had kifayah, memiliki kecukupan pada tiga perkara seperti yang dinyatakan oleh al-Imam al-Mawardi di dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah (tt: 305). ‘Kadar pemberian (zakat) yang dikira adalah berpandukan kepada al-Kifayah (kecukupan) sehingga seseorang itu bebas daripada mencari atau meminta-minta untuk perkara yang asas. Al-Kifayah yang dikira adalah daripada 3 bentuk, iaitu:

Pertama: Bilangan individu yang menjadi tanggungannya daripada zuriat dan hamba. Kedua: Bilangan yang berkaitan dengannya daripada kuda (tunggangan) dan pekerja. Ketiga: Tempat yang menentukan ketinggian atau rendahnya nilai atau harga. Maka dikadarkan kecukupannya di sudut nafkah, pakaian pada tahun keseluruhannya’.

Berkata Ibn Qudamah dalam kitab al-Mughni (1968: 6/466): ‘Fasal: Berkata al-Qadhi: Dan diketahui kadar keperluan – seseorang yang yang diberikan zakat –

dan kecukupannya, bertambah bagi seseorang yang memiliki anak, dengan sebab anaknya, begitu juga seseorang yang memiliki kuda dengan sebab kudanya, juga bagi seseorang yang memiliki hamba untuk tujuan peperangan berdasarkan tanggungan mereka untuk mencukupkannya. Dilihat kepada harga atau nilai mereka di negara-negara meraka, kerana harga bagi setiap negara adalah berbeza’.

Daripada kenyataan al-Imam al-Mawardi dan al-Imam Ibn Qudamah ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa item yang termasuk di dalam had kifayah seseorang. Jika dia memiliki item-item ini, maka ia dibawah tanggungan dan keperluannya dan tidak dianggap sebagai suatu lebihan daripada had kifayahnya. Ite-item ini adalah berpandukan kepada hadis Nabi SAW.

Antaranya sabda Nabi SAW:

لَئِنْ عَلَى الْمُسْلِمِ فِي قَرْسِهِ وَغُلَامِهِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: *Tidaklah ke atas seseorang muslim itu, (menjadi kewajipan untuknya) pada kuda dan hambanya sedekah (mengeluarkan zakat).* (Sahih al-Bukhari, 1422H: Kitab al-Zakah, 2/120).

Hadis ini membawa gambaran bahawa alat tunggangan atau kenderaan pada zaman ini termasuk di dalam keperluan seseorang yang boleh di setarakan dengan kuda. Maka, sesuatu kenderaan itu secara keperluannya adalah sama seperti pemilikan seekor kuda. Begitu juga hamba, atau



الله عليه وسلم - قال: "من أتَحَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَهُوَ غَالٌ  
أَوْ سَارِقٌ".

seseorang yang memiliki pembantu yang menjadi tanggungannya, ia tidaklah termasuk orang gaji pada zaman ini atau pekerja bagi industri dan sebagainya.

**Hadis Nabi SAW:**

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ هَذِهِ بُنْتُ عُثْبَةَ، قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيبٌ وَلَيْسَ يُعْطِينِي مَا يَكُبِّيْنِي وَوَلَدِي، إِلَّا مَا أَخْذُتُ مِنْهُ وَهُوَ لَا يَعْلَمُ، قَالَ: «خُذِيْ ما يَغْفِيْكَ وَوَلَدِكَ، بِالْمَعْرُوفِ»

Maksudnya: *Daripada 'Aisyah RA berkata: Hind binti 'Utbah RA berkata: Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya Sufyan adalah seorang yang kedekut, beliau tidak memberikan kepadaku nafkah yang cukup buatku dan anakku, kecuali sesuatu yang aku ambil (dari hartanya) dalam keadaan dia tidak mengetahuinya. Sabda Nabi SAW: "Ambilkan apa yang mencukupi untuk dirimu dan anakmu secara baik."* (Sahih al-Bukhari, 1422H: Kitab al-Nafaqat, 7/65).

Hadis ini memaparkan kedudukan isteri dan anak yang merupakan tanggungan seseorang. Wajib bagi setiap suami memberikan nafkah secukupnya kepada isteri dan anak-anaknya. Ketidakcukupan bagi nafkah kedua-duanya melayakkan seseorang untuk menerima zakat dan mengeluarkannya dari kelompok yang memiliki had kifayah.

**Sabda Nabi SAW:**

مَنْ كَانَ لَنَا عَامِلاً فَلْيُكْتَسِبْ رَزْوَجَةً؛ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ خَادِمٌ فَلْيُكْتَسِبْ خَادِمًا، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَسْكَنٌ فَلْيُكْتَسِبْ مَسْكَنًا". قال: قال أبو بكر: أَخْبِرْتُ أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى

Maksudnya: "Sesiapa yang menjadi pekerja kepada kami (menguruskan hal ehwal zakat), maka beristerilah, jika dia tidak memiliki khadam, maka ambillah khadam, jika dia tidak memiliki rumah, maka carilah rumah". Berkata Abu Bakar (seorang perawi): Sesungguhnya aku diberitahu sesungguhnya Nabi SAW juga bersabda: "Sesiapa yang mengambil selain daripada perkara tersebut, maka dia adalah seorang yang khianat atau pencuri". (Sunan Abi Daud: 2009, Kitab al-Kharaj, al-Fay'i wa al-Imarah, 4/566). Hadis ini sahih dan isnadnya dihukumkan hasan. (Syu'aib al-Arnauth, 2009: 4/567).

Hadis Nabi SAW ini menyenaraikan keperluan-keperluan bagi seseorang sehingga Nabi SAW memerintahkan setiap yang berkhidmat bagi urusan Baginda untuk menyediakan perkara-perkara tersebut, iaitu: Isteri, khadam dan rumah. Ketiga-tiganya merupakan perkara asas yang tidak menyebabkan seseorang itu memiliki lebihan pada had kifayahnya.

**Sabda Nabi SAW:**

يَا قَبِيْصَةُ إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحْلُ إِلَّا لِأَحَدِ ثَلَاثَةِ رَجُلٍ، تَحْمَلْ حَمَالَةً، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا، ثُمَّ يُمْسِكُ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةً اجْتَاحَتْ مَالَهُ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِيَادَا مِنْ عَيْشٍ - وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقِهًةٌ حَتَّى يَقُومَ ثَلَاثَةً مِنْ ذَوِي الْحِجَّا مِنْ قَوْمِهِ: أَلَّفَ أَصَابَتْ فَلَانًا فَاقِهًةً، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ - أَوْ

فَالْ سِدَادُ مِنْ عَيْشٍ - فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ يَا  
قَبِصَةٌ سُخْنًا يَأْكُلُهَا صَاحْبُهَا سُخْنًا

Maksudnya: "Wahai Qabisah, meminta-minta tidak dihalalkan kecuali bagi tiga orang: Pertama, seorang yang memikul tanggungan hutang akibat daripada menyelesaikan perbalahan (atau mengamankan perbalahan), maka ia boleh meminta bantuan hingga ia dapat menutupi hutangnya kemudian berhenti meminta. Kedua, seorang yang ditimpa musibah pada seluruh hartanya, maka dia boleh meminta bantuan hingga dia memperoleh apa yang dapat memenuhi keperluan hidupnya. Atau hingga ia dapat mencukupi keperluannya. Ketiga, seorang yang ditimpa kemelaratan sehingga tiga orang yang berakal dari kaumnya membuat persaksian: Fulan telah ditimpa kemelaratan, maka dia boleh meminta bantuan sehingga dia memperolehi apa yang dapat memenuhi keperluannya. Selain daripada tiga keadaan itu wahai Qabisah, merupakan barang haram yang dimakan oleh peminta sebagai barang haram". (Sahih Muslim: tt, Kitab al-Zakah, 2/722).

Al-Hafiz al-'Aini berpandangan bahawa seseorang yang melakukan kebaikan (berhutang) dengan menyelesaikan perbalahan, adalah suatu yang buruk jika dibiarkan dirinya bergelut dengan hutang, dia mestilah dibantu dan diberikan sedekah (zakat)

sehingga selesai. Begitu juga dengan orang ditimpa musibah seperti banjir besar yang memusnahkan hartanya, kebakaran atau musim sejuk yang merosakkan tanaman dan buah-buahan. Serta seseorang yang diketahui kefakirannya dan kesempitan hidupnya.(Al-'Aini: 1999, 6/384).

Hadis ini menerangkan tentang sifat meminta-minta yang diharamkan di dalam Islam dengan sebab kecukupan yang dimiliki oleh seseorang individu, tetapi terdapat tiga jenis individu yang diharuskan kepadanya untuk meminta-minta, yang menggambarkan kedudukannya berada di bawah had kifayah. Bagi setiap individu yang menanggung hutang, ditimpa kemusnahaan harta benda dan hidup dalam kesempitan, mereka adalah dalam ketegori di bawah had kifayah. Tidak melayakkan mereka mengeluarkan zakat, malah boleh dibantu dengan zakat.

Secara umumnya, item-item had kifayah zakat antaranya adalah seperti berikut:


1. Tanggungan peribadi merangkumi makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, perubatan, utiliti dan komunikasi.
2. Tanggungan ahli keluarga merangkumi isteri, anak-anak dan hamba (tidak wujud di zaman ini). Tidak termasuk kedua ibubapanya kerana berdasarkan kefahaman terhadap hadis Nabi SAW, memberi dan memenuhi keperluan ibubapa

adalah termasuk di dalam kategori بر الوالدين .

3. Perkara-perkara mendatang merangkumi hutang disebabkan jaminan atau menyelesaikan masalah serta musibah yang menimpa yang memerlukan kepada belanja yang banyak seperti kemusnahan harta benda atau sebab-sebab kesihatan.

### Konsep Maqasid Syariah dalam Penentuan Had Kifayah Zakat

Asas-asas item had kifayah zakat perlu dilihat dalam konteks syarak kemudian disesuaikan dengan keadaan semasa dan setempat. Pendekatan maqasid syariah dilihat mampu mewujudkan satu model had kifayah zakat yang bertepatan dengan kehendak Islam dan keperluan semasa. Penentuan had kifayah zakat berdasarkan maqasid syariah boleh diwujudkan dengan mengkategorikan item keperluan asasi kepada item *daruriyyat*, item keperluan tambahan kepada item *hajiyat* dan item keperluan pelengkap kepada item *tahsinijiyat* (rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Klasifikasi Utama Maqasid Syariah

#### Daruriyyat

*Al-daruriyyat* merupakan keperluan sesuatu maslahah yang diperlukan dan dihajati sehingga ke tahap darurat, iaitu satu keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam nyawa seseorang apabila loputnya keperluan tersebut. Daruriyyat terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama yang digelar al-daruriyyat al-khamsah, iaitu memelihara agama (ad-din), jiwa (al-nafs), akal (al-aql), keturunan (al-nasl) dan harta (al-mal) (Izz al-Din 'Abd Aziz Ibn 'Abd al-Salam, t.th.)

Item-item yang dikategorikan sebagai keperluan asas (*daruriyyat*) termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan dan pendidikan. Kelima-lima elemen tersebut merupakan perkara asas yang sangat diperlukan oleh setiap individu bagi mencapai maksud syarak. Makanan dan tempat tinggal sebagai contoh amat penting bagi pemeliharaan



agama dan nyawa seseorang individu, manakala pendidikan sangat penting untuk memelihara akal. Demikian juga pakaian dan pengangkutan penting bagi memelihara keturunan dan harta.

### Hajiyyat

*Al-hajiyyat* merupakan sesuatu objektif atau tujuan yang diperlukan untuk mencapai kelapangan dalam kehidupan, sekali gus menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya membawa kesusahan. Apabila maqsad itu tidak diambil perhatian, maka banyak kesukaran akan dihadapi. Walaupun begitu, ia tidaklah sampai peringkat darurat atau menghancurkan sistem kehidupan manusia secara keseluruhannya (al-Syatibi, 1996).

Perubatan, utiliti dan komunikasi merupakan item yang dikategorikan sebagai keperluan tambahan kepada seseorang individu. Ketiga-tiga item ini memberikan kemudahan dan keselesaan kepada manusia. Sebaliknya, jika ketiga-tiga item tersebut tidak dipenuhi akan mendatangkan kesulitan dan kesusahan kepada manusia namun tidak membawa kepada kemudarat yang boleh mengancam agama, nyawa, akal, keturunan dan harta secara langsung.

### Tahsiniyyat

*Al-tahsiniyyat* merupakan perbuatan melakukan sesuatu amalan atau adat yang baik dan terpuji serta menjauhi perkara-perkara yang dianggap tidak baik oleh akal yang sempurna (al-Syatibi, 1996). Al-Ghazali berpendapat bahawa

kepentingan tahsiniyyat ialah membantu dan menampung dalam usaha mencapai keperluan biasa dan kepentingan asas, iaitu bersifat pelengkap kepada pencapaian hajiyyat dan daruriyyat (Al-Ghazali, 1993).

Individu yang menanggung hutang kerana ditimpa musibah, membantu menjaga kemaslahatan ummah atau perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak boleh dikategorikan sebagai keperluan pelengkap kepada seseorang individu. Hal ini adalah kerana Islam tidak menggalakkan umatnya berutang kecuali atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

Jadual 1: Pembahagian Item Had Kifayah Zakat Mengikut Tahap Keperluan

Bil	Item Had Kifayah	Tahap Keperluan
1	- Makanan - Pakaian - Tempat Tinggal - Pengangkutan - Pendidikan	Daruriyyat
2	- Perubatan - Utiliti - Komunikasi	Hajiyyat
3	- Hutang	Tahsiniyyat

Jadual 1 menunjukkan pembahagian item-item had kifayah zakat mengikut tahap keperluan manusia. Walau bagaimanapun, senarai item-item tersebut mungkin berubah mengikut keadaan semasa dan setempat. Begitu juga dengan tahap keperluan manusia

terhadap item-item tersebut juga boleh berubah mengikut individu.

## Kesimpulan

Secara umumnya Islam tidak menyebut secara jelas tentang had kifayah zakat. Penetapan had kifayah zakat adalah perkara yang ijtihami dan menjadi tanggungjawab pemerintah. Had kifayah zakat mungkin berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat. Pendekatan maqasid syariah dalam penentuan had kifayah zakat penting bagi memastikan pengurusan kutipan dan agihan zakat bersesuaian dengan kehendak syariat.

## Rujukan

Al-Quran.

Abu Daud al-Sajistani, Sualyman bin al-Asty'ath bin Ishaq, 2009, *Sunan Abi Daud*, tahqiq: Syu'aib al-Arnaut, Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016a. :Parameter (al-Dhawabit) Maqasid al-Shari'ah dalam Pentadbiran Negara". *Kertas Kerja Seminar Nasional Maqasid al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shari'ah & Fiqh Demokrasi*. Shah Alam: Selangor: Institut Darul Ehsan.

Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016b. "Prinsip-Prinsip Asas Maqasid al-Syariah: Pendekatan al-Syatibi". *Kertas Kerja Seminar Nasional Maqasid al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shari'ah & Fiqh Demokrasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.

Al-'Aini Badr al-Din, Mahmud bin Ahmad bin Musa, 1999, *Syarah Sunan Abi Daud*, tahqiq: Abu al-Munzir Khalid bin

Ibrahim al-Misri, Riyad: Maktabah al-Rusyd.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1422H, *Sahih al-Bukhari*, tahqiq: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Dar Tauq al-Najah.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. t.th. *Sahih Bukhari. Kitab Zakat*, Bab Setiap Muslim Wajib Sedekah, jil. 2. Penerbit Asy-Sya'b.

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi. 2010. *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf.

Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1993. *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Baghdad: Maktabat al-Muthanna.

Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad bin Muhammad al-Basri, tt, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Misawi, Mohammad al-Tahir. 1998. *Ibn 'Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Dar al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1993. *Madkhal li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Al-Raisuni, Ahmad. 1992. *Nazariyyat al-Maqasid l'nda al-Imam al-Syatibi*. Beirut: al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami.

Al-Syatibi. 1996. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir. 1999. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar Salam.

Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad Ibn Mukram. 1992. *Lisan al-Arab*. Ed. Ke-2. Beirut: Dar Ehya' al-Turath al-Arabi.

Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah, 1968, *al-Mughni*, Kaherah: Maktabah al-Qaherah.

Izz al-Din, Abd Aziz Ibn Abd al-Salam. t.th. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz. 2012. *Maqasid al-Syari'ah*. Selangor: IIUM Press.

Mohd Fikri Che Hussain. 2012. *Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah*. Johor Bharu: Jahabersa

Muslim bin al-Hajjaj, tt, *Sahih Muslim*, tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqiy. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.

Uwais, Abd al-Halim. 2004. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, c.1, Mansurah: Dar al-Wafa'.



## **Analisis Skim Agihan Zakat kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Negeri Sembilan**

**Azman Ab Rahman<sup>1</sup>, Syed Mohd Najib Syed Omar<sup>1</sup>, Siti Zulaikha Mokhtar<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia*

<sup>2</sup>*Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam  
Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Fi sabilillah merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat. Pendekatan maqasid syariah dilihat sangat penting dalam pengagihan zakat kepada asnaf fi sabilillah bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati pensyariatan dan hikmah tuntutan zakat. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai sama ada melengkapi keperluan asnaf berdasarkan maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks zakat serta menganalisis dan menilai skim agihan zakat kepada fi sabilillah berdasarkan maqasid syariah di Selangor dan Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapati secara umumnya skim-skim yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kepada fi sabilillah melengkapi setiap aspek maqasid syariah. Namun, semakan semula perlu dilakukan bagi memastikan skim-skim tersebut mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada 7 golongan asnaf dari semasa ke semasa agar selari dengan konsep maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada pihak Majlis Agama Islam di setiap negeri dalam melaksanakan sistem pengagihan zakat asnaf fi sabilillah secara berkesan dan telus.

**Kata kunci:** *Fi sabilillah, Skim Agihan Zakat, Maqasid Syariah, Lembaga Zakat Selangor, Bahagian Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*

## Pengenalan

Terdapat lapan asnaf yang berhak menerima zakat sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran maksudnya: "Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekaan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajipan dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana." (Al-Taubah: 60). Ayat ini menjadi hujah utama bagi pengagihan zakat kepada golongan fi sabilillah.

Asnaf fi sabilillah merupakan golongan yang sering menjadi perbahasan dalam kalangan fuqaha khususnya dalam konteks pembahagian zakat di zaman moden ini. Sistem pengurusan zakat yang berbeza antara negeri di Malaysia menyebabkan kepelbagaian dalam jenis bantuan agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya meneliti skim agihan zakat yang disediakan kepada asnaf fisabilillah oleh LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS. Skim agihan zakat tersebut juga akan diteliti dari aspek maqasid syariah bagi memastikan bantuan yang diagihkan selari dengan prinsip syarak.

Justeru artikel ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks agihan zakat di Malaysia, di samping mengenal pasti dan menganalisis skim agihan zakat

kepada fi sabilillah berdasarkan maqasid syariah di Selangor dan Negeri Sembilan. Artikel ini akan menilai sama ada skim bantuan yang disediakan mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi. Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tafsiran asnaf fi sabilillah dan konsep maqasid syariah menurut pandangan para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Kaedah ini akan mengenal pasti skim yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah di Selangor dan Negeri Sembilan. Buku, jurnal, laporan tahunan, kertas kerja, majalah, akhbar dan internet merupakan rujukan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Bagi menganalisis data yang telah diperoleh, metodologi yang digunakan ialah yang berbentuk analisis induktif, deduktif (istiqra'i) dan komparatif (muqaranah). Cara yang digunakan ialah dengan menilai dan menganalisis skim bantuan zakat mengikut prinsip maqasid syariah untuk mencari titik persamaan dan perbezaan bagi aspek-aspek yang ditekankan dalam kajian ini. Seterusnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu. Penulis akan membandingkannya dan menganalisis sebelum mengeluarkan satu kesimpulan yang mantap.

## Keputusan & Perbincangan

Setiap negeri di Malaysia mengemukakan definisi bagi asnaf fisabilillah termasuklah LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS. Menurut LZS, fi sabilillah ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah (Lembaga Zakat Selangor, 2016). Bahagian Baitulmal MAINS pula mentakrifkan fi sabilillah sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebijakannya (Ensiklopedia Pengurusan Zakat Di Malaysia (Siri 1), 2016).

### Konsep Maqasid Syariah

Secara umumnya, maqasid syariah bermaksud segala tujuan di sebalik penciptaan syariat pada keseluruhananya dan di sebalik setiap hukum di dalamnya secara satu persatu (Mahmood Zuhdi, 2012). Ulama telah bersepakat bahawa setiap hukum syarak mengandungi hikmah dan tujuannya yang tersendiri. Matlamat utama syariat Islam diciptakan adalah untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan daripada mereka. Fuqaha mentafsirkan kebaikan (Maslahah) dan keburukan (Mafsadah) merangkumi aspek dunia ni dan ukhrawi (Al-Shatibi, 1996). Dalam konteks agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah, setiap skim yang disediakan perlulah dinilai supaya seiring dengan kehendak syarak dan dapat memenuhi setiap keperluan asnaf serta mencapai kemaslahatan.

Al-Shatibi menyatakan bahawa matlamat syariat merangkumi lima komponen maqasid yang sangat penting dan digelar al-dharuriyyat al-khamsah iaitu memelihara agama (ad-Din), jiwa (al-Nafs), akal (al-'Aql), keturunan (al-Nasl) dan harta (al-Mal). Pemeliharaan ini begitu sempurna untuk dilaksanakan oleh masyarakat muslim dalam pelbagai situasi dan keadaan. Cara untuk memelihara lima kepentingan ini dapat dibahagikan kepada tiga tingkatan. Setiap tingkatan mempunyai keutamaan masing-masing. Dan tingkatan-tingkatan ini dikenali dengan istilah al-dharuriyyat, al-hajiyah dan al-tahsiniyyah.

Al-dharuriyyat bermaksud segala sesuatu yang tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan dunia. Jika ia tidak ada, maka kehidupan manusia di dunia ini akan menjadi rosak dan tidak teratur. Al-hajiyah pula bermaksud sesuatu yang diperlukan oleh manusia dalam menghindari kesempitan dan menolak kesulitan. Jika ia tidak ada maka manusia akan mengalami kesulitan dan kesempitan. Namun, ia tidak sampai merosakkan kehidupan. Al-tahsiniyyah pula bermaksud hal-hal yang menjadi tuntutan dari martabat diri dan akhlak yang mulia untuk mendapatkan kehidupan yang baik. Perkara tahsiniyyah ini ialah perkara pelengkap untuk mempunyai kehidupan yang lebih selesa. (Ibn 'Asyur, 1999).

### Skim Bantuan Zakat Asnaf Fi Sabilillah di Selangor

LZS telah menyediakan sebanyak 19 skim bantuan untuk asnaf fi sabilillah. Agihan bagi asnaf fi sabilillah adalah bagi menampung keperluan aktiviti-aktiviti dakwah, pendidikan dan pengembangan syiar Islam. Antara skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf fisabilillah adalah seperti di dalam jadual 1 berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Skim Bantuan Zakat</b>
1.	Bantuan Umum Pelajaran
2.	Bantuan Kepada Persatuan/Badan Islam
3.	Bina/Baik Pulih Sekolah Agama
4.	Dermasiswa Belajar Di Luar Negara
5.	Program Penerapan Nilai-Nilai Islam
6.	Dermasiswa Huffaz Al-Quran
7.	Pembinaan/Baik Pulih Institusi Agama
8.	Pembinaan Baik Pulih Masjid
9.	Pembinaan Baik Pulih Surau
10.	Bantuan Karpet Masjid/Surau
11.	Pembinaan Baik Pulih Surau Sekolah
12.	Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T
13.	Bantuan Keperluan Sekolah
14.	Bantuan Peralatan Masjid/Surau
15.	Bantuan Pendidikan/Penerbitan
16.	Bantuan Banjir
17.	Bantuan Kebakaran
18.	Dermasiswa Pelajar Cemerlang
19.	Bantuan Ribut

Jadual 1: Skim Bantuan Zakat Asnaf Fisabilillah di Selangor

Demi memenuhi keperluan semasa, LZS membuat inovasi dalam agihan zakat dengan mewujudkan lima program teras iaitu Program Pembangunan Insan, Pendidikan, Sosial, Ekonomi dan Institusi Agama. Di bawah Program Pembangunan Institusi Agama, sejumlah besar zakat

diperuntukkan bagi tujuan pembangunan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah dan surau sekolah di seluruh Selangor. Bentuk agihan zakat kepada fisabilillah di bawah program pembangunan ini ialah bantuan kepada persatuan/ badan Islam, bina/baik pulih sekolah agama, dermasiswa huffaz al-quran, pembinaan/baik pulih institusi agama, pembinaan baik pulih masjid, pembinaan baik pulih surau, bantuan karpet masjid/surau, pembinaan baik pulih surau sekolah dan bantuan peralatan masjid/surau.


Program Pembangunan Insan diwujudkan sebagai usaha untuk melahirkan golongan asnaf yang berkeyakinan, berdaya saing dan berilmu melalui program-program yang berbentuk rohani, jasmani dan motivasi. Pada setiap tahun, LZS membelanjakan hampir RM 7 juta wang zakat di bawah program ini. Program penerapan nilai-nilai Islam merupakan skim yang berada di bawah Program Pembangunan Insan.

Di bawah Program Pembangunan Sosial, LZS bertanggungjawab memastikan tiada asnaf yang mengalami masalah tempat tinggal, nafkah sara hidup serta memenuhi keperluan asasi sekaligus membolehkan asnaf tersebut menjalani kehidupan yang lebih seimbang. Sebanyak 3 bentuk bantuan diberikan LZS kepada asnaf fisabilillah sebagai bantuan kecemasan/bencana alam iaitu bantuan banjir, bantuan kebakaran dan bantuan ribut.

**Program Pembangunan Pendidikan** pula merupakan keutamaan Lzs dalam membantu asnaf dalam aspek pendidikan. Kesedaran tentang peri pentingnya pendidikan ini bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa tetapi juga membudayakannya di kalangan anak-anak asnaf agar mereka sedar bahawa hanya dengan pendidikan mereka mampu berjaya dalam hidup. Pada setiap tahun, Lzs membelanjakan hampir RM15 juta wang zakat di bawah program ini. Di bawah program ini, Lzs menyalurkan 6 bantuan pendidikan bantuan umum pelajaran, dermasiswa belajar di luar negara, dermasiswa kecil pelajar SAMR/T, bantuan keperluan sekolah, bantuan pendidikan/ penerbitan dan dermasiswa pelajar cemerlang.

### **Analisis Skim Agihan Zakat Fisabilillah Lzs Mengikut Maqasid Syariah**

Skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah di Selangor dianalisis berdasarkan lima prinsip asas dalam maqasid syariah. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti setiap skim bantuan zakat yang disediakan agar selari dengan aspek maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Penetapan skim agihan zakat berdasarkan kepada maqasid syariah melalui pengekstrakan ontologi kaedah dharuriyyat, hajiyat dan tahsiniyyat boleh dilihat dalam carta 2 di bawah:



Carta 2: Klasifikasi Utama Maqasid Syariah

Pembahagian skim agihan zakat kepada fisabilillah perlu dilaksanakan mengikut lima kepentingan asas yang utama bermula daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Aspek pemeliharaan agama merupakan aspek pertama yang perlu dititikberatkan di bawah Program Pembangunan Institusi Agama dan aspek pemeliharaan nyawa merupakan aspek kedua di bawah Program Pembangunan Insan. Program Pembangunan Pendidikan merupakan perkara ketiga di bawah aspek pemeliharaan akal dan pemeliharaan keturunan merupakan aspek keempat di bawah Program Pembangunan Sosial. Aspek pemeliharaan harta merupakan aspek kelima di bawah Program Pembangunan Ekonomi.



Agama	Nyawa	Akal	Keturunan	Harta
Program Pembangunan Institusi Agama	Program Pembangunan Insan	Program Pembangunan Pendidikan	Program Pembangunan Sosial	Program Pembangunan Ekonomi
Bantuan Kepada Persatuan/Badan Islam	Program Penerapan Nilai-Nilai Islam	Bantuan Umum Pelajaran	Bantuan Banjir	
Bina/Baik Pulih Sekolah Agama		Dermasiswa Belajar di Luar Negara	Bantuan Kebakaran	
Dermasiswa Huffaz Al-Quran		Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T	Bantuan Ribut	
Pembinaan/Baik Pulih Institusi Agama		Bantuan Keperluan Sekolah		
Pembinaan Baik Pulih Masjid		Bantuan Pendidikan/Penerbitan		
Pembinaan Baik Pulih Surau		Dermasiswa Pelajar Cemerlang		
Bantuan Karpet Masjid/Surau				
Pembinaan Baik Pulih Surau Sekolah				
Bantuan Peralatan Masjid/Surau				
9	1	6	3	0

Jadual 3: Skim Agihan Zakat Kepada Fisabilillah Di Selangor Mengikut Maqasid Syariah.

Berdasarkan jadual 3 di atas, sebanyak 9 skim daripadanya adalah bantuan untuk Program Pembangunan Institusi Agama bagi aspek pemeliharaan agama. Aspek pemeliharaan akal mempunyai bilangan skim agihan zakat kedua tertinggi iaitu sebanyak 6 skim. Sebanyak 3 skim dikategorikan sebagai aspek pemeliharaan keturunan manakala 1 skim termasuk dalam aspek pemeliharaan nyawa iaitu program penerapan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, untuk aspek pemeliharaan harta, tiada skim yang diperuntukkan di bawahnya.

### Skim Bantuan Zakat Asnaf Fi Sabilillah di Negeri Sembilan

Bahagian Baitulmal, MAINS telah menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan zakat mengikut keperluan asnaf fi sabilillah di Negeri Sembilan. Terdapat sebanyak 12 skim bantuan yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah. Antara skim bantuan zakat adalah seperti berikut:

Bil.	Skim Bantuan Zakat
1.	Saguhati Jawatankuasa Masjid
2.	Pembentukan Kursus kefahaman Islam
3.	Pengurusan Jenazah tanpa waris
4.	Aktiviti Surau & Masjid
5.	Program Hari Kebesaran
6.	Bantuan Tahunan Masjid & Surau
7.	Percetakan buku-buku Islam
8.	Elaun sukarelawan dakwah



9.	Tahfiz Al-Quran
10.	Penyelidikan dan Pembangunan
11.	Pengurusan Anak Yatim
12.	Elaun guru agama

Jadual 4: Skim Bantuan Zakat Asnaf Fisabilillah di Negeri Sembilan

Skim bantuan yang disediakan mengambil kira aspek kebajikan serta pengukuhan rohani dan sosial asnaf seperti saguhati jawatankuasa masjid, pembiayaan kursus kefahaman Islam, pengurusan jenazah tanpa waris, aktiviti surau dan masjid, bantuan tahunan masjid dan surau, program hari kebesaran, percetakan buku-buku Islam, elaun sukarelawan dakwah, tahfiz al-Quran, dan elaun guru agama. Selain itu, keperluan lain diutamakan seperti pengurusan anak yatim serta penyelidikan dan pembangunan.

#### **Analisis Skim Agihan Zakat Fi Sabilillah MAINS Mengikut Maqasid Syariah**

Agama	Nyawa	Akal	Keturunan	Harta
Saguhati Jawatankuasa Masjid		Pemnyelidikan &Pembangunan	Pengurusan Anak Yatim	
Pembiayaan Kursus kefahaman Islam				
Pengurusan Jenazah Tanpa waris				
Aktiviti Surau & Masjid				
Program Hari Kebesaran				
Bantuan tahunan masjid dan Surau				
Percetakan buku-buku Islam				
Elaun sukarelawan dakwah				
Tahfiz Al-Quran				
Elaun guru agama				
10	0	1	1	0

Jadual 5: Skim Agihan Zakat Kepada Fi Sabilillah di Negeri Sembilan mengikut Maqasid Syariah.

Skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah oleh Bahagian Baitulmal MAINS diklasifikasikan berdasarkan lima prinsip dalam maqasid syariah. Model agihan zakat berdasarkan maqasid syariah diringkaskan seperti dalam Jadual 5 di atas.

Berdasarkan pembahagian skim mengikut maqasid syariah, Bahagian

Baitulmal MAINS menyediakan sebanyak 10 skim bagi aspek pemeliharaan agama. Antaranya saguhati jawatankuasa masjid, pembentukan kursus kefahaman Islam, pengurusan jenazah tanpa waris, aktiviti surau & masjid, program hari kebesaran, bantuan tahunan masjid dan surau, percetakan buku-buku Islam, elaun sukarelawan dakwah, tahniz Al-Quran dan elaun guru agama. Di bawah aspek memelihara akal dan keturunan, Bahagian Baitulmal MAINS menyediakan 1 skim iaitu penyelidikan dan pembangunan serta pengurusan anak yatim. Walau bagaimanapun, untuk aspek pemeliharaan nyawa dan harta, tiada skim yang diperuntukkan di bawahnya.

### **Analisis Perbandingan Skim Agihan Zakat Kepada Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah di Selangor dan Negeri Sembilan**

Berdasarkan analisis di dalam jadual 3 dan 5, penyelidik mendapati skim bantuan dalam aspek pemeliharaan **agama** lebih banyak berbanding aspek yang lain. Sebanyak 9 skim diperuntukkan oleh LZS bagi memelihara agama manakala Bahagian Baitulmal MAINS memperuntukkan 10 skim. Aspek pemeliharaan **akal** pula menduduki posisi kedua tertinggi di dalam skim agihan zakat kepada fi sabilillah mengikut maqasid syariah oleh LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS. LZS menyediakan sebanyak 6 skim manakala Bahagian Baitulmal MAINS hanya memperuntukkan 1 skim. Dari sudut pemeliharaan **nyawa**, LZS

menyediakan satu skim iaitu program penerapan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, Bahagian Baitulmal MAINS tidak menyediakan bantuan di bawah aspek ini.

LZS memperuntukkan sebanyak 3 skim bagi aspek memelihara **keturunan** iaitu di bawah Program Pembangunan Sosial. Sebanyak 3 bentuk bantuan diberikan LZS kepada asnaf fisabilillah iaitu bantuan banjir, bantuan kebakaran dan bantuan ribut. Bahagian Baitulmal MAINS pula menyediakan 1 skim iaitu pengurusan anak yatim. Bagi aspek pemeliharaan **harta**, tiada skim diperuntukkan oleh LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS.

Berdasarkan jadual di atas, skim agihan zakat fi sabilillah LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS didapati menepati konsep maqasid syariah, namun perlu mengikut keutamaan dalam lima aspek pemeliharaan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS telah meletakkan keutamaan kepada aspek pemeliharaan agama kerana bantuan-bantuan yang diagihkan di bawah aspek ini mempunyai bilangan tertinggi. Namun, penambahbaikan dan semakan semula jumlah skim agihan zakat fisabilillah berdasarkan keutamaan dalam aspek pemeliharaan yang lain iaitu nyawa, akal, keturunan dan harta boleh dilaksanakan oleh LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS untuk memastikan skim agihan zakat fisabilillah adalah menepati konsep maqasid syariah.

### **Kesimpulan**



Berpandukan analisis yang telah dijalankan, penyelidik mendapati pendekatan maqasid syariah sebagai parameter pengukuran keperluan dalam setiap skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf fisabilillah adalah relevan untuk dilaksanakan. Skim agihan zakat di Selangor dan Negeri Sembilan melengkapi setiap aspek maqasid syariah. Namun, penambahbaikan dan semakan semula jumlah skim serta kadar bantuan perlulah berdasarkan keutamaan 5 aspek pemeliharaan agar menepati konsep maqasid syariah. Diharapkan kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada pihak pengurusan zakat khususnya LZS dan Bahagian Baitulmal MAINS serta setiap negeri di Malaysia dalam mentadbir dan menguruskan sistem agihan zakat secara sistematik dan efisien.

## Rujukan

- 'Izz al-Din 'Abd Aziz Ibn 'Abd al-Salam, t.t. Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad Shahir bin Makhtar et.al. 2010. Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010. Selangor: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016. Parameter (al-Dhawabit) Maqasid al-Shariah Dalam Pentadbiran Negara. *Kertas Kerja Seminar Nasional Maqasid Al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shariah & Fiqh Demokrasi*. Shah Alam.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016. Prinsip-Prinsip Asas Maqasid Al-Syariah: Pendekatan Al-Syatibi. *Kertas Kerja Seminar Nasional Maqasid Al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shariah & Fiqh Demokrasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Al-Fasi, 'Allal, 1966. *Maqasid al-Syar'iyyah al-Islamiyyah Wa Makarimaha*. Rabat: Matabi' al-Risalah.
- Al-Kasani, Abu Bakr ibn Mas'ud, 1986. *al-Bada'i' al-Sana'i*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf, 2006. *Fiqh al-Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Raisuni, Ahmad, 1995. *Nazariyat al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-Iakhmi, 1996. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Hailani Muji Tahir. 2009. Pentafsiran dan Perlaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Asnaf Fisabilillah*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir, 1999. *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Beirut: Dar Salam.



Ibn al-Athir, t.t. al-Nihayah fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar. Kaherah: Maktabah al- Khairiyah.

Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2013.

Laporan Tahunan Lembaga Zakat Selangor 2014.

Lembaga Zakat Selangor, 2014. Jenis Agihan Zakat.  
<http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/> (diakses pada 26 Julai 2016).

Lembaga Zakat Selangor, 2014. Sejarah.

<http://www.zakatselangor.com.my/info-lzs/sejarah-lzs/> (diakses pada 26 Julai 2016).

Mohd Fikri Che Hussain, 2012. Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.

Sabiq, Sayid, 1999. Fiqh al-Sunah. Kaherah: Dar al-Fath.

Sekretariat Pengurusan Zakat Negeri negeri (SPZN) & Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 2016. Ensiklopedia Pengurusan Zakat Di Malaysia (Siri 1). Universiti Sains Islam Malaysia.



## Exploring the Level of Understanding the Content of Quran among Diverse Groups of People

**Saadah Abd Rahman<sup>1</sup>, Nurfarhana Baharuddin<sup>1</sup>, Hishomudin bin Ahmad<sup>2</sup>, Hazleena Baharun<sup>2</sup>, Muhammad Widus Sempo<sup>3</sup>, Noor Saazai Mat Saad<sup>2</sup>, Nurul Asiah Fasehah Muhammad<sup>1</sup> & Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>*Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;*

<sup>2</sup>*Faculty of Major Languages Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;*

<sup>3</sup>*Islamic Science Institute, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

<sup>4</sup>*Centre for Core Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

**Abstrak:** Al- Quran, the holy scripture of Islam, is the most comprehensive source of reference for humankind to understand the teachings of Islam. Undeniably, understanding the Quran is a principal and an important aspect in the life of an individual Muslim regardless of their differences. In reality, understanding the teaching of the Quran and applying it in ones daily life may contributes to his success. In order to ensure the accuracy and correctness of the application of the teachings of the Quran among Muslims, it is important that their level of understanding is being investigate first. This conceptual paper compiles four levels of understanding the Quran among diverse groups of people that are Naïve, Novice, Intermediate, and Expert. Further details are discussed.

**Keywords:** Religion: Levels of understanding Quran, Understanding the Quran, Content of the Quran, Diverse Groups of People, Religious text

## Introduction

In 2015, it was reported that there were 1.7 billions of Muslims (Todd, Gina, Albert, & Peter, 2015). This includes over 17 millions in Malaysia (Brian & Mehtab, 2010). It is compulsory for this large population of Muslims in the world to obey all the teachings and prohibitions that have been outlined in Islam regardless of who they are. They should bear in mind that they need to give high priority to understand the Quran in order to lead them to be a better Muslims and to make them realize their purpose of life. The Quran is the book that guides and leads humankind to the light of Iman and knowledge, away from darkness and ignorance as mentioned in the Quran:

﴿الرَّكَابُ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ  
إِذْنُ رَبِّهِمْ إِلَى صِرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ﴾

(Al-Quran, Ibrahim 14:1)

*(Alif, Lam, Ra. This is a Book which We have revealed to you, (O Muhammad), that you might bring mankind out of darknesses into the light by permission of their Lord to the path of the Exalted in Might, the Praiseworthy).*

Although the Quran is written in the Arabic language, there is no excuse for Muslims to consider the language as the main obstacle in understanding its teachings. Instead, Muslims should strive to understand the messages found in the Quran. Understanding of Quran will enable servants of Allah s.w.t to be clear in on his duties of life. Uthman bin 'Affan (*May Allah be pleased with him*) reported: the Prophet PBUH said, "The

*best among you is the one who learns the Qur'an and teaches it" (Nawawi, 2012).* According to this hadith, the Prophet Muhammad PBUH, said that the best Muslims are those who learn and teach the Quran. This hadith tells us the importance of the Quran and more importantly, understanding its contents and teachings. Regardless of the different backgrounds, it is important for Muslims to understand the guidance of the Quran and practice it.

## Challenge in Understanding Quran

The Quran contains the words of Allah s.w.t and works as the guidance that separates between right and wrong to help humankind in all their needs (Bhanji, 2014). Clearly, the Quran need to be understood as the guidance for humankind in all time. Thus, it is compulsory that as Muslims we understand what Allah says and reflect as much as we can. Without understanding the contents of the Quran, it is very difficult for Muslim to received its teachings and implement it in their lives (Zakaria, Fuad, & Rasdi, 2014). Even more worrying is social problems among Muslim youths caused by their lack of faith and spiritual fulfillments (Wan Kamarudin, 2015) which is very much related to their lack of understanding of the Quran.

Despite living and reflecting the Quran's teachings, Malaysian Muslims not understand the Qur'an (Mat Saad, 2015). They are more focused on memorizing the Quran to the point that they miss the importance of actually

understanding its teachings as mentioned by the Former Prime Minister of Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad in Majlis Pelancaran Kempen ‘Let’s Read the Quran’ (Hasli, 2016). Even the majority of Huffaz (those who memorize the entire Quran) do not understand its meaning (Ikhwanuddin & Che Noraini , 2014). Muslims should be aware that understanding the Quran is fundamental to understand Islam.

The Quran is not just to be memorized or recited but to be understood and used guidance in every aspect of a Muslim’s life. Therefore, it is vital that Muslims understand the Quran as this not only will benefit them but will develop the Ummah despite their differences in backgrounds, opinions and political beliefs.

### Levels in Understanding the Quran

The Quran is perfect. It covers every aspect of life and provides valuable lessons for all mankind in all-time. Thus, understanding the main primary source of Islam is compulsory for every Muslim. The Quran itself can be defined as a book of guidance for every individual in this world and there is no doubt about it, as mentioned in the second chapter of Al Quran in Surah Al-Baqarah: 2

﴿ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبٌّ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ﴾

(*This is the Book about which there is no doubt, a guidance for those conscious of Allah*)

Differences in the levels of understanding of the Quran reflect the

different levels of understanding this vital source of Islam. Ibnu Qayyim (1996) highlighted that for some groups of people, they do not need any additional references such as *Tafseer, Hadith* and others to capture the meaning of the Quran. Meanwhile for others, these references are needed.

Ksar (2008) explained that there are many levels of understanding of the Quran; from literal understanding to the maximum, in-depth level of understanding. In addition, Zaid (2016) in his article ‘*Understanding the Holy Quran and its level*’, mentioned that the Quran had descended in Arabic language and this fact will never change. Therefore, in order to understand the messages of the Quran, Muslims should learn the Arabic language in order to understand the messages given by Allah s.w.t.

Omar (2016) provides five levels of understanding of the Quran.

First: *Tafseer An-Nusus bin Nusus* (interpretation according to other verses) as mention in Surah Ar-Rahman 55: 3-4:

خَلَقَ الْإِنْسَانَ {3} عَلَمَهُ الْبَيِّنَ {4}

(Al-Quran, Surah Ar-Rahman 55: 3-4)

(He has created man (3) He has taught him speech (and intelligence) (4)

At this level, the interpretation is simple within single tiered understanding of the verses of the Quran. The description of interpretation is made by referring to other related verses in the Quran.

Second: *Ta'wiilul An-Nushush* (interpretation on the allegorical statement) which is based on:

﴿وَيُعِلِّمُكَ مِنْ تَأْوِيلِ الْأَحَادِيثِ﴾

(Al-Quran, Surah Yusuf 12: 6)

(...and teach you the interpretation of narratives..)

This level of interpretation interprets the verses from the Quran based on the understanding multi-tiered understanding on any verse that indicate ambiguity of meaning, such as verses of *Mutasyabihaat* (verses that have the possibility to be interpreted in many ways). The description of interpretation of this level is done until it shows the soul of its meaning. Reference to other related verses from the Quran is made.

Third: *Iqtithaful barakat* (quoting the blessings) which mentioned in:

﴿كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدْبَرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَكَرَّرُ أُولُو الْأَلْبَاب﴾

(Al-Quran, Surah Sad 38: 29)

(This is a blessed Book which We have revealed to you)

This level is where the interpretation is made with the purpose to get a blessing. For instance, the blessing when reading Kursi verses which can cure illnesses.

Fourth: *Litadabburil Ayah* (reflecting verses) based on:

﴿لِيَدْبَرُوا آيَاتِهِ﴾

(Al-Quran, Surah Sad 38: 29)

(that they might reflect upon its verses)

The interpretation of the passage from the Quran is made at the level of interpreter (Tafseer). First, the interpretation is simple and focuses on single-tiered understanding. Then, it is explained into multi-tiered understanding until it shows the definition soul of meaning referring to other related verses from the Quran.

Fifth: *Litazakkuri Ulil Albab* (reminder for open-minded people and intellectuals). The interpretation is based on the depth of understanding of the spiritual meaning required:

﴿كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدْبَرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَكَرَّرُ أُولُو الْأَلْبَاب﴾

(Al-Quran, Surah Sad 38: 29)

(This is a blessed Book, which We have revealed to you, [O Muhammad], that they might reflect upon its verses and that those of understanding would be reminded)

At this stage, verses from the Quran are interpreted at the level of scholars who are open-minded.

### Diverse Groups of People

Diversity can be defined as a subjective phenomenon, which categorizes groups of people based on their personal identity, experiences and backgrounds. From the Islamic perspectives, Islam encourages Muslims to respect different beliefs, cultures of life, communities, and ideologies. Allah s.w.t creates human being with various facet so that Muslims

can get to know each other and as a test to establish good relationship among each other. Each requires one another to help building a harmonious life for the sake of humankind.




Fig.1: Dimensions of Diversity

Figure 1 shows the three Dimensions of Diversity by Rijamampianina & Carmichael (2005). The primary dimension of diversity influences our identities in term of race, age, gender, ethnicity, and disability. It shapes our basic self-image as well as our fundamental worldviews. Additionally, it has the most impact on groups in the society.

The secondary dimension of diversity is less visible, exerts a more variable influence on personal identity, and adds a more subtle richness to the primary dimension of diversity. It includes family status, personal habit, education, work experience etc. The secondary dimension influences our self-esteem and self-definition. There is a definite trend towards definitions of a multiplicity of diversity dimensions. Arredondo (2004) then adds culture, social class,

and language to the primary dimension and healthcare beliefs and recreational interests to the secondary dimension. She further adds a tertiary dimension, which encompasses historical moment experiences such as belief, perception, feelings, and others.

Dimensions of diversity can be seen through the analogy of an iceberg. The obvious and small portions are related to race, ethnicity, gender, age, and disability. Meanwhile, the secondary dimension is below the surface and needs some time to reveal, for instance religion, personal habits, education, work experiences, language, culture and others. The tertiary dimension is placed beneath the surface. It is the core of the identity and the real essence of diversity such as belief, perception, feeling and others (Mazur, 2010).

#### **Analyzing Levels of Understanding the Content of Quran among Diverse Groups of People**

To analyze the levels of understanding the contents of the Quran among diverse groups of people, a combination of two main areas are needed as shown in Figure 2. It shows the different levels of understanding the content of Quran among diverse groups of people. The diverse groups of people can be divided into four levels, which are Naïve, Novice, Intermediate, and Expert, based on their levels of understanding.




Fig.2: Levels of Understanding the Content of Quran among Diverse Groups of People

At the Naïve level, familiarity towards the verses in the Quran is inadequate and this group of people have limited vocabulary to assist them in understanding the content of Quran. Meanwhile, those in the Novice level will have basic and minimum layer of understanding that is simple but clear in explanations. At the Intermediate level, this group of people is capable of understanding the content of Quran, more in-depth and higher level of understanding than those in the Naïve and Novice levels. They possess the spiritual meaning of understanding of the verses of the Quran and have the knowledge on the blessing elements from the verses. One example of the blessing element is that they understand that those who read the Surah Al-Mulk, they will be protected from the torments in the grave after they. At the Naïve, Novice and Intermediate levels, people will need translation tools to help them

understand the content of the Quran such as *Tafseer*, *Hadith* and others.

As for the Expert level, they are able to provide explanation at the Naïve, Novice and Intermediate levels of understanding the content of the Quran. Additionally, they have deeper understanding of the purpose of the meaning and clearer description to the spiritual contexts of the verses or surah from the Quran. They are also able to merge their opinions from other field of knowledge such as identify Surah Al-Ikhlas as one of the verses that clarify vague or allegorical verses from the Quran about the features of Allah s.w.t. Those identified in this level do not need additional translation tools to help them understand the content of the Quran.

This study concludes that the levels of understanding the content of the Quran among diverse groups of people can be divided into four levels; Naïve, Novice, Intermediate, and Expert, which are influenced by the differences in the dimensions of diversity. The dimensions of diversity include age, race, gender, language, work experience and others.

## Conclusion

The Quran is the final revelation and book from Allah s.w.t to humankind as guidance and direction to the right path. Due to its importance to Muslims, more studies towards how to understand the contents of Quran should be given more attention as to help Muslims understand and apply its teaching.

## Acknowledgement



Sincere gratitude and appreciation to those who have contributed to this research. This research is supported by the research grant with the title: "A New Model To Understand The Content Of Quran Using A Combination Of Semantic Analysis And Socio-Linguistic Approaches For Diverse Groups Of People", Research code: USIM/TRGS02\_PROJEK02/ISIS/59/505 16, by Ministry of Higher Education, Malaysia

## References

- Ahmed, D. H. (2008). *Introducing the Quran How to Study and Understand the Quran*. New Delhi: Goodword Books.
- Arredondo, P. (2004). *Organizational Assessments for Planning Diversity Initiatives*. Arizona State University
- Bhanji, S. M. (2014). *Towards better Understanding of The Quran*. Tabligh Centre of KSI Jamat. Retrieved from Al-Islam.org: <https://www.al-islam.org/towards-better-understanding-quran-shaykh-muslim-bhanji/quran-describes-itself>
- Brian, J. G., & Mehtab, S. K. (2010). *The Future of the Global Muslim Population Projections for 2010-2030*. Washington D.C: Pew Research Center's Forum.
- Che Noh, M., Hussein, A., Ghani, O., & Suhid, A. (2013). *The Study of Quranic Teaching and Learning : A Review in Malaysia and United Kingdom*. Middle-East Journal of Scientific Research 15.
- Gardenswartz, L., & Rowe, A. (2008). *Diverse Teams at Work Capitalizing on the Power of Diversity*. Alexandria, Virginia: Society for Human Resource Management.
- Hasli, A. (2016, Februari 20). *Sinar Online*. Retrieved from Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/ulras/liga-malaysia/ramai-umat-islam-tidak-memahami-al-quran-1.487473>
- Ibnu Qayyim, A.-J. (1996). *Madarij Al-SÉlikin Bainā ManÉzil IyyÉka NaÑbudu WÉ IyyÉka NastaÑin.  bn fym  ljwry *.
- Ikhwanuddin, M., & C. H. (2014). Relationship between Memorization Technique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an. *IIUM JOURNAL OF EDUCATIONAL STUDIES*, 1-14.
- Ksar, J. . (2008). *Fahm Alqur n Dr st  y  w' Almdrst Alslwky *. Mrkz  lh d rt Itn yt  lfkry  la sl myt.
- Mat Saad, S. (2015, November 24). *Sinar Online*. (Sinar Karangkraf Sdn Bhd) Retrieved 9 25, 2016, from Sinar Online: <http://www.sinarharian.com.my/ulras/liga-malaysia/al-quran-bukan-sekadar-untuk-dibaca-1.454986>
- Mazur, B. (2010). Cultural Diversity in Organisational Theory and Practice. *Journal of Intercultural Management*, 5.



- Nawawi, I. (2012). *Riyadus Solihin*. Batu Caves: PTS Media Group Sdn Bhd.
- Omar, A. L. (2016). *AL FATHUN NAWA*. Bandar Baru Selayang: Hafizul Publication.
- Rijamampianina, R., & Carmichael, T. (2005). *A Pragmatic and Holistic Approach to Managing Diversity. Problems and Perspectives in Management*.
- Todd, M. J., Gina, A. Z., Albert, W. H., & Peter, F. (2015). *Christianity 2015: Religious Diversity and Personal Contact*. Massachusetts: International Bulletin of Missionary Research.
- Wan Kamarudin, W. (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Academia Journal UiTMT*, 22-23.
- Zaid, W. A. (2016, 4 10). *Ifaquh Syariah*. Retrieved from Alukah: <http://www.alukah.net/sharia/0/101456/#ixzz472maBDvW>
- Zakaria, R., Fuad, Z., & Rasdi, M. N. (2014). Imlikasi Tadabbur Al-Quran dalam Pembentukan Insan yang Berkualiti di Sudut Akhlak. *International Conference on Postgraduate Research 2014 (ICPR 2014)*, 1.
- Zarabozo, J. a.-D. (1999). *How to Approach and Understand the Quran*. Boulder, CO 80301. U.S.A: Al-Basheer Company for Publications and Translations.



## **Analising Students' Perceptions in the Learning of English Vocabulary through Islamic Scripture Entitled 'Al-Ghazali on Islamic Guidance' or *Bidayatul Hidayah***

**Nur Dalila Mohamad Nazri<sup>1</sup>, Adibah Sulaiman<sup>2</sup>, Anita Ismail<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>*Faculty of Major Languages Studies, USIM, Nilai, Malaysia;*

<sup>2</sup>*Faculty of Major Languages Studies/Centre for Core Studies, USIM, Nilai, Malaysia;*

<sup>3</sup>*Faculty of Economics and Muamalat/ Centre for Core Studies, USIM, Nilai, Malaysia;*

**Abstract:** The objectives of this paper is two-fold. Firstly, it aims at finding students' perceptions on the learning of English vocabulary in Al-Ghazali on Islamic Guidance or *Bidayatul Hidayah*, which is a great scripture of Islam written by Al-Imam Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad Bin Ahmad Alghazali Attusi or also known as Imam Al-Ghazali R.A. Secondly, it is to obtain students' perceptions on the problems that occurred throughout the teaching and learning activities and how to improve them. This qualitative research adopts two techniques – observation and interview. It is discovered that majority of students show great interest to learn English through this scripture and their knowledge on English vocabulary has generally improved. The researcher also identifies the problems and lists the possible recommendations for improvement of such activity in the future. It is hoped that this study can shed some lights on how to better integrate Islamic elements in the teaching and learning of English language, as well as to produce active, autonomous and lifelong students; who as well, appreciate the ancient scriptures of Islam.

**Keywords:** Perception, English Vocabulary, Al-Ghazali on Islamic Guidance, *Naqli* and *Aqli*

## Introduction

The teaching and learning of ancient Islamic scripture or *turath* Book, is very much synonym to the Arabic words *funduk* or *pondok* (in Malay); and *madrasah* (which literally mean classical Islamic school), and is conducted by a knowledgeable scholar who has obtained a degree of mastery called *ijazah*, in that particular scripture from other scholars. In discussing the methodology of how Islamic scripture is taught and learned, there is an essential term that shall be mentioned, namely the chain of transmission of knowledge or *isnad*, from a teacher to the student, in order to preserve the authenticity of the Deen, as Allah Most High says:

*"We have without doubt, sent down the message; and we will assuredly guard it."* (Surah al-Hijr, Verse 15)

According to Muhammad Adam (2003), the "message" here refers to the book of Allah and also the Sunnah of his blessed Messenger (Allah bless him & give him peace), for whatever the Messenger of Allah (Allah bless him & give him peace) says is from Allah Almighty, as Allah Most High says:

*"Nor does he (the Messenger of Allah) say (aught) of (his own) desire. It is no less than revelation (wahi) sent down to him."* (al-Najm, Verse 53)

He also outlines the benefits and wisdoms in learning from a teacher based on *isnad*, which include 1) sound understanding of the texts; 2) its correct interpretation; 3) being saved from

making errors in understanding the texts (for each science has its own special terminologies); 4) getting questions and queries that may arise answered; 5) practical application of the knowledge; and 6) obtaining the *Baraka* or light of guidance from that special teacher-student relationship.

He emphasises the necessity for one to learn the Islamic knowledge from a scholar of knowledge, piety and wisdom, and who himself has been taught and trained by a similar scholar.

## Statement of problem

In this era of globalisation, the education industry, specifically the teacher-student roles and the teaching and learning approaches have vastly transformed. The evolution of hi-tech gadgets and the borderless communication play an important factor in this transformation. Learners in the 21<sup>st</sup> century are netizens who always look forward for instant and accessible information at their fingertips and therefore, the tendency to refer to the ancient Islamic scriptures as a guide of life is deteriorating. To worsen this scenario, there is a scarcity of knowledgeable scholars who are able to teach ancient scriptures in Malaysia based on *isnad*, as compared to scholars who teach religion in general, without *isnad*.

This phenomena coins the researcher to introduce the Islamic scripture to her students in the English language classroom. Moreover, the integration of Islamic elements into the classroom is nothing new in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), as academicians are required to implement

a blended *Naqli* (revealed knowledge) and *Aqli* (conventional knowledge) curriculum for all courses.

This research is conducted by utilising Al-Imam Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad Bin Ahmad Alghazali Attusi or also known as Imam Al-Ghazali R.A's *Bidayatul Hidayah* or its English version, Al Ghazali on Islamic Guidance by M.A. Quasem, in the General English Proficiency course, enrolled by first year students of USIM, who generally come from Islamic education background.

Generally, this study is driven by the 'Islamisation of knowledge' concept and it is hoped that both teacher/researcher and students can mutually benefit from this study, in religious and English language aspects.

### **Research questions**

The study is conducted to answer the following questions:

What are the students' perceptions about the learning of English vocabulary through this scripture?

What are the problems occurred during the learning process and how to best fix them?

Shall this scripture be integrated in the learning of English in the future? If so, what is the best way to use the scripture in order to achieve the learning objectives of this course?

The main objective of the study is to obtain students' general feedback on the learning of English vocabulary in Al-

Ghazali on Islamic Guidance. It is hoped that this research is a stepping stone to strengthen USIM's aspiration to produce holistic graduates who are able to master and apply the knowledge in order to be successful in their life and the Hereafter.

### **Limitation of the research**

This study is solely focused on vocabulary due to the constraint of time experienced by both teacher and students. The limited credit hours of English has enabled both to further explore the scripture in terms of other language aspects (such as grammar, reading, writing, listening and speaking) since the curriculum of the course itself is condensed and requires different learning materials. Secondly, the teaching and learning takes place on the language aspect per se as this is to avoid any misunderstanding in the delivery of the scripture. The content of the scripture is not delved thoroughly as the teacher does not have any *isnad* to teach the scripture. Plus, the learning objective of the course is on basic language skills, and not on the content of the scripture.

### **Literature Review**

The literature review has two parts encompassing the scripture itself and about the General English Proficiency (GEP) course.

A glance of Al-Ghazali on Islamic Guidance

The scripture Al-Ghazali on Islamic Guidance is the translated version of *Bidayatul Hidayah* (literally means 'The Beginning of Guidance') by

M.A.Quasem, published by National University of Malaysia. *Bidayatul Hidayah*, on the other hand, is abstracted from its main scripture, *Ihya Ulumuddin* (literally means ‘Revival of Religious Sciences’). The scripture contains three parts: i) acts of devotion ; ii) the avoidance of sins ; and iii) association with God and man.

According to Nofal, N (2000), in all Al-Ghazali’s works, ‘the main theme of his philosophy, and indeed of Islamic philosophy in general, is the concept of God and His relationship with His creation (the world and mankind). Although al-Ghazali initially followed the mainstream of Islamic *fiqh*, and in particular of *Ash’ari* (traditional Sunnite), in describing the essence and attributes of God, and Sufi undercurrents in defining the relationship between God and mankind, he then proposes his own conception of the essence, attributes and actions of God’. Nofal (200) also added that Al-Ghazali is rightly considered to be one of the most important and profound Islamic thinkers, who was aptly called the ‘renovator of the fifth century A.H’.

### **About General English Proficiency Course (GEP)**

The teaching and learning of English Language in USIM is based on students’ performance in Malaysian University English Test (MUET). In the first semester of their studies, students who obtained Band 1 and 2 are enrolled in GEP, while students with Band 3 are enrolled in English for Communicative

Purposes. Advanced from the latter, students with Band 4, 5 and 6 are enrolled in English for Academic Purposes.

The learning of English takes two hours a week, and there are fourteen weeks in a semester, where students are not only required to be active in classroom activities, they are also encouraged to participate in online and mobile learning activities, which have been duly planned by the teacher. Students’ participation in all activities are recorded by the teacher for the purpose of observation.

For GEP, the learning objective is emphasised on grammar and vocabulary, as these two contribute significantly to the students’ poor performance in all language skills-reading, writing, listening and speaking. Since language learning is very significant in USIM, the teaching and learning approaches have to be vary and up-to-date, in line with the requirement of education in the 21<sup>st</sup> century.

### **Methodology**

To answer the questions in 1.2, the researcher has created five WhatsApp group chats in the early semester, which each group consists of 30 to 35 students enrolled in GEP course. The creating of the group chat is to enable flexible and convenient communication between the teacher and students. Through this group chat, the communication between teacher-student and student-student is observed to discover students’ perceptions on the scripture, issues and problems occurred during the teaching and learning activities.

Interview session is also conducted with three male and three female students who are randomly selected in order to get their thorough responses on the use of this scripture as a material in language classroom. The purpose of this research is not vividly informed to them to avoid any biasness in the results.

In the early weeks of the semester, students are requested to read and digest the scripture independently. The scripture is uploaded on their online learning page, namely GOALS (which stands for Global Open Access Learning System), as in the following:




Figure 1: GOALS interface which shows the scripture's file and the task assigned to students

Next, the discussion is conducted on the WhatsApp group chats between the researcher and students. Students are asked on the scripture, the problems they face during their independent study

and how to best solve them. They are instructed to list down the new vocabulary learned from this scripture, as in Appendix 1.

## Findings of the Study

Below are the findings of the study, organised based on the research questions in 1.2:

**Finding 1 (Students' perceptions about the learning of English vocabulary through this scripture)**


Through the WhatsApp group chats, it is generally discovered that majority of students enjoyed reading this scripture and agreed that it is a very meaningful task for them in order to remind them to be a good Muslim:

**Response 1:**

*I think it's easy for me to understand because it has translation in Malay language. I do read the English version too and my vocab has increased. From this book, I can reflect what I have learned in secondary school. I hope that everyone also appreciates it as it's all about the basic things in our life as a Muslim. Yeah, I do enjoy reading this book very much.*

**Response 2:**

*I have read the first chapter. It is very amazing. Thank you very much to you for introducing this Book which is about our daily life. I can improve my ibadah to be close to Allah.*



Response 3:

*To me it is easy to understand because the book tells about our basic daily life like pray, fasting, sleep and others. At the same time, I can imporve my knowledge because there are many information about Islam. Thanks teacher for suggestion of this book. It's very meaningful to me.*

Finding 2 (The problems occurred during the learning process and the solutions)

However, through interview session conducted in class, the researcher discovered a different tone of responses from them:

Response 4:

*I think the book has many difficult words. I like the book very much but I have to admit that it is very challenging for me to undertand it. I need to read the Malay version in order to fully understand the book.*

Response 5:

*I did read it in English, but I also referred to the Malay version, because I do not fully understand certain words.*

Response 6:

*Although it is accessible online, I still need the hardcopy because it is easy for me to jot down anything on the book. I love the idea of online learning, but for this particular task, I bought this book.*

Although these responses can be associated with the lack of proficiency in the language, Collis and Moonen (2002) argue that students often do not want to become more active and co-responsible for the course. By and large, students are not intrinsically motivated by change or the use of technology; if activities are not part of the evaluation process of the course.

Finding 3 (The integration of this scripture in ESL classroom in the future and the best teaching and learning method)

All students who were interviewed agree with the integration of Islamic scripture in ESL classroom and advocate that it shall be continued in the future. They responded that the teaching and learning methods shall vary and flexible, so that they can learn it at their own pace.

Response 7:

*I enjoy mobile learning very much because I can respond to teacher's post while I am waiting for bus, at the hostel or in my hometown. I prefer learning the scripture through this way.*

## Conclusion

It can be concluded that mostly, all students agree that the use of this scripture as a teaching and learning material in ESL classroom has improved their vocabulary. Despite the advanced and classical vocabulary used in this scripture, which hinders their full comprehension of the content, they enjoy the idea of Islamic integration in the language class. In fact, all of them admitted that this is the first time the learning of religion (although it is just done on a surface level) takes place in English language.

The students show their appreciation to the researcher for the idea of using this scripture in the class. This can prove that students appreciate and benefitted from the reading of this scripture. The discussion that takes place on WhatsApp group chats and in class, have also deepen their understanding on the vocabulary used in this scripture.

It is suggested that similar studies are to be conducted, using other scriptures which are based on *Fardhu Ain*-literally refers to obligatory acts that must be performed by each individual Muslim, including prayer, charity, fasting, and pilgrimage. *Fardu Ain* encompasses of *Aqidah* (or creed), *Fiqh* (the acts of performing purification, prayer, fasting etc) and *Tasawuf* (sufism).

The second suggestion is to conduct similar study using scientific methods, such as to analyse the effectiveness of integrating Islamic scripture in the language clasroom. Walliman (2001) asserted that in most

research, it is impossible to be free from biasness, therefore, scientific objectivity should be maintained.

Like any other activities, the learning of Islamic scripture in language classroom shall be designed according to principles of effective and fun learning, such as through storytelling, discussion and the list goes on, in order to ensure that everyone benefits from the activity. Indeed, we learn best when we share and debate ideas with fellow learners, to understand their different experiences and perspectives and to fill the gaps in our own knowledge.

## References

- Collis, B and Moonen, J .2002. *Flexible learning in a digital world: experiences and expectations*. Routledge. New York
- Muhammad Adam. 2003. *Legal requirements for a scholar and importance of Isnad*.  
<http://www.central-mosque.com/fiqh/legalsc1.htm>  
(Accessed on Oct 7, 2016)
- Nofal, N. 2000. *Al-Ghazali (A.D.1058-1111 A.H 450-505) Prospects: the quarterly review of comparative education*, vol. XXIII, no. 3/4, 1993, p. 519-542. Paris, UNESCO: International Bureau of Education.  
<http://www.ibe.unesco.org/sites/default/files/ghazalie.pdf> (Accessed on Oct 20, 2016)
- Walliman, N. 2001. *Your research project: A step-by-step guide for the first-time researcher*. First edition. SAGE Publication. London



## Sīrah Nabawiyah dan Byzantine Rom: Analisis Terhadap Surat Ibn al-Layth Kepada Empayar Rom

Ahmad Sanusi Azmi<sup>1</sup>, Zulhilmi Mohamed Nor<sup>2</sup>, Mohd Yusuf Ismail<sup>3</sup>, Amiruddin Mohd Sobali<sup>4</sup>, Amran Abdul Halim<sup>5</sup>, Ummi Kamila Binti Mior Ahmad Ramdzan<sup>6</sup>

<sup>1,2,3,4,5,6</sup>Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

**Abstrak:** Menurut Nadia el-Sheikh, di zaman Constantine IV, Kerajaan Byzantine melaksanakan polisi yang agresif terhadap Kerajaan Abbāsiyah. Mereka telah menghentikan bayaran *jizyah* kepada Kerajaan Abbāsiyah sehingga menyebabkan Khalīfah al-Rāshid (m. 193/809) mengarahkan supaya satu surat amaran dikeluarkan kepada Empayar Rom. Muḥammad ibn al-Layth (m. 203/819) telah merangka satu surat amaran bagi pihak al-Rāshid memperingatkan Byzantine tentang perkara ini. Anehnya, menurut analisis terhadap surat tersebut, hanya 15% sahaja daripada kandungan surat ini yang dirangka berhubung isu *jizyah*, manakala baki 85% lagi adalah kandungan peringatan yang mempunyai unsur keagamaan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk (1) mengkaji isi kandung surat Ibn al-Layth tersebut yang mempunyai elemen Sirah Nabawiyah, (2) meneliti apakah punca Ibn al-Layth meletakkan elemen Sīrah Nabawiyah di dalam suratnya kepada Maharaja Rom tersebut (3) dan menghuraikan perkaitan elemen Sīrah Nabawiyah dengan Kerajaan Byzantine Rom. Kajian ini bersifat tekstual. Metod yang digunakan adalah tertumpu kepada analisis teks. Dapatkan kajian menyimpulkan bahawa elemen keagamaan dan Sīrah Nabawiyah yang terkandung di dalam surat ini adalah bersifat tekanan keagamaan yang menggambarkan Kerajaan Abāssiyyah bukan sahaja teguh dengan sokongan kekuatan ketenteraan fizikal malah dipacu oleh unsur keagamaan yang dipimpin terdahulu oleh Nabi yang dinukilkan dalam sejarah.

**Kata kunci:** Sīrah Nabawiyah, Byzantine Rom, Ibn al-Layth, al-Rāshid, Jizyah, Abbāsiyah



## Pengenalan

Di zaman pemerintahan al-Rāshid, Byzantine dilaporkan telah menghentikan bayaran *jizyah* kepada kerajaan Abbāsiyyah, di mana mereka sebelum itu telah membayarnya sebanyak dua kali setahun. Menurut Qādhī ‘Abd Al-Jabbār (w.415/1025), dengan sebab itu, Khalifah telah memutuskan untuk memberi tekanan kepada kerajaan Byzantine dengan menghantar surat amaran kepada mereka. Walaubagaimanapun, kandungan surat tersebut menimbulkan pertanyaan apabila ianya dipenuhi dengan ayat al-Qur'an dan maklumat biografi Nabi Muhammad lebih daripada membicarakan tentang isu bayaran *jizyah*.

### Abū Al-Rabī' Muḥammad ibn Al-Layth

Menurut Roggema, Ibn al-Layth adalah seorang yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang. Ibn al-Layth digambarkan sebagai seorang pemidato (*khātib*), pakar undang-undang (*faqīh*), ahli teologi (*mutakallim*), penulis surat atau ahli epistolografi (*mutarassil*) dan setiausaha (*kātib*). Penilaian ini dibuat berdasarkan maklumat yang disediakan

oleh Ibn al-Nadim.<sup>1</sup> Daripada pelbagai profesion yang beliau ceburi ini, tiga bidang (khususnya pemidato, ahli epistolografi dan setiausaha) menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang mahir dengan Bahasa Arab dan cabang-cabang ilmunya. Sumber sejarah menunjukkan bahawa Ibn al-Layth lebih dikenali sebagai sasterawan Arab (*al-adīb*).<sup>2</sup> Malah kata-katanya telah dirujuk oleh Yāqūt (w. 622/1225) dalam menghuraikan kepentingan penggunaan tatabahasa (*al-nahw*) dalam sastera (*al-adab*).<sup>3</sup> Beliau juga dikenali sebagai *ṣāḥib al-balāgha*<sup>4</sup> (seseorang yang mempunyai kefasihan dan kepetahan, atau pakar dalam retorik) oleh al-Ya‘qūbī (w. 292/905). Al-Khafājī (w. 466/1073) pula menyenaraikan Ibn al-Layth sebaris dengan al-Ḥāfiẓ (w. 255/869), sebagai antara para ilmuwan yang menggunakan method aliterasi (*al-saj'*) di dalam penulisan mereka.<sup>5</sup> Lebih daripada itu, karya Ibn al-Layth dalam pengajian sastera<sup>6</sup> iaitu *Kitāb (ilā) Yaḥyā ibn Khālid fī al-Adab* *Kitāb al-Khaṭ wa al-Qalam* (kaligrafi dan penulisan) adalah antara model penulisan terbaik usaha karya sastera beliau. Sebagai tambahan, suratnya kepada Ja’far ibn Yahya menunjukkan kepakarannya dalam

<sup>1</sup> Roggema, Barbara, "Abu al-Rabi' Muhammed ibn al-Layth," (ed.) David Thomas, dll, *Christian-Muslim Relations A Bibliographical History*, Brill Online.

<sup>2</sup> Kahālah, ‘Umar Ridhā, *Mu’jam al-Muallifīn*, (Muassasah al-Risālah, 1993), p.3/611-612

<sup>3</sup> Al-Ḥamawī, Yāqūt ibn Abdullah, *Mu’jam al-Udabā’ Irshād al-Arīb ilā Ma’rifā al-Adīb*, ed. Ihsān ‘Abbās, (Beirût, Dār al-Gharb al-Islāmī, 1993), p.28.

<sup>4</sup> Al-Ya‘qūbī, Ahmad ibn Abī Ya‘qūb ibn Ja‘far ibn Wahb ibn Wādiḥ, *Tārikh al-Ya‘qūbī*, ed. ‘Abd al-Amīr, (Beirût, 2010), p.2/345.

<sup>5</sup> Al-Khafājī, Abdullah ibn Muḥammad ibn Sa‘īd, *Sirr al-Faṣāḥa*, (Dār Kutub al-‘Ilmiyya, 1982), p.175.

<sup>6</sup> Roggema, Barbara, "Abu al-Rabi' Muhammed ibn al-Layth," (ed.) David Thomas, Brill Online.



kaligrafi Arab.<sup>7</sup>

Selain daripada dikenali sebagai memiliki kemahiran dalam penulisan sastera Arab, Ibn al-Layth juga dikenali sebagai ahli teologi (*mutakallim*) dan pakar perundangan Islam (*faqīh*).<sup>8</sup> Melham Chokr mengesahkan bahawa tiga daripada karyanya (*Kitāb al-Radd ‘alā al-Zanādiqa*, *Kitāb ‘Izat Hārūn al-Rashīd* and *Kitāb al-Halīlaja fī al-I‘tibār*) membuktikan kedudukan beliau sebagai ahli teologi.<sup>9</sup> Menurut al-Birūnī (m. 440/1048), terdapat sebuah karya teologi yang telah dihasilkan oleh Ibn al-Layth bagi merungkai dan menyangkal pemikiran seorang ahli kimia yang tidak dinamakan. Namun, kewujudan karya ini dinafikan oleh Abū Bakr al-Rāzī (m. 313/925).<sup>10</sup> Disebabkan hasil kerja Ibn al-Layth di dalam bidang teologi tidak berjaya ditemui manuskripnya, maka corak pemikiran teologi beliau tidak dapat dipastikan. Manakala, maklumat berkenaan dengan profesyen Ibn al-Layth sebagai pakar undang-undang (*faqīh*), Ibn al-Nadim barangkali adalah *bibliographer* (ahli bibliografi) yang pertama yang meletakkan gelaran tersebut kepada Ibn al-Layth. Ini adalah kerana, perkara ini tidak disebutkan oleh sarjana Islam yang lain. Malah, al-

Ya‘qūbī, (seorang sarjana sejarah) tidak pernah meletakkan nama Ibn al-Layth sebagai seorang yang pakar undang-undang di dalam karya sejarah beliau.<sup>11</sup>

Selain daripada penulisan *Risālah* ini, terdapat dua lagi manuskrip penulisan Ibn al-Layth yang berjaya di simpan hingga ke era moden ini iaitu: (1) Surat yang beliau tulis kepada Ja‘far ibn Yaḥyā telah dipelihara di dalam *al-‘Iqd al-Farīd*,<sup>12</sup> manakala sebuah lagi penulisan beliau yang berkaitan dengan keamanan dan kemaafan telah direkodkan oleh Ibn Tāhir di dalam karya beliau *al-Manzūm wa al-Manthūr*.<sup>13</sup> Walaubagaimanapun, karya-karya tersebut tidak ada yang mengandungi mana-mana ayat al-Qur'an dan maklumat berkenaan Sirah Nabawiyyah, yang mungkin boleh membantu kita untuk membuat analisis perbandingan tentang pemahamannya terhadap al-Qur'an dan Sira Nabawiyya. Dengan ini, hanya surat beliau kepada Pemerintah Constantine sahajalah yang menjadi satu-satunya contoh karya beliau yang boleh membawa kepada kita, untuk mengkaji tentang kefahaman seorang Muslim terhadap ayat al-Qur'an dan Sīrah Nabawiyyah dalam zaman awal ini.

<sup>7</sup> Al-Andalūsī, Ahmad ibn Muḥammad ibn ‘Abd Rabbih, *al-‘Iqd al-Farīd*, (Bayrūt, 1404), p.4/277.

<sup>8</sup> Roggema, Barbara, “Abu al-Rabi’ Muhammad ibn al-Layth,” *Christian-Muslim Relations A Bibliographical History*, Brill Online, 2014.

<sup>9</sup> Chokr, Melham, *Zandaqa Et Zindiqs En Islam Au Second Siecle De L'hegire*, (Damshik, 1993), m/s 85-88.

<sup>10</sup> Ibid, 88; Sharif, M.M, *A History of Muslim Philosophy*, (Germany, 1963), m/s 1/437.

<sup>11</sup> Al-Ya‘qūbī merekodkan sebuah senarai pakar undang-undang pada pemerintahan al-Mansūr, al-Mahdi, al-Rāshid, al-Amīn di dalam *Tarikh* beliau.

<sup>12</sup> Al-Andalūsī, Ahmad ibn Muḥammad ibn ‘Abd Rabbih, *al-‘Iqd al-Farīd*, (Bayrūt, 1404), m/s 1/176.

<sup>13</sup> Safwat, Ahmad Zaki, *Jamharat Rasā‘il al-‘Arab fī ‘Uṣūr al-‘Arabiyya al-Zāhira*, (Bayrūt, n.d.), p.3/160.



## Punca Penulisan Surat Amaran Kepada Kerajaan Byzantine

Menurut Nadia el-Sheikh, di dalam tempoh ini, Constantine VI telak betindak membentuk polisi yang agresif terhadap kerajaan luar. Tindakan pimpinan Rom ini telah memaksa Khalifah al-Rāshid (w. 193/809) untuk menghantar surat amaran kepadanya.<sup>14</sup> Kerajaan Byzantine dilaporkan telah berhenti membayar *jizyah* kepada kerajaan Abbāsiyyah di mana mereka telah membayarnya sebanyak dua kali setahun sebelum ini. Tindakan ini menyebabkan Khalifah berasa tidak selesa dan memutuskan untuk memberi tekanan ke atas kerajaan Byzantine. Menurut Qādhī ‘Abd al-Jabbār, sebagai langkah yang sering dilakukan, Khalifah memulakan peringatan dengan menghantar mesej menawarkan kepada Maharaja Rom ini peluang untuk memeluk agama Islam. Jika Maharaja Constantine enggan menerimanya, maka mereka dicadangkan supaya menuai bayaran *jizyah*. Dan sekiranya menolak kedua-dua pilihan tersebut, Khalifah memberi ancaman untuk berperang dengan kerajaan Byzantine. Secara umumnya, ini sahaja maklumat dan huraian tentang situasi (context) yang diperolehi bagi

menggambarkan bagaimana keadaan sebenar ketika surat ini ditulis oleh Ibn al-Layth. Apa yang menarik perhatian pengkaji adalah, walaupun surat ini ditulis sebagai utusan diplomatik, sebahagian besar isi kandungan surat tersebut secara khususnya menghuraikan tentang hujah teologi dan bersifat apologetik dalam mempertahankan pegangan orang Islam, terutamanya tentang kenabian Nabi Muhammad seperti yang telah disahkan oleh Block.<sup>15</sup> Atas sebab inilah, Kister menganggap surat ini sebagai antara karya sastera Islam yang dikenali sebagai *dala'il al-nubuwwah*.<sup>16</sup>

## KANDUNGAN SURAT

Meneliti baris-baris kandungan yang ada dalam lembaran surat tersebut, jelas terpamer bahawa penulis surat seolah bukan hanya menujukan kandungan surat kepada maharaja Byzantine, malah mesej tersebut kelihatan secara tidak langsung ditujukan juga kepada tokoh agama Maharaja (ecclesiastical authorities) dan penasihat agama (religious advisors) yang ketika itu mempunyai pengaruh yang besar dalam keputusan pemerintah Byzantine,

<sup>14</sup> El-Sheikh, Nadia Maria, *Byzantium Viewed by the Arabs*, (Harvard University Press, 2004), m/s 92-93.

<sup>15</sup> Berdasarkan pembacaannya, Block menyimpulkan bahawa: "Surat tersebut mengandungi pembelaan yang sarat terhadap kenabian Nabi Muhammad dan penyangkalan terhadap agama Kristian." lihat C. Block,

*Expanding Quranic Bridge*, (PhD thesis, University of Exeter, 2011), m/s 96.

<sup>16</sup> Kister, M.J., 'Sira Literature' dalam *Cambridge History of Arabic Literature. Arabic literature to the end of the Umayyad period*, ed. A.F.L Beeston, (Cambridge, 1983), m/s 355.

Constantine.<sup>17</sup> Pemilihan kata dalam surat tersebut menunjukkan kebarangkalian bahawa mesej yang cuba disampaikan adalah kepada satu kumpulan penerima sahaja. Walaupun pada awalnya, surat tersebut ditujukan terus kepada Maharaja dengan panggilan ‘Azīm al-Rūm (Maharaja Rom), namun perkataan seperti *yā ahl al-kitāb* (wahai Ahli Kitab) juga turut digunakan secara berkala. Ini mengesahkan hipotesis pengkaji bahawa mereka juga adalah penerima surat tersebut.<sup>18</sup> Tambahan pula, setiap kali selepas kalimah *yā ahl al-kitāb* disebut, perkataan ini biasanya akan diikuti dengan kata ganti diri kedua dalam sifat majmuk (second person plural), di mana ia jelas menunjukkan bahawa penulis merujuk kepada liputan pembaca yang lebih luas.

Pembahagian isi kandung surat ini pula adalah sesuatu perkara yang sangat menarik untuk dibincangkan. Berdasarkan laporan daripada ‘Abd al-Jabbār, surat ini ditulis bertujuan untuk memberikan tekanan kepada empayar Byzantine supaya menyempurnakan pembayaran *jizyah*. Walau

bagaimanapun, kurang daripada 15% daripada isi kandung surat tersebut membincangkan tentang isu bayaran *jizyah*. Malah kebanyakannya (iaitu sekitar 85% daripada kandungan surat itu) membahaskan perkara selain daripada isu *jizyah*. Ini termasuklah perbincangan berkenaan isu teologi, yang merangkumi konsep *tawḥīd* (keesaan Tuhan), tanda-tanda kenabian, hujah penafian terhadap konsep triniti, perbahasan tentang ketuhanan Nabi Isa. ramalan dalam Bible tentang kenabian Nabi Muhammad SAW dan Sīrah Nabawiyya.<sup>19</sup>

### Mengapa Ayat Quran Dan Sīrah Nabi Digunakan Kepada Byzantine?

Timbul persoalan disini mengapa isi kandung surat tersebut tidak membincangkan secara terus tentang isu *jizyah*? Mengapa pula penulis memuatkan perincian tentang Sīrah Rasulullah? Melalui penelitian yang terperinci berkenaan surat, kami perpendapat bahawa kandungan surat yang sarat dengan perbincangan teologi ini seolah menunjukkan bahawa hal-hal agama ketika itu memainkan

<sup>17</sup> Lihat Shboul, Ahmad M.H., ‘Arab Islamic perceptions of Byzantine religion and culture’, dalam *Muslim Perceptions Of Other Religions*, ed. J. Waardenburg, (New York, 1999), m/s 130.

<sup>18</sup> Perkataan *yā ahl al-kitāb* digunakan sebanyak empat kali di dalam surat.

<sup>19</sup> Dalam edisi Maktaba al-Nafiza, surat tersebut bermula daripada muka surat 11 dan berakhir pada muka surat 56. Bahagian pertama terdiri daripada perbincangan teologi yang meliputi dari muka surat 11

ke 55. Pada muka surat 56 sehingga 62 sahaja surat tersebut mengingatkan Maharaja tanggungjawab untuk membayar *jizyah* kepada kerajaan Abbasiyah. Dibandingkan dengan *Risālah* yang dikekalkan dalam *Jamharat Rasā'il al-'Arab* oleh Safwat, edisi Maktaba al-Nafiza tidak memasukkan dua perenggan dalam perbincangan teologi, yang mana ia menunjukkan bahawa perbincangan tentang hujah teologi lebih jelas dalam edisi *Jamharat*.

peranan yang sangat besar dalam mempengaruhi keputusan Maharaja Byzantine.

Kaedah penulisan yang meletakkan gelaran Maharaja sebaris dengan kumpulan orang yang beruotoriti dalam agama Kristian (ecclesiastical authorities) menggambarkan persepsi penulis terhadap kumpulan penasihat agama ini. Malah perkara ini seolah menggambarkan juga bahawa Maharaja sendiri adalah ketua agama bagi empayar Rom ini.<sup>20</sup> Perkara ini dapat dibuktikan dengan pemerhatian Shboul yang mendapati bahawa orang Byzantine selalu dilihat sebagai ahli agama pada pandangan mata Arab.<sup>21</sup> Malah, sehingga satu peringkat, pengkaji sains politik berpendapat bahawa terdapat satu keadaan di mana Maharaja Byzantine dilihat memegang dua tampuk utama iaitu kekuasaan kerajaan dan kekuasaan keagamaan. Istilah ini disebut sebagai ‘caesaropapism’.<sup>22</sup>

Status Maharaja Rom sebagai ketua

agama dan persepsi Arab yang memandang Byzantine sebagai ahli agama memberikan kepada kita penjelasan tentang mengapa perbincangan teologi dilihat mendominasi kebanyakan isi kandungan surat tersebut. Berdasarkan kenyataan ini, ia juga menunjukkan bahawa Khalifah amat prihatin untuk menjelaskan kepada Maharaja tentang Islam; atau mesej tersebut mungkin menjadi satu kiasan kepada pihak berkuasa agama Maharaja, dalam mencabar kepercayaan mereka. Sebagaimana yang dikatakan oleh Shboul, peperangan yang sebenar adalah peperangan tentang kepercayaan (the battle of belief).<sup>23</sup>

Apabila Maharaja secara khusus telah dianggap sebagai tokoh agama oleh penulis, atau sekurang-kurangnya telah dipengaruhi oleh kuasa gereja, maka perkara ini telah memberikan jawapan kepada mengapa kandungan surat tersebut dilimpahi dengan sekurang-kurangnya empat puluh ayat al-Qur'an,

<sup>20</sup> Dalam menerangkan faedah membayar *jizyah*, penulis menerangkan secara ringkas kebaikannya kepada lima jenis kumpulan yang berbeza. Kumpulan pertama yang akan mendapat faedah adalah tentera Maharaja sendiri (*qāda junūdikum wa sāsa harbikum*); kumpulan kedua adalah petani dan buruh (*ahl al-hirātha wa ikhwān al-Imara*); kumpulan yang ketiga adalah para peniaga (*ikhwān al-tijārāt*), kumpulan yang keempat adalah maharaja dan hierarki autoriti agama dalam kerajaan Byzantine (*annaka wa man qibalaka min dhawī al-ibāda wa al-zahādah*: ('kamu dan orang-orang kamu yang terlibat dalam urusan ibadat dan kezuhudan') dan kumpulan terakhir adalah orang yang

tinggal di sempadan antara kerajaan-kerajaan (*anna man bi aqṣa bilādaka wa nawāḥī hauzatika*).

<sup>21</sup> Shboul, Ahmad M.H., “Arab Islamic perceptions of Byzantine religion and culture”, dalam *Muslim Perceptions of Other Religions*, ed. J. Waardenburg, (New York, 1999), m/s 130.

<sup>22</sup> Cross, F.L.; Livingstone, E.A., *Oxford Dictionary of the Christian Church* (2nd ed.), (Oxford: Oxford University Press, 1983) pp. 218; Douglas, J.D., *The New International Dictionary of the Christian Church* (revised ed.), Grand Rapids, (MI: Zondervan, 1978) p. 173

<sup>23</sup> Ibid, 129.



empat belas petikan dari Bible, serta naratif biografi Rasulullah. Di dalam surat ini, ayat-ayat al-Qur'an yang dipetik telah menjadi tiang utama perbahasan pelbagai topik perbincangan dan dijadikan elemen utama dalam hujahan penulis. Di samping itu, kebanyakan rujukan dari Bible dipetik sebagai bukti kebenaran tentang ramalan kedatangan Nabi akhir zaman, Nabi Muhammad.

### Ayat Al-Qur'an Dan Naratif Sirah Tentang Kehidupan Awal Nabi Muhammad

Walaupun sarat dengan kandungan ayat al-Quran dan naratif kehidupan Nabi (*sīrah nabawiyah*), konteks dan tujuan utama penulisan surat ini bukanlah bertujuan untuk menceritakan sejarah biografi kehidupan Nabi Muhammad; malah ianya bukan juga memperincikan persoalan tafsir (exegetical account). Perincian maklumat yang disediakan oleh Ibn al-Layth ini secara tidak langsung memberikan kepada kita gambaran tentang pemahaman masyarakat Muslim pada zaman tersebut tentang naratif sirah Rasulullah. Ini adalah kerana Ibn al-Layth adalah penulis berautoriti yang dilantik oleh pihak istana Kerajaan Abbasiyyah untuk menulis surat rasmi kerajaan kepada pemimpinan empayar Rom. Perincian Sirah yang ditulis oleh Ibn al-Layth adalah seperti mewakili pendirian rasmi pemahaman Muslim tentang Sirah Rasulullah. Malah, sebagai penulis rasmi bagi pihak kerajaan Abbasiyyah, Ibn al-Layth mempunyai sumber yang cukup dan luas yang disediakan oleh pihak istana sebagai rujukan beliau dalam menyampaikan mesej kepada Maharaja

Constantine.

Dalam bahagian seterusnya, pengkaji akan memperincikan maklumat yang disediakan oleh Ibn al-Layth di dalam surat tersebut. Empat tema utama daripada biografi Nabi Muhammad iaitu; salasilah (nasab), kelahiran, zaman kanak-kanak dan tanda-tanda awal kenabian akan dibincangkan.

### Salasilah Rasulullah

Berdasarkan pemerhatian kami, perbincangan berkenaan salasilah dan keturuhanan (genealogy) Nabi Muhammad adalah antara perkara yang dimuatkan dalam surat ini. Ianya adalah topik yang disampaikan oleh Ibn al-Layth secara ringkas. Dalam menghuraikan perkara ini, penulis tidak merujuk kepada sebarang ayat al-Qur'an atau hadith Nabi berkaitan topik ini. Kesahihan salasilah Nabi Muhammad telah digambarkan dengan jelas. Penulis menjelaskan bahawa Nabi Isa sudahpun memberikan ramalan beliau akan ketibaan Nabi Muhammad (*bashsharabihā*). Baginda pula digambarkan mempunyai jalur rantaian salasilah daripada keturunan yang paling baik (*al-ābā' al-akhayir*) dan paling mulia (*al-Ummahāt al-Tawāhir*). Kemuliaan keturuhanan ini terpelihara dari satu abad ke satu abad yang lain, sehingga Baginda lahir pada waktu yang paling sempurna, dikalangan suku yang paling mulia dan di tempat yang paling harmoni.

Huraian Ibn al-Layth tentang kesucian keturunan Nabi ini menggambarkan pemahaman tentang ketulenan salasilah Nabi Muhammad adalah suatu kepercayaan umum dan telah mula

berkembang dalam pemikiran manusia ketika itu. Ia juga telah direkodkan dalam karya penulisan para ilmuwan Islam. Ketika itu, Ibn Ishāq, antara penulis Sirah yang terawal telah pun menuliskan konsep ini dalam karya beliau.<sup>24</sup> Beliau mengemukakan pelbagai kisah dan peristiwa yang luar biasa di dalam penulisannya untuk menunjukkan bahawa Nabi Muhammad telah dipilih oleh Allah daripada keturunan bangsawan dan mulia. Di samping itu, Ma'mar bin Rāshid (w. 153/770) juga didapati telah merekodkan hadith Nabi tentang kelebihan kaum Quraysh (*fadā'il quraysh*), kabilah Nabi Muhammad SAW.<sup>25</sup> Dalam tempoh yang hamper sama, Ibn Sa'd (w. 230/845) juga telah meperincikan satu bahagian khas tentang salasilah Nabi Muhammad dalam kitab *Tabaqat* beliau yang turut menjelaskan tentang kemuliaan keturunan Nabi Muhammad.<sup>26</sup>

Selain konsep kemuliaan keturunan Nabi yang kelihatan jelas terzahir melalui ungkapan kata-kata Ibn al-Layth dalam surat ini, beliau juga dilihat sebagai mempercayai bahawa fahaman seperti ini sudahpun diterima dalam kalangan orang-orang Rom. Kata-kata beliau seperti, "Muhammad, insan yang 'kamu semua' gambarkan sebagai seorang yang berwibawa dan punyai akal fikiran yang baik, jelas terpancar kehebatan, keindahan dan kesempurnaan pemerintahannya." (*anna Muḥammadan ṣallallāhu 'alaihi wasallam allazī waṣaftumūhu bikamāl al-'aql wa bayān*

*al-faḍl wa rifq al-tadbīr*) seolah menggambarkan bahawa pimpinan Rom, atau penerima surat sudah pun mengiktiraf kemuliaan keturunan Nabi.<sup>27</sup> Malah dalam perenggan yang lain, Ibn al-Layth menulis: "Muhammad, lelaki yang 'kamu' gambarkan sebagai sebuah keunggulan" (*anna Muḥammadan ma'a mā nasabtumūhu min al-faḍl*)<sup>28</sup> jelas menunjukkan bahawa perkataan 'kamu' yang disebutkan oleh beliau, menggambarkan tentang kepercayaan Maharaja dan rakyatnya dalam menerima Nabi Muhammad sebagai seseorang lelaki yang berperibadi mulia.

### Kelahiran Dan Zaman Kanak-Kanak Nabi Muhammad

Pemahaman Ibn al-Layth tentang kehidupan awal Nabi Muhammad kelihatan sama seperti sifat dan karakter umum yang digambarkan oleh Ibn Ishāq dalam *Sīrah*. Menurut beliau, Nabi Muhammad adalah seorang anak yatim piatu, lemah (*da'if*), seorang pekerja (*ajīr*), fakir (*'āil*), buta huruf dan tidak mewarisi kekayaan. Beberapa pemilihan kata beliau yang jelas menunjukkan sifat Nabi Muhammad sebagai manusia biasa yang boleh membuat kesilapan, mislanya sifat cuai (*sāhī*) dan boleh terganggu perhatian disebabkan hiburan (*lāhī*). Malahan, beberapa perkataan yang beliau gunakan juga kurang jelas, contohnya, perkataan pasif (*khāmil*). Ayat 29:48 dipetik oleh penulis untuk menyatakan keadaan Nabi Muhammad

<sup>24</sup> Ibn Ishāq, *Sīra*, (Bayrūt, Dar al-Fikr, 1978), p.291.

<sup>25</sup> Ma'mar ibn al-Rāshid, *al-Jāmi'*, p.4/501.

<sup>26</sup> Ibn Sa'd, *Tabaqat*, m/s 4/761.

<sup>27</sup> Ibn al-Layth, *Risāla*, m/s 21.

<sup>28</sup> Ibid, m/s 33.



sebagai buta huruf dan ia adalah ayat yang sering dirujuk dan amat terkenal sebagai sumber bukti yang kukuh, bahawa tidak ada sumber pengetahuan yang sampai kepada Nabi Muhammad melainkan wahyu daripada Allah. Kisah Tentera Bergajah telah diceritakan dengan panjang lebar dalam surat ini untuk menghasilkan suatu pandangan akan kemuliaan kota Mekah sebagai Tanah Suci. Penulis tampaknya tidak menganggap kisah ini sebagai salah satu tanda awal kelahiran atau kenabian Nabi Muhammad seperti yang telah difikirkan oleh para ilmuwan selepasnya. Secara keseluruhannya, dua ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan kehidupan awal Nabi Muhammad telah digunakan. Kebanyakan perihal sebelum Baginda ditugaskan sebagai Nabi dihuraikan tanpa menggunakan sebarang ayat al-Qur'an. Ini mungkin disebabkan kerana ayat al-Qur'an tentang kehidupan awal Nabi Muhammad hanya muncul secara beransur-ansur setelah waktu ini.

### Tanda-Tanda Awal Kenabian

Salah satu perkara yang menarik yang dibincangkan di dalam surat Ibn al-Layth adalah berkenaan tanda-tanda awal kenabian. Perbincangan tentang panahan bintang (shooting stars) sebagai satu tanda awal kenabian Rasulullah adalah antara perkara yang ditulis dan diperincikan di dalam surat ini. Ibn al-Layth memulakan perbincangan dengan membahagikan tanda-tanda tersebut kepada dua jenis bukti; umum (*al-āyāt al-'awwām*) dan khusus (*al-khawwās*). Menurut beliau fenomena

panahan bintang ini adalah satu perkara yang bukan sahaja diterima oleh bangsa Arab malahan kebanyakan manusia. Beliau menerangkan konsep tersebut dari sudut pandangan sejarah. Sebagaimana lazimnya dihuraikan dalam naratif sirah, beliau percaya bahawa syaitan-syaitan (*al-shayāṭīn wa al-jinn*) mempunyai kebolehan untuk ‘mencuri’ berita rahsia dari langit dengan mencuri dengar daripada pembicaraan yang berlaku di sana. Maklumat ini kemudian diturunkan dan disebarluaskan kepada wakil-wakil syaitan untuk mencipta kekacauan dan kemusnahaan di bumi. Peramal atau dukun merupakan antara kumpulan manusia yang menerima berita dari syaitan. Perkara ini telah direkodkan oleh al-Bukhārī di dalam al-Ṣaḥīḥ bahawa terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah menceritakan: “Aku mendengar Rasulullah berkata, “Para malaikat turun ke awan-awan dan membicarakan perkara begini dan begitu yang telah diperintahkan di syurga. Syaitan-syaitan mencuri dengar perkara itu, kemudian mereka turun ke bawah untuk mengilhamkan kepada peramal-peramal tentang perkara itu, lalu mereka akan menambah perkara yang didengar itu dengan seratus penipuan yang dibuat sendiri.”<sup>29</sup> Setelah Allah mengutus Nabi Muhammad sebagai utusan-Nya di atas muka bumi, syaitan-syaitan tidak boleh lagi meneroka laluan di langit. Ia telah ‘di kawal’ oleh panahan bintang sebagai pertahanan, dan apabila syaitan-syaitan itu cuba memasuki langit, maka akan ada panah api yang menyala (*shihāb*) mengintai mereka dan menunggu untuk

<sup>29</sup> Al-Bukhari, *al-Sahih*, m/s 4/111.



membakarnya.<sup>30</sup> Fenomena kosmologi yang menjadikan panahan bintang sebagai ‘pertahanan langit’ telah dianggap sebagai salah satu tanda kenabian Nabi Muhammad dalam surat ini. Ertinya, ia menjadi petunjuk kepada manusia bahawa syaitan tidak boleh lagi mencuri berita dari langit, dan Nabi Muhammad sahaja manusia yang telah diperakui dan dibenarkan oleh persidangan langit untuk menerima mesej Ilahi atau wahyu. Konsep ini juga tampaknya menekankan bahawa mesej Ilahi, iaitu al-Qur'an sendiri, tidak berasal daripada mana-mana sumber ghaib yang lain, melainkan dari wahyu Allah.

Untuk memperkuuhkan lagi hujah beliau tentang panahan bintang sebagai tanda awal kenabian Nabi Muhammad,

Ibn al-Layth mengemukakan lapan ayat al-Qur'an seperti berikut:

1. “Dan sungguh, Kami telah Hiasi langit yang dekat, dengan bintang-bintang dan Kami Jadikannya (bintang-bintang itu) sebagai alat-alat pelempar syaitan, dan Kami Sediakan bagi mereka azab neraka yang menyala-nyala.” (67:5)
2. “Dan sungguh, Kami telah Menciptakan gugusan bintang di langit dan menjadikannya terasa indah bagi orang yang memandang(nya); Dan Kami Menjaganya dari setiap (gangguan) yang terkutuk.” (15:16-17)
3. “Sesungguhnya Kami telah Menghias langit dunia (yang terdekat), dengan hiasan bintang-bintang. Dan (Kami) telah Menjaganya dari setiap syaitan yang derhaka.” (37:6-7)
4. “Dan sesungguhnya kami (Jin) telah

<sup>30</sup> Berhubung perkara ini, terdapat satu hadith yang boleh dijadikan rujukan. Diceritakan oleh Ibn 'Abbas katanya: “Nabi pergi dengan beberapa orang sahabat menuju Suq 'Ukaz (pasar 'Ukaz). Waktu itu, suatu halangan telah diletakkan antara para syaitan dan berita-berita langit. Panahan api telah dilemparkan kepada mereka. Syaitan-syaitan itu pergi kepada kaumnya, menanyakan kepada mereka, ‘Apa yang terjadi kepada kalian?’ Jawab mereka, ‘Antara kita dengan berita dari langit telah tertutup, sedangkan kami telah dilempari dengan panahan berapi.’ Berkata pula yang lain, ‘Tertutupnya kita dengan berita-berita dari langit tentu ada sesuatu yang menyebabkannya. Kerana itu pergilah kalian ke Timur dan ke Barat, selidiki apakah sesungguhnya yang telah menutup antara kamu semua dengan berita dari langit.’ Kelompok yang berangkat ke arah Tihamah, bertemu dengan Nabi Muhammad ketika beliau berada di

Nakhlah dan sedang menuju ke Suq 'Ukaz. Nabi Muhammad mendirikan solat Subuh dengan para sahabat beliau. Ketika mereka mendengar bacaan al-Qur'an, mereka berkata, ‘Demi Allah! Inilah yang membatasi kita dengan berita-berita dari langit.’ Ketika mereka kembali kepada kaum mereka, mereka menyatakan: ‘Hai kaum kami! Sesungguhnya kami mendengar bacaan (al-Qur'an) yang menakjubkan. (Yang) memberi petunjuk kepada jalan yang benar, lalu kami beriman kepadanya. Dan kami sekali-kali tidak akan mempersekuutukan seorang pun dengan Tuhan kami.’ Kemudian Allah telah menurunkan kepada Nabi-Nya ayat berikut (Surah al-Jin) (72): ‘Katakanlah (hai Muhammad)! Telah diwahyukan kepadaku.’ dan apa yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad adalah apa yang dikatakan Jin tadi. (al-Bukhari, al-Sahih, m/s 1/154)

mencuba mengetahui (rahsia) langit, maka kami mendapatinya penuh dengan penjagaan yang kuat dan panah-panah api.” (72:8)

5. “Mahukah Aku Beritakan kepadamu, kepada siapa syaitan-syaitan itu turun? Mereka (syaitan) turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa, mereka menyampaikan hasil pendengaran mereka, sedangkan kebanyakan mereka orang-orang pendusta.” (26:221-223)
6. “Dan sesungguhnya kami (Jin) tidak mengetahui (adanya penjagaan itu) apakah keburukan yang dikehendaki orang yang di bumi ataukah Tuhan mereka menghendaki kebaikan baginya.” (72:10)
7. “Dan (al-Qur'an) itu tidaklah dibawa turun oleh syaitan-syaitan. Dan tidaklah pantas bagi mereka (al-Qur'an itu), dan mereka pun tidak akan sanggup. Sesungguhnya untuk mendengarkannya pun mereka dijauhkan.” (26:210-212)
8. “Dan sesungguhnya kami (Jin) dahulu dapat menduduki beberapa tempat di langit itu untuk mencuri dengar (berita-beritanya). Tetapi sekarang siapa (mencuba) mencuri dengar (seperti itu) pasti akan menjumpai panah-panah api yang mengintai (untuk membakarnya).” (72:9)

Kesemua lapan rujukan daripada ayat-ayat al-Quran ini telah digunakan oleh Ibn al-Layth sebagai instrumen sokongan bagi memperkuuhkan hujah beliau tentang tanda-tanda awal kenabian Nabi Muhammad oleh Allah. Walaupun topik ini dibincangkan dengan meluas dan disebut berulang kali dalam kebanyakan ayat, namun beberapa perincian tentang perbincangan fenomena ini pada hakikatnya masih lagi kabur dan tidak jelas tentang maklumat

tersebut.

Sebagai contoh, Ibn al-Layth tidak menjelaskan apakah jenis perbincangan rahasia langit yang telah dicuri dan disampaikan kepada manusia, bagaimana pula cara syaitan mencuri dengar wahyu-wahyu (berita dari langit) tersebut, atau secara tepatnya bagaimanakah panahan-panahan bintang berfungsi sebagai pertahanan daripada syaitan? Kedua-dua soalan dan jawapan ini hanya dinukuilkan secara umum dan dalam keadaan yang tidak jelas. Secara zahirnya, ayat al-Qur'an yang beliau rujuk tidak disertakan denganuraian terperinci melalui tafsir. Kekaburuan ini pada hakikatnya sukar memberikan kepada kita gambaran tentang pemahaman Ibn al-Layth berkenaan fenomena ini. Tidak ada juga perincian tambahan seperti saksi atau cerita arab dimuatkan dalam surat ini sebagai pengesahan.

Walauagaimanapun, beberapa tafsiran Ibn al-Layth terhadap ayat-ayat al-Qur'an tersebut adalah sesuatu yang menarik. Sebagai contoh dalam menghuraikan ayat 72:9, Ibn al-Layth menekankan perkataan “sekarang”. Dalam ayat tersebut, Jin mengaku: “Dan sesungguhnya kami (Jin) dahulu dapat menduduki beberapa tempat di langit itu untuk mencuri dengar (berita-beritanya). Tetapi “sekarang” siapa (yang mencuba) mencuri dengar (seperti itu) pasti akan menjumpai panah-panah api yang mengintai (untuk membakarnya).” Perkataan “sekarang” jelas menunjukkan zaman kebangkitan Nabi Muhammad. Seolah-olah Ibn al-Layth cuba untuk melakukan perbandingan dua situasi iaitu dahulu dan sekarang. Penekanan

Ibn al-Layth kepada perkataan “sekarang” ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa Allah Taala sendiri meletakan istilah yang jelas di dalam al-Quran bahawa perihal dahulu (sebelum Nabi diutuskan) dengan perihal ‘sekarang’ (sesudah Nabi diutus) adalah dua situasi yang berbeza. Perkara ini memberikan gambaran yang jelas tentang keadaan ketibaan Baginda, dan kumpulan Jin tidak boleh lagi memperolehi jalan masuk atau mencuri dengar kalam llahi. Tambahan pula, beliau percaya bahawa perbuatan mencuri dengar telah menjadi satu amalan biasa sejak pemerintahan Nabi Sulaiman. Menurut beliau, Jin telahpun mencuri dengar semasa persidangan mulia berlangsung di langit, dan menyampaikan maklumat yang dikumpul itu sebagai satu keputusan. Hal ini berlaku semasa pemerintahan Nabi Sulaiman.<sup>31</sup> Sumber idea ini mungkin berasal dari pemahaman beliau pada ayat al-Qur'an 2:102. Namun fahaman ini bertentangan dengan tafsiran al-Ḍāḥḥāk di mana menurut beliau, kejadian mencuri dengar berita langit hanya berlaku di zaman Nabi Isa dan Nabi Muhammad.

Pada hakikatnya, maksud literal ayat-ayat tersebut tidak membawa apa-apa makna yang jelas berkaitan tentang tanda-tanda kenabian. Barangkali, apa yang lebih tepat adalah ianya adalah reaksi hermeneutikal (hermeneutical response) penulis sendiri yang mengaitkan ayat-ayat al-Qur'an tersebut dengan tanda-tanda kenabian. Secara kronologinya, Muqātil dan Ibn Isḥāq telah mendahului Ibn al-Layth dalam

mencadangkan tafsiran ini. Melihatkan kepada tiga tokoh ini telah memuatkan naratif fenomen ini di dalam karya mereka, perkara ini seolah menunjukkan bagaimana ulasan penafsiran ini secara zahirnya telah diterima secara meluas ketika itu. Cumanya dalam kes Ibn al-Layth, suasannya berbeza sekali; iaitu Muqātil dan Ibn Isḥāq berkemungkinan besar menulis untuk audiens yang beragama Islam. Ibn al-Layth pula merangka huraihan ini secara rasmi sebagai medium komunikasi bagi hubungan diplomatik antara dua empayar yang ulung, yang mana surat tersebut dihantar oleh Khalifah Islam kepada Maharaja Rom. Maka, penulisan surat ini serta isi kandungannya kelihatan seperti sebuah kenyataan rasmi, yang mengandungi fahaman Muslim tentang perkara keimanan, yang dibawa dan dihasilkan dibawah pemantauan pihak istana Khalifah sendiri.

### Apakah Maharaja Rom Membaca Al-Quran Dan Sirah Nabi?

Dengan meletakkan kesemua ayat al-Qur'an tersebut di dalam surat rasmi beliau (bagi pihak Khalifah kepada Maharaja Empayar Byzantine), Ibn al-Layth kelihatan cuba menyakinkan Maharaja bahawa tanda-tanda kenabian telah pun disampaikan oleh Allah sendiri melalui al-Qur'an. Walaupun maklumat yang ditemui tidak banyak dalam ayat al-Qur'an yang dikemukakan, namun ianya memiliki status ketuhanan (divine status), yang dibentuk dari kalam Allah, dan mengandungi bayangan kepada fenomena kosmologi yang

<sup>31</sup> Ibn al-Layth, *Risālah*, m/s 32.

mempamerkan kejadian yang tidak dapat dilihat melainkan dengan neraca keimanan. Barangkali pada pemikiran Ibn al-Layth, apabila ayat al-Qur'an ini dijadikan sebagai bukti, beliau mampu memberikan sebuah penjelasan pada minda pembaca. Namun dari sudut penerimaan pembaca, kita masih lagi tidak jelas sejauh mana Maharaja boleh menerima perkara ini dalam menggambarkan kebenaran agama Islam.

Persoalan utama yang sering menerjah difikiran pengkaji adalah: Apakah punca yang menyebabkan Ibn al-Layth memuatkan ayat-ayat al-Qur'an serta maklumat Sirah Rasulullah kepada Maharaja Rom, sedangkan beliau sendiri tahu bahawa Maharaja tersebut adalah seorang penganut Kristian dan dikelilingi oleh penasihat beragama Kristian juga? Beberapa usul boleh dibuat seperti:

1) Berdasarkan ungkapan dan perkataan yang digunakan, Ibn al-Layth kelihatan mencontohi gaya dan susunan penulisan yang telah digunakan oleh Nabi Muhammad semasa Baginda pertama kali menghantar surat kepada Heraclius, Maharaja Rom. Istilah dan frasa yang digunakan dalam surat Ibn al-Layth kelihatan mirip dengan istilah yang diguna pakai dalam surat Rasulullah. Dalam surat tersebut, Nabi Muhammad menyebut Heraclius sebagai '*Azīm al-Rūm*', satu gelaran khusus yang digunakan oleh Nabi Muhammad untuk Heraclius. Begitu juga dengan Ibn al-Layth. Beliau menggunakan istilah ini sebagai gelaran buat Maharaja Rom tersebut. Ibn al-Layth juga memetik ayat

al-Qur'an 3:64 untuk mengajak Maharaja menerima "the common words" (*kalima sawā*). Dalam perkara ini juga, Ibn al-Layth dilihat seolah mencontohi perbuatan Nabi Muhammad. Beliau menggunakan gelaran yang sama untuk Maharaja Constantine, mengajak mereka kepada "common words" dan memetik beberapa ayat al-Qur'an.

2) Boleh jadi tindakan menghantar surat yang dikuatkan dengan ayat-ayat al-Qur'an yang bersesuaian adalah satu amalan kebiasaan bagi pihak istana Muslim. Surat pertama Nabi Muhammad kepada Heraclius dan surat Umar II kepada Leo III adalah contoh penting dalam amalan ini. Umar II bukan sahaja mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an, malah beliau juga dilihat cuba memujuk Leo II untuk memeluk agama Islam.<sup>32</sup> Kisah Ja'far, sepupu Nabi Muhammad yang membaca al-Qur'an kepada Najashi (yang beragama Kristian) di Habshah juga, mungkin telah memberi inspirasi buat pengikut Muslim untuk membaca al-Qur'an kepada pendengar bukan Muslim. Dalam kisah tersebut, Ja'far dan sejumlah kecil masyarakat Muslim yang baru memeluk agama Islam telah berhijrah ke Habshah setelah mengalami penderitaan melalui penindasan dan seksaan oleh penentang di kalangan kaum Mushrik Mekah. Mereka memohon perlindungan dengan Najashi, Raja yang beragama Kristian. Menurut Nabi Muhammad, beliau adalah seorang lelaki yang adil. Quraysh Mekah telah menghantar wakil mereka bersama dengan hadiah-hadiah untuk memujuk Najashi memulangkan semula kumpulan Muslim tersebut ke Mekah. Najashi memanggil orang Islam untuk mempertahankan diri mereka.

<sup>32</sup> Arthur Jefferey, 'Ghevond's Text of the Correspondence between 'Umar II and Leo III', *The*

*Harvard Theological Review*, (Cambridge, 1944), m/s 269-332.

Ja'far kemudian membaca al-Qur'an kepada Najashi. Mendengarkan bacaan Ja'far, Raja Najashi tersentuh dan mula menangis. Beliau lantas mengumumkan "Sudah pasti kata-kata ini dan kata-kata yang dibawa oleh Isa (dalam kisah yang lain adalah kata-kata Nabi Musa) adalah datangnya dari sumber yang sama." Kemudian Najashi berkata kepada kedua wakil Mekah itu, "Demi Allah, mereka ini tidak akan ku serahkan kepada kamu."<sup>33</sup>

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penulisan Ibn al-Layth dalam surat beliau kepada Maharaja Rom jelas menunjukkan pendirian beliau dalam mengemukakan ayat-ayat al-Quran dan elemen Sirah Nabawiyah untuk bacaan kumpulan penerima dari pihak kerajaan Byzantine. Meneroka naratif Sirah yang disampaikan oleh Ibn al-Layth dalam surat tersebut pula, jelas menampakkan satu pemahaman yang selari dengan apa yang telah disampaikan oleh sarjana Sirah sebelum beliau seperti Ibn Ishaq. Manakala pemahaman tafsiran ayat Quran yang dikemukakan di dalam surat tersebut pula tampaknya selari dengan ulasan yang dipamerkan di dalam hasil kerja para ilmuwan sebelumnya seperti Muqatil dan Ibn Ishaq. Hubung kait yang beliau lakukan antara ayat-ayat al-Qur'an dengan tanda kenabian itu serupa dengan apa yang telah disampaikan oleh Ibn Ishaq. Bagaimanapun, kisah Jin yang menyampaikan mesej dari langit semasa pemerintahan Nabi Sulaiman dilihat sebagai satu elemen yang baru yang

tidak disebut lagi oleh sarjana Sirah sebelum beliau.

Berkenaan konsep mengemukakan ayat al-Quran dan Sirah Nabawiyah dalam surat tersebut, terdapat dua kebarangkalian yang memungkinkan Ibn al-Layth melakukan sedemikian. Pertama ianya seolah mencontohi system penulisan surat pertama yang dihantar Nabi kepada Heraclius, manakala yang keduanya barangkali ianya adalah satu system yang telah diterima pakai dalam tradisi Muslim dalam mebacakan al-Quran dan mempersembahkannya kepada golongan bukan Muslim.

## Rujukan

1. Roggema, Barbara, "Abu al-Rabi' Muhammad ibn al-Layth," (ed.) David Thomas, dll, *Christian-Muslim Relations A Bibliographical History*, Brill Online.
2. Kahālah, 'Umar Ridhā. 1993. *Mu'jam al-Muallifīn*. Muassasah al-Risālah, p.3/611-612
3. Al-Ḥamawī, Yāqūt ibn Abdullah. 1993. *Mu'jam al-Udabā' Irshād al-Arīb ilā Ma'rifa al-Adīb*, ed. Ihsān 'Abbās. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī. p.28.
4. Al-Ya'qūbī, Ahmad ibn Abī Ya'qūb ibn Ja'far ibn Wahb ibn Wādīh. 2010. *Tārikh al-Ya'qūbī*, ed. 'Abd al-Amīr. Beirut. p.2/345.
5. Al-Khafājī, Abdullah ibn Muhammad ibn Sa'īd. 1982. *Sirr al-Faṣāḥa*. Dār Kutub al-'Ilmiyya. p.175.
6. Al-Andalūsī, Ahmad ibn Muhammad

<sup>33</sup> Ibn Ishaq, *Sirah*, (Bayrūt, Dār al-Fikr, 1978), m/s 214.



- ibn 'Abd Rabbih. 1404H. *al-'Iqd al-Farīd*. Bayrūt. p.4/277.
7. Chokr, Melham. 1993. *Zandaqa Et Zindiqs En Islam Au Second Siecle De L'hegire*. Damshik. m/s 85-88.
8. Sharif, M.M, 1963. *A History of Muslim Philosophy*. Germany. m/s 1/437.
9. Şafwat, Ahmet Zaki. *Jamharat Rasā'il al-'Arab fi 'Uṣūr al-'Arabiyya al-Zāhirā*. Bayrūt. p.3/160.
10. El-Sheikh, Nadia Maria. 2004. *Byzantium Viewed by the Arabs*. Harvard University Press. m/s 92-93.
11. C. Block. 2011. *Expanding Quranic Bridge*, PhD thesis, University of Exeter. m/s 96.
12. Kister, M.J. 1983. 'Sira Literature' dalam *Cambridge History of Arabic Literature. Arabic literature to the end of the Umayyad period*. ed. A.F.L Beeston. Cambridge. m/s 355.
13. Shboul, Ahmad M.H.. 1999. 'Arab Islamic perceptions of Byzantine religion and culture', dalam *Muslim Perceptions Of Other Religions*. ed. J. Waardenburg. New York. m/s 130.
14. Cross, F.L.; Livingstone, E.A.. 1983. *Oxford Dictionary of the Christian Church* (2nd ed.). Oxford: Oxford University Press., pp. 218.
15. Douglas, J.D. 1978. *The New International Dictionary of the Christian Church* (revised ed.), Grand Rapids. MI: Zondervan. p. 173
16. Ibn Ishāq, Muhammad. 2004. *al-Sīrah al-Nabawiyya li Ibn Ishāq*, ed. al-Mazidī. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
17. Al-Azadī, Ma'mar ibn Rāshid, *al-Jāmi'*. 1982. ed. Habīb al-Rahman al-A'zamī. Bayrūt: al-Maktaba al-Islāmī.
18. Ibn Sa'd. 1990. *Tabaqāt al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyya.
19. Al-Bukhārī, Muhammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah. 1987. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
20. Arthur Jefferey. 1944. 'Ghevond's Text of the Correspondence between 'Umar II and Leo III', *The Harvard Theological Review*. Cambridge. m/s 269-




## Elemen Merentasi Sempadan Masa Dalam “*Ghiyath al-Umam*” Karya Imam al-Haramayn al-Juwayniyy

**Mohammad Zaini Yahaya<sup>1</sup>, Muhammad Adib Samsudin<sup>2</sup>, Mohd Izhar Ariff Ariff  
Mohd Kashim<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup> Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

**Abstrak:** Dalam pengajian sejarah mazhab kita biasa didedahkan bahawa fiqh merentasi sempadan masa yang dikenali sebagai “*al-fiqh al-taqdirī*” merupakan ciri istimewa dalam pembentukan mazhab Hanafi. Hakikatnya dengan berlalunya zaman ia turut menjadi ciri yang dikongsi bersama oleh mazhab-mazhab lain termasuk mazhab Syafie. Untuk melihat kebenaran teori ini penulis memilih kitab “*Ghiyath al-Umam*” karangan Imam al-Haramayn al-Juwayniyy (419H-478H). Imam al-Haramayn merupakan antara tokoh terawal yang tersohor dalam bidang fiqh syafie dan usul al-fiqh di samping bidang ilmu kalam. Karya-karya beliau dalam bidang fiqh mazhab Syafie dan usul al-fiqh aliran mutakallimin menjadi sumber utama dalam disiplin masing-masing. Pandangan-pandangan beliau sangat berautoriti dan dinukilkan oleh para ulama *muhaqqiqun* seperti Imam al-Nawawiyy dalam fiqh Syafie dan Fakhr al-Din al-Raziyy dalam bidang usul al-fiqh. Justeru beliau ialah tokoh yang sangat bersesuaian untuk tujuan kajian ini. Kitab *Ghiyath al-Umam* dijadikan fokus kajian memandangkan kitab ini sarat dengan elemen merentasi masa berbanding kitab-kitab beliau yang lain. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan reka bentuknya adalah analisis dokumen. Kajian terhadap kitab *Ghiyath al-Umam* dapat menunjukkan betapa jauhnya imiginasi Imam al-Haramayn yang tidak tergambar oleh sebahagian besar manusia ketika itu. Namun sebahagiannya sudah pun berlaku pada masa ini dan sebahagiannya mungkin akan berlaku pada masa akan datang.

**Kata kunci:** peradaban, futuristik, fiqh mazhab syafie



## Pendahuluan

Andaian masa hadapan bukanlah satu perkara asing bagi manusia. Ia sudah menjadi karektor intelek manusia sejak zaman Yunani Kuno dan Rom. Pada tahun 1940 Ossip K. Flechtheim seorang tokoh sosiologi German memperkenalkan istilah *Futurologi* dalam karyanya yang berjudul *Der Kampf um die Zukunft* (Pentti Malaska and Ilkka Virtanen 2005: 10, 11). Setelah itu istilah tersebut digunakan secara meluas sebagai satu cabang ilmu untuk menggambarkan masa hadapan.

Perkara ini bukanlah satu hal yang ganjil dalam peradaban manusia. Ibn Khaldun (1979: 587) tokoh sejarawan dan sosiologi muslim telah pun menegaskan perkara ini dengan kata-katanya:

اعلم أن من خواص النفوس البشرية التشوّف إلى  
عواقب أمورهم، وعلم ما يحدث لهم من حياة وموت  
وخير وشر، سيما الحوادث العامة .... والتطلع إلى  
هذا طبيعة للبشر مجبولون عليها.

Maksudnya: Ketahuilah antara ciri-ciri manusia ialah membuat jangkaan kepada perkara-perkara yang akan datang dan perkara yang kelak akan berlaku terhadap mereka seperti kehidupan dan kematian serta kebaikan dan kejahatan, terutama perkara-perkara yang bersifat umum... meninjau perkara ini merupakan tabiat dan sifat semulajadi manusia.

Oleh itu, boleh dikatakan mengandaikan sesuatu yang belum berlaku dari sudut ini tidak menjadi

kesalahan bahkan mungkin suatu keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala kepada manusia menerusi akal anugerahNya. Tidak terkecuali juga dalam hal ini ilmu fiqh. Ilmu fiqh merupakan satu disiplin hukum yang sangat dinamik dan berkembang sejajar dengan perkembangan semasa bahkan mendepani masa itu sendiri. Himpunan fiqh yang memiliki ciri ini dikenali dalam peradaban Islam sebagai *al-fiqh al-taqdiriy*.

## Definisi Al-Fiqh Al-Taqdiriy

*al-Fiqh al-Taqdiriy* bermaksud ilmu yang berkaitan dengan tindakan seorang *faqih* (mujtahid) yang menjawab persoalan-persoalan yang belum pernah berlaku dengan menentukan hukum syarak terhadapnya (al-Qahtaniyy 1434H/2013M: 131).

Contoh kepada *al-fiqh al-taqdiriy* terdapat dalam kisah berikut:

Pada suatu hari Qatadah melawat Bandar Kufah. Mendengarkan hal ini ramai manusia datang untuk bertemu dengan ulama *tabi'in* terkenal ini. Beliau berkata: "Demi Allah yang tiada tuhan melainkanNya, pada hari ini aku akan jawab semua persoalan tentang halal dan haram yang diajukan kepadaku". Abu Hanifah pun bertanya: "Wahai Abu al-Khattab! Apa pandanganmu tentang seorang suami yang hilang beberapa tahun sehingga isterinya menyangka dia telah mati, lalu isterinya pun berkahwin dengan lelaki lain. Tidak lama



selepas itu suaminya yang pertama kembali, apakah hukum sadaqnya? Qatadah bertanya: "Adakah hal ini sudah berlaku?" Abu Hanifah menjawab: "belum". Qatadah berkata: "Kenapakah kamu bertanyaku perkara yang belum berlaku?" Abu Hanifah berkata (secara analogi): "Kita bersedia sebelum berlakunya sesuatu bala. Apabila ia benar-benar berlaku kita sudah tahu cara mengatasinya" (al-Khatib al-Baghdadiyy 1222H/2001H: 477).

Dalam kisah ini kelihatan kepada kita dua kecenderungan yang berbeza antara Qatadah dan Abu Hanifah. Qatadah tidak menggunakan *al-fiqh al-taqdiriy* sebaliknya Abu Hanifah menjadikan *al-fiqh al-taqdiriy* sebagai metode dalam proses penghasilan ilmu dan penentuan hukum. Kebanyakan golongan terdahulu (*al-salaf al-salihun*) tidak suka mengandai-andaikan perkara yang belum berlaku dan berijtihad untuk menentukannya. Ini merupakan metode yang menjadi pegangan mereka selama ini (al-Juwayniyy 1400H: 476).

Istilah *al-fiqh al-taqdiriy* ini mula diperkenalkan oleh al-Hajawiyy dalam karyanya yang terkenal berjudul "*al-Fikr al-Sami'*" Ketika menerangkan sejarah ringkas Imam Abu Hanifah beliau membina sub tajuk yang berbunyi "*ihdath Abi Hanifah li al-fiqh al-taqdiriy*" (al-Hajawiyy 1416H/1995M: 419). Beliau menyatakan bahawa sebelum Abu Hanifah para ulama hanya berijtihad untuk masalah-masalah yang telah atau

sedang berlaku. Fenomena ini tidak mempengaruhi Abu Hanifah. Abu Hanifah tidak membataskan ijtihadnya kepada masalah-masalah yang sedang berlaku, malah beliau mengandaikan hal-hal yang belum berlaku dan berijtihad untuk menentukannya. Tindakan beliau ini telah membuka fasa baru dalam perkembangan ilmu fiqh dan ia menjadi ikutan kebanyakan ulama selepasnya.

Selain *al-fiqh al-taqdiriy*, metode ini juga dikenali dengan istilah-istilah lain seperti *al-fiqh al-fardiy*, *al-tanzir al-ifriradiyy*, *al-fiqh al-iftiradiyy*, *al-fiqh al-ara'aytiyy* dan lain-lain (al-Qahtaniyy 1434H/2013M: 133).

Hakikatnya penggunaan *al-fiqh al-taqdiriy* bukan hanya terbatas kepada Imam Abu Hanifah dan tokoh-tokoh sealirannya sahaja. Bahkan ia juga telah digunakan oleh tokoh-tokoh dalam aliran lain termasuk tokoh-tokoh al-Shafi'iyyah. Di sini penulis memilih tokoh yang tersohor dalam mazhab Syafie yang banyak menggunakan *al-fiqh al-taqdiriy* dalam karya-karnya terutama *al-Ghiyathiyy*. Tokoh tersebut ialah Imam al-Haramayn al-Juwayniyy. Sebelum melihat penggunaan *al-fiqh al-taqdiriy* oleh beliau, adalah lebih elok kita mengenali dengan lebih mendalam tokoh ini.

### Biodata Ringkas Imam Al-Haramayn

Beliau ialah 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allah ibn Yusuf ibn Muhammad ibn 'Abd Allah ibn al-Hayyuyah al-Juwayniyy al-Naysaburiyy. Beliau juga dikenali sebagai Imam al-Haramayn dan Abu al-

Ma<sup>c</sup>ali. Beliau dilahirkan pada 18 Muharram 419H di Juwayn sebuah kampung di Naysabur iaitu sebuah wilayah Farsi terletak di utara Republik Iran sekarang.

Bapa beliau iaitu °Abd Allah ibn Yusuf al-Juwainiyy atau juga dikenali sebagai *Rukn al-Islam* ialah seorang ulama terkenal dalam bidang tafsir, fiqh, sastera dan linguistik Arab. Antara karya beliau yang terkenal dalam bidang fiqh ialah *al-Tabsirah*, *al-Tadhkirah*, *Mukhtasar al-Mukhtasar*, *al-Silsilah*, *Mawqif al-Imam wa al-Ma'mum*, *al-Farq wa al-Jam<sup>c</sup>*, *Sharh al-Risalah* dan banyak lagi.

Keturunan Imam al-Haramayn yang berlatar belakangkan ulama serta tempat kelahiran beliau iaitu Naysabur yang merupakan salah sebuah pusat keilmuan terbesar di Khurasan ketika itu memberi peluang yang terbuka luas kepada Imam al-Haramayn untuk meneguk sebanyak mungkin ilmu pada usia yang muda.

Secara ringkasnya penulis memetik kata-kata Ibn al-Jawziyy di dalam karya beliau *al-Muntazam* untuk melihat proses penghasilan ilmu Imam al-Haramayn:

Beliau mendalami ilmu sejak usia kanak-kanak dengan bapanya (Abu Muhammad al-Juwaniyy). Belum pun sampai usia 20 tahun beliau telah diminta untuk mengajar. Beliau banyak mempelajari hadith di pelbagai tempat. (Contohnya) di Baghdad



beliau mempelajari hadith daripada Abu Muhammad al-Jawhariyy. Antara yang meriwayatkan hadith daripada beliau ialah guru kami Zahir ibn Tahir al-Shihamiyy. Beliau keluar ke Hijaz dan tinggal di sana selama empat tahun. Beliau kembali ke Naysabur dan mengajar di sana selama 30 tahun. Segala pengajaran, mihrab, minbar, pidato, majlis tazkirah pada hari Jumaat diserah kepada beliau. Pengajarannya setiap hari dihadiri seramai 300 ulama. Ramai di kalangan ulama besar yang belajar daripadanya... Beliau telah memberi perhatian yang serius pada akhir umurnya untuk mengarang kitab yang dinamakannya sebagai *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Madhab*. Abu Ishaq (al-Shiraziyy) berkata kepada beliau, "Engkau adalah *Imam al-A'imma*..." (Ibn al-Jawziyy 1412H/1992M: 119).

Antara guru Imam al-Haramayn ialah; bapanya Abu Muhammad al-Juwainiyy, Abu al-Qasim al-Isfirayiniyy, Abu 'Abd Allah al-Khabbaziyy, Fadl Allah ibn Ahmad ibn Muhammad al-Mihaniyy, al-Hafiz Abu Nu'aym al-Asbahaniyy, Abu al-Qasim al-Fawraniyy, Abu Hasan ibn Muhammad ibn Ahmad ibn Ja'far al-Muzakkiyy yang digelar oleh al-Dhahabiyy sebagai Musnid Naysabur dan ramai lagi.

Imam al-Haramayn meninggal pada 25 Rabiul Akhir 478H di Bushtaniqan, Naysabur (al-Zuhayliyy 1412H/1992M: 73-76).

### Sanjungan Ulama Terhadap Imam Al-Haramayn

Abu Ishaq al-Shiraziyy yang terkenal dengan keilmuan yang tinggi dalam bidang usul al-fiqh dan fiqh mazhab Syafie telah berkata di hadapan hadirin semasa beliau mengunjungi Imam al-Haramayn (Ibn al-Subkiyy 1383H/1964M: 173):

تَمْتَعُوا بِهَذَا الْإِمَامَ فَإِنَّهُ تِزْهِةُ هَذَا الزَّمَانِ

Maksudnya: 'Nikmatilah' dengan Imam ini (Imam al-Haramayn) sesungguhnya beliau adalah mutiara zaman ini.

Al-Hafiz Abu Muhammad al-Jurjaniyy berkata (Ibn al-Subkiyy 1383H/1964M: 174):

هُوَ إِمَامٌ عَصْرٍ، نَسِيجٌ وَحْدَهُ، وَنَادِرٌ دَهْرٌ،  
عَدِيمٌ الْمَثُلُ فِي حَفْظِهِ وَبِيَانِهِ وَلِسَانِهِ

Maksudnya: Beliau adalah imam bagi zamannya, tiada seumpamanya, yang paling ganjil pada masanya, tiada sebanding dengannya dari segi ingatan, penjelasan dan kepetahannya.

Malah banyak lagi puji-pujian yang diungkapkan oleh para ulama terhadap beliau sehingga ada yang sampai ke tahap yang agak keterlaluan seperti kata-kata al-Ustadh Abu al-

Qasim al-Qushayriyy (Ibn al-Subkiyy 1383H/1964M: 174):

لَوْ ادْعَى إِمَامُ الْحَرَمَيْنِ الْيَوْمَ النَّبُوَّةَ لَا سُتْقَى  
بِكَلَامِهِ هَذَا عَنْ إِطْهَارِ الْمَعْجَزَةِ

Maksudnya: Seandainya Imam al-Haramayn mendakwa kenabian pada hari ini, memadai dengan kata-katanya daripada menunjukkan mukjizat (sebagai bukti).

### Ghiyath Al-Umam Fi Al-Tiyath Al-Zulam

Imam al-Haramayn terkenal dengan kepelbagaiannya karya beliau yang meliputi ilmu al-kalam, fiqh dan usul al-fiqh serta siyasah. Antara karya beliau dalam bidang ilmu al-kalam ialah; *Luma<sup>c</sup> al-Adillah fi ^Aqa'id Ahl al-Sunnah wa al-Jama<sup>c</sup>ah, al-Irshd ila Qawati<sup>c</sup> al-Adillah fi Usul al-^Iqtiqad, al-Shamil fi Usul al-Din* dan *al-^Aqidah al-Nizamiyyah*.

Karya beliau dalam bidang fiqh ialah *Risalah fi al-Fiqh, al-Silsilah fi Ma<sup>c</sup>rifat al-Qawlayn wa al-Wajhayn ^ala al-Madhhab al-Shafi<sup>c</sup>iyy* dan yang paling besar dan masyhur iaitu *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Madhhab* serta mukhtasarnya.

Karya beliau dalam bidang usul al-fiqh ialah *al-Irshad fi Usul al-Fiqh, Risalah fi al-Taqlid wa al-Ijtihad, al-Tuhfah* dan *al-Burhan fi Usul al-Fiqh* yang dianggap oleh Ibn al-Subkiyy sebagai '*lughz al-ummah*' iaitu teka-teki umat Islam.

Sementara karya beliau dalam bidang siyasah ialah *Ghiyath al-Umam fi*

*al-Tiyath al-Zulam*. Fokus perbincangan seterusnya kepada karya beliau yang terakhir ini.

Kitab *Ghiyath al-Umam fi al-Tiyath al-Zulam* ini juga dikenali secara ringkas sebagai *al-Ghiyathiyy*. Ia merupakan antara karya terakhir al-Juwayniyy yang boleh menggambarkan pemikiran beliau yang berautoriti (al-Rashid 2011: 18). Karya ini ditulis oleh al-Juwayniyy untuk Nizam al-Mulk menteri Kerajaan Saljuk yang terkenal semasa pemerintahan Sultan Alab Arsalan dan puteranya Sultan Malakshah. Nizam al-Mulk yang juga dikenali sebagai *Ghiyath al-Dawlah* lahir pada tahun 408H dan meninggal pada tahun 458H (Ibn Khallikan 1990: 130). Secara zahirnya bolehlah dikatakan bahawa karya ini dalam bidang al-imamah kerana dua sebab:

1. Judulnya merujuk kepada *Ghiyath al-Dawlah* iaitu gelaran Nizam al-Mulk.
2. Penegasan al-Juwayniyy pada muqaddimah *al-Ghiyathiyy* bahawa karya ini menghimpunkan hukum-hukum Allah berkenaan *al-zī'amah* (*al-imamah*) (al-Juwayniyy 1400H: 14).

Namun hal ini tidak dipersetujui oleh al-Dib pentahqiq kitab *al-Ghiyathiyy* kerana hal ini disebut berkali-kali oleh al-Juwayniyy bukan menjadi matlamat utamanya (al-Juwayniyy 1400H: 15, 127, 132). Sebaliknya al-Juwayniyy menjadikan perbahasan tentang *al-a'imma* sebagai perantara kepada perbincangan yang menjadi fokus

utamanya iaitu isu hukum apabila ketiadaan imam dan orang yang berkeeahlian dengan ijтиhad. Akhirnya al-Dib menyimpulkan bahawa al-Juwayniyy menyasarkan dua matlamat dalam penulisan ini; pertama berkenaan al-imamah sebagai memenuhi janjinya kepada Nizam al-Mulk, kedua ditujukan kepada para ulama sebagaimana yang jelas dalam perbincangannya berkenaan muqallid dan ijтиhad (al-Juwayniyy 1400H: 55 & 57).

Menurut Muhammad al-Zuhayliyy, antara faktor yang menyebabkan Imam al-Haramayn menulis *al-Ghiyathiyy* ialah kerana beliau tidak menyetujui sebahagian pandangan al-Imam al-Mawardiyy di dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beliau menganggap kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* hanya mementingkan *al-jam<sup>c</sup>* (himpunan) dan *al-naql* (nukilan) daripada ulama-ulama sebelumnya tanpa dilakukan analisis ilmiah. Malah beliau mengkritik habis-habisan al-Imam al-Mawardiyy, namun penulis tidak berhasrat untuk menyatakan secara detail di sini kerana tujuan utama ialah untuk mengambil faedah daripadanya. Hal seumpama ini mungkin janggal bagi sesiapa yang tidak mengenal Imam al-Haramayn. Tetapi jika kita melihat di dalam kitab *Nihayat al-Matlub* pun beliau agak tegas dalam menyatakan pandangan dan akan menolak pandangan tersebut sekalipun ia adalah pandangan al-Muzaniyy dan bapanya Abu Muhammad al-Juwayniyy.

Sebenarnya *al-Ghiyathiyy* dan *al-Ahkam al-Sultaniyyah* mempunyai

kelebihan tersendiri. Al-Ghiyathiyy mempunyai kelebihan dari segi pemikirannya yang tajam. Antaranya Imam al-Haramayn al-Juwainiyy mendasarkan perbincangannya kepada andaian-andaian tertentu yang merentasi masa hingga ke hari ini. Beliau mengandaikan corak siyasah yang diperlukan pada masa tiada imam mujtahid sama sekali malah ketika syariat diabaikan. Selain itu, beliau juga berani menyatakan hukum hakam yang tidak disentuh oleh para ulama sebelumnya. Hal ini dinyatakan sendiri oleh beliau (al-Juwainiyy 1400H: 266):

لست أحائز إثبات حكم لم يدونه الفقهاء ولم يعرض له العلماء، فإن معظم مضمون هذا الكتاب لا يلفي مدونا في كتاب ولا مضمونا لباب

Maksudnya: Aku tidak bimbang untuk mensabitkan sesuatu hukum yang tidak pernah dinyatakan oleh fuqaha atau disentuh oleh ulama. Sesungguhnya sebahagian besar kadungan kitab ini tidak didapati pada mana-mana kitab dan juga mana-mana bab (di dalam kitab yang lain).

Hal yang seumpama berbeza dengan *al-Ahkam al-Sultaniyyah* yang lebih berbentuk penyusunan (*tabwib*). Prof Dr. Yusuf al-Qaradawiyy (1428H/2007M: 56) menggambarkan perbezaan kedua-dua penulisan ini dengan katanya:

وكان إمام الحرمين يصنف للمنتسبين والمأوردي يصنف للمبتدئين والمتوسطين...

Maksudnya: Imam al-Haramayn berkarya untuk golongan yang tinggi (keilmuannya) dan al-Mawardiyy mengarang untuk golongan yang permulaan dan pertengahan (keilmuannya).

### **Andaian Al-Juwainiyy Yang Merentas Sempadan Masa Dalam Kitab Al-Ghiyathiyy**

Antara kitab-kitab Imam al-Haramayn al-Juwainiyy, kitab *Giyahth al-Umam fi al-Tiyath al-Zulam* atau lebih dikenali sebagai *al-Ghiyathiyy*, merupakan kitab yang banyak mengandungi elemen futuristic dalam perbincangannya. Kitab ini sangat unik kerana ia sangat mementingkan keaslian pemikiran penulisnya yang inginkan sesuatu yang baru dalam penulisannya. Imam al-Haramayn Juwayniyy (1400H: 266) sendiri menyatakan:

فإن معظم مضمون هذا الكتاب لا يلفي مدونا في كتاب،  
ولا مضمونا لباب

Maksudnya: Sebahagian besar kandungan kitab ini tidak diketemui ditulis dalam mana-mana kitab lain dan juga mana-mana bab (di dalam kitab yang lain).

Hal ini berlaku mungkin disebabkan bidang siasah memerlukan kepada pandangan yang jauh dan tidak terikat dengan nukilan-nukilan ulama terdahulu. Justeru, kita dapatkan Juwayniyy mengambil pendekatan yang sangat berbeza dengan kebiasaan ulama sezaman dengannya. Malah beliau (al-

Juwayniyy 1400H: 142) juga mengkritik kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* karangan Imam al-Mawardiyy dengan menyifatkannya sebagai:

مضمونه نقل مقالاتٍ على جهل وعمى...

Maksudnya: ...Kandungannya adalah nukilan tulisan-tulisan yang dilakukan berdasarkan kejahilan dan ketidak jelasan.

Justeru Imam al-Haramayn al-Juwayniyy banyak menggunakan *al-fiqh al-taqdiriyy* dengan membuat andaian-andaian berdasarkan bukti-bukti yang tertentu dan berijtihad untuk menentukan hukum yang selayaknya.

Imam al-Haramayn al-Juwayniyy mengandaikan dua perkara penting dalam *al-Ghiyathiyy*.

1. Mengandaikan suatu zaman yang tidak memiliki seorang Imam (*al-imamah al-kubra*).
2. Mengandaikan suatu zaman yang tidak memiliki mujtahid, penukil mazhab dan malah prinsip-prinsip Syarak.

Justeru, kita melihat dua andaian ini secara berasingan.

**Pertama: Andaian suatu zaman yang tidak memiliki seorang Imam (*al-imamah al-kubra*).**

Dalam rukun pertama daripada kitab *al-Ghiyathiyy* ini, al-Juwayniyy membincangkan tentang *al-imam* dan kriteria-kriterianya yang ideal sebagaimana yang digariskan dalam karya-karya para ulama sebelumnya.

Seterusnya dalam rukun kedua kitab ini beliau mula membincangkan berkenaan status hukum apabila tiada *al-imamah al-kubra* sebagaimana kriteria yang dibincangkan dalam rukun pertama. Beliau (al-Juwayniyy 1400H: 308) berkata:

قد تقدم قول شاف بالغ كاف، فيما يشترط استجماع الإمام له من الصفات. ونحن الان نفرض في تعذر أحادها وأفرادها على التدرج، وقعه ونبأ بأقها غباء، ثم نترقى إلى ما يبر وأثره على ما تقدم ذكره، حتى نستوعب معقود الباب ومقصوده.

Maksudnya: Terdahulu telah dibincangkan dengan tuntas berkenaan kriteria seorang *al-imam*. Sekarang kita mengandaikan ketiadaan kriteria-kriteria tersebut secara berperingkat-peringkat. Kita mulakan dengan yang paling minimum tidak dipenuhi, kemudian kepada yang semakin banyak kesannya berbanding sebelumnya sehingga perbincangan kita merangkumi matlamat penulisan bab ini.

Untuk merealisasikan objektif ini, al-Juwayniyy membahagikan perbincangan beliau kepada tiga bab utama iaitu:

- Bab pertama: Andaian hilang kriteria *al-imam*  
Bab kedua: Pemerintahan diambil alih oleh orang yang menggunakan



kekuatan dan kekuasaan

Bab ketiga: Tiada pemimpin yang melantik dirinya sendiri atau dilantik oleh orang lain.

Dalam bab pertama berkenaan kriteria *al-imam*, al-Juwayniyy mengandaikan beberapa situasi, antaranya (al-Juwayniyy 1400H: 388-301);

1. Situasi tiada pemimpin yang berketurunan Quraisy
2. Situasi tiada pemimpin yang tidak mampu berijtihad
3. Situasi tiada pemimpin yang mampu berijtihad tetapi masih memiliki kekuatan kepimpinan dan bertaqwa.
4. Situasi tiada pemimpin yang mampu berijtihad tetapi masih memiliki kekuatan kepimpinan namun cenderung kepada melakukan perkara-perkara maksiat.

Dalam membicarakan tentang syarat nasab Quraysh dalam pelantikan imam, Imam al-Haramayn mengandaikan jika tiada calon berketurunan Qurasiyah yang berkelayakan, hendaklah dilantik calon lain yang berkelayakan. Beliau berpandangan bahawa syarat Quraysh yang dinyatakan di dalam hadith adalah sebagai memuliakan keturunan Rasulullah S.A.W, sedangkan *maqsad* (matlamat) pelantikan imam adalah untuk menyusun hal keadaan umat Islam

dan hal ehwal Islam (al-Juwayniyy 1400H: 308-309).

Ketika berbicara berkenaan syarat kemampuan berijtihad bagi seseorang imam, beliau mengandaikan ketiadaan syarat itu pada sesuatu masa memungkinkan dilantik bukan mujtahid yang memiliki ciri-ciri lain yang disyaratkan bagi seorang imam. Imam ini hendaklah dibantu oleh para ulama dengan memberi nasihat dalam perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan. Begitu juga dengan syarat keilmuan, ia boleh diketepikan jika tiada tiada orang alim ketika itu (al-Juwayniyy 1400H: 311).

Malah beliau mengandaikan jika tiada calon yang warak dan bertaqwa, tetapi terdapat seorang yang mempunyai *kifayah* yang cenderung untuk melakukan perkara-perkara maksiat dan kefasikan, maka diteliti terlebih dahulu. Seandainya perlakuannya itu keterlaluan, dia tidak boleh dilantik menjadi imam kerana jika dia mempunyai kuasa, keburukannya akan mengatasi kebaikannya. Seandainya keadaan sangat memerlukan umpamanya umat Islam berada dalam perang dan memerlukan seorang imam yang dapat membentuk pasukan ketenteraan dan tiada orang yang bertaqwa dapat melakukannya, maka ketika itu hendaklah bersegera melantik orang fasiq tersebut. Lebih jauh daripada itu, beliau berpandangan seandainya seseorang itu menjadi fasiq kerana meminum arak sekalipun sedangkan dia memiliki kesungguhan dan keupayaan

untuk memelihara kehormatan umat Islam, dia hendaklah dilantik menjadi imam di samping berusaha memperbaiki akhlaknya sekadar mungkin. Pandangan ini didasarkan oleh beliau atas kepentingan wujudnya seorang pemimpin yang dapat memimpin umat Islam menghadapi kerosakan yang lebih besar (al-Juwayniyy 1400H: 311).

Begitulah sebahagian andaian yang dibincangkan oleh Imam al-Haramayn al-Juwayniyy yang merujuk kepada sifat-sifat seorang imam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan imam. Andaian-andaian tersebut adalah sangat jauh berbanding realiti umat Islam pada kurun ke-5H semasa hayat Imam al-Haramayn al-Juwayniyy. Malah masih banyak lagi andaian yang dibicarakan oleh Imam al-Haramayn al-Juwayniyy dalam persoalan ini, namun penulis tidak berhasrat membincangkan semua andaian tersebut kerana ia terlalu banyak dan tidak bersesuaian dengan ruangan penulisan ini.

Dalam bab kedua al-Juwayniyy membuat andaian situasi apabila seorang pemimpin tidak sah pelantikannya seperti rampasan kuasa dan seumpamanya. Berdasarkan andaian tersebut, beliau meletakkan membincangkan hukum berdasarkan situasi berikut (al-Juwayniyy 1400H: 317-331):

1. Perampas kuasa memiliki semua sifat yang disyaratkan dalam *al-imamah*.
2. Perampas kuasa tidak memiliki semua sifat yang disyaratkan

dalam *al-imamah* sifat kecuali memiliki kekuatan kepimpinan.

3. Perampas kuasa tidak memiliki semua sifat yang disyaratkan dalam *al-imamah*.

Dalam bab ketiga iaitu situasi ketiadaan pemimpin sama ada yang sah atau tidak sah, al-Juwayniyy mengakui ia sukar berlaku tetapi tidak mustahil berlaku jika pemimpin yang mempunyai kekuatan kepimpinan terhalang daripada memimpin disebabkan musibah atau halangan tertentu.

**Kedua: Andaian suatu zaman yang tidak memiliki mujtahid, penukil mazhab malah prinsip-prinsip Syarak.**

al-Juwayniyy membahagikan perbincangan beliau kepada tiga bab utama iaitu:

Bab pertama: situasi tiada mujtahid tetapi masih ada penukil mazhab.

Bab kedua: situasi tiada mujtahid dan penukil mazhab.

Bab ketiga: situasi tiada mujtahid, penukil mazhab dan prinsip-prinsip Syarak.

Bab keempat: situasi tiada *usul al-shari'ah*.

al-Juwayniyy memulakan bab pertama dengan menjelaskan terlebih dahulu maksud dan syarat-syarat mujtahid dengan menggunakan istilah *al-mufti*. Beliau juga membincangkan

sepantas lalu berkenaan dengan mazhab Syafie dan amalan bertaqlid. Beliau tidak memperincikan perbincangan topik ini kerana matlamat utama beliau di sini ialah membincangkan tentang andaian situasi zaman ketiadaan mujtahid. Hal ini dijelaskan beliau sendiri dengan katanya (al-Juwayniyy 1400H: 416):

وَغُرْضِي مِنْ هَذَا الْمَجْمُوعِ إِسْتِقْصَاءُ الْقَوْلِ فِي  
خَلْوِ الزَّمَانِ عَنِ الْمُفْتَنِينَ، وَإِنَّمَا ذَكَرْتُ طَرْفًا مِنْ  
صَفَاتِ الْمُفْتَنِينَ وَأَحْكَامَهُمْ لِيَتَبَيَّنَ لِلنَّاظِرِ خَلْوُ الدَّهْرِ  
عَنِ الْمُفْتَنِينَ عَنْ دُخُولِنَا فِيهِ

Maksudnya: Matlamatku dalam himpunan ini ialah mendetailkan bicara berkenaan zaman ketiadaan mufti (mujtahid). Aku hanya menyatakan sedikit sahaja berkenaan kriteria para mufti (mujtahid) dan hukum hakam mereka supaya penngkaji mendapat gambaran yang jelas berkenaan situasi zaman ketiadaan mufti (mujtahid) ketika perbicaraan kami nanti.

Dalam bab kedua al-Juwayniyy mengandaikan situasi ketiadaan mujtahid tetapi masih ada penukil mazhab. Al-Juwayniyy berkata situasi ini hampir menyamai zaman beliau ketika itu. Kemudian beliau pun menjelaskan berkenaan dengan penukil mazhab yang dimaksudkan. Beliau bukan bermaksud penukil sebagai orang yang hanya menghafaz sebaliknya ialah mereka yang *faqih* dan memahami dengan mendalam apa yang dinukilkan. Seterusnya beliau membicarakan berkenaan siapakah yang perlu diikuti antara mufti dengan imam mazhab

khususnya Imam Syafie. Beliau juga mengandaikan situasi ketika timbul isu-isu baharu yang tiada rujukannya dalam mazhab dan seumpamanya. Beliau mencadangkan jalan keluar kepada isu-isu yang diandaikan dan meletakkan seorang faqih seumpama al-imam al-mujtahid yang mesti diikuti kerana dia bertindak sebagai penukil yang melakukan qiyas terhadap usul imam mazhab (al-Juwayniyy 1400H: 424-427).

Seterusnya dalam bab ketiga, al-Juwayniyy mengandaikan situasi ketiadaan mujtahid dan penukil mazhab. Namun maksud ketiadaan mujtahid dan penukil mazhab tersebut bukanlah secara mutlak. Beliau (al-Juwayniyy 1400H: 429) berkata:

وَمِلَكُ الْأَمْرِ فِي تَصْوِيرِ هَذِهِ الْمَرْتَبَةِ، أَنْ لَا يَخُلوُ  
الدَّهْرُ عَنِ الْمَرَاسِمِ الْكُلِّيَّةِ، وَلَا تَعْرَى الصُّدُورُ عَنِ  
حَفْظِ الْقَوَاعِدِ الشَّرِعِيَّةِ، وَإِنَّمَا تَعَاَصِنُ التَّفَاصِيلَ  
وَالْتَّقَاسِيمَ وَالتَّفْرِيعَ. وَلَا يَجُدُّ الْمُسْتَفْتَيِّ مِنْ  
يَقْضِي عَلَى حُكْمِ اللَّهِ فِي الْوَاقِعَةِ عَلَى التَّعْبِينِ.

Maksudnya: Ringkasnya dalam menggambarkan kedudukan ini: bukanlah tiada sebarang prinsip-prinsip umum dan kaedah-kaedah syarak dalam hafalan para ulama, hanya yang sukar ialah pendetailan, pembahagian dan cabang-cabang masalah (*tafri'*). Justeru, orang yang meminta fatwa tidak mendapatkan ulama yang dapat memutuskan hukum dalam sesuatu peristiwa secara spesifik.

Beliau kemudian menegaskan pandangan bahawa dalam sesuatu peristiwa pasti akan ada hukum Allah

S.W.T. Beliau menolak pandangan al-Qadi Abu Bakr al-Baqillaniyy yang berpandangan bahawa boleh berlaku sesuatu perkara tersebut tidak wujud hukum Allah S.W.T tentangnya. Beliau berhujah dengan tindakan para sahabat yang berusaha mengkaji hukum dalam al-Quran dan al-Sunnah serta berijtihad dalam menentukan hukum. Amalan ini berterusan sepanjang zaman sehingga menjadi suatu kefahaman bahawa setiap perkara mempunyai ketetapan hukum syarak (al-Juwayniyy 1400H: 432).

Beliau juga berhujah dengan hadith Mu'adh ibn Jabal. Rasulullah S.A.W dalam hadith tersebut memperakui jawapan Mu'adh: "Aku akan berijtihad". Baginda S.A.W tidak bertanya lagi: "Jika ijtihadmu tidak mampu menyelesaikannya, apa yang patut kamu lakukan?". Hal ini membuktikan bahawa semua perkara dapat diselesaikan menerusi kaedah yang dinyatakan oleh Mu'adh dalam hadith tersebut (al-Juwayniyy 1400H: 432).

Kemudian beliau menyatakan jalan penyelesaian kepada semua permasalahan yang timbul berdasarkan andaian ini dengan berkata:

أَنْ قَوَاعِدُ الشَّرِيعَةِ مُتَقَابِلَةٌ بَيْنَ النَّفِيِّ وَالْإِثْبَاتِ،  
وَالْأَمْرِ وَالنَّهِيِّ، وَالإِطْلَاقِ وَالْحَجَرِ، وَالْإِبَاحَةِ  
وَالْحَظْرِ، وَلَا يَتَقَابَلُ قَطُّ أَصْلَانٌ إِلَّا وَيَتَنَطَّرُ الضَّبْطُ  
إِلَى أَحَدِهِمَا، وَتَنْتَفِي النَّهَايَةُ عَنْ مَقْبِلِهِ وَمَنَاقِضِهِ.

Maksudnya: Sesungguhnya kaedah-kaedah syarak berada dalam pertentangan antara menafikan dan mensabitkan,

perintah dan larangan, bebas dan sekatan serta harus dan haram. Dua asas yang bercanggah pasti akan memihak kepada salah satu daripadanya dan menafikan lawannya (al-Juwayniyy 1400H: 433).

Justeru perkara baharu yang timbul hendaklah dikaji dan ditentukan ia berada dalam salah satu posisi yang berlawanan tersebut. Jika didapati berada pada salah satunya ia akan dihukum berdasarkannya. Jika tidak, ia akan dihukum berdasarkan posisi sebaliknya. Contohnya sesuatu yang dihukum najis oleh Syarak ia akan dibatasi oleh nas atau istinbat yang dilakukan terhadap nas tersebut. Bermakna perkara yang tidak dihukum najis sangat luas iaitu meliputi semua perkara di luar cakupan nas dan istinbatnya. Justeru seorang yang ditanya tentang sesuatu perkara baharu sama ada najis atau bukan hendaklah mengkaji bahagian yang dibatasi nas serta istinbatnya. Jika dia tidak mendapatinya pada nas atau cakupannya maka dia hendaklah menghukumnya berdasarkan bahagian yang bertentangan dengannya yang tidak terbatas iaitu tidak najis (al-Juwayniyy 1400H: 434).

Pada situasi terakhir al-Juwayniyy (al-Juwayniyy 1400H: 523) menggandaikan tiada prinsip-prinsip syariah yang masih terpelihara atau dengan kata lain tiada ulama yang dapat memberikan hukum berdasarkan kaedah-kaedah syariah yang umum.

Beliau memulakan bicara dengan menjelaskan kewajaran andaian tersebut. Walaupun sebahagian ulama menolak situasi kerana janji Allah akan memelihara syariat ini sebagaimana yang terkandung dalam ayat ke 9 daripada surah al-Hajr, beliau menolak penghujahan tersebut dengan dua hujah. Pertama: ayat tersebut merujuk kepada pemeliharaan al-Quran daripada penyelewengan bukan pemeliharaan syariat. Kedua: Terdapat bukti lain yang menunjukkan sas-asas syariat ini akan hilang dengan hilangnya para ulama. Hal ini dinyatakan dalam hadith sebagaimana berikut:

سیقیض العلّم حتی یختلف الرجال فی فریضه،  
ولا یجدان من یعرف حکم الله تعالیٰ فیها

Maksudnya: Akan diangkat ilmu hingga apabila bertelingkah dua lelaki tentang satu kefarduan, mereka tidak mendapati sesiapa yang mengetahui hukum Allah Ta'ala berkenaan.

Beliau (al-Juwainiyy 1400H: 526) menyatakan penyelesaian kepada situasi ini dengan berkata:

اذا درست فروع الشريعة وأصولها، ولم يبق  
معتصم يرجع اليه، ويغول عليه: انقطعت التكاليف  
عن العباد، والتحقت أحوالهم بأحوال الذين لم  
تبلغهم دعوة، ولم تستطع بهم شريعة.

Maksudnya: Jika hilang pendetailan dan prinsip-prinsip syarak sehingga tiada lagi pegangan yang boleh dirujuk dan dijadikan asas, taklif ke atas hamba terputus dan situasi mereka disamakan dengan situasi golongan yang tidak sampai

dakwah dan tidak terikat dengan sebarang syariat.

### Asas-Asas Pertimbangan Dalam Andaian Al-Juwainiyy

Suatu perkara yang perlu diingatkan bahawa andaian-andaian ini bukanlah sekadar imiginasi yang tidak disokong oleh hujah. Sebagai contohnya Imam al-Haramayn menjelaskan andaian ketiadaan mujtahid yang beliau lakukan ialah berdasarkan pemerhatian kepada situasi semasa itu. Beliau (al-Juwainiyy 1400H: 521) berkata:

فاني تخليت انحلال الشريعة، وانقراض حملتها،  
ورغبة الناس عن طلبها، وإضراب الخلق عن  
الاهتمام بها، وعيانت في عهدي الأئمة ينقرضون  
ولا يخلفون، والمتسمون بالطلب يرضون  
بالاستراف، ويقعون بالأطراف وغاية مطلبهم  
مسائل خلافية يتباهون بها، أو فصول ملقة، وكلم  
مرتفقة في المواقع يستعطفون بها قلوب العوام  
والهمج الطفاغ. فعلمت أن الأمر لو تمادي على هذا  
الوجه لانقرض علماء الشريعة على قرب وكتب،  
ولا تخلفهم إلا التصانيف والكتب.

Maksudnya: Sesungguhnya aku berimiginasi terhapusnya Syariat dan ulamaknya, hilangnya minat manusia kepada menuntut (ilmu) Syariat dan tidak lagi memberi perhatian kepadanya kerana pada zaman ini para imam meninggal dunia sedangkan tiada yang menggantikan mereka. Orang yang menuntut ilmu mencari kemewahan dan berpada dengan sedikit ilmu. Matlamat mereka dalam pencarian ilmu ialah persoalan-persoalan *khilafiyah* yang dibangga-



banggakan mereka atau fasal-fasal menarik dan ungkapan-ungkapan yang indah (yang digunakan) dalam ceramah untuk melembutkan hati-hati orang awam yang gersang. Aku yakin jika hal ini berterusan akan hilanglah para ulama Syariah dalam masa yang terdekat dan tiada lagi yang tinggal melainkan karangan-karangan dan kitab-kitab.

Secara umumnya terdapat dua asas utama yang menjadi pegangan al-Juwainiyy dalam mengasaskan *al-fiqh al-taqdiriy* beliau iaitu:

1. Tiada suatu peristiwa yang tiada ketentuan hukum Allah Ta'ala padanya:

Imam al-Haramayn menegaskan bahawa setiap peristiwa pasti ada hukum Allah S.W.T baginya. Beliau mengkritik sebahagian ulama mazhab Syafie yang mengharuskan tiada hukum Allah S.W.T dalam sesuatu peristiwa yang menyebabkan tiada taklif kepada hamba. Beliau (al-Juwainiyy 1400H: 431) berkata:

وَالْمُعْتَدِلُ أَنَّهُ لَا يَفْرُضُ وَقْعَةً مَعَ بَقاءِ الشَّرِيعَةِ بَيْنَ ظَهَارِيِّ حَمْلَتِهَا إِلَّا وَفِي الشَّرِيعَةِ مُسْتَمْسِكٌ بِحُكْمِ اللَّهِ فِيهَا.

Maksudnya: Sudah menjadi keyakinan bahawa jika diandaikan berlaku satu peristiwa sedangkan Syariah masih diperjuangkan oleh pendokongnya melainkan pasti ada pegangan hukum Allah dalam peristiwa tersebut.

2. Syariat mempunyai prinsip-prinsip yang dijadikan sebagai landasan untuk menetapkan hukum hakam terhadap perkara-perkara baharu.

Al-Juwainiyy menegaskan syariat Islam memiliki prinsip yang beliau sebut sebagai *wad<sup>c</sup> al-shar<sup>c</sup>*. Berpandukan hal ini seorang mujahid dapat mencari penyelesaian hukum terhadap perkara-perkara baharu walaupun belum belaku. Beliau (al-Juwainiyy 1400H: 266) berkata:

وَلَكُنِي لَا أَبْتُدِعُ وَلَا أَخْتَرُ شَيْئًا، بَلْ أَلْاحِظُ وَضْعَ الشَّرِيعَةِ، وَهَذَا سَبِيلُ التَّصْرِيفِ فِي الْوَقَائِعِ الْمُسْتَجْدَةِ.

Maksudnya: Namun, aku bukanlah mereka-reka sesuatu yang baharu, sebaliknya aku merumuskan *wad<sup>c</sup> al-shar<sup>c</sup>*. Beginilah cara bertindak terhadap peristiwa-peristiwa baharu.

Bertitik tolak daripada ini, al-Juwainiyy dengan yakin mengasaskan kitab al-Ghiyathiyy ini atas konsep *al-fiqh al-taqdiriy* sebagaimana yang jelas dalam perbincangan-perbincangan yang lalu.

Begitulah sebahagian daripada andaian-andaian yang terdapat dalam kitab al-Ghiyathiyy karangan Imam al-Haramayn al-Juwainiyy. Sebenarnya kitab al-Ghiyathiyy sarat dengan andaian. Apa yang dinukilkhan oleh penulis dalam kertas kerja ini hanya merujuk kepada andaian-anndaian utama yang dijadikan asas kepada pemikiran *al-fiqh al-taqdiriy* Imam al-Haramayn di dalam kitab ini. Masih banyak lagi contoh yang boleh dilihat di dalam kitab ini. Pendekatan yang dilakukan oleh Imam al-Haramayn ini antaranya adalah bertujuan



mengaplikasi kaedah-kaedah fiqh dan usul al-fiqh dalam masalah-masalah yang diandaikan atau disebut sebagai *tahqiq al-manat* menurut takrifannya yang luas dan bukan terbatas kepada qiyas. Andaian-andaian tersebut dapat merealisasikan dan menjelaskan sebahagian daripada kaedah-kaedah tersebut. Ini sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Juwayniyy (al-Juwayniyy 1400H: 266):

ولكن العلماء ربما يفرضون صوراً بعيدة، وغرضهم بفرضها وتقديرها تمهيد حقائق المعانى.

Maksudnya: Namun para ulama mungkin mengandaikan gambaran-gambaran yang jauh bertujuan untuk menjelaskan hakikat kehendak-kehendak yang terkandung pada perkara-perkara tertentu.

## Kesimpulan

Mengandaikan sesuatu perkara pada masa hadapan merupakan salah satu bentuk ijтиhad fiqh yang dinamik. Himpunan ijтиhad yang memiliki ciri ini akhirnya dikenali sebagai *al-fiqh al-taqdiriy*. Ia mula dipopularkan oleh para ulama mazhab Hanafi kemudian ia diikuti oleh ulama-ulama mazhab lain termasuk mazhab Syafie. Antara ulama mazhab Syafie yang banyak menggunakan *al-fiqh al-taqdiriy* dalam penulisannya ialah Imam al-Haramayn al-Juwayniyy. Beliau adalah ulama tersohor dalam mazhab Syafie yang memiliki karya-karya agung dalam bidang fiqh dan usul al-fiqh yang menjadi rujukan ulama selepasnya. Karyanya *al-*

*Ghiyathiyy* sarat dengan andaian-andaian yang menjangkaui zaman dan tempat. Menerusi karyanya ini, Imam al-Juwayniyy dengan berani mengandaikan suatu zaman yang tiada pemimpin (*imam*) dan tiada ulama, malah tiada Syariah sama sekali. Andaian-andaian ini bukan sekadar imaginasi kosong, sebaliknya beliau menyokongnya dengan dalil berdasarkan pengamatan beliau terhadap situasi semasa. Beliau menganggap *al-fiqh al-taqdiriy* mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu sebagai aplikasi kepada kaedah usul al-fiqh yang dapat menjelaskan lagi pemahaman kaedah tersebut. Keunikan yang terdapat di dalam kitab ini membezakannya dengan kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* karya Imam al-Mawardiyy yang membicarakan topik yang sama pada zaman yang sama. Walau bagaimana pun kajian ini tidak membuat perbandingan secara dekat antara dua karya agung ini. Kajian yang berasingan diperlukan untuk menyingkap perbezaan antara kedua karya ini. Malah penulis berpandangan karya-karya fiqh Imam al-Haramayn secara keseluruhan perlu dikaji untuk melihat metode beliau dalam penggunaan *al-fiqh al-taqdiriy* dalam skop yang lebih komprehensif.

**Kertas kerja ini ialah hasil penyelidikan GGP-2014-016**

## Rujukan

al-Quran al-Karim.

al-Hajawiyy, Muhammad ibn al-Hasan ibn al-<sup>c</sup>Arabiyy al-Tha<sup>c</sup>alabiyy al-Fasiyy. (1416H/1995M). *al-Fikr al-samiyy fi tarikh al-fiqh al-Islamiyy*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

Ibn al-Jawziyy, Abu al-Faraj <sup>c</sup>Abd al-Rahman ibn <sup>c</sup>Ali ibn Muhammad. (1412H/1992M). *al-Muntazam fi tarikh al-muluk wa al-umam*. Tahqiq Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir <sup>c</sup>Ata & Mustafa <sup>c</sup>Abd al-Qadir <sup>c</sup>Ata. Jil. 16. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

Ibn Khallikan. (1990). *Wafayat al-A<sup>c</sup>yan*. Tahqiq Ihsan <sup>c</sup>Abbas. Jil. 2. Beirut: Dar Sadir.

Ibn Khaldun. <sup>c</sup>Abd al-Rahman. (1979). *al-Muqaddimah*. Beirut: Maktabat al-Madrasah & Dar al-kitab al-Lubnaniyy.

Ibn al-Subkiyy, Taj al-Din <sup>c</sup>Abd al-Wahhab ibn <sup>c</sup>Ali ibn <sup>c</sup>Abd al-Kafi. (1383H/1964M). *Tabaqat al-Shafi<sup>c</sup>iyyah al-Kubra*. Tahqiq Mahmud Muhammad al-Tanajiyy & <sup>c</sup>Abd al-Fattah Muhammad al-Hilw. Jil. 5. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-<sup>c</sup>Arabiyyah.

al-Juwainiyy, <sup>c</sup>Abd al-Malik ibn <sup>c</sup>Abd Allah ibn Yusuf. (1400H). *al-Ghiyathi, Giyath al-Umam fi al-Tiyath al-Zulam*. Tahqiq <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Azim al-Dib. Qatar: al-Shu'un al-Diniyyah.

(1399H). *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Tahqiq <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Azim al-Dib. Jil. 1. Qatar: t.pt.

(1428H/2007M). *Nihayat al-matlab fi dirayat al-madhab*. Tahqiq <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Azim al-Dib. Jil. 1. Beirut: Dar al-Minhaj.


al-Khatib al-Baghdadiyy, al-Hafiz Abu Bakr Ahmad ibn <sup>c</sup>Ali ibn Thabit. (1222H/2001M). *Tarikh madinat al-salam wa akhbar muhaddithiha wa zikr quttaniha al-<sup>c</sup>ulama' min ghayr ahliha wawaridiha*. Jil. 15. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.

Pentti Malaska and Ilkka Virtanen. (2005). *Theory of Futuribles*. Futura 24 (2-3). The Boehringer Ingelheim Fonds (BIF). German.

al-Qahtaniyy, Sa<sup>c</sup>id ibn Mu<sup>c</sup>ib ibn Kardam. (1434H/2013M). *al-Fiqh al-fardiy haqiqatuh wa hukmuh*. Dalam Majallat al-Jam<sup>c</sup>iyyah al-Fiqhiyyah al-Su<sup>c</sup>udiyyah. Universiti al-Imam Muhammad ibn Su<sup>c</sup>ud al-Islamiyyah. Riyadh. Bil. 16.

al-Rashid, Muhammad Ahmad. (2011). *al-Fiqh al-Lahib*. Kaherah: Dar al-Nashr li al-Jami<sup>c</sup>at.

Al-Saqqaf, al-Sayyid <sup>c</sup>Alawiyy ibn Ahmad. (T.th). *al-Fawa'id al-makkiyyah fi ma yahtajuh talabat al-shafi'iyyah min al-masa'il wa al-dawabit wa al-qawa'id al-kulliyyah majmu<sup>c</sup>ah kutub mufidah*. Kaherah: Sharikah



Maktabah wa Matba'ah Mustafa  
al-Babiyy al-Halabiyy wa  
Awladuh.

al-Zuhayliyy,  
(1412H/1992M). *al-Imam al-*  
*Juwainiyy Imam al-Haramayn.*  
Damsiq: Dar al-Qalam



## **Pemikiran Mohd Yusof Othman Dalam Sains Tauhidik Ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu**

**Hazwani Che Ab Rahman<sup>1</sup>, Abdul Latif Samian<sup>2</sup>, Nazri Muslim<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

<sup>2</sup>*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

<sup>3</sup>*Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

**Abstrak:** Sains memainkan peranan utama untuk mencipta teknologi bagi kemajuan negara dan menjadi antara salah satu teras kepada pembentukan tamadun manusia. Tamadun Barat telah mengolah ilmu sains yang diperoleh daripada tamadun-tamadun sebelumnya terutamanya tamadun Islam menjadi sains yang sekular dan liberal. Usaha pengembalian sains ke tempatnya perlu dijadikan suatu tanggungjawab yang harus dipikul oleh para ilmuan. Usaha-usaha ini memerlukan rujukan pemikiran tokoh yang berusaha memikirkan suatu penyelesaian ke arah membangunkan sains mengikut kehendak dan pandangan agama Islam. Justeru, tokoh ilmuan Muslim Melayu yang telah lama bersara yang menyumbang dalam usaha mengintegrasikan sains dan agama diketengahkan dalam kajian ini untuk menonjolkan pemikiran dan usaha beliau dalam membangunkan sains dalam kerangka agama Islam sebagai suatu usaha ke arah membangunkan tamadun Melayu yang menepati citarasa dan kehendak agama. Mohd Yusof yang telah mempertahankan penggunaan Bahasa Melayu dalam pendidikan dan mempopularkan "Sains Tauhidik" adalah antara ilmuan yang telah memberikan buah fikiran melalui penulisan, penyampaian lisan dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Usaha Mohd Yusof yang membangunkan pendekatan sains Tauhidik dan mempertahankan penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan adalah untuk memperkasakan tamadun Melayu yang berilmu dan dalam masa yang sama patuh kepada segala kehendak dan aturan Islam .

**Kata Kunci:** Islam, pemikiran Mohd Yusof, Sains Tauhidik, Tamadun Melayu.

## Pendahuluan

Ilmu penting kepada manusia untuk membentuk dan mengarah kepada kehidupan yang lebih sempurna. Manakala sains adalah suatu bidang ilmu yang menggalakkan aktiviti penyelidikan untuk menghasilkan pelbagai penciptaan dan penemuan baru dari pelbagai sudut seperti pertanian, perubatan dan komunikasi untuk membantu manusia menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih mudah, cepat dan selesa. Manfaat yang diperoleh manusia melalui sains menggalakkan lebih banyak penemuan baru dilaksanakan. Menurut Mohd Yusof (2014a) sains adalah bidang ilmu yang berhubung rapat dengan keagamaan dan melaluinya kita mampu memahami kehebatan alam ciptaan Tuhan. Malah di dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menerangkan fenomena alam yang boleh difahami melalui pendekatan sains. Mohd Yusof adalah antara ilmuan yang sentiasa menghubungkan sains dengan Penciptanya supaya sains berada dilandasan yang diterima oleh Islam sebagai agama yang syumul melalui panduan yang telah diterangkan dalam al-Quran dan al-Hadith. Insan-insan sebeginilah yang kita perlukan sebagai usaha untuk melahirkan generasi Ulul Albab dengan sifat-sifat yang telah digariskan melalui Al-Quran. Menurut Mohd Asri (2008) Ulul Albab ini merujuk kepada golongan yang memiliki akal dan kefahaman yang matang sehingga mampu membuat penilaian yang tepat. Kemuncaknya mereka akan menemui hakikat kebenaran yang menyelamatkan

kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Generasi Ulul Albab perlu dijadikan suatu cita-cita oleh masyarakat kerana insan-insan sebegini diperlukan untuk memperbaiki, menegur dan mewujudkan suasana yang harmoni dalam segala aktiviti manusia supaya seiring dengan tuntutan agama.

Ilmu sains yang berfungsi dalam menerangkan kejadian-kejadian yang terbentuk di alam ini menjadi suatu alat yang sangat penting bagi menjamin manusia hidup dalam keadaan teratur serta memahami sebab musabab kepada segala perkara atau kejadian yang berlaku disekeliling mereka. Ilmu sains merupakan suatu yang dipandang tinggi oleh mereka yang sedar untuk membentuk kehidupan mereka lebih terarah. Ilmu sains berfungsi sebagai suatu alat untuk mencipta teknologi bagi kemajuan negara dan menjadi suatu jaminan kepada pembangunan tamadun Melayu. Oleh kerana sains yang ada pada hari ini diterima mengikut fahaman yang dibentuk oleh Tamadun Barat yang liberal, sekular serta ilmu yang dirangka dan disebar berasaskan sifat dan keperibadian kebudayaan Barat, maka usaha pengembalian sains ke tempatnya melalui wahana agama Islam perlu dijadikan suatu tanggungjawab yang wajib dipikul oleh para ilmuan. Justeru usaha-usaha mengembalikan sains kepada kerangka Islam daripada sistem sekular yang mengenepikan peranan Tuhan memerlukan kepada rujukan pemikiran tokoh yang membangunkan sains mengikut kehendak dan pandangan agama Islam melalui agenda



pengislaman ilmu. Pengislaman ilmu adalah suatu usaha yang telah dicadangkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan seterusnya diikuti oleh Ismail al-Faruqi yang menyediakan gerak kerja pengislaman ilmu yang lebih tersusun. Idea pengislaman sains telah dibentang dan dibincangkan dalam Persidangan Dunia Pendidikan Islam pertama yang telah diadakan di Mekah pada April 1977. Syed Muhammad Naquib al-Attas telah membentangkan makalah utamanya yang bertajuk Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and Definition and Aims of Education. Bagi memastikan gagasan pengislaman ilmu bergerak maju, persidangan dunia yang seumpamanya telah terlaksana pada tahun 1980 di Islamabad, 1981 di Dhaka, 1982 di Jakarta, 1985 di Mesir, 1990 di Amman, dan 1996 di Capetown.

Perkembangan sejarah yang berlaku di Barat telah melahirkan pelbagai ideologi yang asing buat Islam seperti sekularisme yang menyumbang kepada keterpisahan antara sains dan agama. Pemisahan antara teologi dengan falsafah tabii yang terjadi di Eropah Barat pada sekitar 1800M telah membawa kesan yang amat mendalam terhadap falsafah setiap bidang ilmu pengetahuan (Abdul Latif, 1999). Inilah yang membimbangkan pemikir-pemikir Islam yang sedar tentang kepincangan ini sehingga mereka memikirkan keperluan kepada satu proses yang mampu mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar. Sains yang bertepatan dengan lunas-lunas yang

telah digariskan oleh Allah melalui kitab junjungan mulia mampu menyaangi dan menandingi sains yang terhasil daripada logik akal semata-mata. Justeru itu, kajian ini membincangkan pemikiran seorang ahli sains Melayu yang telah bersara yang berusaha membangunkan sains mengikut kehendak agama melalui proses pengislaman ilmu dengan pendekatan sains Tauhidik. Beliau adalah Mohd Yusof Othman yang menjadi antara insan penting dalam dunia pendidikan sains di Malaysia.

### Latar Belakang Mohd Yusof Othman

Yusof Othman bukanlah satu nama yang asing dalam dunia pendidikan peringkat universiti di Malaysia. Beliau yang merupakan anak kelahiran Paya Keladi, Seberang Perai, Pulau Pinang telah dilahirkan pada 12 Ogos 1952. Pada tahun 1972, Yusof Othman berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memilih bidang fizik. Pertama kali Yusof Othman mengenal dunia kerjaya pada tahun 1976 selepas menamatkan pengajian Ijazah Sarjanamuda Sains (Fizik) daripada UKM dan ditugaskan untuk menjadi pensyarah bermula pada April 1976 di Matrikulasi UKM di Sabah untuk beberapa bulan. Manakala pada bulan September tahun yang sama, 1976, Yusof Othman telah ditawarkan melanjutkan pelajaran ke luar negara, Bedford College, University of London dalam bidang Solid State Physic. Selepas tamat pengajian dalam masa setahun, pada bulan Disember 1977



beliau menyambung semula kerjaya sebagai pensyarah di UKM yang ketika itu masih bertempat di Jalan Pantai selama tiga tahun. Setelah itu, kerjaya beliau terhenti buat seketika kerana menyambung pengajian ke peringkat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) pada 1984 dalam bidang tenaga suria di University of Aston, United Kingdom .

Mohd. Yusof Hj. Othman adalah Profesor di Program Fizik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebelum ini beliau adalah Ketua, Jabatan Fizik dari tahun 1990 sehingga 1994. Pada tahun 1994 sehingga tahun 2002, beliau merupakan Timbalan Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi, manakala pada tahun 2002 sehingga tahun 2007, beliau memegang jawatan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, UKM. Beliau kini (2016) masih menyandang jawatan sebagai Pengarah Pertama, Institut Islam Hadhari sejak Julai 2007 di universiti tersebut. Beliau telah menulis dan penulis bersama lebih daripada 350 rencana jurnal, pascasidang, dan seminar bidang tenaga keterbaharuan, fizik, dan pendidikan & falsafah sains. Beliau telah menulis lebih 28 buah buku dalam bidang fizik dan bacaan awam dan telah mendaftar sebanyak 11 paten (Mohd Yusof, 2013).

Peranan Mohd Yusof dalam memulakan langkah kearah mencapai matlamat pengislaman ilmu bermula di peringkat institusi pendidikan yang bertindak sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab keatas pendidikan anak-anak didik, agama budaya dan

negara pada awal tahun 90-an setelah wujudnya Kumpulan Sejarah dan Falsafah Sains, Fakulti Fizik dan Sains Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang ditubuhkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau adalah antara yang memainkan peranan penting bertungkus lumus bersama barisan pendidik yang lain dalam menyediakan bahan-bahan rujukan kepada kursus Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains yang diperkenalkan di universiti ini. Kertas kerja-kertas kerja yang ditulis untuk dijadikan nota-nota kuliah dibukukan sebanyak lapan jilid dengan judulnya, Siri Wacana Sejarah dan Falsafah Sains. Kursus ini adalah sebagai suatu langkah dan pendedahan awal kepada pelajar dan juga pensyarah sendiri untuk membentuk kefahaman yang menjurus kepada usaha pengislaman ilmu.

Penglibatan Mohd Yusof yang cukup meluas dalam sains dan agama telah menarik minat pihak luar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk dipertanggungjawabkan memikul amanah-amanah sebagai Ahli Panel Majlis Perunding Islam, Jabatan Perdana Menteri bermula pada Jun 2014, Felo Akademi Sains Malaysia sejak 2014, Felo Kehormat Universiti Islam Malaysia (2014-15), Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM (2005-07), Felo Kehormat Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) (2014). Beliau juga adalah Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia sejak 2006, Setiausaha Panel Dakwah bagi Majlis Perunding Islam Malaysia (2008-2011),

Ahli Majlis Dakwah Negara (2014-16), dan Ahli Lembaga Penasihat, Institut Wasatiyyah Malaysia (2013-15) (Mohd Yusof, 2013). Sumbangan beliau dalam pengislaman sains dengan penjenamaan sains Tauhidik banyak diterjemahkan melalui penyampaian lisan dan penulisan bahan ilmiah. Antara tulisan yang menterjemahkan sumbangan hasil pemikiran beliau dalam pengislaman sains adalah buku *Isu dalam Ilmu dan Pemikiran* (Mohd Yusof, 1998), Sains dalam Maqasid Al-Quran (Mohd Yusof, 2013), prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik yang bertajuk *Mengapa Dunia Memerlukan Sains Tauhidik?* (Mohd Yusof, 2010c), *Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular* (Mohd Yusof, 2010b), dan *Pandangan masyarakat Terhadap Sains Kontemporari* (Mohd Yusof, 2010d), kertas kerja seminar yang bertajuk Al-Quran dan Sains (Nuklear) (Mohd Yusof, 2010a) dan banyak lagi.

### Definisi Dan Konsep Sains Tauhidik

Usaha pengislaman Sains menurut pemikiran Mohd Yusof bukanlah menatihahkan sains Islam seperti yang diajukan oleh Ismail al-Faruqi, Mohd Naquib Al-Attas, dan Sayyed Hossein Nasr, tetapi beliau telah mengajukan sains Tauhidik sebagai jawapan dan suatu pendekatan kepada proses pengislaman sains. Amalan sains tauhidik adalah berteraskan konsep ketuhanan sebagai Pencipta, maka segala kegiatan sains yang hendak

dilakukan manusia adalah tertakluk kepada syariah (Khalijah&Mohd Yusof, 2009). Sains Islam dan sains Tauhidik tidak mempunyai perbezaan yang ketara, malah memainkan peranan yang amat penting dalam memperkasakan gagasan pengislaman ilmu. Sains Tauhidik yang diajukan oleh Mohd Yusof adalah pendekatan pengislaman ilmu yang sama dengan sains Islam yang dikentengahkan oleh Ismail Al-Faruqi(1992) melalui konsep tauhid dalam pengislaman ilmu. Menurut Mohd Yusof (2014a), sains Tauhidik ialah pengetahuan sains yang bukan sahaja mampu menjelaskan fenomena tabii alam yang berada disekitar kita, tetapi sains tauhidik ialah sains yang dapat menjelaskan kepada kita makna yang terkandung dalam fenomena alam yang dikaji. Dengan demikian, sains Tauhidik akan menjelaskan makna yang terkandung dalam fenomena alam tabii dan hubungannya dengan yang Maha Mencipta, dan juga makna dan perasaan diri insan yang terasuh dan terdidik dengan sains tauhidik. Sebagai hasilnya, sains tauhidik akan membentuk ahli sains yang beretika dan bertanggungjawab kepada Penciptanya. Konsep yang digunakan oleh Mohd Yusof dalam pengislaman sains diperjelaskan melalui sains Tauhidik yang diajukan oleh beliau. Konsep utama yang menjadi asas dalam pembinaan dan pemahaman sains Tauhidik adalah konsep tauhid yang merujuk kepada konsep ketuhanan. Konsep ketuhanan pada sains tauhidik membincangkan

tentang keEsaan Allah taala dalam mengatur perjalanan alam.

Istilah Sains Tauhidik terbentuk daripada dua perkataan iaitu, sains dan tauhid dengan makna dan penjelasan yang tersendiri. Mohd Yusof (2013) mengajukan penakrifan sains mengikut pemikiran beliau bahawa, sains tulen adalah pengetahuan yang berpaksikan kepada bagaimana manusia mampu untuk mencerap dan memerhati alam tabii yang berkelakuan mengikut fitrahnya. Hasil pencerapan secara sistematis ini kemudiannya dihujahkan dan dianalisis secara mantik dan objektif, dilakukan eksperimen dan perbandingan dengan andaian teorinya. Maksud sains yang diutarakan oleh Mohd Yusof ini lebih kepada penjelasan daripada tafsiran yang telah diutarakan oleh Shaharir (2000) iaitu, sains berupa analisis fenomenon secara bersistem, mantik dan objektif dengan kaedah khusus yang diperatik untuk mewujudkan suatu penumpukan pengetahuan yang boleh dipercayai. Takrif ini merupakan takrif yang menghuraikan sains sebagai suatu yang objektif. Manakala hubungan sains dengan kuasa ghaib terutamanya kuasa Pencipta dilenyapkan tanpa perlu dipertikai. Bagi Mohd Yusof (2014a) lagi, sains adalah suatu bidang ilmu yang berhubung rapat dengan keagamaan dan melaluinya kita mampu memahami kehebatan ciptaan Tuhan. Oleh itu, sains perlu disampaikan dengan penjelasan yang tidak menafikan dan memadamkan peranan Tuhan sebagai pencipta. Manakala perkataan tauhid pula

menjelaskan tentang sifat keEsaan Allah seperti yang telah digambarkan oleh Allah melalui firmannya dalam surah Al-Ikhlas yang menjelaskan tentang keadaan Allah yang tunggal tanpa sebarang sekutu yang menjadi tempat bergantung segala makhluk. Manakala istilah tauhidik merujuk kepada kata sifat iaitu bersifat tauhid (Mohd Yusof, 2014a). Sifat-sifat tauhid ini diterapkan dalam ilmu sains yang membentuk istilah sains Tauhidik. Merujuk kepada Wan Mohd Aimran (t.th), sains Tauhidik ditafsir sebagai suatu proses di mana ilmu pengetahuan sains itu dijadikan supaya, memiliki sifat-sifat yang mencirikan tauhid, selain melambangkan keadaan atau sifat ilmu pengetahuan sains yang akhirnya memenuhi sifat-sifat yang mencirikan tauhid.

Sains Tauhidik sebagai hasil dan pendekatan kepada proses pengislaman ilmu adalah berasaskan kajian-kajian berhubung integrasi antara sains dan agama yang telah dijalankan oleh penyelidik di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah diketuai oleh Khalijah Mohd Salleh iaitu seorang ahli sains wanita Melayu. Manakala Mohd Yusof adalah antara penyelidik yang telah menjelaskan kepada masyarakat awam tentang konsep sains ini. Mohd Yusof telah berusaha untuk menjadikan kursus Sains Tauhidik sebagai kursus yang wajib diambil oleh pelajar di Fakulti Sains Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia. Kursus ini mendedahkan integrasi antara sains dan agama, dan lebih berorientasikan ketuhanan,

kemanusiaan dan juga alam intelek. Manakala al-Quran dan al-Hadith dijadikan rujukan dan sumber ilmu yang paling utama. Kursus ini berfungsi sebagai bekalan kepada para pelajar sains yang ramai di antara mereka adalah pelajar Melayu, maka adalah wajar kursus yang berkaitan pandang alam Islam dalam konteks sains ini ditawarkan kepada mereka (Khalijah&Mohd Yusof, 2009). Sebagai rujukan kepada kursus Sains Tauhidik ini, Mohd Yusof telah menganjurkan sebuah buku khusus yang diberikan tajuk *Pengenalan Sains Tauhidik* (2014a) hasil daripada nota-nota kuliah yang telah beliau sampaikan dalam pengajaran beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Usaha menjelaskan wujudnya ketempangan dalam sistem sains Barat yang mengenepikan peranan Tuhan telah ditegaskan dalam banyak penulisan Mohd Yusof (2009a, 2010, 2013, 2014a, 2014b), beliau menegaskan bahawa Allah merupakan Penentu dan Perancang segala perkara yang menjadi tabii alam. Tabii alam merupakan suatu kejadian yang bukan berlaku secara mutlak, namun segalanya terjadi atas kehendak dan ketentuan Allah yang Maha Berkehendak. Alam yang diciptakan oleh Allah mempunyai kelebihan serta tujuan yang tersendiri walaupun tidak memberi sebarang manfaat kepada pandangan manusia. Bahkan kebanyakan isi alam saling berkaitan dan saling memerlukan bagi memastikan kehidupan seluruhnya mampu diteruskan sehingga ke suatu

masa yang telah ditetapkan oleh Pencipta. Manakala manusia yang berfungsi sebagai Khalifah Allah yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengguna dan menguruskan alam perlu mengambil tanggungjawab ini secara positif, mengguna dan memanfaatkan alam sebaik mungkin untuk kemaslahatan kehidupan manusia serta hidupan yang lain. Menurut Mohd Yusof (2014a) lagi, matlamat dan tujuan akhir bagi segala aktiviti dan kreativiti sarjana sains yang menggunakan pendekatan sains tauhidik adalah ditujukan kepada Allah. Perkara ini sudah menjadi kewajipan kepada umat Islam untuk meletakkan Allah sebagai matlamat utama jika mereka benar-benar mengaku sebagai seorang hamba kepada Penciptanya seperti ikrarnya dalam ungkapan syahadah yang mentauhidkan Allah dan mengakui Nabi Muhammad sebagai utusannya. Perkara ini dikuatkan lagi dengan Hadis daripada Rasullullah yang menjelaskan tentang anggapan baginda bahawa sia-sia sahajalah hari-hari yang dilalui jika tidak dipenuhi dengan ilmu yang meningkatkan hubungan dengan Allah (Abdul Latif, 2009)

Kerangka sains yang dibangunkan dalam kerangka sains tajaan barat hanya melibatkan hubungan antara manusia dan alam sahaja. Mereka menggunakan kecerdasan intelek dan logik akal semata-mata untuk memahami tabii alam yang sistematik melalui pengamalan kaedah saintifik tetentu yang bersesuaian dengan keadaan bahan yang dikaji. Manakala alam



dimanfaatkan oleh mereka melalui teknologi yang mereka hasilkan untuk kepentingan manusia atau orang-orang tertentu sahaja. Menurut teori Thomas Kuhn, kebenaran sains bergantung kepada paradigma yang menghasilkannya, namun begitu paradigma bukanlah absolute kerana ia boleh berubah apabila wujud banyak pemalsuan dan lahirnya paradigma baru (Abdul Latif, 2000). Adapun dalam kerangka sains Tauhidik, hubungan yang membina kerangkanya adalah Pencipta, manusia dan alam yang secara jelas dipecahkan kepada tiga hubungan utama iaitu, hubungan antara Tuhan dan alam, hubungan antara Tuhan dengan manusia dan hubungan antara manusia dengan alam (Mohd Yusof, 2014a, 2013). Sains Tauhidik adalah sains yang bercanggah dengan prinsip sains Barat kerana mengutamakan peranan Tuhan sebagai Pencipta segala sesuatu dengan konsep Tauhid yang mempunyai kuasa mentadbir alam secara mutlak. Manakala kerangka konsep yang membina sains Tauhidik terdiri daripada lima entiti yang utama iaitu, entiti Tuhan, entiti manusia, entiti alam, entiti al-Quran dan entiti al-Sunnah (Mohd Yusof, 2014a, 2013). Tuhan berperanan sebagai Pencipta, manusia dan alam bertindak sebagai makhluk. Manakala al-Quran sebagai kalamullah dan al-Sunnah daripada Rasulullah berfungsi sebagai suatu penanda aras kepada penerimaan segala aktiviti manusia di sisi Tuhan , batas kajian, bahkan petunjuk kepada alam dunia yang sistematik dan kehidupan selepasnya.

### **Langkah-Langkah Pengislaman Ilmu Melalui Pendekatan Sains Tauhidik**

Pemikiran Mohd Yusof yang mengupas agenda pengislaman ilmu terarah kepada ilmu sains tulen terutamanya bidang fizik yang menjadi bidang utama beliau. Sains sebagai suatu ilmu yang kebanyakannya daripada kita menganggap ia hanya bersifat rasional, mantik dan objektif boleh diluaskan lagi penerangan dan huraihan ilmu ini dengan kebergantungan kepada Pencipta ilmu itu sendiri. Perbincangan mengenai langkah-langkah untuk merealisasikan usaha pengislaman ilmu melalui pendekatan dan penjenamaan sains Tauhidik di peroleh daripada penulisan-penulisan serta ucapan Mohd Yusof. Lapan langkah yang terkumpul ini disusun mengikut keutamaan dan pengkhususannya. Penyenaraian ini menggambarkan pemikiran Mohd Yusof untuk membentuk sains yang terpelihara sifat asasnya yang rasional. Penentu yang menjadikannya rasional hanyalah Tuhan yang mencipta dan yang telah menetapkan segala ketetapan yang dianggap semula jadi oleh ilmuan-ilmuan yang mengenepikan peranan Tuhan dalam membangunkan pengetahuan sains.

Langkah-langkah yang tersenarai merupakan suatu ikhtiar untuk menyemarak dan menjadikan agenda pengislaman ilmu terlaksana tanpa menafikan peranan Pencipta dan peranan sains dalam memajukan umat manusia. Langkah-langkah yang perlu ada untuk menyahut seruan



pengislaman sains melalui pendekatan sains Tauhidik mengikut pemikiran Mohd Yusof melalui penulisan-penulisan beliau dirumus seperti berikut.


1. Memperakui dan menerima kehadiran Tuhan sebagai Pencipta manusia, alam dan segala kejadian (Mohd Yusof, 2014a, 2014b, 2013, 2010, 2009a).

Kewajipan pertama umat manusia yang hidup di atas muka bumi ciptaan Allah adalah mengenali dan beriman denganNya. Sekiranya manusia tidak mengenali Pemiliknya, maka mereka akan hidup dalam keadaan tiada tujuan hidup tanpa mengetahui kenapa mereka diwujudkan. Manusia sebegini akan terus melakukan kebinasaan di dunia dengan perbuatan dan tindakannya yang buruk kerana mereka tidak pernah bekerja untuk mendapat keredaan Tuhan. Langkah ini merupakan langkah yang paling utama dan menjadi syarat yang wajib ditetapkan dalam hati setiap individu muslim sebelum memulakan kerja-kerja sains. Bukan hanya dalam kerja-kerja sains, bahkan dalam segala urusan kehidupan, manusia. Mereka perlu meletakkan Allah sebagai Pencipta di kedudukan yang tertinggi dan berkuasa melakukan segala sesuatu walaupun tidak mampu difikir oleh kudrat akal manusia yang terbatas. Pengakuan ini menjadi titik tolak kepada pegangan insan yang beragama. Tauhid merupakan asas akidah umat Islam yang mengesakan Allah, bersesuaian dengan perkataan Tauhidik yang disandarkan

kepada perkataan sains yang merujuk kepada kata sifat, maka sains Tauhidik menginginkan umatnya agar menetapkan niat atas segala tindakan dan matlamat untuk mendapat keredaan Allah.

2. Memahami tiga jenis hubungan iaitu, (i) Tuhan dan alam, (ii) Tuhan dan manusia dan (iii) manusia dengan alam. Hubungan-hubungan ini perlu difahami mengikut cita rasa Islam yang menjadikan al-Quran dan As-Sunnah sebagai rujukan utama (Mohd Yusof 2013, 2014a).

Menurut Mohd Yusof (2014a, 2013) kerangka konsep sains Tauhidik mempunyai lima entiti utama iaitu Tuhan, manusia, alam, al-Quran dan as-Sunnah. Allah selaku Pencipta memainkan peranan utama kepada makhluk-makhluknya dalam meneruskan kehidupan. Kelima-lima entiti ini merupakan asas kepada pembinaan sains Tauhidik dan daripada entiti-entiti inilah yang membentuk hubungan-hubungan antara mereka iaitu alam, Pencipta dan manusia, manakala al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan kepada manusia. Hubungan-hubungan ini perlu difahamkan seperti yang dikehendaki oleh Islam. Tidak seperti ajaran Islam yang mementingkan hubungan antara Tuhan, alam dan manusia, sains konvensional hanya mementingkan dan memperluas hanya hubungan antara alam dan manusia sahaja.



3. Membangunkan pengetahuan sains melalui (Mohd Yusof, 2014a, 2014b, 2013, 2009a) kemampuan untuk mencerap fenomena tabii alam secara sistematis, mantik dan objektif dengan kaedah khusus yang diperantikan atau dibuat sedemikian, sehingga dapat menumpukkan atau menambah pengetahuan tentang fenomena yang dicerap. Kaedah yang digunakan mestilah kaedah yang boleh dipercayai oleh orang ramai. Dalam analisis sains, kebolehpercayaan ini dapat dilakukan dengan menggunakan teori ralat; sama ada menggunakan analisis berangka, atau analisis secara graf.

Dalam usaha untuk mendapatkan suatu ilmu terutamanya sains, andaian-andaian atau premis-premis tertentu perlu terlebih dahulu dibuat untuk menjadikan ia suatu yang relevan dan diterima. Ahli sains yang menjalankan kajian mereka perlu meletakkan andaian asas atau premis tertentu dalam pencerapan mereka. Andaian pertama yang biasanya digunakan oleh mereka adalah yakin dan percaya bahawa alam tabii berada dalam suatu sistem yang teratur dan terancang. Premis ini merupakan premis yang paling asas untuk memahami alam secara saintifik dan seterusnya membangunkan ilmu sains. Manakala premis yang kedua, manusia perlu mempunyai kemampuan

untuk berhujah dan memberi alasan yang rasional kepada setiap kejadian tabii alam yang mereka cerap. Premis-premis ini dibangunkan bersama langkah-langkah membangunkan sains mengikut cara Barat untuk memastikan pengetahuan sains mereka secara neutral atau bebas nilai.

Langkah ini merupakan suatu langkah yang perlu untuk mencapai pengetahuan sains dari pemikiran barat kerana ia tidak melibatkan kemasyarakatan dan peranan Tuhan sebagai Pencipta ilmu. Langkah ini disenaraikan sebagai antara langkah untuk membangunkan agenda pengislaman sains melalui pendekatan sains Tauhidik mengikut pemikiran beliau kerana bagi beliau (Mohd Yusof, 2014a), tidak menjadi suatu kesalahan bagi umat Islam untuk memahami sains menggunakan pendekatan Barat. Malah Islam amat menggalakkan umatnya memahami suatu fenomenon alam yang telah Allah jadikan secara tersusun dan terancang dan bukannya secara kebetulan. Langkah yang ketiga ini menjadi harmoni mengikut kehendak agama setelah melalui langkah-langkah yang sebelum dan selepas daripadanya.

4. Memahami dan memasukkan konsep-konsep yang perlu ada untuk membangunkan sains Tauhidik yang lebih beretika dalam menilai dan menapis penerimaan sains kontemporari (2014a, 2013).

Oleh kerana sains tauhidik yang dibincangkan oleh Mohd Yusof tidak menolak penggunaan atau cara-cara untuk mendapatkan ilmu daripada cara yang disampaikan oleh Barat yang tidak melibatkan Pencipta dan nilai-nilai, selagi ia tidak menyimpang daripada ajaran agama, ilmu tersebut boleh diguna pakai dan disebarluaskan, maka konsep-konsep yang diterangkan oleh agama perlu dimasukkan dalam huriahan sains untuk mengharmonikan sains agar bersesuaian dengan kehendak agama yang mentauhidkan Allah. Konsep yang digunakan oleh Mohd Yusof (2014a) dalam pengislaman sains amat jelas melalui sains tauhidik yang diajukan oleh beliau. Konsep utama yang menjadi asas dalam pembinaan dan pemahaman sains Tauhidik adalah konsep tauhid yang merujuk kepada konsep ketuhanan. Konsep ketuhanan yang diperlukan untuk membina sains tauhidik membincangkan tentang keesaan Allah taala dalam mengatur perjalanan alam. Namun begitu, konsep ini bukanlah satu-satunya konsep yang ada untuk memahami sains Tauhidik, tetapi Sains tauhidik perlu melibatkan sembilan, konsep tuhan, konsep khalifah, konsep insan, konsep ilmu, konsep alam, konsep kebijaksanaan, konsep adil dan konsep kebenaran.

5. Memperkenalkan subjek sejarah sains supaya masyarakat dapat mengetahui sejarah sains yang sebenarnya, iaitu bukannya bermula dari Barat. Sains sebenarnya lahir bersama-sama

dengan kehadiran manusia di muka bumi ini, dan peradaban Islam telah melahirkan sains yang mendahului Barat (Mohd Yusof 2014a, 2009b, 2009c, 2009d, 2009e, 2009f, 2009g).

Sejarah merupakan suatu ilmu yang mengkaji dan membincangkan suatu perkara yang telah berlaku pada zaman lampau yang mampu untuk menarik minat manusia untuk terus membangunkan wawasan diri dan menjadikan ia sebagai langkah awal untuk memulakan sesuatu perancangan tertentu. Ilmu sains yang disampaikan dalam sistem pendidikan kini terutamanya di Malaysia, kebanyakannya hanya menaikkan dan menonjolkan nama-nama ilmuan Barat sebagai ilmuan awal yang memperkenalkan suatu ilmu sains, sedangkan sains tersebut lebih awal telah diperkenalkan oleh ilmuan-ilmuan daripada zaman sebelumnya. Taktik ini digunakan oleh Barat untuk manusia terus mengangkat dan menyanjung mereka. Maka kajian sejarah sebenar serta penyampaiannya harus dilakukan dengan teliti agar penemuan-penemuan, pembangunan tamadun serta sains yang terbentuk dapat diketahui dengan jelas agar dapat memberikan pedoman kepada manusia dan kembali kepada yang Haq, serta sedar daripada terus mengagung-agungkan sains Barat dan melenyapkan kenyataan sejarah yang sebenarnya.



6. Memperkenalkan subjek falsafah sains supaya masyarakat mengetahui bahawa sains itu lahir daripada tuntutan manusia untuk hidup. Sains juga lahir berdasarkan persepsi manusia terhadap hidup. Yang membangunkan sains ialah tasawur (pandangan alam manusia) (Mohd Yusof 2014a, 2009b, 2009c, 2009d, 2009e, 2009f, 2009g).

Falsafah sains sekular ialah falsafah yang tidak mengambil kira ajaran agama dan budaya. Maka ini perlu diperbetulkan agar ia bersesuaian dengan kehendak agama. Subjek sejarah dan falsafah sains yang sebenarnya bakal menyedarkan masyarakat tentang kepentingan sains.

7. Memperkenalkan subjek etika dalam amalan sains (Mohd Yusof 2014a, 2009b, 2009c, 2009d, 2009e, 2009f, 2009g)..

Subjek itu pula perlulah meliputi konsep adab, akhlak dan maratib (ketertiban) atau keutamaan (Mohd Yusof 2014, 2009). Subjek ini diperkenalkan kepada pelajar-pelajar untuk meletakkan perkara asas dalam pemahaman pelajar kepada sains agar mereka mampu membuat pertimbangan sendiri diatas setiap ilmu yang diterima oleh mereka terutamanya sains. Subjek etika ini perlu diperkenalkan atas nilai ketuhanan. Nilai ketuhanan ini lahir daripada kepercayaan yang bersungguh-sungguh

daripada ahli sains bahawa Allah itu Maha Berkuasa dan Maha Menjadikan. Manakala saintis tauhidik membentuk pemikiran seorang sarjana sains yang dapat menzahirkan konsep ketuhanan dalam dirinya dalam beliau berinteraksi dengan segala aktiviti sains (Mohd Yusof 2010c). Mohd Yusof menekankan etika-etika Islam perlu diterapkan dalam membangunkan sains. Etika Islam lebih sinonim dengan sebutan adab dan akhlak yang menjadi tatacara manusia yang diterima oleh Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Bagi Mohd Yusof (2009a &2014a), perbezaan asas antara sains yang bersifat ketuhanan yang beliau gelarkan dengan sains Tauhidik dengan sains sekular adalah terletak kepada etika yang mereka amalkan dalam membangunkan sains dan teknologi mereka. Oleh kerana sains moden yang dibangunkan hari ini dibentuk dalam tamadun barat yang tidak beretika dengan etika ketuhanan, maka sains ini menyumbang kepada kemusnahan alam hasil daripada kerakusan manusia mengeksplorasi alam untuk kepentingan tertentu semata-mata.

Sains yang telah sekian lama terpisah daripada sistem nilai perlu disatukan semula dengan etika-etika Islam agar sains yang terbentuk diterima sekali gus oleh agama dan sains sendiri. Agama Islam merupakan agama yang mewajibkan umatnya mengaplikasi dan mematuhi aturan-aturan Islam dalam semua pekerjaan dan tindak tanduk manusia. Justeru, umat Islam perlu



berusaha memikirkan langkah agar agama, sains dan falsafah yang selama ini terpisah sejak zaman kegemilangan tamadun Barat ini ditapis, dihubungjalin dan diharmonikan semula. Begitu juga dengan sains dan etika yang boleh menstabilkan kehendak sains dan kehendak jiwa manusia yang memerlukan kepada adab-adab berTuhan dalam mengendalikan sains dan kehidupan. Perkara ini bakal memberi kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan keseluruhan umat manusia kerana perasaan tanggungjawab kepada Tuhan menjadi kayu ukur kepada setiap tindak tanduk mereka dalam membangunkan sains dan teknologi demi menuruskan kehidupan mereka.

8. Mengajarkan sains dalam bahasa Melayu atau bahasa Indonesia agar mudah difahami oleh setiap warga Malaysia (Mohd Yusof 2014a, 2009b, 2009c, 2009d, 2009e, 2009f, 2009g).

Menurut Mohd Yusof (2009a), bahasa mempunyai hubungan yang cukup erat dengan sistem berfikir seseorang. Berfikir tidak boleh dipisahkan dengan bahasa yang dengannya pemikir dapat berfikir. Justeru, langkah yang kelapan ini lebih menumpukan kepada penyediaan sistem pendidikan sains di Malaysia yang perlu menggunakan Bahasa Melayu. Untuk membangunkan sains dan teknologi dalam budaya di Malaysia dengan budaya Melayu sebagai terasnya, maka penyampaian ilmu sains perlu dilakukan dengan

perantaraan bahasa Melayu. Bagi beliau lagi, sains dan teknologi tidak boleh dibangunkan terpisah dengan citarasa dan aspirasi umat, dengan kata lain, sains dan teknologi perlu dibangunkan dalam acuan sendiri melalui bahasa, budaya dan cita rasa sendiri. Langkah ini juga telah lama dititik beratkan oleh Ungku Omar melalui penulisan-penulisannya sejak tahun 1958 lagi. Bagi Ungku Omar (1958) pentingnya bahasa Inggeris diganti kepada bahasa Melayu demi mencapai kemajuan dan kesihatan bangsa. Beliau menerangkan tentang kemunduran masyarakat Melayu pada waktu itu berpunca daripada kurangnya ilmu pengetahuan dan kurangnya ilmu pengetahuan berpunca daripada kelemahan mereka memahami bahasa Inggeris. Seandainya segala urusan di negara ini termasuk pendidikan menggunakan Bahasa Melayu, masalah kemunduran mampu untuk dikurangkan kerana mereka memahami ilmu dengan sewajarnya.

Isu bahasa ini bukanlah isu yang baru dipertahankan oleh pihak tertentu yang kebanyakannya terdiri daripada para ilmuan. Isu ini menjadi agenda penting untuk membangunkan masyarakat Melayu yang berilmu, bahkan usaha ini juga mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu yang kian dipandang mudah oleh sesetengah pihak yang terlalu mengagungkan bahasa penjajah. Cogan kata ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ tidak bertepatan kepada masyarakat Melayu jika pendidikan yang disediakan menafikan peranan dan

kebolehan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu untuk memberikan kefahaman yang jitu kepada mereka. Pendek kata, jika ilmu sains hanya mampu disampaikan dalam bahasa Inggeris, mereka yang kurang penguasaan Bahasa Inggeris tentu sekali akan ketinggalan dalam memahami sains. Justeru, ini bukan hanya merugikan diri pelajar tersebut bahkan merugikan negara. Mungkin ada yang berpendapat bahawa ini merupakan isu lama dan masyarakat Malaysia sudah mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk menguasai ilmu terutamanya sains. Pendapat ini hanya pandangan yang membawa tuli tanpa melihat kepada pelajar-pelajar dari golongan bawahan, kampung-kampung dan pedalaman yang masih memerlukan penggunaan bahasa yang mereka gunakan dalam pertuturan sehari-hari sebagai bahasa menyampaikan ilmu dalam pendidikan mereka. Menurut al-Attas (1972), perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu itu merupakan suatu aspek penting dalam proses pengislaman Kepulauan Melayu-Indonesia. Langkah ini, bukan hanya mampu mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa yang layak untuk digunakan sebagai bahasa perantara dalam menyampaikan ilmu. Bahkan perkara ini meraikan masyarakat terutamanya golongan bawahan yang berbangsa Melayu untuk menerima dan memahami ilmu sains dengan bahasa yang mereka fahami. Justeru, Malaysia mampu meningkatkan peratusan pelajar

faham ilmu, sekali gus mengurangkan rasa rendah diri dalam kalangan mereka kerana tidak mampu menguasai ilmu hanya kerana tidak memahami sepenuhnya ilmu yang disampaikan dengan bahasa yang bukan menjadi bahasa pertuturan mereka sehari-hari.

Jika dilihat secara menyeluruh kepada langkah-langkah pengislaman ilmu melalui pendekatan sains Tauhidik ini, langkah pertama memegang konsep tauhid bersesuaian dengan penjenamaan Sains Tauhidik yang memerlukan sains disandarkan kepada Pencipta yang Maha Esa. Langkah pertama ini menjadi suatu tapisan awal kepada langkah seterusnya dalam membangunkan sains yang bersesuaian dengan kehendak Islam. Manakala langkah kedua yang mementingkan hubungan antara Pencipta, manusia dan alam merupakan hubungan yang mendorong kepada manusia tahu dan faham akan peranan antara makhluk dan Pencipta. Langkah ketiga yang menerangkan cara-cara memperoleh ilmu sains yang menunjukkan kepada kita bahawa jika sains tidak melalui sistem tapisan agama, maka manusia akan terus hanyut dalam dunia rasional tanpa mempedulikan agama dan kemanusiaan yang lebih bersifat subjektif. Langkah ini tidak melibatkan peranan agama dan budaya, dan digunakan hanya untuk memahami tabii alam semata-mata, ilmu sains yang diperoleh melalui cara ini perlu melalui tapisan agama terlebih dahulu dengan melalui langkah satu dan langkah dua



sebelum ilmu sains tersebut perlu diterima, ditolak atau diubahsuai mengikut kesuaian dan penerimaan agama Islam. Ilmu sains yang diterima setelah melalui langkah satu, dua dan tiga diterapkan dengan konsep-konsep Islam yang telah diutarakan oleh Mohd Yusof untuk membentuk jiwa manusia yang yakin dengan setiap ketentuan yang telah dirangcang oleh Tuhan sebagai sebaik-baik Perancang.

Langkah kelima keenam dan ketujuh lebih menumpukan kepada sistem pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pendidikan di Malaysia. Mereka harus menjadikan saranan-saranan yang terdapat dalam ketiga-tiga langkah ini sebagai suatu silibus wajib bagi sekurang-kurangnya semua sekolah di peringkat menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Pendedahan sejarah dan falsafah sains ini bertujuan membentuk jiwa pelajar yang yakin dengan masa depan sains Islam kerana sains adalah antara ilmu yang giat diasas dan dibangunkan di zaman kegemilangan Islam terutamanya pada tahun 700 Masihi sehingga 1350 Masihi. Langkah ini seterusnya bakal memupuk minat pelajar untuk terus mendalami sains Islam dan seterusnya memperjuangkannya sehingga sains Islam mampu mengganti dan menguburkan sains yang terbentuk dalam acuan Barat. Manakala langkah yang terakhir yang menjadi perkara yang seringkali dititik beratkan oleh Mohd Yusof dalam kebanyakan penulisan dan ucapan beliau adalah suatu langkah

untuk memberikan kefahaman yang sebenar terutamanya kepada para pelajar tentang suatu yang mereka pelajari melalui penggunaan atau perantaraan bahasa yang difahami oleh mereka.

Langkah-langkah yang pernah diungkapkan oleh Mohd Yusof melalui lisan dan penulisan beliau dalam usaha untuk menyemarakkan agenda pengislaman ilmu melalui pendekatan sains Tauhidik berusaha untuk mencapai objektif-objektif yang sepatutnya perlu dicapai bagi mengembangkan usaha-usaha pengislaman sains. Langkah pertama dan kedua adalah untuk memenuhi fitrah manusia yang bertuhan dan sentiasa bertanggungjawab kepada Allah dalam melakukan segala pekerjaan bagi menjamin pekerjaan yang bukan hanya bermanfaat untuk kehidupan manusia dan alam semata-mata, namun mampu memperoleh keridhoan Allah. Objektif bagi langkah ketiga adalah untuk manusia menguasai disiplin serta metodologi ilmu sains moden yang ada pada hari ini. Manakala gabungan langkah-langkah pertama, kedua, ketiga dan keempat lebih menjurus kepada objektif untuk menentukan kebolehterimaan Islam terhadap ilmu sains moden. Manakala langkah kelima, keenam dan ketujuh adalah untuk mencapai objektif kesedaran manusia dalam bahagian pendidikan tentang pembangunan sains melalui hubungkait khazanah pembangunan ilmu dalam peradaban manusia terutamanya zaman kegemilangan Islam dengan ilmu sains



moden. Langkah kelapan adalah untuk mencapai objektif agar manusia memahami sains secara tepat melalui perantaraan bahasa yang mampu difahami secara keseluruhannya.

### Sains Tauhidik Ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu

Abdul Latif (2016) mendefinisikan orang Melayu dari segi sejarah sebagai "Orang awal dan keturunan mereka yang berkerajaan di Asia Tenggara dan kawasan sekitarnya". Manakala tamadun Melayu kini merupakan sebuah tamadun yang telah dibentuk oleh kumpulan orang Melayu yang tertumpu di Nusantara. Agama Islam telah menjadi asas utama dalam pembentukan tamadun Melayu. Islam adalah sebuah agama yang mementingkan umatnya supaya menuntut ilmu yang bermanfaat untuk memperkuatkan jati diri insan yang unggul dengan nilai-nilai Islam secara syumul atau menyeluruh yang ditekankan dalam kehidupan bangsa Melayu. Sejarah telah mencatatkan bahawa semenanjung Malaysia yang asal namanya Tanah Melayu merupakan tanah yang berkewajipan Melayu dan bangsa ini jugalah yang bertanggungjawab dalam membangunkan tamadunnya. Menurut Perlembagaan Persekutuan, istilah Melayu adalah merujuk kepada seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat dan adat resam Melayu (Perlembagaan Persekutuan, Fasal 160 [2]) (Zainal t.th.).

Penakrifian kepada istilah Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa sesiapa sahaja yang berbangsa Melayu sewajibnya beragama Islam dan mengamalkan adat-adat yang terdapat dalam amalan masyarakat Melayu. Namun, jika seseorang yang berdarah Melayu yang bukan beragama Islam dan mengamalkan budaya dan adat resam yang bukan menjadi amalan masyarakat Melayu, maka tidak layak baginya digelar sebagai bangsa Melayu yang menjadikan Islam sebagai asas jati diri.

Pemantapan jati diri bangsa Melayu dibentuk dan diperkuatkan melalui warisan turun temurun dan saluran pendidikan yang menepati kehendak agama Islam untuk menjamin kemaslahatan hidup, bukan hanya di dunia tetapi juga melibatkan kehidupan selepasnya. Terdapat empat teras utama dalam pembinaan jati diri bangsa Melayu (Nik Rosila, 2009) iaitu, teras taqwa, teras akhlak, teras ilmu pengetahuan dan teras muamalat. Teras-teras ini lebih menjurus kepada peranan agama dan ilmu pengetahuan yang berkisar tentang sains dengan kelebihan yang ada pada Bahasa Melayu. Untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan (Tajul Ariffin & Nor 'Aini Dan, 2002). Namun begitu, jika dilihat pada situasi hari ini, kebanyakan penyampaian ilmu terutamanya sains kepada masyarakat Melayu bukanlah mengikut landasan, hurai atau kepenggunaan yang menepati kehendak

ajaran agama. Sains hari ini adalah sains yang telah melalui proses pengsekularan yang diterima daripada tamadun Barat yang membawa pengaruh yang kuat kepada Tamadun Melayu kerana diterapkan dalam sistem pendidikan rasmi negara. Ilmu yang tidak disandarkan kepada Penciptanya ini akan melahirkan insan yang rakus kepada keuntungan dunia semata-mata dan seterusnya menyumbang kepada keruntuhan Tamadun Melayu yang menyandarkan kekuatannya kepada Islam.

Dalam usaha untuk mengembangkan tamadun melalui pemerksaan jati diri bangsa Melayu yang beragama Islam melalui saluran pendidikan, pengtingnya penyampaian ilmu sains yang memenuhi kehendak ajaran Islam. Pengembalian atau pembersihan ilmu dari unsur-unsur sekular perlu dilakukan agar ilmu sains yang disampaikan tidak merosakkan jati diri bangsa dan menjarakkan hubunganya dengan agama Islam. Proses yang diperlukan untuk mengembalikan dan menyandarkan ilmu kepada Penciptanya inilah yang digelar sebagai pengislaman sains. Manakala sains tauhidik melalui langkah-langkah dan skop perbincangannya adalah sebagai suatu pendekatan pengislaman ilmu yang difikirkan untuk menjaga bukan hanya ilmu sains dan masyarakat Islam semata mata, bahkan meneliti isu bahasa Melayu sebagai Bahasa yang mampu digunakan dalam penyampaian ilmu sains. Isu bahasa

merupakan suatu isu yang sangat penting untuk memastikan sains yang diajar kepada masyarakat Malaysia disampaikan dalam bahasa yang boleh diterima dan difahami oleh rakyat seluruhnya. Tambahan pula, isu bahasa di Malaysia menjadi suatu perkara yang perlu ditekan dan diambil berat kerana isu bahasa terkandung dalam perlembagaan Malaysia. Manakala sains dan teknologi perlu dikuasai untuk memastikan agenda pembangunan negara terlaksana. Sememangnya banyak penulisan-penulisan sains dan teknologi ditulis dalam bahasa Inggeris yang diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa, namun begitu, bagi Mohd Yusof (2014a) sebagai pejuang Bahasa Melayu, beliau menafikan kenyataan pihak-pihak tertentu yang mengatakan pelajar hanya mampu mempelajari dan menguasai sains dan teknologi melalui perantaraan bahasa Inggeris sahaja. Kenyataan ini terlalu mengagungkan bahasa luar dan sekali gus merendah-rendahkan kebolehan Bahasa Melayu untuk menjelaskan dan membangunkan sains dan teknologi.

Kebanyakan ahli sains tabii terutamanya yang mendapat pendidikan dari negara Barat akan sentiasa mengagung-agungkan penggunaan bahasa Inggeris sehingga lupa kemampuan dan peranan bahasa Melayu yang lebih utama untuk memahamkan ilmu kepada rakyat di negara ini. Ini berbeza dengan pendirian yang dipegang oleh Mohd Yusof yang terus menerus mempertahankan

penggunaan Bahasa Melayu. Pemahaman yang terbantut dalam kalangan pelajar tentang sesuatu ilmu membentuk perasaan rendah diri dan sukar untuk mereka menguasai bidang ilmu tersebut, sedangkan jika diajar dalam bahasa Melayu mereka menerima suatu ilmu tersebut dengan mudah dan meramaikan bilangan pelajar yang berilmu dan mencintai ilmu. Orang Melayu perlu berfikiran positif terhadap kemampuan bahasanya sendiri kerana Bahasa Melayu mampu berkembang maju sebagai bahasa ilmu sekiranya masyarakat di negara kita menyokong penuh dasar memartabatkan bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa rasmi dan bahasa perantaraan utama dalam sistem pendidikan negara di semua peringkat iaitu peringkat rendah menengah dan tinggi. Menurut Al-Attas (1972), bahasa Melayu menggunakan perbendaharaan kata serta istilah-istilah Islam, bahasa yang logik, bahasa pemikiran akliah yang mengutamakan analisa dan ulasan saintifik, bahasa yang banyak mengandungi kesan pengaruh para penulis yang menggunakan Bahasa Melayu yang terdiri daripada ahli-ahli tasawwuf, ulama, ilmuan-ilmuan, penterjemah dan pendidik yang kesemuanya membawa pengaruh Al-Quran dalam menyanjung nilai penjelasan dan sifat akliah dalam ulasan, pertuturan dan penulisan.

Pendidikan adalah suatu hasil daripada bahasa dan akan sentiasa bergantung pada bahasa untuk melaksanakannya. Ini kerana pendidikan melibatkan penyampaian, tafsiran,

analisis, sintesis, pendalaman dan pengamalan konsep, idea, sekali gus mencerminka hakikat yang kesemuanya sangat memerlukan bahasa (Wan Mohd Nor, 2005). Menurut Mohd Yusof (2014a), apabila bahasa Melayu tidak lagi menjadi bahasa yang menyampaikan pengetahuan sains dan teknologi, maka akan hilanglah nilai-nilai agama dan budaya orang Melayu yang sememangnya tidak terpisah dengan Islam. Sebagai seorang saintis beliau amat yakin bidang sains dan teknologi perlu di ajar dalam bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan di bidang sains dan teknologi bukan hanya boleh membawa kepada pembinaan kefahaman yang tidak kukuh dan nyata kepada sebahagian besar pelajar tentang sains, memalapkan peranan Bahasa Melayu, malah melahirkan generasi yang terlalu mengagungkan sains dari dunia Barat yang langsung tidak menyediakan ruang untuk membincangkan peranan Tuhan dan agama dalam sains mereka. Bagi Mohd Yusof (2009a), bahasa mempunyai hubungan yang cukup erat dengan sistem berfikir dan berperanan sebagai perantara, medium pemahaman, pandangan alam dan membentuk budaya dan jati diri seseorang. Dalam usaha untuk mengembangkan sains dan teknologi terutamanya di bumi Malaysia dengan budaya Melayu sebagai terasnya, maka penyampaian ilmu sains itu sendiri perlu menggunakan bahasa Melayu. Bahasa, budaya, dan pembangunan sains dan teknologi tidak boleh dibangunkan

melalui keterpisahan dengan sistem nilai bagi membentuk dan membangunkan sains dalam acuan kita dengan penggunaan bahasa kita, budaya dan cita rasa kita.

### Kesimpulan

Keistimewaan agama Islam yang menjadi identiti bangsa Melayu telah menjadikan tamadun Melayu sebagai suatu tamadun yang gemilang. Pembangunan sains yang mengikut fitrah manusia yang cintakan kebaikan, keamanan dan kemajuan adalah suatu ikhtiar kearah menyelesaikan masalah kedudukan sains yang dipisahkan dari sistem nilai seperti yang telah dibentuk dalam tamadun Barat yang sekular. Bangsa Melayu seharusnya memantapkan jati diri mereka dengan pengamalan ajaran Islam dalam segala urusan kehidupan mereka, lebih-lebih lagi di bidang pendidikan yang memberikan manfaat untuk kehidupan di dunia dan kehidupan selepasnya. Mereka perlu sedar dan mengelak untuk terus berada dalam kepompong dan kekangan pola pemikiran sains barat dan berusaha mencari sistem yang benar-benar bertepatan dengan kehendak jiwa manusia yang bertuhan untuk membentuk tamadun Melayu dalam acuan Islam yang gemilang.

### RUJUKAN

- Abdul Latif Samian. 1999. *Falsafah Matematik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Latif Samian. 2000. *Perkembangan sains dan peradaban manusia*. Bangi: UKM
- Abdul Latif Samian. 2009. Al-Quran dan Assunnah dalam Falsafah Sains, Dalam *wacana sejarah dan falafah sains: sains dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latif Samian. 2016. *Permasalahan Melayu*. Dlm. Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 18 Okt 2016.
- Ismail Al-Faruqi. 1992. *Tawhid: Its Implications For Thought And Life*. Virginia: IIIT.
- Khalijah Mohd Salleh & Mohd Yusof Hj Othman. 2009. *Sains Tauhidik Sebagai Satu Kursus STPD*. Kertas kerja dalam Seminar Pendidikan Sains Teknologi Maklumat (SteM '09). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Asri. 2008. *Jadilah Ulul Albab, Bukan Pemilik Fikiran Lembab*. <http://drmaza.com/home/?p=164> [06 April 2016]
- Mohd Yusof Othman. 2014a. *Pengenalan Sains Tauhidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2014b. Sains Islam: Mengimbau Zaman Silam, Meneroka Masa Depan. Dalam



- Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid.* Bangi: Penerbitan UKM..
- Mohd Yusof Othman. 2013. *Sains dalam Maqasid al-Qur'an.* Bangi: Institut Islam Hadhari UKM.
- Mohd Yusof Othman. 2012. *Gagasan 1Malaysia: Kreativiti & Inovasi Dalam Pembinaan Peradaban.* Purrajaya: Akademi Kenegaraan BTN, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Yusof Othman. 2010a. "Al-Quran dan Sains (Nuklear)". Seminar Al-Quran Peringkat Pulau Pinang 1431H/2010M, anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Dewan Melenium, Kepala Batas, 18 Julai 2010.
- Mohd Yusof Othman. 2010b. "Etika dalam Sains: Tauhidik Berbanding Sekular". Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Mohd Yusof Othman. 2010c. "Mengapa Dunia Memerlukan Sains Tauhidik?". Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Mohd Yusof Othman. 2010d. "Pandangan masyarakat Terhadap Sains Kontemporari". Prosiding Bengkel Pengajaran Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Sains Tauhidik, Kumpulan Penyelidikan Membina Graduan Penyelidikan dalam Sains dan Teknologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Mohd Yusof Othman. 2009a. *Sains, Masyarakat dan Agama.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Yusof Othman. 2009b. Beberapa Kritikan Terhadap Sains Barat Moden. Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2009c. *Sains Tulen: Suatu Pendekatan Untuk Mengatasi Dualisme dalam Pendidikan Sains.* Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2009d. Isu Dalam pemikiran Sains. Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2009e. Mengembalikan Sains Insani. Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2009f. Sains dan Teknologi dari Perspektif Islam. Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Othman. 2009g. Etika dalam Penyelidikan Sains. Dalam *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Othman. 1998. *Isu dalam Ilmu dan Pemikiran*. Kajang, Aras Mega Sdn. Bhd.

Nik Rosila Nik Yaacub. 2009. *Pembinaan Identiti Diri Bangsa Melayu: Dari Perspektif Pendidikan Psikososial*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Shaharir Mohamad Zain. 2000. Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-Attas Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam Sejarah dalam Kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM

Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia*:

*Pendekatan bersepadu*. Selangor: Al-Syabab Media.

Ungku Omar. 1958. Bahasa Melayu dalam Lapangan Kesihatan, perubatan dan Rumah sakit. Majallah Bulanan Dewan Bahasa, Vol. II (1958) 530-35

Wan Mohd Aimran Wan Mohd kamil. t.th. *Beberapa Saranan Pengukuhan Bagi Kursus Stpd 2143 Pengenalan Sains Tauhidik*. Bangi: Pusat Pengajian Fizik Gunaan, Fakulti Sains dan Teknologi,

Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam* Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya

Zainal Kling. t.th. *Islam dan Kebudayaan Alam Melayu*. Malaysia: Universiti Malaya.  
<http://portalfsss.um.edu.my/portal/uploadFolder/pdf/Islam%20dan%20Kebudayaan%20Alam%20Melayu.pdf>, [19.02.2016].



## **Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai Lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam**

**Noor Azam bin Abdul Rahman<sup>1</sup>, Noraziah Mohd Amin<sup>2</sup>, Wan Noorli Razali<sup>3</sup>.**


<sup>1</sup> *Unit Bahasa dan Sains Sosial, Kolej Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Putrajaya, Malaysia*

<sup>2</sup> *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia*

<sup>3</sup> *Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia*

**Abstrak:** Sejarah perkembangan tulisan Jawi sangat berkait rapat dengan penyebaran agama Islam daripada orang Parsi ke Kepulauan Melayu. Tulisan Jawi dalam pembinaan tamadun Melayu, khususnya pada zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka telah digunakan dalam bidang persuratan sebagai cara untuk merakamkan segala khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Pada zaman Kerajaan Melayu Melaka juga, kemahiran menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan dalam bahasa Melayu merupakan salah satu identiti bagi bangsa Melayu beragama Islam. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan pelajar Melayu hari ini sudah tidak berminat membaca dan menulis menggunakan tulisan Jawi. Berdasarkan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi (UNITEN) berkaitan kemahiran menggunakan tulisan Jawi sebagai salah satu lambang identiti bangsa Melayu, dan kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium pengumpulan data, dan data yang dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian mendapat, majoriti pelajar Melayu UNITEN yang terlibat dengan kajian ini bersetuju bahawa kemahiran menggunakan tulisan Jawi merupakan salah satu lambang identiti bagi bangsa Melayu di Malaysia. Hasil kajian juga menunjukkan sebilangan besar responden bersetuju kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti Melayu beragama Islam.

**Kata kunci:** Tulisan Jawi, identiti Melayu, kemahiran Jawi.



## Pengenalan

Hasni Zakaria (2014), menjelaskan dalam identiti terangkum elemen-elemen yang menyerlahkan ciri unik yang membezakan di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain. Beliau telah membahagikan elemen tersebut kepada beberapa pecahan, termasuklah agama, bahasa, pakaian, makanan, nilai, norma dan sebagainya. Ini bermakna, setiap bangsa mempunyai elemen tersendiri yang perlu dipelihara sepanjang zaman seperti mempertahankan identiti bangsa yang berkait rapat dengan kepentingan identiti dari aspek 'kepunyaan' (*sense of belonging*) sebagai lambang kewujudan sesebuah bangsa dan tamadun.

Menurut Giddens (2008), identiti sesebuah bangsa merupakan himpunan makna dan pengalaman yang menjelaskan tentang siapa seseorang itu atau kelompok itu pada pandangan diri mereka sendiri (*self*) dan pada pandangan orang lain (*other*). Ini bermakna, setiap bangsa di dunia ini telah mempamerkan identiti bangsa mereka berdasarkan pemahaman mereka tentang sesuatu yang dikaitkan dengan mereka. Termasuk juga pada pandangan orang lain terhadap sifat-sifat tersendiri dan karakteristik bangsa mereka yang dikenali oleh orang lain.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Rashid (2004) menegaskan bahawa pelajaran tulisan Jawi adalah antara mata pelajaran yang tidak popular dalam kalangan pelajar di sekolah. Tambah Rashid (2004) lagi, sebahagian masyarakat kita

memandang rendah terhadap tulisan Jawi. Faisal Kadir (2011) pula menjelaskan, peranan besar yang dimainkan oleh tulisan Jawi telah diambil alih oleh tulisan Rumi. Jelaslah di sini bahawa realiti tentang kedudukan tulisan Jawi kini amat membimbangkan terutama di kalangan generasi muda kerana tulisan jawi mencerminkan identiti sesuatu bangsa itu. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti persepsi pelajar Melayu berkaitan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam.

### 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini melibatkan persepsi pelajar Melayu berkaitan kemampuan menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu, serta kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam. Terdapat dua objektif utama kajian ini. Objektif tersebut adalah seperti berikut; i. Mengenalpasti persepsi pelajar Melayu di UNITEN berkaitan kemampuan menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu. ii. Meneliti persepsi pelajar Melayu di UNITEN berkaitan kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam.

### 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjawab persoalan berikut;

Apakah persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kemampuan menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu?



Apakah persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini akan menambahkan lagi bahan rujukan berkaitan tulisan Jawi di Malaysia. Data yang dikemukakan melalui kajian ini boleh dijadikan asas kepada kajian yang lebih terperinci berkaitan tulisan Jawi.

### Kajian Literatur

#### 2.1.1 Sejarah Tulisan Jawi di Malaysia

Kepesatan pengaruh agama Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-13 secara tidak langsung telah mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu dan juga sistem tulisan yang digunakan. Ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, tulisan jawi telah digunakan sebagai tulisan utama dalam penulisan dokumen kerajaan, sama ada untuk catatan dokumen dalaman ataupun dalam dokumen hubungan diplomatik antara kerajaan-kerajaan Melayu dengan kerajaan luar arcipelago (Hashim Musa, 2006:70). Ini menunjukkan tulisan jawi pernah mengecap tempoh kegemilangannya sebagai sistem tulisan yang penting dalam pelbagai urusan pentadbiran kerajaan dan telah terbukti keupayaan tulisan jawi sebagai alat komunikasi bertulis yang boleh diterima oleh pengguna bahasa lain (Aziah Binti Ismail, 2000).

Penggunaan tulisan jawi dalam penulisan bahasa Melayu telah

menjadikan tulisan jawi sebahagian daripada identiti bagi masyarakat Melayu. Hal ini selari dengan kemasukan agama Islam di Tanah Melayu sejak kurun ke-13 di Melaka. Para pendakwah Islam telah mula menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi dalam penyampaian dakwah mereka di Tanah Melayu (Aziah Binti Ismail, 2000:18).

Oleh itu jelaslah bahawa tulisan jawi merupakan sistem tulisan yang dicipta oleh masyarakat Melayu yang berasaskan huruf-huruf Arab semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Sistem tulisan jawi mempunyai hubungan yang rapat dengan bahasa Arab, atas faktor agama Islam (Aziah Binti Ismail, 2000:18).

#### 2.1.2 Sistem Tulisan Jawi

Menurut Abd Jalil bin Borham (2012), seorang sarjana Islam, Ibn Battuta telah menggunakan istilah, al-Djawah untuk merujuk kepada Kepulauan Melayu, manakala perkataan, Jawi adalah nama gelaran untuk orang-orang yang tinggal di rantau ini. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir dan Wan Zana Erine Wan Ismail (2015), istilah, "Jawi" merujuk kepada huruf-huruf Arab dengan penambahan beberapa huruf baru yang disesuaikan bagi menulis dalam bahasa Melayu, manakala tulisan Jawi pula bermaksud tulisan yang menggunakan huruf-huruf Jawi. Tulisan Jawi adalah sejenis sistem tulisan yang ditulis dari kanan ke kiri selain ditambah dengan enam huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu *ca*, *pa*, *ga*, *nga*, *va* dan *nya* (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir dan Wan Zana Erine Wan Ismail,

2015) . Tulisan Jawi telah melalui beberapa fasa perubahan. Menurut, Asyraf Ridwan Ali dan Berhanundin Abdullah (2015), tulisan Jawi telah dicipta daripada tulisan Arab dengan penyesuaian fonem-fonem yang wujud dalam bahasa Melayu.

Mahyudin Yahya (1986:12) menjelaskan bahawa, tulisan jawi adalah sejenis tulisan yang menggunakan abjad Arab yang telah disesuaikan untuk menulis bahasa Melayu. Tulisan jawi telah mengadaptasi tulisan Arab untuk disesuaikan dengan sebutan dalam bahasa Melayu. Sebanyak enam huruf baru telah dicipta sebagai tambahan kepada huruf Arab sedia ada bagi melengkapkan bunyi berdasarkan sebutan bahasa Melayu. Contoh ejaan dan penulisan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi adalah seperti berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu		Bahasa Arab
Tulisan rumi	Tulisan jawi	Tulisan rumi	Tulisan arab
cow	لَمْبُو	lembu	بقرة
car	كَرِيْتَا	kereta	سيارة
house	رُومَه	rumah	منزل

## 2.2 Identiti Bangsa Melayu

Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan mendefinisikan Melayu sebagai, ‘seseorang yang beragama Islam, mereka ini bercakap dalam Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu...’ (2012: 141). Berdasarkan definisi ini, makna

‘Melayu’ dikategorikan sebagai, seseorang itu perlu beragama Islam, boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Ini bermakna, di Malaysia seseorang yang beragama Islam secara langsung akan dikaitkan dengan berbangsa Melayu. Oleh itu, pengenalan utama untuk masyarakat Melayu adalah agama Islam sebagai anutan mereka.

A. Aziz Deraman (2000) menyatakan bahawa istilah, ‘Melayu’ di Malaysia antara lainnya merujuk kepada faktor agama dan agama Islam menjadi penentu kemelayuan sejati seseorang. Oleh itu, penghayatan Islam amat penting di dalam mengekalkan identiti Melayu seseorang individu yang mewarisi darah Melayu. Md Salleh Yaapar (2014) pula menjelaskan tentang definisi identiti Melayu melalui pecahan tiga kelompok; Pertama, mereka adalah Malayo-Polynesia yang terdiri dari banyak suku-kaum atau puak dalam konteks rumpun bangsa yang sangat besar dari segi aspek geografi. Kedua, mereka adalah Melayu yang menetap di Kepulauan Melayu sekarang, termasuk di Filipina dan Melayu diaspora yang berhijrah ke Afrika Selatan, Sri Langka, barat Australia dan lain-lain semenjak zaman penjajahan lagi. Ketiga, ialah Melayu di Malaysia yang identiti kemelayuannya ditentukan oleh perlembagaan negara’ (Md Salleh Yaapar,2014:17).

## 2.3 Tulisan Jawi dan Identiti Melayu Islam

Pada Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) kali Ke-174, Sultan Perak, Sultan Nazrin

Muizzuddin Shah telah bertitah bahawa huruf-huruf yang terkandung dalam kitab al-Quran menjadi sumber penciptaan huruf dan tulisan Jawi yang telah berakar umbi di Malaysia dan menjadi sebahagian daripada budaya dan identiti bahasa Melayu (*Tidak Rela Warisan Bangsa Dihina*, 2011). Baginda juga bertitah bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara keupayaan membaca dan menulis Jawi dengan penghayatan terhadap Islam yang boleh dijustifikasi dengan adanya Al-Quran, Hadis dan kitab-kitab utama agama Islam yang ditulis dalam tulisan jawi. Baginda juga melahirkan rasa khuatir berkenaan ketidakupayaan orang Islam untuk menguasai tulisan Jawi yang akan menjauhkan mereka daripada sumber dan naskhah asal khazanah ilmu hasil karya pujangga dan ilmuwan Islam (*Tidak Rela Warisan Bangsa Dihina*, 2011). Tulisan Jawi boleh dianggap sebagai alat untuk pembelajaran tentang Islam di samping merupakan warisan kebudayaan Melayu yang unggul (Nazimah Binti Mohamad @ Mohd Noor (2013). Penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan orang Melayu beragama Islam sangat penting sebagai satu cara untuk mendekatkan diri kepada Islam melalui sumber ajaran Islam iaitu Al-Quran dan Sunnah dan ini dapat direalisasikan dengan menghayati kemahiran tulisan Jawi. Penguasaan tulisan Jawi juga boleh menjadi cara untuk mempertahankan identiti keislaman kaum Melayu yang sepatutnya mencerminkan amalan agama di kalangan mereka (M.Mokhtar Shafii, 2000).

## Metodologi

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium pengumpulan data, yang kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS. Kajian yang hanya bersifat diskriptif ini tidak mencadangkan sebarang hipotesis, tetapi hanya untuk mendapatkan jawapan daripada responden terlibat mengenai isu-isu yang diketengahkan.

### 3.2 Peserta-peserta Kajian

Para peserta yang mengambil bahagian dalam kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar Melayu di UNITEN yang sedang mengikuti program Kejuruteraan dan Sains Komputer. Terdapat 50 peserta lelaki dan 50 peserta perempuan yang berumur antara 21 hingga 23 tahun.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang mengandungi 18 soalan dalam bentuk pernyataan-pernyataan pendapat. Setiap soalan dinilai dari segi sejauh mana para responden bersetuju atau tidak bersetuju dengan sesuatu pernyataan dengan menggunakan Skala Likert daripada nilai 1 hingga 5 iaitu “Sangat Tidak Setuju” (1), “Tidak Setuju” (2), “Tidak Pasti” (3), “Setuju” (4), dan “Sangat Setuju” (5).

### 3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data telah dijalankan melalui prosedur tertentu bermula dengan pertemuan dengan para peserta di mana mereka terlebih dahulu telah diberikan taklimat mengenai objektif kajian dan cara untuk menjawab borang soal selidik. Seterusnya, responden

diberikan borang soal selidik dan mengisinya di hadapan para penyelidik bagi tujuan membolehkan peserta-peserta mendapatkan maklum balas yang cepat jika ada persoalan yang ingin ditanya. Para responden diberi masa yang mencukupi untuk melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan.

### 3.5 Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam perisian Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) versi 21 untuk tujuan analisis kuantitatif. Maklumat seperti min, mod, median, kekerapan dan sebagainya telah diperolehi daripada perisian ini untuk menjelaskan data yang diterima dengan lebih terperinci.

## 4.0 Dapatan Kajian

### 4.1 Kebolehpercayaan

Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	No. of Items
0.728	18

Analisis statistik terhadap kebolehpercayaan pernyataan yang dikemukakan kepada responden telah diuji menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* berada pada tahap .728. Berdasarkan nilai tersebut, senarai pernyataan yang telah dikemukakan melalui borang soal selidik menepati objektif dan persoalan kajian.

4.2 Apakah persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kemampuan menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu?

Berdasarkan Lampiran 1, Majoriti pelajar Melayu UNITEN bersetuju bahawa kemampuan menggunakan tulisan Jawi adalah lambang identiti bangsa Melayu. Ini dapat dilihat apabila jumlah pelajar yang bersetuju dengan item 1 (“Kemampuan dalam menggunakan tulisan Jawi dengan baik dapat menjadi petunjuk (indikator) bagi identiti sejati (tulen) bangsa Melayu”), 3 (“Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah warisan identiti Melayu zaman dahulu yang perlu diteruskan oleh generasi kini”), 4 (“Sebagai orang Melayu, saya berasa bangga jika boleh membaca tulisan Jawi dengan baik”), 5 (“Sebagai orang Melayu, saya berasa bangga jika saya boleh menulis dalam tulisan Jawi dengan baik”), 6 (“Sebagai orang Melayu, saya bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah salah satu identiti bangsa Melayu”) dan 7 (“Saya berpendapat, jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran menulis dan membaca tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsa Melayunya”) di mana peratus pelajar yang bersetuju adalah 66%, 94%, 97%, 97%, 76% dan 79%. Hanya separuh daripada pelajar bersetuju bahawa “Orang Melayu yang masih berbangga dengan identiti bangsa Melayunya perlu belajar membaca dan menulis tulisan Jawi supaya identiti Melayunya terpelihara”. 36% bersetuju akan item 8 iaitu “Pada pendapat saya,



orang Melayu yang mempunyai kemahiran menulis dan membaca tulisan Jawi boleh dianggap berjaya mengekalkan identiti Melayunya” manakala hanya 17% merasakan bahawa “Bangsa Melayu harus berasa bertanggungjawab mengaitkan identiti mereka sebagai bangsa Melayu dengan kebolehan menggunakan tulisan Jawi”. Kebanyakan pelajar berpendapat bahawa tulisan Jawi adalah kriteria unik bangsa Melayu apabila 79% bersetuju dengan item 10 (“Pada pendapat saya, semua orang Melayu perlu berbangga kerana Bahasa Melayu mempunyai sistem tulisan Jawi sebagai salah satu identiti bangsa”), 74% bersetuju dengan item 11 (“Kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi adalah salah satu identiti bangsa Melayu yang membezakan orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia”) dan 85% bersetuju dengan item 12 (“Saya berpendapat, orang bukan Melayu yang mempunyai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi tidak boleh dianggap telah menjadi seorang Melayu, kerana tulisan Jawi adalah identiti bagi bangsa Melayu sahaja”).

Rujuk Lampiran 1.

4.3 Apakah persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam?

Berdasarkan Lampiran 2, Majoriti pelajar bersetuju dengan item 13 (“Kebolehan menggunakan tulisan Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jatidiri saya sebagai bangsa Melayu yang beragama Islam”) dan item 15 (“Sebagai seorang Melayu beragama Islam, kebolehan

menggunakan tulisan Jawi adalah penting bagi orang Melayu sebagai lambang identiti mereka”) apabila jumlah peratusan yang bersetuju adalah 77% dan 88%. Lebih daripada separuh bilangan pelajar iaitu 58% bersetuju bahawa “seseorang individu yang mahir menulis dalam tulisan Jawi merupakan individu yang kreatif kerana tulisan Jawi adalah susunan huruf-huruf Arab yang dicantumkan secara sistematik seperti satu hasil seni”. Respon yang agak negatif dapat dilihat pada item 14 (“Oleh kerana tulisan Jawi berkait rapat dengan tulisan Arab, kebolehan menggunakan tulisan Jawi dapat mengukuhkan lagi identiti bangsa Melayu yang beragama Islam”), 16 (“Saya berpendapat, tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan yang menarik dan berseni”) dan 18 (“Saya berpendapat, tulisan Jawi mempunyai bentuk tulisan yang menarik dan berseni”) dimana hanya 24%, 36% dan 44% bersetuju dengan pernyataan-pernyataan tersebut.

Rujuk Lampiran 2.

### Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa golongan muda pada masa kini masih lagi berpandangan bahawa keupayaan seseorang dalam menguasai tulisan Jawi amat berkait rapat dengan identitinya sebagai bangsa Melayu. Keupayaan membaca dan menulis menggunakan tulisan Jawi adalah satu sifat unik bangsa Melayu itu sendiri. Oleh yang demikian, kegemilangan warisan turun-temurun ini dilihat amat wajar diteruskan oleh generasi muda agar ia terus terpelihara. Persepsi golongan muda yang positif ini harus kitakekalkan

dan api semangat mereka dalam mempertahankan identiti masyarakat Melayu ini perlu terus marak. Ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk kerajaan dan institusi pendidikan dalam meningkatkan keupayaan anak-anak Melayu dalam menguasai tulisan Jawi. Ini amat penting apatah lagi apabila tulisan itu menjadi jambatan penghubung antara identiti Melayu dan agama Islam. Jika semua golongan muda mampu menguasai Jawi, ia akan mengangkat martabat dan kepentingan Jawi di mata masyarakat Melayu di masa depan dan ia secara tidak langsung memperluaskan penggunaannya meliputi segenap aspek kehidupan.

## Rujukan

### 1. Journal Papers

Hashim Hj. Musa, (2005). Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Ji/id 16. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

M Mokhtar Shafii, (2000). Perlaksanaan Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 9 Bil. 2 Disember 2000. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.

### 2. Text Book

A. Aziz Deraman, (2000). Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Federal Constitution (2012). International Law Book Services (ILBS).

Giddens A, (2008). *Sociology*. Cambridge: Polity Press. Page 8.

Hashim Musa (2006), Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mahyudin Haji Yahya (1986), *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: Penerbit UKM.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir & Wan Zana Erine Wan Ismail, (2015). *Sejarah dan Perkembangan Sistem Tulisan dan Ejaan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Rashid, Abd. Rahim Abd. 2004. *Jawi : Cemerlang, Gemilang dan Terbilang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### 3. Conference Proceedings

Abd Jalil Borham. 2012. *Tulisan Jawi: Tulisan Serantau*. Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012, 18 Oktober 2012, at Universiti Malaysia Pahang

Asyraf Ridwan Ali., & Berhanundin Abdullah. (2015). *Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia*. Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

### 4. Online Publications

Hashim Hj. Musa. (2005). Peranan tulisan jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian*

- Melayu, Jilid 16, 2005. Retrieved March 24, 2016 from [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/24027/Article\\_5.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/24027/Article_5.PDF)
- Hasni Zakaria, Novel Lyndon, (2014). Identiti budaya dan bahasa etnik Melayu Thesaban Takbai, Selatan Thailand: Satu analisa fenomenologi. Retrieved July 2016 from <http://jurnalarticle.ukm.my/8337/1/15x.geografi-nov14-hasni%26novel-edam.pdf>
- Md Salleh Yaapar (2014). Peri Nama, Asal Usul dan Identiti Melayu : Ke Arah Pencerahan yang Dinantikan. Siri Wacana Fikrah Ummah yang ke-9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved Jun 2016 from [http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/wacanafikrah\\_okt.pdf](http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/wacanafikrah_okt.pdf)
- Tidak rela warisan bangsa dihina. (14 Januari, 2011). *Utusan Online*.

Retrieved Jun 2016 from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm)

## 5. Theses

- Aziah Binti Ismail, (2000). Penggunaan Tulisan Jawi Di Kalangan Pelajar UPM. Serdang: Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Madihah Mohamad, (2007). Penggunaan Kemahiran Jawi di Kalangan Murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dissertation (M.Ed.), Fakulti Pendidikan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nazimah Binti Mohamad @ Mohd Noor, (2013). Penggunaan Modul Pembelajaran Kemahiran Jawi. Tesis Sarjana Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.



**Radin Anis Adlina Radin Hasbani<sup>1</sup> Syaidatun Nazirah Abu Zahrin<sup>2</sup> PM. Dr  
Mohamad Sabri bin Haron<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*

<sup>2</sup>*Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*

**Abstrak:** Kehadiran Islam adalah bertujuan untuk memenuhi semua tuntutan kehidupan. Wakaf adalah salah satu elemen yang dianggap sebagai satu pemberian kepada masyarakat. Wakaf termasuk dalam aspek filantrofi dan cinta kemanusiaan dan berkait antara satu sama lain kerana ia adalah satu cabang yang dilihat dalam Islam menjurus kepada sifat keprihatinan sesama muslim. Selain itu, aspek filantrofi atau kedermawanan juga menghubungkan cinta kemanusian yang menjadi asas kepada titik tolak kedamaian semua bangsa di seluruh Negara. Perbincangan semasa mengenai cinta kemanusiaan atau filantrofi amat kabur dalam pandangan umat Islam. Dengan adanya badan-badan organisasi wakaf dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan sekaligus dapat membantu ekonomi umat Islam ke arah yang lebih baik. Apabila wakaf dan cinta kemanusiaan dapat dihayati sepenuhnya, maka ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan ummah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif secara analisis tematik berkaitan Wakaf. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis sejauh mana badan-badan kerajaan memainkan peranan dalam membantu Masyarakat menjamin kesejahteraan Ummah.

**Kata Kunci:** Cinta Kemanusiaan, Wakaf, Filantrofi, Kedermawanan, Keprihatinan.

## PENGENALAN

Perkembangan wakaf bermula pada awal era Islam ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Sejarah peradaban Islam telah membuktikan bahawa peranan wakaf yang begitu signifikan terhadap pembinaan peradaban serta kekayaan milik umat Islam di seluruh dunia semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga hari ini. Sejak dahulu lagi, institusi wakaf berperanan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan sosial seperti pembinaan infrastruktur untuk kegunaan masyarakat seperti hospital, masjid, rumah kebajikan anak-anak yatim dan orang tua serta penyediaan bekalan air, dan juga untuk kegunaan aktiviti keagamaan seperti tanah kubur pembinaan masjid, madrasah dan sekolah agama. Wakaf juga berperanan membentuk diri setiap muslim itu untuk memahami dan menyelami kehidupan umat Islam yang lebih memerlukan kehidupaan yang lebih baik, malah menjadikan diri untuk lebih sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki. Selain itu, institusi wakaf dilihat mampu menaik taraf sistem kehidupan umat Islam, sedangkan sikap sesetengah masyarakat zaman kini kurang mendalam bahkan mengambil sikap sambil lewa tentang institusi wakaf berkaitan pelbagai aspek yang pada hakikatnya dapat membantu insan yang memerlukan. Ini disebabkan oleh faktor badan-badan wakaf ini kurang dikenali bahkan tidak mampu sampai kepada masyarakat tentang peranan sebenar wakaf untuk keperluan jangka panjang di samping institusi wakaf juga dapat membantu umat Islam dalam menyumbang harta mereka ke jalan yang lebih selamat dan diredayai Allah SWT serta akan kekal berterusan meskipun penyumbang telah meninggal

dunia. Wakaf sangat penting untuk kemaslahatan umat Islam kerana perkara ini sangat dititikberatkan dalam ajaran Islam demi menjamin ekonomi dan kebajikan umat Islam.

Oleh itu, peranan wakaf dan cinta kemanusian merupakan wasilah yang sangat berkait rapat. Ini kerana cinta kemanusiaan terbentuk daripada nilai-nilai yang baik yang terbit dari hati seorang manusia dan terbit daripada percakapan dan perbuatan seharian. Dengan itu, kertas ini adalah untuk merungkai sejauh mana peranan wakaf mampu diterapkan dalam cinta kemanusiaan untuk kesejahteraan umat. Justeru itu diharapkan institusi wakaf yang telah diiktiraf mampu mengkaji semula dan merancang strategi demi menjamin kemaslahatan umat Islam supaya lebih terjamin di masa akan datang dan dapat mengikis salah faham masyarakat khususnya di kalangan umat Islam tentang kelebihan wakaf atau sifat kedermawanan dalam perkara yang diharuskan.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi Kajian ini berdasarkan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Selain melakukan penganalisisan menerusi badan-badan wakaf yang terlibat dalam menyumbang kepada cinta kemanusiaan untuk kesejahteraan umat, jangkaan hasil kajian mensasarkan badan-badan wakaf yang terlibat dengan pembahagian wakaf seharusnya mengambil kajian ini sebagai satu perkara yang serius dan mampu berusaha membuat yang terbaik demi kemashalatan umat. Ia juga dapat

membantu pembangunan ekonomi masyarakat khususnya Islam.

### Definisi Konsep Wakaf

Menurut Kamus Dewan edisi Keempat (2010) wakaf membawa maksud sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau sesuatu yang diberikan dan diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Wakaf dari segi bahasa bermaksud terhenti atau tertahan. (Ahmad Shaiful Anuar Ahmad Shukor 2015). Dari segi istilah ia bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan kepada orang lain. Contoh kepada perkembangan awal wakaf ialah pembinaan Masjid Quba' yang merupakan masjid pertama dibina oleh Rasulullah SAW sebagai sebahagian daripada siri penting dalam misi perintah hijrah ke madinah. Masjid ini menjadi bukti kekuatan dalam amalan sejarah wakaf Rasulullah SAW. Tambahan pula, amalan ini disebut oleh Allah SWT dalam Surah al-Tawbah ayat 108 yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid (Masjid Quba') yang didirikan berasaskan takwa semenjak hari pertama itu lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya kerana di dalamnya ada orang yang ingin membersihkan diri dan Allah sangat menyukai orang yang sentiasa bersih”.

Hal ini membuktikan bahawa wakaf mula diperkenalkan selepas kebangkitan Rasulullah SAW pada tahun pertama hijrah (Razali Othman, 2011). Rasulullah SAW juga turut

membangunkan Masjid Nabawi di Madinah selepas enam bulan pembinaan Masjid Quba. (Moh. E. Ayub, 1993). Diriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah SAW telah membeli tanah bagi pembinaan masjid tersebut daripada saudara yatim iaitu Sahl dan Suhail dengan harga 100 dirham. (S. Ameer Ali, 1992). Langkah ini menunjukkan bahawa Baginda Rasulullah SAW telah mewakafkan tanahnya untuk pembangunan masjid. Masjid tersebut telah menjadi institusi pendidikan pada masa dahulu. Ciri kekekalan harta wakaf dengan hanya mengambil manfaatnya sahaja untuk disalurkan bagi tujuan kebajikan membezakan wakaf dengan konsep infaq yang lain seperti hibah, sedekah dan hadiah.

Wakaf bertindak sebagai alat jaminan keselamatan sosioekonomi (Kahf, 1998:9) melalui agihan dan perkongsian manfaat kepada golongan miskin setanding dengan peranan yang dimainkan oleh zakat. Justeru dengan adanya pusat zakat dapat membuka mata masyarakat dalam menderma atau mewakafkan harta-harta mereka kepada umat Islam dan pihak yang diberi amanah dalam menangani isu ini yang sememangnya masih lagi di dalam keadaan yang memerlukan keperluan orang ramai untuk turun padang menyelesaikan permasalahan yang semakin meruncing dan membimbangkan.

### Definisi Cinta Kemanusiaan

Menurut Ahmad Gaus (2008) filantrofi sering dikaitkan dengan kedermawan. Kata filantrofi (philanthropy) berasal dari bahasa Yunani *philos* yang bererti cinta atau kasih dan *antrophos* yang bererti manusia. Jadi filantrofi maksudnya cinta



kasih sesama manusia, yang diwujudkan dalam bentuk memberi bantuan (harta, fasiliti) kepada yang memerlukan. Sebagaimana ajaran agama lain, agama Islam juga memiliki ajaran tentang filantrofi. Bahkan filantrofi dianggap sangat penting dalam Islam sehingga menjadi kewajiban mengeluarkan harta yang dikenal dengan istilah zakat. Zakat juga termsuk dalam aspek kedermawanan.

Tujuannya adalah agar tercipta keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Filantrofi memiliki makna yang sangat luas berbanding dengan kebajikan yang biasa difahami. Ini kerana sekalipun keduanya sama-sama bersumber pada kebaikan hati dan kasih sayang kepada sesama manusia, namun filantrofi lebih kepada yang bersifat progresif, gerakannya lebih terperinci dengan tujuan yang tersusun serta melibatkan organisasi, baik pemerintah, badan-badan kerajaan mahupun swasta serta masyarakat. (Ahmad Gaus A.F 2008). Konteks kedermawanan atau filantrofi termasuk juga dalam cinta kemanusiaan Islam kerana agama yang mengajarkan manusia untuk saling menyayangi, mengasihi dan menyantuni. Konsep filantrofi ini termasuklah berinfaq, bersedekah, berzakat, dan berwakaf. hal ini berkaitan dalam kehidupan sosial, ekonomi, pendidikan, dan aspek kehidupan lainnya.

Dengan adanya cinta kemanusiaan yang melibatkan badan-badan organisasi yang terlibat mampu melibatkan diri dalam cinta kemanusiaan sekaligus boleh menjadikan kesejahteraan umat lebih dilindungi dan kemanusiaan adalah nilai-nilai yang baik yang terbit dari hati seorang manusia dan terjelma dalam percakapan dan perbuatan seharian. Nilai-nilai ini mampu

membentuk manusia menjadi insan yang mulia, beriman dan berakhlik serta sentiasa bahagia dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Menurut tokoh agama Profesor Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya, Ciri-Ciri Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan (2000), nilai-nilai kemanusiaan itu mesti dipandu oleh ilmu, amal dan iman. Di samping itu, manusia perlu hidup dalam perasaan kasih sayang dan persaudaraan dengan mengutamakan orang lain. Menurutnya lagi, nilai-nilai kemanusiaan juga dipandu dengan kesatuan yang menjadi keperluan persaudaraan, saling menolong, bantu-membantu dan sayang-menayangi antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, manusia terutamanya umat Islam perlu kembali kepada asas-asas ini bagi mendidik hati dan jiwa dengan nilai-nilai kemanusiaan iaitu mengutamakan kasih sayang dan nilai persaudaraan yang akrab dalam kehidupan bermasyarakat.

### Peranan Wakaf

Wakaf merupakan manifestasi sedekah jariah yang melibatkan pengorbanan harta benda oleh individu Muslim dengan menginfakkan harta secara berkekalan untuk kebajikan (Abu Zuhrah, 1972:5) atas dasar *qurbah* bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT (Al-Zuhayli, 1987:134-35). Hakikatnya pensyariatan wakaf menjangkaui konsep pengabdian diri terhadap Allah SWT kerana wakaf turut memainkan peranan yang penting dalam konteks muamalah sesama insan berlandaskan prinsip *mahabbah* (kasih sayang), kerjasama dan *ta'awun* (bantu-membantu) (Syahnaz, 2008:51). Lantaran peranan wakaf yang begitu signifikan, wakaf telah menjadi salah satu komponen penting yang mendasari

sektor *ijtimai'* (kemasyarakatan) dalam teori sistem ekonomi Islam (Surtahman Kastin & Sanep Ahmad, 2010:53).

Wakaf bertindak sebagai alat jaminan keselamatan sosio ekonomi (Kahf, 1998:9) melalui agihan dan perkongsian manfaat kepada golongan miskin setanding dengan peranan yang dimainkan oleh zakat. Amalan berwakaf bukan sahaja menyumbang kebaikan dan kemaslahatan ummah di dunia bahkan pewakaf juga dijanjikan ganjaran pahala yang berkekalan di akhirat (Imam Muslim, 1997:25).

Oleh itu, wakaf sebagai laluan atau wasilah dalam pembangunan ekonomi umat Islam seharusnya dititikberatkan oleh semua pihak. Wakaf sebagai satu ibadat yang digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi secara langsung. Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kesihatan, pendidikan dan ibadat khusus. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran, maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Ini kerana apabila mereka sihat dan terdidik serta mempunyai kemahiran, ia membuka peluang untuk meningkatkan juga taraf ekonomi keluarga mereka. Begitu juga dengan adanya tempat-tempat ibadat yang membolehkan mereka berjemaah, menunaikan ibadat, menuntut ilmu dan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyuburkan rohani, akan turut membangunkan kemanusiaan mereka. Ini kerana pembangunan ekonomi tidak sekadar diukur dari pembangunan bersifat fizikal, malah

pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada keperluan dalam pembangunan ekonomi.

### Peranan Filantrofi di Malaysia

Filantrofi merupakan sifat kedermawanan yang perlu ada pada setiap diri manusia. Konsep kedermawanan atau filantrofi lebih merujuk kepada sikap pemurah dan kemahuan ingin menolong mereka yang dalam kesusahan. Di barat, mereka juga lebih mementingkan dermawan dan menganggap sikap dermawan juga adalah sikap yang sangat bagus untuk dipraktikkan. Dalam erti kata lain, filantrofi sangat dikenali oleh penduduk negara barat, namun di negara Malaysia filantrofi ini kurang didedahkan oleh masyarakat khususnya penduduk di Malaysia. Selain itu maksud Filantrofi dalam bahasa Inggeris ialah sesuatu perbuatan atau hadiah yang dilakukan atau dibuat untuk tujuan kemanusiaan dan mengedarkan organisasi atau disokong oleh dana khas untuk tujuan kemanusiaan. (Meriam webster)

Konsep “memberi” dalam berbagai bentuk yang tidak terbatas seperti dalam bentuk wang atau barang selain pekerjaan atau pelbagai usaha yang dilakukan untuk meringankan beban orang miskin serta meningkatkan kesejahteraannya disebut sebagai filantrofi. Menurut James O. Midgley (1995), filantropi merupakan salah satu pendekatan dari tiga pendekatan untuk mempromosikan kesejahteraan termasuk di dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan iaitu melalui tiga pendekatan; *social service* (*social administration*), *social work* dan *philanthropy*. Dalam Islam, terdapat enam elemen yang mengajak kepada konsep kedermawanan iaitu *zakat*, *infaq*,



*sedekah, wakaf, hadiah dan hibah.* Keenam elemen ini memiliki persamaan iaitu untuk meningkatkan sifat saling bantu membantu sesama manusia. Selain memiliki peranan yang penting dalam filantrofi antaranya ialah dapat meningkatkan perekonomian dalam masyarakat sehingga mampu mewujudkan masyarakat yang tenteram, aman dan makmur.

Disamping itu, filantropi juga merupakan salah satu unsur dalam ajaran agama yang memperhatikan masalah duniawi terutama masalah kemiskinan. Agama memegang peranan penting dalam kehidupan masyarakat, baik bagi masyarakat kaya maupun miskin. Agama merupakan tempat mereka mencari makna hidup yang betul sehingga segala bentuk perilaku dan tindakan berkiblat pada tuntunan agama (*way of life*) (Solelaeman, 1995). Agama tidak hanya menuntun umatnya untuk mengurus kehidupan (*akhirat*) sahaja bahkan tetapi juga mencakupi kehidupan duniawi terutama masalah-masalah sosial seperti kemiskinan. Filantrofi atau kedermawanan mempunyai tiga aspek iaitu kedermawanan, sukarelawan dan memberi sesuatu tanpa tunggu diminta (*altruism*) atau khidmat kemanusiaan. Tiga elemen ini yang telah lama digunakan di barat dalam mempromosikan eleman filantrofi. Kedermawanan membawa maksud perihal dermawan, kemurahan (keikhlasan) hati, ketulusan (kebaikan) hati sesama manusia. Konsep kedermawanan lebih merujuk kepada sikap pemurah dan kemahuan ingin menolong mereka yang dalam kesusahan.

Dermawan boleh dikaitkan dengan filantrofi atau ada kata lain sifat

pemurah yang terbit dari perasaan atau hati manusia itu sendiri. Kerja sukarella berasal dari perkataan sukarelawan, iaitu seseorang yang berbakti atau memberikan khidmat dan sumbangan secara sukarella, iaitu dengan rela hati tanpa paksaan serta niat yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran material (Azizan Bahari, 2003). Sifat *altruism* pula membawa maksud orang yang tidak kedekut; orang yang suka atau selalu memberi. Selain itu sikap dermawan ini kita dapat jadikan sebagai contoh pada zaman dahulu iaitu pada zaman Rasulullah SAW di mana ramai para sahabat yang dikategorikan sebagai dermawan yang sanggup mendermakan atau berjihad dengan menggunakan kekayaan atau harta yang mereka miliki demi menegakkan Islam. Di barat mereka juga lebih mementingkan dermawan dan menganggap sikap dermawan juga adalah sikap yang sangat bagus untuk dipraktikkan.

## **BADAN WAKAF DAN NGO EKONOMI**

### **i. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia. "Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih

cemerlang, gemilang dan terbilang" (Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri).

#### **ii. Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) merupakan sebuah entiti wakaf di peringkat kebangsaan yang ditubuhkan atas inisiatif Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri. Ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008, YWM berperanan dalam menggembung sumber-sumber wakaf dan menjadi pelengkap kepada usaha Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam membangunkan harta tanah wakaf di Malaysia. (Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri).

#### **iii. World Zakat Organization (WZO)**

Inisiatif Penubuhan WZO yang sebelum ini disebut sebagai International Zakat Organization (IZO) telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 4 April 2007. WZO ditubuhkan berdasarkan saranan Mantan Perdana Menteri YABhg Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi sewaktu Persidangan Luar Biasa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Mekah Al-Mukaramah pada 8 Disember 2005. Beliau menyatakan perlu wujudnya satu dana khas bersumberkan Zakat bagi menangani isu kemiskinan di Negara-negara OIC. (Kejayaan Institusi-Institusi Agama Di Bawah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri).

#### **iv. Yayasan Amal Malaysia (Amal Malaysia)**

Yayasan Amal Malaysia (Amal Malaysia) merupakan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam yang berdaftar secara sah telah ditubuhkan pada 30 Mei 2001. Cadangan penubuhan Amal Malaysia dicetuskan oleh presidennya sendiri, Hj. Husin Ismail melalui kertas cadangan penubuhannya pada tahun 2001. Hasil perbincangan, kerjasama dan buah fikiran beberapa kalangan aktivis masyarakat seperti Hj Jamuliddin Elias (Timbalan Presiden), Hj. Othman Sodikin (Ahli Jawatankuasa), Raja Iskandar Raja Ahmad, Abd Hamid Seman (Ketua Setiausaha) dan lain-lain lagi telah mencetuskan penubuhan sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dinamakan Yayasan Amal Malaysia (Amal Malaysia). ia bukan bergerak atas nama amal kebajikan semata-mata tetapi juga sebagai pendakwah. Ini kerana melalui amal kebajikan, anggota Amal Malaysia berhadapan terus dengan ahli masyarakat dan kesempatan itu diambil peluang untuk menggunakan kemahiran berdakwah secara personaliti serta amalan. Pendekatan berkhidmat sambil berdakwah adalah pendekatan yang terpuji bagi menonjolkan kesyumulan dan keluasan Islam. Secara jelas, kebaktiannya diterima oleh masyarakat setempat dan antarabangsa tanpa sebarang prejudis. Ini kerana Amal Malaysia tidak terikat dengan keterbatasan ruang lingkup yang sempit serta tidak dibatasi oleh sempadan geografi dan juga keterikatan bangsa dan agama. Gerak kerjanya termasuklah misi bantuan, perubatan, pendidikan dan dakwah, latihan, penyelidikan, pembangunan remaja, penerbitan dan hubungan luar. (Najahudin Lateh 2009)

## V. Muslim Care Malaysia Society

Menjadi tanggungjawab untuk kita membantu sesama Islam. Keprihatinan ini menjadi medan buat Pertubuhan Penyayang Islam Malaysia (Muslim Care Malaysia Society) untuk menabur bakti demi melihat saudara sesama Muslim menjalani kehidupan lebih sejahtera. pertubuhan ini telah berbakti kepada golongan memerlukan sejak 2006 dan bertapak lebih kurang enam tahun lalu untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan tanpa mengira sempadan kenegaraan, bangsa dan agama. Penubuhan persatuan ini ditubuhkan adalah atas rasa tanggungjawab sebagai Muslim untuk membantu mangsa gempa bumi di Iran dan Turki beberapa tahun lalu, kerana pada waktu itu sumbangan derma orang ramai dilakukan secara tidak tersusun. Matlamat persatuan ini secara langsung menjadi misi pertubuhan yang bercita-cita menjadi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang amanah, berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab serta memupuk semangat profesionalisme yang progresif, inovatif, dan proaktif dalam menghulurkan bantuan kepada manusia sejagat. (Muslim Care Online)

## KESEJAHTERAAN UMMAH MELALUI WAKAF DAN CINTA KEMANUSIAAN

Cinta dan kemanusiaan adalah satu kata gabungan yang membawa maksud nilai-nilai murni, yang merujuk kepada cinta kepada sesama manusia, ia adalah satu sifat yang baik dan harus ada pada setiap diri yang bergelar manusia. Ini demi memastikan hubungan sesama manusia itu tidak terjejas walaupun berlainan agama, bangsa dan warna kulit. Definisi cinta dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)

bermaksud perasaan kasih sayang dan kemanusiaan pula bermaksud hal yang berkaitan dengan manusia. Cinta juga merupakan suatu abstrak dan subjektif dan boleh dirasai dan diperoleh oleh setiap manusia, namun bagaimana cinta itu digunakan bergantung kepada diri setiap individu.

Kesejahteraan umat itu wujud apabila sifat cinta kemanusiaan itu muncul dan melalui amalan berwakaf elemen ini hadir dari jiwa yang bersih. Jiwa yang bersih hadir apabila hati sentiasa menunjukkan sikap ingin menderma melalui amalan berwakaf. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Apabila anak Adam (manusia) wafat, maka terputuslah semua (pahala) amal perbuatannya kecuali tiga macam perbuatan, yaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak saleh yang mendoakannya” (HR. Muslim). Justeru itu, amalan berwakaf ini mampu menjamin kehidupan setelah kematian kelak. Hadis di atas telah menerangkan bahawa pentingnya sedekah iaitu amal jariah yang berpanjangan supaya dapat menolong kita apabila di akhirat kelak. terdapat beberapa faktor yang perlu dipenuhi antaranya ialah :

### 1. Keperluan kewangan yang dipenuhi

Dewasa ini, masyarakat sering mengalami masalah kewangan yang teruk akibat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam negara yang membangun. Dengan sikap tidak pandai menyimpan wang dengan bijak, maka timbulnya golongan muda yang muflis akibat beban hutang, pesakit yang gagal mendapatkan rawatan akibat kos perubatan yang terlalu tinggi, dan pesara

yang mengalami kesempitan hidup akibat kurangnya simpanan untuk hari tua. Dengan perancangan kewangan yang berhemah, kita dapat membentuk keluarga yang sejahtera dan stabil. Pendapatan yang sedikit tetapi dirancang penggunaannya mengikut keutamaan akan lebih berkesan dalam memenuhi keperluan diri dan keluarga, berbanding dengan pendapatan yang banyak tetapi dibelanjakan dengan boros. Dalam setiap peringkat kehidupan, dari seusia kanak-kanak hingga dewasa pastinya ada keperluan kewangan yang perlu dipenuhi, lantas memerlukan perancangan sewajarnya. Kewangan merupakan satu intipati yang perlu ada pada setiap manusia dalam membina kehidupan yang lebih terjamin di masa hadapan. Kewangan juga mampu menjadikan manusia lalai kerana apabila wang telah menjadi sumber utama dalam mencari rezeki digunakan tanpa mengambil kira keredaan Allah SWT maka hidup tidak akan diberkati.

## 2. Kegiatan Ekonomi Yang Dapat Digerakkan

Ekonomi wakaf merupakan roda penggerak pembangunan dalam bidang ekonomi, pelajaran, sosial, kesihatan yang berkembang pesat di dunia Islam. Kita dapat ramai dalam kalangan umat Islam yang mewakafkan masjid, institusi pendidikan, hospital dan lain-lain. Peranan badan-badan wakaf atau badan –badan kebajikan yang ditubuhkan membantu masyarakat atau mereka yang betul-betul memerlukan kewangan ialah seperti pembinaan Rumah – rumah. Dengan adanya wakaf tunai, sekaligus mampu mengerakkan kegiatan ekonomi yang tertangguh disebabkan oleh masalah kewangan yang memerlukan

mereka untuk mendapatkan bantuan wakaf. Sebagai contoh, isu pembinaan maahad tahfiz atau sekolah tahfiz yang ingin dibangunkan atas tanah yang telah diwakafkan tertangguh agak lama disebabkan tiada wang untuk membayar pekerja yang namun tiada peruntukan kewangan yang dikhurasukan oleh Majlis Agama Islam negeri atau pihak yang berkaitan. Selain itu, isu ini sudah selalu diperkatakan namun ramai pihak berwajib tidak memandang berat akan isu ini sehingga mengakibatkan tertangguhnya pembinaan yang melibatkan jutaan ringgit.

## 3. Bantuan Kepada Hospital, Pusat-Pusat Pendidikan Dan Badan Kebajikan

Wakaf juga memudahkan kepada sektor pembangunan hospital, pusat-pusat pendidikan dan badan kebajikan. Dengan bantuan dari wakaf tunai yang digerakkan mampu membaik pulih pusat-pusat pendidikan yang terbakar dan musnah akibat kebakaran atau bencana yang datang. Amalan berwakaf juga penggerak sektor pembangunan negara. Dengan adanya dana wakaf maka badan-badan kebajikan yang sedang membangun boleh berkhidmat dengan lebih baik menerusi pemberian wakaf daripada masyarakat muslim yang menderma tidak kira bentuk wakaf tersebut berunusur wang mahupun berbentuk barang. Bantuan tersebut juga membolehkan badan-badan kebajikan boleh melakukan tugas mereka dengan mudah dan sumbangan tersebut sampai kepada mereka yang memerlukan. Pusat –pusat pendidikan yang semakin hari semakin membangun seperti cendawan tumbuh selepas hujan turut memerlukan bantuan wakaf untuk memudahkan lagi proses pembinaan

supaya proses pembelajaran dapat dilakukan dengan lancar tanpa berlakunya sebarang gangguan.

#### **4. Penubuhan Universiti Dan Kelangsungan Dana Wakaf Universiti**

Di Morocco pula, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengiktiraf Al-Qarawiyyin sebagai institusi pertama yang mengeluarkan ijazah lantas diiktiraf sebagai universiti yang pertama di dunia. Kelangsungan daripada penubuhan pusat pendidikan tersebut maka tertubuhlah universiti Al-Azhar di Mesir. Selain itu, kelangsungan dana wakaf universiti perlu ada sebagai simpanan asas jika berlakunya kekangan dalam kewangan. Ini kerana ekoran bajet berkaitan kewangan yang berkurangan oleh kerajaan terhadap semua Institusi Pengajian Tinggi Awam, menyebabkan semua Istitusi perlu memikirkan cara untuk memajukan sendiri universiti mereka. Sebagai contoh menganjurkan program wakaf dana pendidikan tunai menerusi program yang dianjurkan di universiti untuk menyalurkan sumbangan terhadap dana wakaf Universiti. Selain itu, universiti awam masing-masing boleh membangunkan aset mereka yang sedia ada untuk tujuan wakaf dengan setiap manfaat keuntungan disalurkan kepada tabung dana pendidikan. (Utusan Online 2016).

#### **5. Kemajuan Harta Muslim**

Kemajuan Harta muslim disebabkan oleh badan-badan organisasi wakaf iaitu YWM yang telah banyak membantu pembangunan dan kebajikan umat

Islam. 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Selangor antaranya ialah di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi, 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Jamek Daerah Hulu Langat, Pekan Kajang, 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid As-Solihin, Kg. Kanchong Darat, Banting, 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Azim, Pandan Indah, 5 Unit Bazar Wakaf Rakyat di Masjid Al-Raudhah, Pekan Tanjung Karang. Ini telah membuktikan usaha YWM untuk turun padang membantu kebajikan dan ekonomi umat Islam lebih terjamin dan membantu meningkatkan produk muslim supaya lebih dikenali di seantara dunia. (Yayasan Waqaf Malaysia)

Selain itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menubuhkan anak syarikat milik penuhnya iaitu Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. yang berfungsi untuk memberi fokus kepada pengurusan hal ehwal harta wakaf agar ia lebih komprehensif dan teratur. Malah, penubuhan syarikat itu juga akan membolehkan kempen dan promosi tentang wakaf dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan berkesan. Ini juga membolehkan MAIWP mempelawa seberapa banyak syarikat-syarikat korporat dalam menjalankan sebarang usahasama dan perkongsian dalam penjanaan harta wakaf. Harta yang diserahkan kepada MAIWP sebagai harta wakaf akan kekal menjadi pegangan umat Islam selama-lama dan hasil pewakafan tersebut dapat dimanfaatkan untuk kebajikan dan pembangunan sosio ekonomi umat Islam. Beri manfaat kepada umat Islam Bagi wakaf tunai pula akan ditukarkan kepada harta kekal yang mana hasil manfaat wakaf tunai akan digunakan

untuk kebajikan dan pembangunan ummah. Ada juga wakaf tunai itu disalurkan untuk kepentingan agama dan pembangunan sosio-ekonomi ummah seperti pembinaan sekolah, masjid, surau dan sebagainya. Manakala terdapat satu lagi terimaan wakaf yang menjadi kebanggaan MAIWP ialah pewakafan dua bidang harta tanah seluas 1.7183 ekar yang terletak di atasnya sebuah banglo dua tingkat dan kebun buah-buahan. Hartanah ini terletak di Sungai Penchala, Kuala Lumpur dan ia diwakafkan kepada MAIWP sebagai Pusat Pengajian Warga Emas yang dikenali sebagai Darul Ilmi. Pusat pengajian itu membolehkan warga emas mendalami ilmu agama secara kaedah pengajian pondok moden. Malah, ia juga turut menyediakan tempat tinggal untuk warga emas sepanjang tempoh pengajian mereka. (Utusan Online Mac 2016)

#### **6. Amal jariyah yang bermanfaat untuk yang masih hidup dan telah meninggal dunia**

Salah satu harta wakaf yang dilihat masih diguna sehingga sekarang ialah Hotel Uthman Affan yang dahulunya hanyalah telaga wakaf yang didermakan untuk kegunaan penduduk disana namun setelah itu, tumbuhlah di sekitar telaga tersebut beberapa pokok kurma dan terus membiak. Kemudian Daulah Khalifah Uthmaniyyah (empayar kerajaan Uthmaniyyah Turki) memeliharanya hingga semakin berkembang biak dan seterusnya juga turut dipelihara oleh kerajaan Arab Saudi sehingga mencapai jumlah 1550 batang pokok dan berbuah dengan sangat lebat. Mereka telah

menjaga ladang kurma dan hasil jualan kurma-kurma itu serta menyimpannya sehingga wujudnya kerajaan Saudi. Ladang kurma tersebut kemudian dipajakkan kepada Kementerian Pertanian cawangan Madinah sejak 1372 masih dengan kontrak tahunan diperbaharui pada awal setiap tahun. Seterusnya kerajaan Arab Saudi, melalui Kementerian Pertanian Saudi menjual hasil ladang kurma ini ke pasaran sehingga banyak wang yang terkumpul. Setengah daripada keuntungan itu diinfaqkan untuk anak-anak yatim dan fakir miskin. Manakala separuh lagi dibuat tabungan dan disimpan dalam bentuk akaun khas milik beliau di salah sebuah bank atas nama Uthman bin Affan, di bawah pengawasan Kementerian Wakaf Arab Saudi. Begitulah seterusnya, sedekah Sayyidina Uthman bin Affan RA terus bercambah dan membiak membuka-buka tanpa hentinya sehingga dana terkumpul yang di bank itu mampu untuk membeli sebidang tanah dan membangunkan hotel yang cukup besar di salah satu tempat strategik berhampiran Masjid Nabawi. Bangunan hotel itu sudah pada tahap penyelesaian dan akan disewakan sebagai hotel 5 bintang. Dianggarkan keuntungannya sekitar RM50 juta setahun. Setengahnya untuk anak-anak yatim dan fakir miskin dan setengah lagi tetap disimpan dan ditabung di bank atas nama Sayyidina Uthman bin Affan Radhiyallahu anhu.

#### **7. Penubuhan Al-Rajhi bank**

Bank Al-Rajhi telah mempunyai sebanyak 570 cawangan di seluruh dunia. Pada Oktober 2006, Bank Al Rajhi telah membuka cawangannya di Malaysia dan sebanyak 25 cawangan bank nya sudah dibuka sehingga kini, 15 di Lembah Kelang, satu masing-masing



di Johor Bahru, Melaka, Penang, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan, Kuching, Sg. Petani dan Kota Kinabalu. Bank Al Rajhi juga telah dianugerahkan beberapa anugerah di peringkat antarabangsa. Selain itu, Sulaiman Al Rajhi juga telah menubuhkan Universiti Sulaiman Al Rajhi yang fokus utamanya adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar dalam pelbagai bidang antaranya kesihatan dan perbankan Islam. Kelahiran pelajar daripada universiti yang terletak di daerah Qassim, Arab Saudi ini juga dilihat dapat memenuhi keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh negara Arab Saudi. - Al-Rajhi Bank (Malaysia) menyediakan pembiayaan sebanyak RM325,000 untuk dua pusat pendidikan di bawah pengurusan Yayasan Salam. Pusat pendidikan berkenaan ialah Taska Baitul Amal serta Pusat Jagaan Baitul Amal dan pembiayaan itu di bawah Program Kanak-kanak Baitul Amal tanggungjawab sosial korporat (CSR) bank untuk 70 kanak-kanak dari umur dua bulan hingga enam tahun. Al-Rajhi Bank adalah kumpulan perbankan Islam dengan rangkaian lebih 700 cawangan dan pusat penghantaran di Arab Saudi serta mempunyai 24 cawangan di Malaysia.(Utusan Online Jun 2015).

## KESIMPULAN

Wakaf sudah lama diperkenalkan sejak zaman Rasulullah S.A.W bersama para sahabat yang lain yang kebanyakannya mendermakan sebahagian harta untuk berperang di Jalan Allah. Kesan daripada itu, maka terbinalah Masjid Quba yang dahulunya hanyalah dibuat daripada pelepah tamar sehingga ke hari ini masih digunakan oleh Umat Islam. Wakaf juga adalah salah satu kebajikan yang pahalanya mengalir kepada mereka yang berwakaf walaupun sudah

meninggal dunia. Dengan adanya bantuan wakaf malah dapat membantu umat Islam dalam menyelesaikan masalah mereka pada hari ini. Selain itu, Peranan Wakaf dan Cinta Kemanusiaan seharusnya menjadi akar tunjang kepada kesejahteraan Ummah kerana wakaf merupakan salah satu faktor kepada pembangunan dan kebajikan masyarakat khususnya Umat Islam. Dengan adanya wakaf, sifat diri seseorang itu boleh dinilai berdasarkan kesanggupan atau kerelaan dirinya dalam membantu sesama Muslim. Jika mereka menanamkan sifat kasih dan sayang sesama Muslim tanpa ada paksaan maka kebajikan kita sebagai rakyat Muslim lebih terjamin dan terjaga di masa akan datang. Oleh itu, peranan wakaf dan cinta kemanusiaan adalah dua perkara yang menghubungkan antara satu sama lain, kerana isu ini amat penting pada masa kini untuk dibincangkan dan dikaji semula dan seharusnya diperkenalkan dengan lebih mendalam di mata masyarakat supaya tiada lagi isu penduduk yang tidak mendapat tempat dalam kebajikan mereka. Sesungguhnya filantrofi dalam Islam pada hakikatnya lebih luas kerana berasaskan aqidah Islam yang menghubungkan bukan sahaja sesama manusia tetapi hubungan sesama manusia dipaksikan kepada hubungan cinta kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

Abu Zuhrah, 1972. *Muhadarat fi al-Waqf. Kaherah*. Dar al-Fikr.

Ahmad Shaiful Anuar Ahmad Shukor , 2015. *Potensi Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Ahmad Gaus A.F .2008. *Filantrofi dalam Masyarakat Islam*. PT Elex Media Komputindo.
- Al-Zuhayli, Wahbah, 1987. *Al-Wasaya wa al-Waqf fi al-fiqh al-Islamiy*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Azizan Bahari. (2003). *Menghayati kerja sukarela*. Petaling jaya, Selangor: Qarya Sdn Bhd.
- Imron Hadi Tamin, "Peran Filantropi dalam Pengetasan Kemiskinan di dalam Komunitas Lokal", Jurnal Sosiologi Islam, Vol. 1, No.1, April 2011. Ha 3.
- Kahf, Monzer, 1998. "Financing the Development of Awqaf Property". Kertas Kerja Seminar Development of Awqaf di Kuala Lumpur, 2-4 March, 1998.
- Razali Othman, 2011. *Pembasmian Kemiskinan: Peranan dan Sumbangan Institusi Wakaf*, dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahamd dan Roselee Shah Sharuddin. Pengurusan Ilmu, Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia (USM).
- Soelaeman, *Ilmu Sosial Dasar*, (Jakarta: PT.Eresco, 1995), hal. 63.
- Surtahman Kastin & Sanep Ahmad, 2010. *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Syahnaz Sulaiman, "Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak" dlm. Jurnal Muamalat Jil.1, hlm. 45-64, 2008.



Yusuf Al-Qardhawi, Terbitan Maktabah Wahbah, Kaherah (1993). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Terjemahan Buku 'Malamih Al-Mujtama' Al-Muslim Allazi Nansyudhu'. Penerbitan Seribu Dinar Sdn Bhd.

#### General Website

<http://www.merriam-webster.com/dictionary/philanthropy>, dilihat pada (14/1/2016).

<https://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/setiap-universiti-awam-digesa-bangunkan-potensi-wakaf-1.334243#sthash.NeJunUNQ.dpuf>.  
25 Mei 2016.

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/lima-projek-hartanah-wakaf-dilancar-1.484446-12-disember-2015>.

[https://www.utusan.com.my/rencana/agama/manfaatkan-harta-wakaf-1.204506 25 mac 2016](https://www.utusan.com.my/rencana/agama/manfaatkan-harta-wakaf-1.204506-25-mac-2016)

<a href="#">Home</a>	<a href="#">Page   Tokoh</a>
<a href="#">Perniagaan   Sulaiman Al Rajhi: Jutawan Islam Yang Kaya Dunia Dan Akhirat.</a>	
<a href="http://www.usahawan.com/tokoh-perniagaan/sulaiman-al-rajhi-jutawan-islam-yang-kaya-dunia-dan-akhirat.html">http://www.usahawan.com/tokoh-perniagaan/sulaiman-al-rajhi-jutawan-islam-yang-kaya-dunia-dan-akhirat.html</a>	

<https://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/al-rajhi-bank-biayai-pusat-pendidikan-di-bawah-yayasan-salam-1.98467>. 2 Jun 2016.

<https://shafiqolbu.wordpress.com/2014/12/15/akaun-harta-milik-khalifah-saidina-uthman-affan-masih-wujud-hingga-kini/>. 7 November 2016.

<https://www.ywm.gov.my/wakaf/pengenalan/>

<http://www.muslimcare.org.my/pengenalan/>

[http://www.najahudin.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=17:organisasi-bantuan-dan-khidmat-sukarela-pengalaman-amal-malaysia&catid=22:kertas-kerja&Itemid=10](http://www.najahudin.com/index.php?option=com_content&view=article&id=17:organisasi-bantuan-dan-khidmat-sukarela-pengalaman-amal-malaysia&catid=22:kertas-kerja&Itemid=10)



## Audit Sosial dan Transformasi Kepemimpinan: Satu Kajian Kes Dalam Parlimen Pagoh, Malaysia

Othman Ab.Rahman<sup>1</sup>, Sapora Sipon<sup>2</sup>, Mohd Yahya Arifin<sup>3</sup> & Salha Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

**Abstrak:** Menjalankan audit sosial akan melibatkan proses mengukur, melapor, memahami dan membaiki kemampuan sosial sesebuah masyarakat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur sejauhmana transformasi kepemimpinan telah berlaku dalam Parlimen Pagoh, Negeri Johor Darul Takzim. Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad adalah seorang tokoh berpengaruh dan berjasa besar dalam kepemimpinan melalui pendidikan terhadap orang ramai di Parlimen Pagoh dan sekitar Negeri Johor Darul Takzim. Beliau telah mengasaskan Madrasah As-Sa'adiah (aliran Arab) dan Sekolah Menengah Mohd Yassin dalam tahun 1950an. Falsafah Tuan Guru Haji Mohd Yassin menegaskan bahawa kepemimpinan yang masyhur boleh digilap melalui pencapaian darjah iman dan taqwa kepada Allah (swt) dalam erti kata lain muraqabah yakni pendekatan diri kepada Allah (swt). Kepemimpinan Tuan Guru terserlah melalui usaha beliau menyampaikan ajaran Islam kepada anak bangsa, bertujuan untuk mengubah pemikiran orang Melayu pada masa itu agar celik ilmu agama dan membentras kemunduran pendidikan. Berteraskan pemikiran rasional dan terbuka membuatkan Tuan Guru mengimbangi kepentingan ilmu duniawi dan ukhrawi melalui pendekatan dalam menyantuni kehidupan bermasyarakat melalui penyampaian ilmu agama yang berpandukan Al-Quran dan Al-Hadith serta melalui fahaman Ahl-as Sunnah wal-Jamaah. Model *Transformational Leadership* telah digunakan untuk mengukur proses transformasi kepemimpinan dengan mengemukakan empat dimensi yang disebut sebagai “the Four I’s”. Empat dimensi tersebut ialah, *Idealized influence*,  *inspirational motivation*, *intellectual stimulation* dan *individualized consideration*. Kesemua dimensi di atas dimiliki oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin. Data berbentuk kualitatif ini diperolehi melalui temubual berfokus dan pemerhatian terhadap pelbagai lapisan penduduk dalam Parlimen Pagoh. Maklumat daripada enam elemen pembangunan masyarakat iaitu, agama, ekonomi, sosial, persekitaran, kesihatan dan pendidikan serta politik telah dianalisa berdasarkan dimensi “the Four I’s” transformasi kepemimpinan sejak zaman kepemimpinan Tuan Guru Haji Mohd Yassin hingga zaman kepemimpinan anaknya Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin.

**Kata kunci:** tokoh Melayu, Islam, Transformational Leadership, politik



## Perkembangan Ilmu Matematik Dalam Sorotan Tamadun Islam

Liya Khaulah Asy-Syaimaa' binti Hussain<sup>1</sup> Ahmad Faizuddin bin Ramli<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi.*

<sup>2</sup>*INTEC Education College, Jalan Senangin Satu, 17/2A, Seksyen 17, 40200 Shah Alam, Selangor.*

**Abstrak:** Perkembangan tamadun Islam bergerak seiring dengan pembangunan fizikal dan spiritual. Hal ini dapat disoroti pada zaman keemasan Islam yang menyaksikan penguasaan ilmu pengetahuan oleh para sarjana Islam dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuklah ilmu matematik. Meskipun wacana dalam ilmu matematik hanya melibatkan angka, huruf, dan sejumlah formula, namun para sarjana Islam sentiasa mengambil peluang dalam menjadikannya sebagai instrumen kepada mesej ketuhanan. Justeru artikel ini akan membincangkan perkembangan ilmu matematik dalam sorotan tamadun Islam. Metode kajian adalah bersifat kualitatif melalui kajian kepustakaan. Kajian mendapati, al-Quran menjadi sumber inspirasi kepada para sarjana Islam dalam ilmu matematik sehingga terhasilnya cabang ilmu seperti aritmetik, algebra, geometri, dan teori nombor. Kemudian ilmu-ilmu tersebut dikembangkan dan dimanfaatkan oleh masyarakat di seluruh dunia sehingga hari ini.

**Kata kunci:** Tamadun Islam, Matematik, Ilmu Matematik



## **Pemakaian Selayah Keringkam : Lambang Ketamadunan, Adat Dan Budaya Masyarakat Melayu Sarawak**

**Hajjah Wan Aminah Haji Hasbullah,**

*Pusat Pengajian Sains Kesihatan,*

*Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan, 16150 Kubang Kerian, Kelantan,  
MALAYSIA*

**Abstrak:** Keringkam merupakan sulaman tradisional wanita Melayu di Sarawak yang dijadikan selendang atau selayah. Lazimnya, ia digunakan pada majlis-majlis keramaian, pertunangan, perkahwinan bahkan dalam adat pengkebumian. Dalam situasi tertentu Keringkam juga turut digunakan dalam ritual perubatan. Bagi wanita Melayu Sarawak, selayah Keringkam ini perlu dimiliki oleh setiap keluarga untuk dipakai dalam majlis-majlis rasmi serta diperturunkan kepada setiap generasi, seperti pemilikan songket oleh masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Motif, corak dan jenis material selayah Keringkam ini berkait rapat dengan status sosial dan kedudukan sosioekonomi masyarakat tersebut. Senario hari ini memperlihatkan kepentingan pemakaian Keringkam dari dua sudut yang berbeza, iaitu sama ada untuk tujuan adat dan budaya atau tuntutan agama. Memandangkan industri kecil Keringkam Sarawak mengalami masalah kepupusan dari segi jumlah penenun selayah ini, maka timbul isu yang mengaitkan kepentingan pemakaian Keringkam sebagai tuntutan adat dan budaya semata-mata agar ia tidak hilang ditelan zaman. Dari satu sudut lain pula pemakaian Keringkam ini perlu diperkasakan sebagai tuntutan agama, iaitu pemakaian Keringkam yang lengkap bertujuan untuk menutup aurat kaum wanita. Kajian ini bersifat antropologi budaya dan agama menggunakan kaedah penyertaan ikut serta, temubual bersempua dan temubual mendalam dengan para penenun Keringkam di Kuching dan Samarahan Sarawak. Kertas kerja ini membincangkan isu pemakaian Keringkam bagi wanita Melayu Sarawak dari aspek ketamadunan Melayu adat, budaya dan agama . Perspektif antropologi budaya dan agama diketengahkan agar perbincangan mudah difahami.

**Kata kunci :** Keringkam, Melayu Sarawak, tamadun, Adat dan Agama



## Aplikasi Konsep Fiqh Muamalat Bagi Golongan OKU Menurut Perspektif Syarak

Azman Ab Rahman<sup>1</sup>, Norlina Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia;

<sup>2</sup>Fakulti Syariah dan Undang undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

**Abstrak:** Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan istimewa yang mempunyai kemampuan yang terbatas. Islam meletakkan beberapa garis panduan tentang cara untuk berinteraksi dan menyantuni golongan OKU sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW. Interaksi dan kesantunan tersebut bukan sekadar menyebut hak dan kewajipan mereka, malah ia turut menyingkap beberapa isu yang berkaitan dengan hukum-hakam muamalat dalam konteks kemampuan dan keupayaan mereka. Kertas kerja ini akan mengenal pasti definisi dan konsep fiqh muamalat di kalangan OKU menurut syarak. Kertas kerja ini juga akan mengenal pasti syarat-syarat dan kaedah mengaplikasikan muamalat khususnya dalam urusan jual beli yang melibatkan golongan OKU. Kertas kerja ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi dan temubual. Hasil kajian mendapati muamalat umumnya merujuk kepada hukum-hukum syarak yang disusun untuk tujuan urusan sesama manusia di dunia. Para fuqaha' berselisih pendapat dalam menetapkan syarat tertentu bagi pelaksanaan sesuatu hukum muamalat bagi golongan OKU. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada masyarakat dan golongan OKU khususnya dalam memahami konsep muamalat dan kaedah pelaksanaannya dalam kehidupan seharian. Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi mengenal pasti permasalahan dan isu semasa dalam urusan muamalat di kalangan OKU supaya dapat disantuni mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak.


**Kata kunci:** Muamalat; Jual Beli, Orang Kurang Upaya (OKU); Kaedah Pelaksanaan; Hukum Syarak.

**Mohd Kamal Bin Shah Rani<sup>1</sup> Elmi Bin Baharuddin<sup>1</sup>**

*<sup>1</sup>Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur*

**Abstrak:** Mata pelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) adalah salah satu komponen daripada Kursus Pengajian Umum yang perlu diambil oleh setiap pelajar universiti di negara ini. Mata pelajaran TITAS telah diajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sejak sekian lama dan kemudiannya turut dikuatkuasakan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada September 2013 apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 2012 memutuskan bahawa penawaran dan pelaksanaan Kursus Pengajian Umum hendaklah diselaraskan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Namun, pada peringkat cadangan untuk menguatkuasakan mata pelajaran TITAS di IPTS telah menimbulkan kebimbangan dan persepsi berbeza sesetengah pihak malah ada dakwaan mata pelajaran ini cuba mengislamkan pelajar bukan Islam. Bagi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), objektif mata pelajaran TITAS bukan untuk mengislamkan pelajar tetapi untuk meningkatkan persefahaman dan mengukuhkan perpaduan antara rakyat berbilang etnik dan agama di negara ini melalui pemahaman pelajar terhadap tamadun yang utama di Asia termasuk tamadun Islam, Melayu, Cina dan India. Bertitik tolak daripada persepsi berbeza pelbagai pihak terhadap tujuan mata pelajaran TITAS ini maka kajian ini dijalankan melalui set soal selidik bagi mengetahui persepsi pelajar pelbagai etnik daripada kalangan pelajar program ijzah dan profesional yang telah mengikuti kursus ini di KUPTMKL terhadap kandungan silibus, pemahaman pelajar dan kepentingan mata pelajaran TITAS. Hasil kajian akan dapat memberi input yang berguna bagi menentukan dan memastikan bahawa objektif mata pelajaran TITAS tercapai seperti yang diharapkan.

**Kata kunci:** TITAS, etnik, KUPTMKL



## Kajian Akulturasi Kebudayaan Melayu dan Islam dalam Kalangan Pelajar Melayu di IPTS di Negeri Perak

Ira Meilita Ibrahim<sup>1</sup>, Taufik A. Latif<sup>2</sup>, Afi Roshezry Abu Bakar<sup>3</sup> & Muthualagan a/l Thangavelu<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup> Jabatan Pengajian Umum, Universiti Tunku Abdul Rahman, Sungai Long,  
Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Kewartawanan, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Malaysia

<sup>4</sup>Jabatan Pengajian Umum, Quest International University Perak, Malaysia

**Abstrak:** Akulturasi adalah merupakan satu proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok dari sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Pertemuan atau pertembungan antara dua atau lebih kebudayaan ini sering berlaku dalam sejarah tamadun manusia. Proses ini menyebabkan berlakunya proses pinjam meminjam yang akhirnya diolah menjadi kebudayaan sendiri. Objektif kajian ini adalah untuk melihat bagaimana tahap interaksi dan amalan budaya Melayu dan Islam dalam kalangan pelajar Melayu di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Seramai 232 pelajar dari tiga buah IPTS iaitu UTAR, UTP dan OUM dipilih melalui persampelan rawak bertujuan bagi soal selidik yang disediakan. Hasil soal selidik tersebut dianalisa menerusi keadah deskriptif. Selain itu, analisa lanjutan dan cadangan juga dibincangkan dalam kajian ini.

**Kata kunci:** Akulturasi, budaya Melayu, budaya Islam, pelajar Melayu



## Penggunaan Kaedah Bahasa Arab Oleh Imam Shafi'i Dalam Penentuan Hukum

Wan Zulkifli bin Wan Hassan<sup>1</sup> Nabilah bt Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Citra Universiti, UKM*

<sup>2</sup>*Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Bahasa Arab), Kementerian Pendidikan Malaysia*

**Abstrak:** Bahasa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu mesej dan ilmu kepada masyarakat. Dalam sejarah Tamadun Islam, bahasa Arab merupakan bahasa utama dalam memahami sumber Tamadun Islam terutama dalam memahami al-Quran dan Hadis Nabi SAW. Persoalannya bagaimanakah para ulama silam menggunakan kaedah bahasa Arab dalam menentukan sesuatu hukum dan adakah terdapat dalam kalangan mereka mempunyai kaedah yang tersendiri dalam memahami kaedah dan retorik bahasa Arab dalam membuat kesimpulan sesuatu hukum sehingga menimbulkan perbezaan pendapat dalam kalangan mereka. Antara ulama yang perlu diketengahkan dalam permasalahan ini adalah Imam Shafi'i. Beliau bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam bidang perundungan bahkan beliau cemerlang dalam bidang bahasa Arab. Justeru artikel ini akan meninjau pengaplikasian Imam Shafi'i terhadap penggunaan kaedah bahasa Arab dalam penentuan sesuatu hukum sehingga boleh membawa kepada berlakunya perbezaan pendapat dalam kalangan ulama.

**Kata kunci:** Imam Shafi'i, bahasa Arab, Hukum



## Toleransi Antara Agama: Amalan ,Batasan dan Impikasinya Menurut Maqasid Syariah

Mohd Yusri bin Ibrahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam,Fakulti Sains Kemanusiaan,Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim,Malaysia

**Abstrak:** Toleransi antara agama adalah amalan yang dipraktikkan Islam sejak zaman Nabi Muhammad diutuskan sebagai Rasul kepada seluruh umat. Namun amalan toleransi ini sering disalah anggap dengan konsep liberalisme barat yang menjadi kebimbangan kepada masyarakat Islam. Terdapat pelbagai aliran pemikiran moden seperti sekularisme dan materialisme yang bertentangan dengan koncepsi toleransi mengikut persepektif Islam. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen dengan merujuk sumber sekunder seperti kitab Fiqh ulama silam serta buku-buku yang membincangkan pandangan sarjana kontemporari mengenai isu berkenaan. Justeru itu, kertas kerja ini mengkaji toleransi dari sudut pengertian, dalil kepentingan amalan toleransi, amalan toleransi dan batasan toleransi yang dianjurkan oleh Islam berdasarkan sirah Islam dan implikasinya dari sudut mencapai tujuan maqasid syariah. Dapatkan kajian ini merumuskan bahawa toleransi adalah amalan yang diamalkan sejak kelahiran Islam dan mempunyai falsafah yang murni bersesuaian dengan Islam sebagai agama rahmatan lil alamin.

**Kata Kunci :** Toleransi antara agama, Liberalisme, Maqasid syariah, *rahmatan lil alamin*



## Analisis Penggunaan Bahasa Slanga dan Argot dalam Filem KL Gangster.

**Selvarani P. Kovil Pillai**

*Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Kata orang ‘bahasa itu melambangkan budaya’ atau pun ‘bahasa itu jiwa bangsa.’ Bahasa merupakan medium komunikasi yang amat penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam konteks negara kita, Bahasa Melayu merupakan bahasa yang telah dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan dan simbol kepada kedaulatan bangsa Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Seringkali, kita mendengar cara komunikasi di kalangan anak-anak muda khususnya di kalangan pelajar menggunakan bahasa yang agak kasar dan tercemar. Apabila berlaku pencemaran bahasa, selalunya media massa seperti filem yang dipersalahkan. Filem dikatakan satu wadah penting yang mampu merangsang dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku sesebuah masyarakat. Malaysia memiliki pelbagai jenis filem yang mendapat perhatian ramai. Namun, di antara pelbagai jenis filem ini, filem bercorak gangster sering mendapat sambutan hangat. Filem gangster ini dilihat juga dari sisi penerbit filem sebagai jenis filem yang memberi keuntungan. Filem gangster ini selalunya menggunakan bahasa yang kasar dan tidak sopan iaitu bahasa slanga atau argot, iaitu perkataan-perkataan yang biasanya digunakan dalam percakapan sesebuah kumpulan gangster. Kertas kerja ini merupakan analisis penggunaan slanga dan argot dalam filem KL Gangster merupakan sebuah filem genre aksi yang telah mencapai pungutan hamper 10 juta. Filem ini menceritakan tentang seorang bekas ketua gangster yang baru keluar dari penjara, ingin mengubah kehidupannya.

**Kata kunci:** filem, komunikasi, slanga, argot.



## Wacana Gaya Penampilan Seni Bina Masjid di Johor

Nor Azizah Adnan<sup>1</sup> dan Raja Nafidah Raja Shahminan<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Seni Bina dan Kejuruteraan Reka, UTHM, Batu Pahat, Johor

<sup>2</sup> Usat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, UTM, Skudai, Johor

**Abstrak:** Johor terletak di selatan Semenanjung Malaysia di mana timur, barat dan selatan dikelilingi oleh lautan. Terkenal dengan sejarah Kesultanan Johor-Riau-Lingga dan mempunyai jumlah terbesar masjid di Semenanjung tetapi bagaimana gaya penampilan seni binanya. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya penampilan seni bina masjid di Johor melalui perkembangan Islam sebelum dan selepas merdeka. Penampilan merujuk kepada ciri-ciri tradisional, moden tradisional dan moden. Hanya 4 daerah pilihan berdasarkan pembangunan negeri Johor dan setiap pilihan masjid dipunyai oleh kerajaan pusat (masjid Kerajaan) atau kerajaan tempatan (masjid qariah). Penilaian merujuk kepada nilai sejarah, budaya Islam masyarakat, kuasa pemerintah serta geografi yang menyumbang kepada pembentukkan gaya penampilan seni bina masjid melalui refleksi, ungkapan dan kesan. Tambahan pula, pada setiap kemunculan elemen seni bina menampilkan ciri-ciri utama identiti ketamadunan sebuah negara.

**Kata kunci:** Gaya Seni Bina, Masjid Johor, Penampilan Seni Bina



## Corak Kajian Mukjizat Akustik Al-Quran Pada Awal Abad Ke-21

**Dzaty 'Adlin Md Jalil<sup>1</sup>, Mohd. Zaini Zakaria<sup>1</sup>, Ahmad Sanusi Azmi<sup>1</sup>, Robiatul Adawiyah Mohd, Adnan Mohamed Yusoff<sup>1</sup>, Hishomudin Ahmad<sup>2</sup>.**

<sup>1</sup>*Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.*

<sup>2</sup>*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Mukjizat Al-Quran merupakan petunjuk kepada kenabian Nabi Muhammad dan kebenaran agama Islam. Ia terbahagi kepada beberapa jenis seperti mukjizat saintifik, angka, pensyariatan, pemberitahuan perkara ghaib, dan juga akustik. Mukjizat akustik juga dikenali dengan beberapa terminologi lain, seperti fonologi al-quran *I'jaz sauti*, dan *musiqi al-quran*. Terdapat pelbagai kajian dalam bidang ini dikalangan sarjana Muslim pada awal abad ke-21, namun corak kajian tersebut kurang diketengahkan. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan corak sepuluh kajian berkaitan mukjizat akustik dari tahun 2000 sehingga 2016. Kajian ini menggunakan penelitian literasi keperpustakaan. Hasil kajian ini mendapati terdapat tiga corak kajian, iaitu : (1) elemen fonetik yang terdapat dalam cara sebutan huruf dan sifatnya, serta struktur pembinaannya, (2) susunan, pengulangan perkataan dalam sesuatu surah serta rimanya di akhir setiap ayat, dan (3) kaitan makna sesuatu ayat atau surah dengan elemen fonetik sesuatu perkataan dan pengulangannya. Kajian ini merupakan kajian awal yang mengenangkan perkembangan mukjizat akustik dalam Quran pada awal abad ini, serta membuka ruang untuk kajian lanjut dalam penerokaan bidang akustik lain dengan al-Quran.

**Kata kunci :** Pola kajian, ilmu Taranum, Fonologi, Rima, Ilmu Balaghah.



## Daya Saing Tulisan Jawi dan Potensi Kod Jawi Dalam Menghadapi Era Globalisasi

Nurul Syala Abdul Latip<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Maahad Tahfiz Al-Quran lil Muttaqin, Selangor, Malaysia*

**Abstrak:** Bahasa Melayu dengan tulisan jawi adalah *lingua franca* di kepulauan Melayu sejak abad ke 14. Pada abad ke 16 ia dianggap setanding dengan bahasa Perancis dan Latin di Eropah sebagai bahasa perhubungan antarabangsa. Keampuhan tulisan jawi ini mula digugat dengan kedatangan penjajah yang menggantikan tulisan yang menjadi jati diri bangsa ini kepada tulisan rumi. Tulisan jawi mula dipinggirkan sejak Akta Bahasa 1963 menggantikan skrip rasmi bahasa melayu kepada tulisan rumi. Walaupun demikian sehingga sekarang masih ada sebahagian pihak terus memperjuangkan tulisan jawi. Kajian menggunakan metodologi kualitatif dengan teknik analisis dokumen ini, menganalisa usaha-usaha perjuangan tulisan jawi dan potensi kod jawi. Kajian mendapati bahawa usaha murni untuk memartabat jawi akan menjadi relevan jika ia melibatkan sistem pendidikan itu sendiri. Malah kod jawi mempunyai potensi besar untuk mengembalikan minat, daya saing di dalam perkembangan teknologi dan ilmu malah berpotensi memperkasakan semula tulisan jawi dalam menghadapi cabaran era globalisasi.

**Kata kunci:** tulisan jawi, kod jawi, daya saing, perkembangan ilmu, era globalisasi



## Al-Qur'an Alam Melayu: Gaya Dan Iluminasi

Nurul Huda Mohd Din<sup>1</sup>, Syafril Amir Muhammad<sup>2</sup>, D'zul Haimi Md Zain<sup>3</sup>, Mumtaz Mokhtar<sup>4</sup>

<sup>1&3</sup>*Pengajian Budaya Visual, Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

<sup>2</sup>*Jabatan Tahun Satu, Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA, 40450*

*Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

<sup>4</sup>*Pengajian Pasca Siswazah, Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

**Abstrak:** Gaya mencerminkan bentuk bersama pemikiran dan perasaan. Kewujudannya telah dikongsi dengan semua seni budaya dalam jangka waktu yang panjang. Iluminasi merupakan integrasi elemen visual hiasan dan bervariasi, untuk menyerlahkan ciri-ciri tertentu dalam al-Qur'an. Penanda aras bagi setiap gaya itu berasal dari identiti peradaban budaya serantau yang unik dan mengagumkan. Seperti dari Aceh, Jawa, Melaka, Terengganu, Patani seterusnya China dan Timur Tengah. Matlamat kajian ini adalah untuk menentukan dan menjelaskan gaya iluminasi Melayu. Penyelidikan ini akan menggunakan pendekatan 'sejarah-penggayaan'. Manakala itu untuk tujuan penganalisaan karya akan digunakan kaedah formalistik. Koleksi kajian al-Qur'an beriluminasi tertumpu di dalam muzium dan galeri sekitar Asia Tenggara. Menerusi kajian gaya ini, akan mengangkat kepentingan bentuk dan makna dan keragaman identiti iluminasi al-Qur'an alam Melayu.

**Kata kunci:** Gaya, Iluminasi Al-Qur'an, Alam Melayu, peradaban dan budaya



## Faktor Kejayaan Qari Dan Qariah Di Negeri Terengganu Antara Tahun 1960-2013 Dalam Kesenian Lagu Al-Quran

Najmiah binti Omar<sup>1</sup>, Fatimah Zaharah binti Ismail<sup>1</sup>, Tasnim binti Abdul Rahman<sup>1</sup>,  
Nik NorAzeah binti Nik Azman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah, UNISZA, Kuala Terengganu, Malaysia

**Abstrak:** Ilmu tarannum merupakan salah satu warisan peradaban manusia yang berkait dengan seni lagu al-Quran. Artikel ini mengkaji tentang faktor kejayaan qari dan qariah di negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013. Data dikumpulkan melalui kaedah temubual semi-struktur dan dianalisis secara kualitatif. Seramai 25 orang para qari dan qariah yang terlibat. Hasil kajian mendapati tujuh faktor yang membawa kejayaan qari seperti pendedahan dari peringkat awal, mempunyai motivasi, bakat, suara dan minat untuk mempelajari tarannum, belajar dari guru yang pakar, mempunyai strategi belajar yang berkesan, mempelajari rentak tarannum daripada qari Mesir dan penguasaan suara serta penjagaan aspek *ikhtilal al-lahn*, *burdah* dan *wuslah*. Oleh itu, kajian mendapati bahawa aspek dalaman qari dan aspek luaran iaitu persekitaran memainkan peranan penting dalam memberi kejayaan kepada qari.

**Kata kunci:** Peradaban, seni lagu, tarannum, faktor, kesenian dan qari.



## Doktrin Kosmologi Islam Abad Pertengahan; Satu Pengenalan Ringkas Tentang Kejadian Alam

Muhammad Alif Fitri bin Abdul Halim

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia*

**Abstrak:** Kosmologi membincangkan tentang alam semesta. Dipelopori oleh para sarjana Yunani, ilmu tentang kosmologi ini telah mengalami proses islamisasi di tangan para sarjana Islam yang hidup pada Abad Pertengahan yang dikenali sebagai Zaman Keemasan Islam. Justeru, dalam kertas pembentangan ini akan dibincangkan secara ringkas dan padat tentang Konsep Kosmologi Islam yang digunakan oleh para sarjana Muslim pada Abad Pertengahan serta peranannya dalam memahami alam semesta. Kaedah kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan merujuk kepada beberapa buah teks klasik yang membincangkan tentang isu ini. Hasilnya, kajian ini akan dapat memberikan satu kefahaman yang asas tentang doktrin kosmologi Islam sehingga kita dapat mengetahui apakah rahsia di sebalik alam semesta yang diciptakan indah ini.

**Kata kunci:** *Kosmologi, Abad Pertengahan, Zaman Keemasan Islam, sarjana Islam, teks klasik*





## **Islah Sebagai Pendekatan Pembangunan Masyarakat: Kajian Terhadap Pemikiran Muhammad Rashid Rida**

**Norahida binti Mohamed<sup>1</sup>, Dr. Mohamad Zaidin bin Mat@Mohamad<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, KUIPSAS, Kuantan, Pahang.*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA, Kuala Terengganu, Terengganu.*

**Abstrak:** Makalah ini mengupas tentang pemikiran islah Muhammad Rashid Rida dalam membangunkan masyarakat Islam. Objektif makalah ini adalah untuk mengenal pasti konsep islah menurut persektif Islam secara umum huraihan konsep tersebut berdasarkan pemikiran beliau yang islamik, realistik dan futuristik. Makalah ini secara umumnya menyentuh mengenai konsep islah menurut perspektif Islam, latar belakang dan pemikiran Muhammad Rashid tentang faktor-faktor kelemahan umat Islam serta bagaimana islah dijadikan sebagai pendekatan dalam menangani permasalahan yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Kajian terhadap pemikiran Muhammad Rashid Rida penting untuk melihat kesesuaian konsep islah yang dikemukakannya sebagai pendekatan dalam membangunkan masyarakat Islam berdasarkan realiti ummah pada hari ini. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan bagi meneliti dan menganalisis data-data daripada sumber primer dan sekunder. Data-data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber akan disaring dan disusun sebelum dianalisis menggunakan metode deduktif. Makalah ini mendapat, konsep islah yang dibawa oleh tokoh kajian ini bagi menangani permasalahan umat Islam adalah relevan dengan situasi ummah pada hari ini. Dapatkan kajian ini juga memberikan panduan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak terutamanya kerajaan, rakyat, dan cendekiawan dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi umat Islam.

**Kata kunci:** Islah; Masyarakat; Pemikiran; Kelemahan; Pembangunan



## **Madinah Al-Munawwarah Model Tamadun Islam**

**Shaik Abdullah Bin Hassan Mydin**

*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia, Minden 11800, Pulau Pinang*

**Abstrak:** Madinah pada asalnya bernama Yathrib tetapi selepas peristiwa hijrah, namanya diubah kepada Madinat Al-Nabi (Kota Nabi) ataupun Al Madinah Al Munawwarah (Kota yang bercahaya) sementara perkataan Madinah bermaksud bandar atau kota. Madinah Al-Munawwarah sebuah bandar sejarah yang diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Di sinilah tertubuhnya sebuah kerajaan Islam yang pertama. Seterusnya berkembang menjadi sebuah tamadun yang mempengaruhi tamadun-tamadun lain di seluruh pelusuk dunia. Asas kerajaan Islam yang ditubuhkan ini bermula daripada terbinanya sebuah masjid yang dinamakan Masjid Nabawi. Peranannya bukan sekadar menjadi sebuah pusat ibadah malah menjadi asas kukuh untuk pembinaan satu Tamadun Islam. Masjid Nabawi yang terletak di bumi Madinah adalah bumi yang paling dikasihi oleh Allah SWT kerana ia merupakan tempat Nabi SAW berhijrah dan penduduknya pula merupakan jiran-jiran serta penolong baginda. Masjid Nabawi merupakan gedung iman dan ilmu dapat bertahan di akhir zaman nanti. Hakikat betapa tinggi nilai kerohanian telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam banyak hadith. Hadith-hadith tersebut jelas membuktikan kedudukan istimewa Masjid Nabawi dari segi penjanaan nilai-nilai kerohanian. Malah Nabi Muhammad SAW sentiasa menjadikan Masjid Nabawi sebagai pusat latihan kerohanian para sahabat r.a. Kesan didikan kerohanian yang diterima oleh para sahabat daripada junjungan besar Nabi Muhammad di Masjid Nabawi masih dikekalkan oleh mereka yang bertanggungjawab memelihara masjid ini. Justeru menerusi penulisan ini diharapkan dapat membantu memahami peranan Madinah Al-Munawwarah sebagai model Tamadun Islam.

**Kata kunci :** Al Madinah Al Munawwarah, Masjid Nabawi, Tamadun Islam



## **Amalan Nilai Murni Di Kalangan Pelajar Universiti: Satu Kajian Di Universiti Sunway**

**Yazilmiwati Yaacob<sup>1</sup>, Mohamed Nadzri Mohamed Sharif<sup>2</sup> & Taufik A.Latif<sup>3</sup>**

*MOHE- Jabatan Pengajian Umum, Universiti Sunway  
Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman  
(UTAR), Kampus Sungai Long*

**Abstrak:** Nilai murni yang diterima dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia merentasi individu, keluarga, masyarakat dan agama. Nilai murni ini merupakan nilai sejahtera yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan juga budaya. Amalan nilai murni ini akan membentuk jati diri masyarakat Malaysia ke arah rasa tanggung jawab terhadap diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling. Kepentingan penerapan nilai-nilai murni akan dapat melahirkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain, hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera serta dapat membentuk masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama yang dianut. Menyedari kepentingan amalan nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia, satu kajian telah diadakan untuk mengetahui sejauh mana tahap amalan nilai murni yang diamalkan oleh pelajar-pelajar di Universiti Sunway. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah memilih seramai 88 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Set soal selidik yang diedarkan dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 17. Hasil analisis menunjukkan majoriti amalan nilai murni di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Sunway berada pada tahap tinggi. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menggalakkan lagi amalan nilai murni di kalangan pelajar universiti yang mana golongan ini merupakan pemangkin kepada pembangunan tamadun.

**Kata kunci:** Nilai Murni; Malaysia; Etnik; Tamadun



## Kepentingan Agama dalam Kehidupan Bandar dan Pertumbuhan Tamadun: Kajian Perkembangan Aktiviti Keagamaan di Kuala Lumpur dan Selangor dari Perspektif Sejarah Lisan

**Mashitah Sulaiman<sup>1</sup>, Mohd Nazir Ahmad<sup>2</sup>, Marina Munira Abd Mutualib<sup>3</sup>,  
Roslizawati Mohd Ramly<sup>4</sup>, Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>5</sup> & Khatijah Othman<sup>6</sup>**

<sup>1, 5</sup> *Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.*

<sup>3, 4, 6</sup> *Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Kehidupan beragama merupakan asas penting dalam pertumbuhan sesebuah tamadun. Pembinaan sesebuah tamadun dan negara juga dikaitkan dengan kehidupan yang menetap di kota dan bandar. Sebagai kawasan yang menjadi tumpuan utama modernisasi dan urbanisasi, Kuala Lumpur dan Shah Alam Selangor muncul sebagai pusat bandar yang pesat membangun, terutamanya berperanan sebagai pusat pentadbiran negara Malaysia, kegiatan ekonomi, perindustrian, pendidikan dan kebudayaan masyarakat. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan agama dalam pertumbuhan bandar dan tamadun. Kajian ini turut mengupas peranan Kuala Lumpur dan Shah Alam sebagai pusat Kebangkitan Semula Islam di Malaysia dari perspektif sejarah dan metodologi sejarah lisan. Analisis kandungan berdasarkan pendekatan tematik daripada temubual secara persampelan bertujuan dan berkriteria (*purposive and criterion sampling*) bersama enam orang pakar dalam pembangunan Islam dan negara, lima pemimpin pertubuhan Islam, serta sumber sekunder digunakan bagi menganalisis aktiviti keislaman di sekitar dua negeri ini. Dapatkan menunjukkan bahawa Kuala Lumpur dan Shah Alam berperanan sebagai Kebangkitan Semula Islam hasil peranan aktif yang dimainkan oleh pelbagai pihak dalam lingkungan awam di kedua-dua negeri berkenaan. Kedinamikan pembangunan Islam di Malaysia yang menjadikan pembangunan Islam sebagai makanisme mencapai kemajuan dan kemakmuran negara dan kehendak kepimpinan politik (*political will*) menjadi nadi penting kepada kepesatan pembangunan Islam di Malaysia. Kepesatan aktiviti keislaman di Kuala Lumpur dan Selangor memberi implikasi yang signifikan terhadap kecenderungan keagamaan masyarakat Islam di kawasan bandar.

**Kata kunci:** Agama, bandar, tamadun, Kebangkitan Semula Islam, Sejarah Lisan.



## Trust at Stake: The Impact of Social Media on Relationship

Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>1</sup>, Nurzali Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Centre for Core Studies,, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*

**Abstract:** Trust, a mandatory element in daily life, personally, privately or socially. Even, trust is considered as one of the fundamental issue in social sciences. Trust also has been regard as pillar of marriage relationship, but is at stake due to the amount of media social usage. This study is an attempt to explore the level of trust among social media users toward strangers. It also aimed at identifying factors that contributes to distrust behavior. Using online survey with purposive sampling technique, a number of respondents were identified. This study concluded that jealousy, snooping, suspicious and imagined unfaithful becomes worst own enemy. These acts have put trust at stake, and endanger relationship.

**Keywords:** Social Media; Distrust; Intimate Relationship; Social Networking Sites



## A Magazine for Muslims in America: The Development of “*Islamic Horizons*”.

Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil

*Centre of Core Studies,, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

**Abstract:** “*Islamic Horizons*” is a magazine that has served its Muslim readers in the United States for several decades. The magazine had very humble beginnings as a campus news bulletin for Muslim university students in America. Today, the magazine maintains both a hard-copy format and a soft-copy format. It still deals with many of the issues affecting Muslims in America. This paper will attempt to trace the development of “*Islamic Horizons*” from its early beginnings to its present form. Some information on the formulation of a Muslim community in America will be included to serve as a historical background to the study.

**Keywords:** Muslims, America, Journalism, News Bulletin



## Preschool Education In Multiracial And Multicultural Country: What To Consider?

Farah Laili Muda @ Ismail<sup>1</sup> & Anita Ismail<sup>2</sup>

*Centre of Core Studies,, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia*

**Abstract:** Living in multiracial and multicultural country such as Malaysia may lead to variety of factors to be considered by parents in choosing preschools for their children. The school values are the elements in education fostered to enhance the advantages of a preschool. The research was conducted among parents who sent their children to public preschools in Malaysia. Preschools in the public sector are run by several ministries and departments: (1) Ministry of Education (MOE), (2) Community Development Department (*KEMAS*) as part of the Ministry of Rural and Regional Development, (3) National Unity Department (*PERPADUAN*) under the Ministry of National Unity and Social Integration and (4) State Islamic Religion Department (SIRD) which operates in each Malaysian state. The findings from this research show the school values are explained by three important elements: the implementation of English language in preschools, the emphasis of Islamic education and the exposure to multicultural integration among students. These elements were confirmed as the quality contributors in preschools. In Malaysian preschools, at least one of these elements becomes the core values of one preschool.

**Keywords:** preschool education, school values, multiracial, multicultural



## Ethnic Tolerance In Multiethnic Society: The Case Of Bukit Bendera Parliamentary, Pulau Pinang

**Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>1</sup>, Ku Hasnita Ku Samsu<sup>2</sup>, Jayum A. Jawan<sup>3</sup> & Sarjit Singh Darshan Singh<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>*Centre for Core Studies,, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

<sup>2</sup>*Department Of Government And Civilization Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, Malaysia*

<sup>3</sup>*Tun Abdul Razak Chair & Visiting Professor of Political Science, Ohio University, Athens, US*

<sup>4</sup>*Department Of Social And Development Sciences, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, Malaysia*

**Abstract:** This article was initiated to identify the level of ethnic tolerance in multiethnic society of Malaysia, with specific reference to the parliamentary of Bukit Bendera, Pulau Pinang. It also aimed at identifying factors that influence ethnic tolerance in the area. In a survey nature of 174 respondents, this study begs on the question of majority-minority tolerance in multiethnic society. It is imperative to study due to the demographic uniqueness of particular area in term of majority-minority compositions of its ethnicity. The findings reveal that the people of Bukit Bendera can be categorized as medium good of ethnic tolerance behaviorally, as attitude and perceptions are more important than the issue of party politics and ethnicity. It is significant where *Wasatiyyah* has become progressively Malaysia national plan in managing plural society. Results and discussions are further discussed.

**Keywords:** rational choice, democratic learning, election, ethnic relations, urbanism, and moderation




## **Kepentingan Pengajian Kitab Turath Kepada Pemantapan Pengajian Syariah Serta Implementasinya di Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia**

**Syed Salim bin Syed Shamsuddin**

*Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Pengajian ilmu-ilmu Islam dan bahasa Arab menggunakan teks-teks turath telah lama diperaktikkan di alam Melayu. Teks-teks tersebut yang terdiri daripada teks Arab dan Jawi digunakan dalam pengajian akidah, fiqh, tasyaaf dan cabang-cabang ilmu alat sama ada secara formal di pondok-pondok dan madrasah-madrasah atau tidak formal di masjid-masjid. Tradisi pengajian ini telah melahirkan para ilmuan Islam dan ulama Melayu yang pakar serta mahir dalam cabang-cabang ilmu Islam. Namun begitu, sistem pengajian moden tempatan terutamanya di universiti dilihat kurang memberi penekanan kepada pengambilan teks turath sebagai teks utama dalam pengajaran dan pembelajaran pengajian Islam. Ini memberi kesan negatif terhadap penguasaan ilmu oleh para mahasiswa universiti lalu melahirkan graduan yang kurang berkemahiran dalam merujuk, memahami dan mengeluarkan hukum-hakam dari kitab-kitab lama untuk disesuaikan dengan situasi semasa. Oleh itu, kertas kerja ini cuba untuk meninjau serta menjelaskan kepentingan pengajian kitab turath ini sebagai satu bentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang penting terutama kepada pengajian Syariah. Selain itu, perbincangan akan dibuat terhadap perlaksanaan pengajian kitab turath di Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia bagi melihat kesan dan kepentingannya dalam memahami ilmu-ilmu Islam. Diharapkan agar kertas kerja ini dapat menjadi asas dalam menilai kepentingan pengajian kitab turath dalam membentuk mahasiswa institusi pengajian tinggi yang mahir dalam cabang-cabang ilmu fiqh Islam melalui perbahasan serta perbincangan yang ditonjolkan oleh para ulama terdahulu dalam teks-teks mereka.

**Kata Kunci:** Pendidikan Islam; Tamadun; Turath Islami; Sejarah; Fiqh; Usul Fiqh.



## **Sheikh Ahmed Deedat Hoosen: Biodata Dan Sumbangannya Dalam Dakwah Perbandingan Agama**

**Aemy Elyani binti Mat Zain<sup>1</sup>, Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin<sup>2</sup>**

*<sup>1,2</sup> Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.*

**Abstrak:** Tokoh-tokoh kontemporari dalam dakwah Islamiyyah terutamanya di dalam disiplin perbandingan agama semakin mendapat perhatian dunia, antaranya ialah Yusuf Estes (Amerika Syarikat), Zakir Naik (India), Ahmed Deedat Hoosen (India), Shah Kirit Kakulal Govidji (Malaysia), Firdaus Wong (Malaysia) dan Kamaruddin Abdullah (Malaysia). Ketokohan mereka dalam dakwah melalui perbandingan agama mempunyai sumbangannya tersendiri. Maka, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan salah seorang tokoh perbandingan agama iaitu Sheikh Ahmed Hoosen Deedat dan sumbangannya dalam dunia dakwah melalui perbandingan agama sewaktu hidupnya. Metode penulisan kertas kerja ini berbentuk kualitatif yang menyingkap biografi tokoh dan sumbangan beliau dalam dakwah perbandingan agama ini. Hasil kajian ini mendapati ketokohan Ahmed Deedat Hoosen dalam ilmu perbandingan agama bersifat komprehensif antara agama terutamanya dalam dakwahnya antara Islam-Kristian. Keilmuan beliau dalam perbandingan agama ini seharusnya dijadikan garis panduan kepada para pendakwah di Malaysia dalam merealisasikan dakwah kepada bukan Islam di Malaysia ini.

**Kata kunci :** Keilmuan, Ahmed Deedat Hoosen, Dakwah, Perbandingan agama



## Pencapaian Tamadun Sepanjang Pemerintahan Muhammad V Al-Ghani Bi Allah Di Granada (1354-1391m)

Faizatul Akma Binti Ahmad Sakri<sup>1</sup>, Ezad Azraai Jamsari<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.

**Abstrak :** Pada zaman pemerintahan kerajaan Nasriyyah, kota Granada mengalami kemajuan dan perkembangan yang begitu pesat. Manakala pemerintahan Muhammad V al-Ghani Bi Allah di Granada adalah merupakan tempoh pemerintahan yang paling lama serta paling masyhur dan agung. Beliau bukan sahaja berjaya mengekalkan kestabilan pemerintahan kerajaan Nasriyyah di Granada, malah berjaya mempertahankan satu-satunya kekuasaan kerajaan Islam di semenanjung Iberia dalam tempoh masa yang lama. Sepanjang pemerintahan, beliau begitu banyak melakukan kemajuan terutamanya dalam ketamadunan Islam di Granada. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pencapaian tamadun dalam pelbagai bidang di sepanjang pemerintahan Muhammad V di Granada. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif berdasarkan kajian sejarah serta analisis kandungan. Manakala hasil kajian ini dapat menjelaskan bahawa Muhammad V merupakan pemerintah yang banyak melakukan pembaharuan serta kemajuan tamadun di dalam pemerintahannya terutama dalam bidang seni bina, kebijakan serta pertahanan.

**Kata Kunci:** Muhammad V, tamadun.



## Sunnah Nabawiyyah Menyantuni Kepelbagaian Etnik

Mohammad Aizuddin Bin Abdul Aziz<sup>1</sup>, Ahmad Fauwaz Fadil<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai Negeri Sembilan*

<sup>2</sup>*Pelajar Sarjana, Universiti Malaya*

**Abstrak:** Kepelbagaian bangsa, ras, dan etnik bukanlah lambing perpecahan umat manusia. Bahkan ianya merupakan suatu kepelbagaian yang seharusnya dilihat sebagai nikmat dan keunikan terindah yang perlu dikecapi. Namun, bagaimanakah ianya boleh disatu dan diharmonikan? Maka, melalui kertas kerja ini, penulis akan mengetengahkan pendekatan-pendakatan yang ditunjuki oleh Sayyiduna Rasulallah s.a.w dalam mendepani dan berinteraksi dengan kepelbagaian bangsa, budaya, hatta agama. Sehingga ianya mampu didekati dan disantuni oleh baginda s.a.w. Selain itu, kertas kerja ini turut mendatangkan beberapa garis panduan dalam berinteraksi dengan kepelbagaian etnik sehingga akhirnya menimbulkan keamanan dan keselesaan kepada semua pihak. Bagi mencapai objektif penulisan ini, penulisan menggunakan method kajian perpustakaan, dengan mengkaji kitab-kitab sirab muktabar dan juga karya-karya para ulama silam dan kontemporari.

**Kata kunci:** Sunnah, Etnik, Kepelbagaian.



## Bimbingan Saudara Baru Melalui Model Pendidikan Berasrama: Satu Tinjauan Literasi

Mohd Nurazan bin Ayub<sup>1</sup>, Abd. Ghafar Don<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Malaysia.*

**Abstrak:** Kajian ini memfokuskan penerapan model pendidikan berasrama kepada saudara baru. Ia merupakan kaedah bimbingan saudara baru yang digunakan oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI). Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep model pendidikan berasrama, mengetahui pelaksanaan model pendidikan berasrama di Asrama Darul Hidayah dan mengenal pasti nilai-nilai Islam yang wujud dalam model pendidikan berasrama. Kajian ini merupakan kajian kualitatif (*qualitative research*). Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan observasi, wawancara dan dokumentasi. Model analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif analisis. Dengan langkah-langkah pengumpulan data, reduksi data, penyajian data dan penarikan kesimpulan. Kajian menunjukkan bahawa bimbingan yang diterapkan melalui model pendidikan berasrama iaitu mempunyai proses pembelajaran, pembiasaan, pengembangan diri, keteladanan, menjalin komunikasi dengan para mubaligh (pengajar), penerimaan nasihat dan perhatian dapat disimpulkan sebagai satu penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti saudara baru dalam bidang ilmu pengetahuan Islam, pengamalannya sekaligus mampu berinteraksi dengan masyarakat Islam yang luas di luar sana.

**Kata kunci:** Bimbingan Saudara Baru, Model Pendidikan Berasrama



## Perkembangan Pendidikan Islam Di Kelantan Semasa Penjajahan British

Mohd Fazmie Deraman<sup>1</sup>, Izziah Suryani Bt Mat Resad @ Arshad<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan beberapa orang sarjana antaranya Abdullah dan Nik Mastura yang menyatakan pendidikan Islam di negeri Kelantan mengalami perkembangan yang membanggakan semasa penjajahan British. Perkembangan ini dapat dilihat pada tahun 1917 apabila Madrasah Muhammadiyah Melayu mula didirikan. Selain itu, Khalijah menyatakan sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan pada dekad 1940-an semakin berkembang dan diminati oleh masyarakat Kelantan. Justeru, Objektif kajian ini ialah untuk menganalisa perkembangan pendidikan Islam di negeri Kelantan semasa penjajahan British. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berteraskan kajian sejarah dan kajian analisis kandungan. Data bagi kajian ini dikumpul menerusi kaedah tekstual. Kaedah ini dipilih untuk membolehkan penulis menerangkan dan membuat interpretasi sendiri terhadap sesuatu maklumat daripada sumber yang dirujuk. Analisa data pula dilakukan dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa pendidikan Islam sebelum penjajahan British membangun dengan pesat apabila banyak institusi pondok ditubuhkan di negeri Kelantan pada masa itu sehingga Kelantan digelar Serambi Makkah. Walaupun wujud pertembungan pendidikan antara pendidikan Islam dengan pendidikan sekular, namun masyarakat Kelantan hampir keseluruhannya lebih cenderung kepada sistem pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Perkembangan, Pendidikan Islam, di Kelantan, Penjajahan, British



## Perpaduan Etnik Di Malaysia Menurut Ideologi Pendidikan Za'ba

Noor Aziera binti Mohamad Rohana<sup>1</sup>, Abdul Qayuum Bin Abdul Razak Mohamad<sup>2</sup>, Shafiei Bin Ayub<sup>3</sup>, Ahmad Faiz Bin Hj Ahmad Ubaidah<sup>4</sup> & Nuruul Hidayah binti Mansor<sup>5</sup>

<sup>1,2,3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka

<sup>4,5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan

**Abstrak:** Realiti kehidupan masyarakat di Tanah Melayu sekitar abad ke-19M ketara dari segi jurang ekonomi antara etnik. Senario ini berlaku disebabkan sistem Pecah dan Perintah yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir kolonial Inggeris. ZA'BA merupakan seorang tokoh anak Melayu yang bukan sahaja menumpukan permasalahan terhadap kemiskinan masyarakat Melayu sahaja. Bahkan, beliau turut melihat punca keadaan ini berlaku disebabkan ekonomi yang diusahakan berdasarkan etnik. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keadaan hidup masyarakat pelbagai etnik di Tanah Melayu sekitar abad ke-19M. Kajian ini juga bertujuan menganalisis ideologi pemikiran pendidikan ZA'BA berdasarkan kegiatan ekonomi berdasarkan etnik. Di samping itu, kajian ini juga menilai perkembangan pendidikan di Malaysia ke arah perpaduan etnik dan pembangunan negara tanpa diskriminasi terhadap mana-mana etnik. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan (literature review) menerusi kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa jurang ekonomi boleh berlaku kesan daripada pengabaian terhadap aspek pendidikan. Pendidikan merupakan tunggak ketamadunan yang menjamin pembangunan negara melalui perpaduan etnik. Pemerhatian ZA'BA terhadap pelaksanaan ekonomi berdasarkan etnik merupakan masalah dan punca utama kepada perpaduan kaum. Ia sekali gus menjadi batu loncatan ke arah masyarakat Melayu khususnya mengubah cara hidup, seterusnya menjadi asas kepada perpaduan etnik dan pembangunan negara Malaysia hingga kini.

**Kata kunci:** Kepelbagai etnik, ekonomi, pendidikan, perpaduan.



## Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik Di Malaysia Berdasarkan Al-Quran

Noor Aziera binti Mohamad Rohana<sup>1</sup>, Rawi bin Nordin<sup>2</sup>, Mohd Faizal bin P.Rameli<sup>3</sup>  
& Siti Nurul Izza binti Hashim<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan tentang asas kewujudan pelbagai etnik di Malaysia berpandukan sejarah negara. Kepelbagaian etnik merupakan satu bukti keagungan Allah SWT yang telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran melalui Surah al-Hujuraat (49:12-13). Justeru itu, bagi mencapai matlamat dan hikmah penciptaan ini, pelbagai usaha perlu dikendalikan dan ditangani secara bijaksana oleh setiap individu tidak kira bangsa mahu pun agama di seluruh dunia, tidak terkecuali di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan potongan ayat daripada al-Quran dalam Surah al-Hujuraat (49:12-13) berkenaan realiti serta tujuan kepelbagaian etnik dicipta. Kajian ini turut bertujuan mengkaji faktor pembentukan kepelbagaian etnik di Malaysia berdasarkan sejarah dan juga realiti semasa. Di samping itu, kajian ini juga menganalisis beberapa aplikasi serta alternatif yang menjurus ke arah memelihara keharmonian etnik di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan (literature review) menerusi kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepelbagaian etnik di Malaysia adalah selari dengan keagungan Allah SWT yang terakam dalam al-Quran melalui Surah al-Hujuraat (49: 12-13). Hakikatnya, kepelbagaian yang terdiri daripada banyak perbezaan boleh menimbulkan kecelaruan dalam sesebuah negara. Namun demikian, pendekatan yang bijaksana seperti pelaksanaan integrasi tanpa mengetepikan mana-mana kaum di Malaysia membolehkan negara ini kekal harmoni dan membangun dengan keunikan yang ada.

**Kata kunci:** Kepelbagaian etnik, Malaysia, al-Hujuraat, integrasi.



## Memperkasakan Prinsip Piagam Madinah Dalam Usaha Memupuk Integrasi Masyarakat Multi-Etnik Di Malaysia: Satu Cadangan

Norafifah Ab Hamid<sup>1</sup>, Dr Dziauddin Sharif<sup>2</sup>, Nasif Sidquee Pauzi<sup>3</sup> & Muhammad Faidz Mohd Fadzil<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka Kampus Jasin

<sup>2,3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka Kampus Bandaraya

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban

**Abstrak:** Malaysia merupakan sebuah Negara multi-etnik yang kaya dengan adat budaya dan nilai-nilai murni. Dalam konteks pembangunan Malaysia keharmonian hubungan etnik merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan bagi mencapai kemajuan Negara. Pada hakikatnya sejarah Islam juga telah membuktikan bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang amat menekankan keamanan sosial dan meraikan kepelbagaian masyarakat yang wujud. Ini dapat disaksikan melalui pembentukan Piagam Madinah. Pembentukan Piagam Madinah yang berperanan sebagai usaha ke arah penyatuan ummah dan kestabilan politik seharusnya dicontohi dan diaplikasi oleh negara yang terdiri dari pelbagai latar belakang masyarakat yang berbeza agama dan budaya seperti Malaysia. Metode historis atau pensejarahan dan metode analisis yang bersifat kualitatif (kajian tekstual) digunakan dalam kajian bagi memperolehi fakta dan maklumat yang tepat berkaitan Piagam Madinah. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk mencadangkan agar Piagam Madinah diperkasakan sebagai model dalam usaha memupuk integrasi dikalangan masyarakat multi etnik di Malaysia.

**Kata kunci:** Piagam Madinah, Hubungan Etnik dan integrasi.



## Sufisme, Personaliti dan Perwatakan Dari Perspektif Islam: Kajian Terhadap Majlis Ilmu Anjuran Ulama Arab Hadrami Di Malaysia

Nurulwahidah Fauzi<sup>1</sup>, Farah Laili Muda<sup>2</sup>, Latifah Latiff<sup>3</sup>, Siti Norbaya Yaacob<sup>4</sup>, Norullisza Khosim<sup>5</sup>, Anita Ismail<sup>6</sup>

<sup>1,5</sup>*Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan*

<sup>2,3,4,6</sup>*Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan*

**Abstrak:** Ahli teori Barat seperti James Skinner mendefinisikan peranan sosial berdasarkan jumlah besar keperibadian, manakala Al-Ghazali pula membahagikan kebijaksanaan kepada empat komponen, dan antaranya adalah elemen intelek. Menurut pandangan beliau, intelek berkualiti mampu membantu perkembangan batin dan membenarkan manusia memerintah ataupun mengurangkan nafsu keseronokan segera. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan dan pengalaman para pelajar dan penuntut ilmu di dalam majlis ilmu yang dianjurkan oleh komuniti ulama Arab Hadrami dalam dakwah yang dijalankan di Malaysia masa kini menggunakan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model) oleh Davis (1989) sebagai latar belakang teori, di dalam melihat kolerasi di antara dakwah ilmu yang disampaikan dan perkaitannya di antara perubahan positif yang berlaku terhadap para penuntutnya. Pemboleh ubah tambahan iaitu faktor personaliti ulama dan program yang dijalankan dengan rangkaian antara peribadi dan sosial telah ditambahkan pada model asal. Satu reka bentuk kajian menggunakan borang soal selidik telah dijalankan ke atas 241 pelajar dan penuntut di dalam Majlis Ilmu anjuran Ulama Arab Hadrami telah dijalankan, yang berumur antara 17 hingga 60 tahun. Hasil kajian mendapat bahawa penerimaan masyarakat awam terhadap keperibadian para ulama Arab Hadrami dipengaruhi oleh beberapa faktor, iaitu watak dan sahsiah yang baik, ilmu agama yang tinggi, kaedah penyampaian ilmu, kemahiran berkomunikasi yang baik, sumbangan kepada ekonomi dan keturunan Ahli Bait. Kajian ini juga mendapat bahawa terdapat respon yang baik kepada para ulama yang terbabit dan terdapat refleksi yang signifikan oleh para penuntut ilmu di dalam membantu penyucian jiwa mereka melalui program yang dijalankan seperti majlis ilmu, Qasidah, majlis zikir, sepanjang menghadiri majlis ilmu yang dianjurkan oleh golongan Ulama Arab Hadrami masa kini di Malaysia, selain daripada pegangan mazhab yang dibawa oleh mereka iaitu Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah.

**Kata kunci:** Sufisme, Personaliti, Perwatakan, Arab Hadrami, Malaysia



## Aplikasi Pendekatan Problem Based Learning Oleh Imam Abu Hanifah Dalam Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran

**Ahmad Norsyafwan Bin Norawawi<sup>1</sup>, Nurul Wahidah Binti Fauzi<sup>2</sup>, Siti Norbaya Binti Mat Yacob<sup>3</sup> & Mohd Aizuddin Bin Ab Aziz<sup>4</sup>**

<sup>1, 3, 4</sup> *Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan*

<sup>2</sup> *Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan*

**Abstrak:** Idea mengenai pendekatan pendidikan moden hari ini sentiasa berkembang dengan pengenalan beberapa bentuk teori pendidikan baru yang, bertujuan untuk menjadikan pendidikan hari ini lebih berkesan. Antara teori pendidikan baru yang digunakan adalah pembelajaran berasaskan masalah atau lebih dikenali dengan kaedah “*Problem Based Learning*” yang mana menjadikan peranan pendidikan tidak hanya datang dari guru, tetapi pelajar juga berperanan dalam proses mendapatkan ilmu serta ianya berasaskan kepada penyelesaian masalah. Namun pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah yang diperkenalkan ini bukanlah suatu pendekatan yang baru kerana ianya telah pun digunakan oleh Imam Abu Hanifah dalam pengajaran beliau. Justeru kertas kerja ini akan (i) meneliti latar belakang Imam Abu Hanifah bagi penilaian terhadap kepakaran beliau di dalam bidang ilmu yang dibincangkan, ii) mengkaji kaedah-kaedah yang diaplikasikan di dalam problem based learning di dalam model pendidikan moden di masa kini, (iii) menganalisis bentuk pendekatan pembelajaran berasaskan masalah oleh Imam Abu Hanifah dalam pendidikan beliau. Hasil kajian ini mendapati bahawa kaedah *problem based learning* yang digunakan pada masa kini telah pun diaplikasikan pada zaman Imam Abu Hanifah seawall abad ke 2H lagi.

**Kata kunci:** *Problem Based Learning, Imam Abu Hanifah, Pendidikan, Pengajaran.*



## Peranan Institusi Raja Dalam Hubungan Etnik di Malaysia

**'Ammar bin Anasat, Asyrizat bin Pattah Akhir, Abdul Rahim bin Abd Jalil, Abdul Rahman bin Mahedin, Mohd Raimiakmal bin Reslan, Mohammad Haziq bin Abd Aziz, Ahmad Nazmi bin Che Kamazuki, Muhammad Fauzul Azim bin Abdillah, Muhammad Hairul Khoiri bin Abdul Fattah, Muhammad Amin Annursi bin Mohd Jaafar**

*Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan*

**Abstrak:** Makalah ini memfokuskan peranan institusi Raja Melayu dalam menjaga dan mengukuhkan hubungan etnik di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk membahaskan peranan Raja-raja Melayu dalam menyatupadukan variasi etnik di negara ini, selain memberi solusi dan penjelasan tentang pertikaian fungsi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen yang menepati objektif kajian. Satu set soal selidik dalam talian telah dibina untuk mengkaji persepsi masyarakat kini terhadap peranan yang dimainkan oleh institusi tradisi ini dan dapatan kajian ini dikuatkan lagi dengan temuramah bersama orang yang pakar dalam hal ini. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa meskipun institusi raja kurang menyerlah memainkan peranan dalam menjaga hubungan etnik, namun peranannya sebagai simbol perpaduan antara kaum dan mekanisma semak dan imbang tidak dapat ditolak secara total. Beberapa isu semasa berkaitan institusi raja juga telah diketengahkan untuk melihat apakah pula kemungkinan dan saranan yang boleh dibuat bagi membolehkan institusi ini kekal relevan. Dapatan daripada soal selidik juga menunjukkan bahawa responden yang majoritinya generasi Y cedar bahawa institusi raja amat berperanan dalam menjaga keamanan dan kestabilan negara dan bukannya sekadar memenuhi nilai sejarah dan sentimental bangsa.

**Kata Kunci :** Institusi Raja Melayu, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 153, etnik.



## **Perihal Ilmu Gastronomi Dan Penggunaan Sumber Alam (Dedaun) Dalam Memahami Pemikiran Falsafah, Nilai Estetika Dan Identiti Tamadun Melayu Serta Cabaran Dalam Perkembangan Moden**

**Siti Nor Baya Mat Yaacob<sup>1</sup>, Nurulwahidah Fauzi<sup>2</sup>, Ahmad Norsyafwan Bin Norawavi<sup>3</sup> & Mohammad Aizuddin Bin Abdul Aziz<sup>4</sup>**

<sup>1, 3, 4</sup> *Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai Negeri Sembilan*

<sup>2</sup> *Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan*

**Abstrak:** Kajian konseptual ini secara ringkas bertujuan untuk menganalisis dan memahami tentang ilmu gastronomi dalam perspektif tamadun Melayu. Selain itu kajian juga akan melihat hubung kait penggunaan sumber alam (dedaun) dalam penyediaan dan pengambilan makanan serta mengkaji falsafah dan nilai estetika disebalik penggunaan bahan tersebut bagi memahami identiti tamadun Melayu secara tersurat dan tersirat. Gastronomi secara istilahnya diterjemahkan sebagai *the art and science of choosing, cooking or eating food* atau seni memilih, memasak atau menyediakan makanan yang baik. Gastronomi ironinya sangat penting bukan kerana keutamaan kepada subjek makan dan pemakanan sahaja tetapi merupakan sumber yang menjadi ukuran kepada peralihan sosio budaya masyarakat manusia dalam aspek ketamadunan. Tambahan pula frasa “kita adalah apa yang kita makan” tidak dilihat dalam perkembangan fizikal sahaja tetapi juga ia adalah identifikasi aspek ketamadun secara spiritual. Gastronomi daripada perspektif sejarah memperlihatkan penyediaan makanan dan pemakanan bermula daripada langkah yang sangat *simple* dan sederhana, kepada kaedah atau tatacara yang lebih *exclusif* sehingga kepada fenomena pengeluaran secara besar-besaran sejajar dengan perkembangan ekonomi kapitalis dan perindustrian dalam masyarakat moden dan post moden hari ini. Peralihan zaman turut mempengaruhi perkembangan ilmu gastronomi masyarakat Melayu, oleh itu kajian juga akan melihat cabaran yang mempengaruhi perkembangan aspek makanan dan pemakanan dalam kehidupan masyarakat Melayu moden hari ini.

**Kata kunci:** *Ilmu Gastronomi, Sumber Alam (dedaun), Identiti Tamadun Melayu, Cabaran Moden*



## Konsep dan Pelaksanaan Kebebasan Beragama Di Malaysia: Perspektif Pemimpin Agama Islam dan Kristian

Roslizawati Mohd Ramly,<sup>1</sup> Mashitah Sulaiman<sup>2</sup>, Marina Munira Abd Mutualib<sup>3</sup>, Khatijah Othman<sup>4</sup>

<sup>1,3,4</sup>*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia.*

**Abstrak:** Kebebasan beragama merupakan hak yang dijamin oleh perlembagaan Malaysia. Secara umumnya, konsep kebebasan beragama seperti yang telah digariskan dalam perlembagaan mewujudkan keharmonian hubungan antara Muslim dan bukan Muslim di Malaysia. Para pemimpin agama juga memainkan peranan penting dalam usaha menjaga keharmonian bergama di negara ini. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini terdapat pelbagai rungutan daripada sebilangan masyarakat bukan Islam khasnya dan sebilangan kecil orang Islam terhadap pelaksanaan konsep kebebasan beragama di Malaysia. Mereka mendakwa bahawa pelaksanaan kebebasan beragama di Malaysia bercanggah dengan peruntukan yang telah diberikan oleh perlembagaan. Kertas kerja ini mengupas perspektif para pemimpin agama Islam dan Kristian berhubung konsep dan amalan kebebasan bergama di Malaysia berdasarkan temubual secara bersempua. Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan kefahaman mengenai konsep kebebasan beragama di antara pemimpin agama Islam dan Kristian yang turut mempengaruhi perspektif mereka terhadap pelaksanaan kebebasan beragama di Malaysia.

**Kata kunci:** Konsep Kebebasan Beragama, pelaksanaan kebebebasan beragama, Pemimpin Agama, Islam, Kristian



## Syarat-Syarat Maslahah Al-Mursalah Teras Penseimbangan Ketamadunan Masyarakat Malaysia

**Mohd Huefiros Efizi bin Husain<sup>1</sup>, Mohd Nasir bin Abd Majid<sup>2</sup> & Muneer Ali Abdul Rab<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>*Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.*

<sup>2</sup>*Ketua Program Fiqh dan Fatwa Sarjana Muda, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>3</sup>*Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia*

**Abstrak:** Maslahah al-Mursalah merupakan sumber hukum yang disepakati oleh jumhur fuqaha' ke atas permasalahan yang baharu muncul dan tiada nas yang teguh menjelaskan penetapannya. Bertitik tolak dari kepentingan membawa kemanfaatan dan menolak segala kemudharatan, ia dilihat mampu menjawab segala permasalahan demi menjamin kesejahteraan ummat di dunia dan akhirat mengikut acuan pensyariatan Islam. Evolusi kepada pelbagai bidang seperti keilmuan, ekonomi, perubatan mahupun teknologi media menuntut anjakan paradigma dalam penilaian semula mengikut kehendak agama. Kemodenan sedia ada menampakkan kehendak segala intipati kehidupan direalisasikan sebagai kemaslahatan lantas membuktikan pembinaan sesebuah ketamadunan. Maslahah al-Mursalah hadir meraikan keperluan dalam menepis segala tohmahan negatif terhadap Islam seperti Islam agama yang jumud, Islam hanya dianuti oleh bangsa tertentu dan terkebelakang dari mengikuti arus perdana walhal Islam is way of life dan Islam is first class. Namun padanya ada syarat-syarat tertentu dalam mengkategorikan Maslahah al-Mursalah agar tidak melampaui prinsip yang telah digariskan. Justeru, objektif kajian ini akan mengenalpasti syarat-syarat Maslahah al-Mursalah sebagai sumber hukum selepas nas-nas utama. Kepentingan kajian ini membincangkan sejauhmana syarat-syarat tersebut mampu disandarkan kepada pembinaan masyarakat Malaysia yang bertamadun dalam konteks keseimbangan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan melibatkan kaedah kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa syarat-syarat Maslahah al-Mursalah relevan untuk diaplikasikan di dalam penilaian dan pengamalan di Malaysia dari segenap aspek kecuali yang telah jelas hukum dan dalilnya daripada al-Quran, as-Sunnah dan al-Ijma'.

**Kata kunci:** Syarat-syarat Maslahah al-Mursalah, Penseimbangan, Ketamadunan, Masyarakat Malaysia



# **JAWATANKUASA PELAKSANA**

## **Penaung**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad  
Naib Canselor

## **Penasihat**

Y. Bhg. Prof. Dr. Zulkifli Abd Ghani  
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)

## **Pengerusi**

Dr. Adibah Sulaiman @ Mohamad

## **Pengarah**

Mohd Azmir Mohd Nizah

## **Timbalan Pengarah**

Encik Mohd Aizuddin Abd Aziz

## **Setiausaha**

Dr. Farah Laili Muda @ Ismail

## **Bendahari**

Puan Rabiah Abdul Rahman

## **Jawatankuasa Perhubungan, Publisiti Dan Multimedia**

Puan Wan Ainor Rahmah Abdul Aziz  
Puan Anita Ismail

## **Jawatankuasa Penajaan**

Puan Mashitah Sulaiman

## **Jawatankuasa Kertas Kerja dan Penerbitan**

Dr Latifah Abd Latif  
Encik Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil

## **Jawatankuasa Logistik Dan Pengangkutan**

Encik Ali Zahran Thurmoodi



**Jawatankuasa Jamuan & Cenderamata**

Cik Susilawati Abdullah

Puan Azura Abu Kassaim

**Jawatankuasa Pentadbiran dan Pendaftaran**

Puan Latifah Abdul Latiff

**Jawatankuasa Teknikal, Protokol dan Sambutan**

Encik Ahmad Norsyafwan Norwawawi

Puan Siti Norbaya Mat Yacob